

ISU-ISU
Kontemporari
DALAM PENGAJIAN
Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat

“Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat” dalam sejarah perkembangannya terus mengalami proses revolusi dan penambahbaikan dari masa ke semasa sehinggalah ke hari ini. Ia bermula dengan penubuhan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat sebagai salah satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada tahun 1966. Niat murni tersebut diinspirasikan oleh Perdana Menteri Malaysia pertama, Tuanku Abdul Rahman Putera al-Haj. Rentetan daripada peristiwa agung itu, bidang pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat mula bertapak di Malaysia. Tarikh keramat 1 Mac 1966 menjadi saksi bermulanya pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di Dewan Syarahan Masjid Negara. Langkah pertama tersebut dijayakan oleh sejumlah 8 orang pelajar perintis yang dipilih dan dihantar oleh beberapa buah negeri di Malaysia.

Buku “Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat” ini menyajikan pengetahuan dan maklumat yang sahih kepada semua pembaca. Hal yang demikian khususnya tentang isu-isu semasa dalam pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat bertepatan dengan aliran Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Selain itu, buku ini turut membawa pembaca untuk sama-sama menekuni dan mengambil dapatan berguna daripada setiap sudut permasalahan ilmiah yang dibincangkan.

Semoga penerbitan buku ini dapat berfungsi sebagai wadah ilmu dan maklumat yang berguna. Di samping itu, dapat membentuk ketinggian peribadi dalam diri sarjana muslim. Selain itu, memupuk masyarakat agar cakna dengan isu-isu semasa Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat khususnya di Malaysia dan amnya di peringkat antarabangsa.

eISBN 978-967-2122-97-5



9 789672 122975



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

FACULTY OF ISLAMIC AND CIVILIZATION STUDIES
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM
PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT



2020

ISU-ISU
Kontemporari
DALAM PENGAJIAN
Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat

PENYUNTING:

AHMAD SYAHIR BIN AHAMAD NZLY
MOHD IKRAM BIN MOHD NAWI
SHARIFAH NOORHIDAYAH BINTI SYED AZIZ
NOR HASANAH BINTI MOHD YUSOFF

**ISU-ISU KONTEMPORARI
DALAM PENGAJIAN TAHFIZ
AL-QURAN & AL-QIRAAT**

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT

PENYUNTING

**AHMAD SYAHIR AHAMAD NZLY
MOHD IKRAM MOHD NAWI
SHARIFAH NOORHIDAYAH SYED AZIZ
NOR HASANAH MOHD YUSOFF**

PENERBIT FPPI

**Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
2020**

HAK CIPTA

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2020

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS, 2020

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>
03-8911700 ext: 7167

Dicetak di Malaysia/*Printed in Malaysia by*

Corner Resources
No. 20, Jalan Hentian 3, Pusat Hentian Kajang,
Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Cataloguing-in-Publication Data

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT

Ahmad Syahir Ahamad Nzly, Mohd Ikram Mohd Nawawi, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz,
Nor Hasanah Mohd Yusoff

1. Tahfiz. 2. Al-Quran. 3. Al-Qiraat 4. Pengajian Islam. I. Judul.

eISBN 978-967-2122-97-5

KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah, syukur pada Allah SWT atas penerbitan buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat* bersempena dengan penganjuran Seminar Antarabangsa Pengajian Peradaban Islam (International Conference on Islamic Civilisational Studies / IConICS 2020) oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun 2020.

Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku ini, samada sebagai penerbit, penyunting, editor dan penyumbang artikel. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukulkan sepatah dua kata dalam buku ini bagi mewakili pihak Pengurusan Jabatan dan Fakulti.

Sebagaimana anda sedia maklum, Islam merupakan agama yang bertujuan untuk mengatur kehidupan manusia (*way of life*) dalam setiap dimensi kehidupan dan peredaran zaman. Islam menjadi instrumen yang sangat penting dalam pembangunan ummah dan pendidikan khususnya era revolusi industri pada hari ini. Islam yang bersifat dengan kesempurnaan dan kesejagatan sangat relevan dalam menghadapi arus pemodenan dan kepesatan teknologi dalam pelbagai dimensi kegiatan manusia termasuk dalam aspek pendidikan.

Terdapat pelbagai isu-isu kontemporari dalam dunia Pendidikan dan Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat pada hari ini. Antaranya yang berkaitan dengan keberkesanan dalam aspek penguasaan dan penghayatan ilmu al-Quran. Di samping itu, kaedah dan pendekatan semasa dalam penyampaian dan penerapan ilmu berkaitan tahfiz, qiraat, ulum al-Quran dan pengajian Islam dalam kalangan pelajar yang disinergikan dengan pengaruh teknologi sangat memberi kesan kepada mereka. Selain itu, isu-isu seperti pemisahan antara ilmu aqli dan naqli, proses pengajaran yang berkonsep *knowledge transfer* tanpa elemen pendidikan (*tarbiyah*) dan lain-lain juga perlu diberikan perhatian serius.

Sehubungan itu, pemahaman dan penghayatan sebenar nilai-nilai Islam khususnya di dalam bidang Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat perlu diperhalusi. Hal yang demikian adalah khususnya dalam aspek Pendidikan. Ia adalah diyakini mampu untuk menangani isu-isu kontemporari yang timbul dalam menterjemahkan maksud sebenar pendidikan dalam bidang Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat. Antara solusi yang terpenting ialah pengintegrasian pelbagai disiplin ilmu semasa dengan ilmu-ilmu turath yang berteraskan kepada kefahaman yang jelas terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Kepelbagaian teknologi baharu yang mencorakkan lanskap kehidupan moden perlu dikuasai di samping asas-asas penting aqidah, fiqah, akhlak dan sebagainya. Saidina Ali RA berpesan:

“Didiklah (persiapkanlah) anak-anakmu atas hal yang berbeda dengan keadaanmu (sekarang) karena mereka adalah manusia yang hidup untuk satu zaman yang bukan zamanmu (sekarang)”

Sekian, Salam hormat.

MUHAMMAD IZZAT BIN NGAH

Ketua Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas insan paling sempurna, Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabat RA yang telah dipayungi lembayung keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Budaya menimba ilmu, berfikir, menyelidik, dan menyebarkannya merupakan tanggungjawab seorang akademia yang harus dipraktikkan dalam memperkasakan dunia pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat seiring revolusi industri 4.0 yang kini rancak berlangsung dalam dunia global *Internet of Things* (IOT) atau internet kebendaan dalam hampir semua aspek kehidupan seharian melibatkan penggunaan teknologi digital dengan manusia dan sistem fizikal yang lain.

Bidang pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat diyakini akan terus relevan dalam mendepani isu-isu kontemporari. Penyelidikan yang berterusan merupakan platform terbaik oleh para akademia dalam mencari solusi tentang permasalahan isu-isu semasa dan menyebar luas serta berkongsi dapatan kajian yang memberi manfaat kepada semua pihak. Pendek kata, umat Islam harus berpatisipasi dalam mendepani cabaran RI 4.0 agar dapat melestarikan pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dalam dunia global.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah kami rakamkan kepada para penyumbang artikel atas usaha murni dalam menerbitkan buku *ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT* terbitan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun ini. Naskah ilmiah ini merupakan koleksi percambahan idea autentik para akademia dalam usaha menambah publikasi korpus pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.

Semoga penerbitan buku ini akan memberi impak yang sangat besar dalam memberi nilai tambah kepada khazanah penyelidikan negara berteraskan pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Buku ini juga diharap mampu memberi pendedahan kepada para pembaca untuk memaknai penyelidikan yang telah dilaksanakan sesuai dengan teori dan kemahiran yang dipelajari serta inovasi yang dihasilkan.

Sekian, selamat membaca.

AHMAD SYAHIR AHAMAD NZLY
MOHD IKRAM MOHD NAWI
SHARIFAH NOORHIDAYAH SYED AZIZ
NOR HASANAH MOHD YUSOFF
Penyunting

KANDUNGAN

	Halaman
KATA ALU-ALUAN	vi
PRAKATA	v
KANDUNGAN	vi
PENDAHULUAN	x
BAB 1 <i>BENTUK PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM MEMBENTUK KEPERIBADIAN CEMERLANG PELAJAR TAHFIZ</i>	16-24
Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar @ Johari Mastor, Muhammad Fairuz A. Adi	
BAB 2 <i>TEORI DAN PERSIAPAN PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN ORANG KURANG UPAYA MASALAH PENGLIHATAN (OKUMP)</i>	25-35
Nur Atiqah Abdul Aziz, Noornajihan Ja'afar, Muhammad Hafiz Salleh	
BAB 3 <i>PERKEMBANGAN DAN CABARAN INSTITUSI PENDIDIKAN TAHFIZ DI MALAYSIA : SATU PEMERHATIAN</i>	36-41
Muhammad Zaid Shamshul Kamar, Mohd Isa Hamzah, Mohamad Redha Mohamad	
BAB 4 <i>PENGGUNAAN ICT DALAM PENGAJARAN TAHFIZ</i>	42-46
Mardhiah Yahaya, Rohana Zakaria, Mohd Shaiful, Muhammad Zaid Shamshul Kamar	
BAB 5 <i>PELAKSANAAN KELAS HIFZ AL-QURAN FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL: SATU PENGALAMAN</i>	47-52
Muhammad Hafizan Abd Hamid, Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan	

BAB 6	<i>INOVASI DIGITAL DALAM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN PROGRAM TAHFIZ DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL MELALUI METODE BLENDED LEARNING</i> Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid,	53-63
BAB 7	<i>PEMBENTUKAN DISIPLIN PELAJAR MELALUI PROSES PEMBACAAN DAN HAFAZAN AL-QURAN: SATU PEMERHATIAN</i> Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid, Siti Salma Mohamad Shokri	64-74
BAB 8	<i>SISTEM PEMBELAJARAN TAHFIZ PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL</i> Muhammad Hafizan Abd Hamid, Abdul Aziz Mat Isa, Hamdi Ishak	75-85
BAB 9	<i>PENDEKATAN METODE TADABBUR AL-QURAN SALAF SOLEH</i> Rohana Zakaria, Mohd Farid Ravi Abdullah, Khairul Anuar Mohamad	86-92
BAB 10	<i>VARIASI PEMAKNAAN USLUB AL-TANBIH DALAM SURAH ALI-‘IMRAN</i> Muhammad Ammar Farhan Ramlan, ‘Uqbah Amer, Abi Syafiq Al-Hakiem Ab Jabar	93-110
BAB 11	<i>HIDAYAT AL-MURTAB PERTOLONGAN AL-SAKHAWI UNTUK PENCINTA AL-KITAB (AL-QURAN)</i> Mahmud Lutfi Abd. Hadi, Ahmad Shahir Masdan, Fatin Nazmin Mansor	111-119
BAB 12	<i>SUMBANGAN USTAZ HAJI AHMAD MUSTAFFA BIN MOHD SIDIN DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DI SELANGOR</i> Muhammad Izzat Ngah, Mahmud Lutfi Abd. Hadi, Auni Zafirah Ismail	120-126
BAB 13	<i>ILMUAN QIRAAT: KEKELIRUAN ANTARA DUA ABU ‘AMRU</i> Mohd Ikram Mohd Naw, Abi Syafiq al-Hakiem Ab Jabar, ‘Uqbah Amer	127-135
BAB 14	<i>ANALISIS BAB AL-WAQF ‘ALA AWAKHIR AL-KALIM DI DALAM KITAB HIRZ AL-AMANI WA</i>	136-141

	<i>WAJH AL-TAHANI MELALUI RIWAYAT HAFS ‘AN ‘ASIMAL-KUFI DALAM SURAH AL-JUMU’AH</i>	
	Abi Syafiq al-Hakiem Ab Jabar, Mohd Ikram Mohd Naww, Muhammad Ammar Farhan Ramlan	
BAB 15	<i>PEMBINAAN ISTINBAT HUKUM DALAM MAZHAB AL-SYAFI’IY: ANALISIS QIRAAT QURANIYYAH</i>	142-154
	Mohd Mahfuz Jaafar, Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi, Ahmad Syahir Ahamad Nzly	
BAB 16	<i>HUKUMAN MENCURI MENURUT PERSPEKTIF MAZHAB-MAZHAB YANG MASHYUR</i>	155-158
	Nor Hasanah Mohd Yusoff, Nurul Fathiyah Azman, Muhammad Fairuz A. Adi	
BAB 17	<i>METODE MA FIHI QIRA’ATAN DAN KEBERADAANNYA DALAM AL-MASAHIF AL-UTHMANIYYAH</i>	159-184
	Muhammad Fairuz A. Adi, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Nor Hasanah Mohd Yusoff	
BAB 18	<i>METODOLOGI PROF. DR. WAHBAH AL-ZUHAILI TERHADAP QIRAAT DALAM KITAB AL-TAFSIR AL-MUNIR : ANALISIS SURAH AL-KAHFI</i>	185-194
	Ahmad Syahir Ahamad Nzly, Muhammad Aizat Syimir Rozani, Mohd Mahfuz Jaafar	
BAB 19	<i>METODOLOGI PENULISAN KITAB AL-USUL AL-NAYYIRAT FI AL-QIRA’AT : SATU KAJIAN</i>	195-204
	Ahmad Shahir Masdan, Mahmud Lutfi Abd. Hadi, Fatin Nazmin Mansor	
BAB 20	<i>PEMBELAJARAN QIRAAT SECARA DALAM TALIAN: SATU SOROTAN</i>	205-210
	Fatin Nazmin Mansor, Mahmud Lutfi Abd. Hadi, Ahmad Shahir Masdan	
BAB 21	<i>KEFAHAMAN USUL QIRAAT ‘ASYARA AL-SUGHRA DALAM KALANGAN PELAJAR SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM TAHFIZ)</i>	211-217
	Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Ammar Farhan Ramlan	

BAB 22	<i>KAJIAN PERBANDINGAN PENGURUSAN KORBAN DI EZ QURBAN SDN BHD DAN AQIQAH NASIONAL ENTERPRISE</i> ‘Uqbah Amer, Muhammad Ammar Farhan Ramlan, Mohd Ikram Mohd Nawi	218-230
BAB 23	<i>METODOLOGI PERLETAKKAN TITIK DAN BARIS DALAM MASHAF AL-QURAN</i> Wan Hakimin Wan Mohd Nor	231-238
BAB 24	<i>SIMPTOM STRES YANG DIALAMI KETIKA SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN ERA COVID 19: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA PELAJAR USIM DAN KUIS</i> Zainora Daud, Norazman Alias, Anuar Hasin, Noorhasnira Ibrahim	239-248

PENDAHULUAN

Standard Program Pengajian Islam (SPPI) di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah menggariskan bahawa objektif pembelajaran program (OPP) pengajian Islam termasuklah Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat adalah memastikan pelajar memahami dan menguasai disiplin ilmu agama (*tafaqquh fi al-din*) yang dipelajari. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 122:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾

Maksudnya:

Dan tidaklah orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, para akademia Islam telah menetapkan bahawa Hasil Pembelajaran Program (HPP) bagi program pengajian Islam khususnya Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat adalah untuk memberi peringatan dan bimbingan agama kepada orang lain berdasarkan ilmu yang diperolehi. Dalam pada itu, ledakan revolusi kontemporari telah memberi cabaran baharu dalam Pengajian Islam.

Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) yang melibatkan teknologi digital telah memberikan impak yang besar dalam semua sektor di seluruh dunia, termasuklah bidang pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Jika umat Islam terus terkongkong dalam persekitaran yang sama, mereka akan ketinggalan dalam pelbagai bidang. Umat Islam perlu melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing. Revolusi ini telah menemukan pelbagai teknologi baharu, seperti *Internet of Things* (IoT), analisis, *big data*, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan *cloud* yang bakal merancakkan kemajuan landskap dunia moden. Masih tidak terlambat untuk umat Islam berpartisipasi dalam pembangunan Revolusi Industri.

Para akademia perlu memainkan peranan mereka melalui penulisan dan penyelidikan, demi memastikan bahawa pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat terus relevan dalam mendepani isu-isu kontemporari dalam arus RI 4.0. Ilmuwan Islam masa kini perlu bangkit untuk mengembalikan kegemilangan Islam seperti yang telah dicapai oleh ilmuwan Islam terdahulu seperti, Muḥammad ibn Mūsā al-Khwārizmī (780-850 M.), Abū ‘Alī al-Ḥusayn ibn ‘Abd Allāh ibn al-Ḥasan ibn ‘Alī ibn Sīnā (980-1037 M.), dan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn ‘Abd Allāh al-Lawātī al-Ṭanjī ibn Battūṭah, (1304-1369 M.) yang telah mencetus revolusi dalam bidang ilmu matematik, perubatan, dan pelayaran ketika dunia Eropah masih berada dalam era kegelapan. Pencapaian Sains dan Teknologi sehingga lahirnya RI 4.0 hari ini sebenarnya banyak yang diasaskan oleh para cendekiawan Islam silam dan diambil oleh negara-negara barat untuk dimajukan.

Buku *ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT* merupakan himpunan kertas kerja ilmiah dalam 7th Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS) 2020 anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang diadakan buat julung kalinya secara dalam talian pada tarikh 12 November 2020. Penganjuran ICONICS 2020 merupakan kesinambungan daripada siri seminar IRSYAD anjuran FPPI sejak 2015 hingga 2019 yang dijenamakan semula. Seminar ini berobjektif

memperkukuhkan bidang pengajian Islam agar mampu mendepani cabaran RI 4.0. Seminar ini juga menjadi platform kepada para akademia dari dalam dan luar negara untuk berkongsi maklumat dan pandangan sebagai usaha memperkasakan pengetahuan umat Islam sehingga mampu untuk menerajui kemajuan pada masa hadapan selain memperkukuh perpaduan umat dari pelbagai negara.

Istilah Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dalam buku ini merangkumi semua bidang yang berkaitan dengan kajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Ia melibatkan kajian holistik yang terkandung dalam pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Dalam konteks ini, pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dilihat sebagai disiplin yang melibatkan pelbagai dimensi, iaitu manifestasi kajian Tahfiz, al-Quran, al-Qiraat dan Pengajian Islam. Melihat kepada fungsi al-Quran yang merupakan asas sumber wahyu, ia juga diklasifikasikan dalam piawaian disiplin pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Para akademia dan penyelidik perlu menyedari bahawa bidang pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat sedang menghadapi cabaran yang kompleks untuk terus kekal relevan dalam era RI 4.0 ini.

Umat Islam kontemporari sedang berhadapan dengan cabaran dalam pelbagai aspek kehidupan seperti serangan ideologi, perpecahan disebabkan oleh faktor dalaman seperti politik dan kepemimpinan, kelemahan dari aspek inovasi dan penyelidikan, kemunduran ekonomi dan sebagainya. Ironinya, sejarah menjelaskan bahawa umat Islam adalah umat terbilang dan telah menguasai ilmu, teknologi dan dunia pada abad pertengahan. Dalam usaha umat Islam untuk keluar daripada pelbagai masalah tersebut, muncul cabaran baru dalam kehidupan mereka iaitu cabaran dalam menghadapi revolusi industri 4.0 (IR 4.0). Ini kerana IR 4.0 membawa perubahan yang dipacu oleh tiga aspek teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biologikal yang bakal merubah cara kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, di dalam buku ini terdapat sebuah artikel bertajuk "*Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Tahfiz*" telah membentangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran bidang Tahfiz al-Quran pada era milenium abad ke 21 ini dan menunjukkan input baik yang boleh diambil daripada kaedah tersebut. Kajian kuantitatif ini menjadi pemangkin di dalam proses penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bidang Tahfiz al-Quran ke arah yang lebih baik. Dapatan daripada kajian ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Islam khususnya pemegang taruh di dalam bidang Tahfiz al-Quran pada masa kini dalam menghadapi IR 4.0. Antara teladan yang boleh diambil daripada kajian tersebut ialah para pendidik di dalam bidang Tahfiz al-Quran bersedia menerima dan memanfaatkan teknologi moden bagi melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran bidang Tahfiz al-Quran, penghasilan produk baru yang universal, aktif melakukan inovasi, membina jaringan kerjasama, menguasai alat atau instrumen kontemporari dan menjadikan al-Quran sebagai rujukan primer. Oleh itu, selain daripada aspek fardu *kifayah* dan peranan manusia sebagai khalifah, umat Islam juga tidak harus meninggalkan saranan agama Islam untuk memanfaatkan teknologi semasa untuk tujuan kebaikan. Hanya dengan keseimbangan ini umat Islam akan kembali gemilang seperti yang pernah dicatatkan di dalam sejarah tamadun Islam abad pertengahan khususnya di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Tahfiz al-Quran.

Selain itu, di dalam buku ini juga terdapat artikel bertajuk "*Inovasi Digital Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Program Tahfiz Di Universiti Tenaga Nasional Melalui Metode Blended Learning*" telah dikupas tentang penggunaan teknologi digital di dalam proses pengajaran dan pembelajaran program tahfiz yang mana ia merupakan suatu inovasi baharu yang bertitik tolak daripada pandemic Covid-19 yang melanda dunia. Situasi ini berlaku semasa masyarakat Islam khususnya dan manusia sejagat umumnya sedang sibuk berlumba-lumba memacu kegemilangan di dalam era revolusi industri 4.0. Dapatan kajian mengemukakan pendekatan *Blended Learning* di dalam program tahfiz yang dilaksanakan di Universiti Tenaga Nasional menerusi pengukuhan teknologi digital, iaitu kelas pengajian tahfiz holistic meliputi pengisian aspek akidah, syariah dan akhlak serta penekanan aspek pengamalan ibadah wajib dan sunat. Dapatan kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam

usaha penambahbaikan pelaksanaan program tahfiz di persada global dalam mendepani kehidupan era revolusi industri 4.0.

Justeru, merancang pelan tindakan serta mengaplikasikan teknologi terkini dalam Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat untuk melahirkan modal insan berkualiti merupakan usaha yang berterusan bagi merelevankan Islam sebagai solusi masyarakat masa kini. Tambahan pula, di dalam buku ini turut dimuatkan artikel “*Teori Dan Persiapan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Orang Kurang Upaya Masalah Penglibatan (OKUMP)*” memberi solusi kepada keperluan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan di dalam bidang tahfiz al-Quran bagi OKUMP. Berikutan masih belum terdapat teori dan persiapan berkesan bagi golongan OKUMP untuk mereka turut mengorak langkah cemerlang di dalam bidang tahfiz al-Quran khususnya, adalah menjadi suatu keperluan pembangunannya secara holistik. Justeru, teori dan persiapan bagi pembelajaran tahfiz al-Quran dalam kalangan OKUMP sangat membantu ke arah memudahkan dan menyenangkan seterusnya meningkatkan kualiti graduan tahfiz istimewa ini di era revolusi 4.0.

Mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), Malaysia kini berusaha ke arah teknologi digital dalam sektor pendidikan dan pengajian di IPT. Program tahfiz di IPT tidak ketinggalan dalam melaksanakan konsep digitalisasi menyeluruh untuk mengubah industri pendidikan tinggi khususnya pengajian Islam negara ke arah inisiatif pendidikan pintar. Usaha memperkasakan pengajian tahfiz al-Quran di IPT memerlukan penggabungan tenaga kerja yang mencukupi dan sekali gus bermutu tinggi dari segi kecemerlangan kerohanian, keterbukaan pandangan dan kepakaran professional. Sehubungan dengan itu, di dalam buku ini terdapat artikel bertajuk “*Pelaksanaan Kelas Hifz Al-Quran Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Di Universiti Tenaga Nasional: Satu Pengalaman*” yang telah menganalisis pengamatan terhadap perjalanan program tahfiz al-Quran UNITEN sepanjang PKP. Ianya merupakan suatu usaha yang sangat bagus dan proaktif di dalam mengkaji dan meneliti penambahbaikan yang boleh dilaksanakan di masa akan datang dalam era revolusi 4.0.

Bagi memperkasakan lagi bidang Pendidikan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat untuk terus berkembang dan berdaya saing di era 4.0, maka prinsip dan metodologi agama Islam yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan para ulama pada zaman silam perlu diteruskan. Sebagaimana yang diulas dalam artikel bertajuk “*Metodologi Prof Dr Wabbah Al-Zubaili Terhadap Qiraat Dalam Kitab Al-Tafsir Al-Munir: Analisis Surah Al-Kahfi*”. Artikel ini telah menekankan bahawa pentingnya untuk para pengkaji dan pelajar pengajian Islam terutamanya dan umat Islam amnya bagi memahami secara holistik ilmu pengajian Islam termasuk qiraat dan tafsir. Hal ini adalah kerana, pemahaman yang menyeluruh terhadap segenap cabang ilmu di dalam agama Islam akan menghasilkan manusia yang terbaik dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Selain itu, pemilihan kitab al-Tafsir al-Munir adalah sangat tepat kerana ia digunapakai secara meluas di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya. Ini disokong oleh artikel “*Pembinaan Istinbat Hukum Dalam Mazhab Al-Syafi’iy: Analisis Qiraat Quraniyyah*” yang menjelaskan prinsip pembinaan istinbat hukum fiqh di dalam mazhab Imam Syafie, seorang alim besar di dalam Islam khususnya bidang fiqh. Hal ini adalah, kerana selain ilmu qiraat dan tafsir yang mesti dikuasai oleh penuntut dan penganut agama Islam, ilmu fiqh juga turut dituntut untuk dihadami. Tidak ketinggalan dalam membahaskan soal fiqh, artikel “*Hukuman Mencuri Menurut Mazhab-Mazhab Yang Masyhur*” telah membincangkan bahawa hukuman di dalam ilmu fiqh jinayat seperti mencuri adalah berkait rapat dengan perbezaan sumber hukum utama umat Islam iaitu al-Quran al-Karim. Justeru, pentingnya memupuk semangat untuk mendalami semua cabang ilmu agama Islam dan melaksanakan integrasi antara satu cabang dengan yang lainnya.

Tokoh di dalam bidang al-Quran juga dilihat sebagai faktor pemangkin kelestarian pendidikan Islam khususnya Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat pada era kontemporari. Isu ini dibincangkan dalam kajian “*Sumbangan Ustaz Haji Ahmad Mustaffa Bin Mohd Sidin Dalam Pengajian Al-Quran Di Selangor*”. Namun, dalam usaha melestarikan pendidikan Islam khususnya Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dalam arus perdana ini, terdapat juga cabaran

yang perlu dihadapi oleh umat Islam terutama cabaran berkaitan pemahaman terhadap rasm uthmani. Perkara ini cuba disentuh oleh artikel bertajuk *“Metode Ma Fibi Qira’atan Dan Keberadaannya Dalam Al-Masahif Al-Uthmaniyyah”* yang menjelaskan bahawa skeptis atau sinis terhadap agama Islam dalam kalangan orientalis berlaku kepada beberapa aspek dalam ajaran agama Islam dan ditujukan kepada penulisan rasm uthmani al-Quran al-Karim. Golongan ini mendatangkan kekeliruan apabila mendatangkan syubhah terhadap penulisan rasm uthmani ayat al-Quran al-Karim dalam hujahan mereka dengan gaya pentafsiran yang mereka cipta sendiri. Mereka tidak mahu terikat dengan pandangan-pandangan ulama silam agar diselarikan dengan keadaan semasa. Justeru, pemahaman terhadap isu rasm uthmani yang benar bersumberkan dalil sahih dan interpretasi ulama silam Islam akan mengelakkan umat Islam terpengaruh dengan dakwah orientalis barat. Manakala artikel *“Bentuk Penglibatan Ibu Bapa Dalam Membentuk Keperibadian Cemerlang Pelajar Tahfiz”* pula membincangkan peri penting penglibatan ibu bapa sebagai penentu di dalam pembentukan sahsiah anak. Ibu bapa hendaklah menjadi contoh tauladan yang baik bagi anak mereka yang turut memikul tanggungjawab sebagai penghafaz al-Quran. Pemahaman bahawa guru, pensyarah, ustaz dan ustazah sahaja yang memikul tanggungjawab membina keperibadian cemerlang pelajar tahfiz adalah salah dan mesti diperbetulkan. Hal ini adalah kerana, pembentukan modal insan gemilang adalah bermula daripada rumah, bak kata pepatah melayu, bapa borek anak rintik. Jika ibu bapa kepada pelajar tahfiz menampilkan peribadi mulia, nescaya anak mereka akan mencontohinya. Untuk menyelesaikan akhlak pelajar tahfiz ini, sarjana dan umat Islam disaran untuk beralih kepada konsep tadabbur al-Quran berkesan yang dianggap sebagai solusi kepada masalah tersebut. Oleh yang demikian, usaha memberi kefahaman yang betul terhadap al-Quran perlu dilakukan bagi memperbaiki kerosakan akhlak yang berlaku pada era kontemporari ini sama ada dalam kalangan pelajar tahfiz, keluarga, saudara sesama Islam mahu pun yang bukan Islam. Konsep tadabbur berkesan turut dibincangkan dalam buku ini. Contohnya adalah artikel *“Pendekatan Konsep Tadabbur Al-Quran Salaf Soleh”* yang mengenal pasti konsep tadabbur terbaik yang patut dipraktikkan oleh pelajar tahfiz dan umat Islam di Malaysia dalam memperkasakan pendidikan agama Islam mereka. Pelajar tahfiz di IPT juga khususnya perlu dibimbing untuk mengatasi masalah kurangnya penghayatan agama Islam, masalah buta teknologi dan pengurusan kewangan yang betul. Hal ini adalah kerana, jika pelajar IPT aliran Tahfiz al-Quran dan Al-Qiraat kurang memberi penumpuan terhadap pengisian rohani dan fizikal, mereka turut boleh mengalami stress. Bertepatan dengan artikel bertajuk *“Simptom Stres Yang Dialami Ketika Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Era Covid 19: Kajian Perbandingan Antara Pelajar USIM Dan KUIS”* memperlihatkan bahawa wujud sedikit simptom stress yang dialami pelajar tahfiz di USIM dan KUIS. Namun, kemampuan pelajar IPT aliran Tahfiz al-Quran dan Al-Qiraat menggunakan kemahiran dan pengurusan sendiri dalam menguruskan stres mereka berjaya kerana wujud pergantungan yang kuat terhadap Allah. Hal yang demikian kerana mereka sering membaca dan merenungkan dengan mendalam makna kalamullah yang mereka hafaz.

Tambahan pula, aspek kemahiran menghadapi cabaran globalisasi memainkan peranan penting dalam menjayakan agenda membudayakan amalan menghafaz al-Quran dan pengukuhan institusi tahfiz di Malaysia. Keadaan ini bertitik tolak daripada wujudnya pelbagai cabaran terhadap pembangunan institusi Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di Malaysia secara khususnya dan pengajian Islam secara umumnya di zaman kontemporari ini. Kajian lanjutan diperlukan untuk memperkasakan institusi yang memartabatkan kalamullah ini di Malaysia. Perkara ini cuba diilustrasikan oleh artikel bertajuk *“Perkembangan Dan Cabaran Institusi Pendidikan Tahfiz Di Malaysia: Satu Pemerhatian”*. Artikel ini menunjukkan bahawa wujud kronologi perkembangan yang baik bagi pusat pengajian tahfiz di Malaysia meskipun berdepan cabaran dari pelbagai sudut. Begitu juga dengan artikel bertajuk *“Pembentukan Disiplin Pelajar Melalui Proses Pembacaan Dan Hafazan Al-Quran: Satu Pemerhatian”* yang menarik dapatan bahawa projek ini sesuai dilaksanakan agar memupuk pelajar tahfiz

khususnya dan pelajar yang belum menceburi bidang tahfiz mempraktikkan disiplin yang baik di dalam mahupun luar bilik kuliah. Manakala artikel “*Sistem Pembelajaran Tahfiz Program Huffaz Professional Di Universiti Tenaga Nasional*” memperihalkan pelaksanaan sistem yang dinamik, kreatif dan berinovasi di UNITEN bagi melahirkan huffaz teknokrat yang berjaya di masa hadapan. Hal tersebut menunjukkan tahap kebolehgunaan yang tinggi bagi sistem pengajaran dan pembelajaran tahfiz bersepadu dengan akademik di peringkat universiti.

Selain daripada itu, seni Bahasa Arab al-Quran juga mesti dimartabatkan seiring matlamat kerajaan dalam memacu kemajuan bidang Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Isu estetika metafora, retorik, figuratif dan uslub al-Tanbih juga memberi kesan terhadap pemahaman al-Quran dalam kalangan ilmuan dan masyarakat di Malaysia. Kajian “*Variasi Pemaknaan Uslub Al-Tanbib Dalam Surah Ali-Imran*” mendapati wujudnya pelbagai penentuan makna dalam memahami *uslub al-Tanbib* di dalam al-Quran yang menjadi bukti keajaiban mukjizat Nabi Muhammad SAW. Justeru, hubung jalin antara ilmu Bahasa Arab, tafsir dan setiap cabang ilmu agama Islam mestilah menjadi tunjang untuk memahami makna tersurat dan tersirat di sebalik kalamullah yang agong. Manakala artikel “*Hidayat Al-Murtab Pertolongan Al-Sakhawi Untuk Pencinta Al-Kitab (Al-Quran)*” menunjukkan bahawa Imam al-Sakhawi, seorang alim besar membantu para hamalah al-Quran iaitu penghafaz al-Quran untuk membezakan ayat al-Quran mutasyabihat (yang hampir sama lafaznya). Adapun artikel “*Ilmuan Qiraat: Kekeliruan Antara Dua Abu Amru*” menjelaskan tentang pentingnya pembelajaran ilmu qiraat dan sejarah diasimilasikan agar tidak wujud kesalahfahaman terhadap dua orang atau lebih tokoh Islam khususnya yang mempunyai nama serta gelaran yang sama mahupun hampir seiras.

Penelitian terhadap kajian di dalam bidang tahfiz bukan hanya tertumpu kepada hafazan semata-mata, malah juga mengenai ilmu qiraat yang kadang kala dipandang sepi oleh sebahagian pihak. Kajian “*Analisis Bab Al-Waqf ‘Ala Awahir Al-Kalim Di Dalam Kitab Hirz Al-Amani Wa Wajb Al-Tahani Melalui Riwayat Hafs ‘An ‘Asim Al-Kufi Dalam Surah Al-Jumu’ab*” membincangkan isu kaedah waqaf atau memberhentikan bacaan di akhir perkataan di dalam al-Quran al-Karim. Turut dibincangkan dalam buku ini artikel bertajuk “*Metodologi Penulisan Kitab Al-Usul Al-Nayyirat Fi Al-Qira’at: Satu Kajian*” mendapati bahawa wujudnya kaedah khusus bagi pengarang kitab, al-Usul al-Nayyirat fi al-Qiraat di dalam menyusun karya agong tersebut. Justeru, kajian ini menjelaskan perbezaan manhaj penyusunan dan penulisan kitab tersebut dengan kitab dan buku lain demi memudahkan pembaca memahami dengan cepat dan mudah mengenai ilmu qiraat. Sementara itu, kajian “*Pembelajaran Qiraat Secara Dalam Talian: Satu Sorotan*” pula bertujuan untuk menganalisa metod pengajaran dan pembelajaran serta jenis pengkaryaan secara digital dalam disiplin ilmu qiraat.

Selain kajian mengenai tahfiz dan al-Quran, turut dimuatkan dalam buku ini juga artikel-artikel berkaitan disiplin ilmu qiraat. Artikel “*Kefahaman Usul Qiraat ‘Asyara Al-Sughra Dalam Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM TAHFIZ)*” contohnya telah membahaskan tentang tahap kefahaman dan penguasaan ilmu qiraat sepuluh al-Sughra dalam kalangan pelajar STPM TAHFIZ. Dapatan menunjukkan tahap penguasaan dan kefahaman pelajar STPM TAHFIZ terhadap ilmu qiraat sepuluh al-Sughra berada pada tingkatan sederhana. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk mendidik pelajar STPM TAHFIZ khususnya dan masyarakat Islam umumnya mengetahui kaedah yang sahih dalam mempelajari ilmu qiraat iaitu secara teori dan praktikal. Dalam pada itu, kajian “*Metodologi Perletakan Titik Dan Baris Dalam Mushaf Al-Quran*” pula mengkaji kaedah yang digunapakai dan dipraktikkan oleh ulama silam sehingga ke hari ini di dalam menentukan titik dan baris al-Quran al-Karim. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ulama di dalam ilmu dabt dan rasm uthmani sejak dahulu kala sehingga kini berpegang kepada metodologi yang berpaksikan sumber sahih serta melalui proses penambahbaikan dari masa ke semasa. Implikasinya, mushaf al-Quran rasm uthmani riwayat Hafs toriq Syatibi yang digunapakai di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia adalah tepat dan sangat

memudahkan para pembaca al-Quran di seluruh dunia kerana ia berpandukan cetakan Percetakan Raja Fahd Madinah.

Kecenderungan kajian di dalam buku ini tidak hanya terhad kepada bidang Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat semata-mata. Kajian di dalam pengajian Islam yang menjurus kepada fiqh juga dimuatkan. Hal yang demikian kerana, penguasaan soal fiqh seperti ibadah haji, korban dan aqiqah turut diperlukan bagi para penghafaz al-Quran dalam mereka menjalani kehidupan seharian sebagai seorang muslim. Artikel bertajuk "*Kajian Perbandingan Pengurusan Korban Di Ez Qurban Sdn Bhd Dan Aqiqah Nasional Enterprise*" menyatakan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan di dalam pengurusan dan pelaksanaan ibadah korban umat Islam yang berdaftar dan memberi kepercayaan kepada mereka.

Rumusannya, penulisan buku ini khususnya disediakan sebagai rujukan bagi para pensyarah, pengkaji, penuntut dan pelajar di institusi pengajian tinggi serta amnya pembacaan ilmiah untuk masyarakat. Ia memberi pendedahan berkaitan pelbagai wacana dalam disiplin ilmu pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang diolah berdasarkan sumber ambilan yang sahih. Semoga perkongsian ilmiah yang mencakupi pelbagai disiplin ilmu pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dalam buku ini akan membantu menyelitkan kefahaman dalam jiwa pembaca, memberikan pencerahan maklumat dalam usaha memahami ajaran agama Islam khususnya di dalam bidang Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat bagi mendepani cabaran dunia baru era mendatang.

BAB 1

BENTUK PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM MEMBENTUK KEPERIBADIAN CEMERLANG PELAJAR TAHFIZ

Sharifah Noorhidayah Syed Aziz^{1,2}, Khairul Anwar @ Johari Mastor^{3,4}, Muhammad Fairuz A. Adi²

¹Calon Phd Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

³Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁴Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pendahuluan

Pendidikan tahfiz sering menjadi pilihan terakhir dalam pendidikan. Apabila anak-anak tidak mendapat tawaran sekolah akademik terbaik atau sekolah berasrama penuh, maka barulah bidang tahfiz ini menjadi pilihan. Namun, sejak lima tahun kebelakangan ini, pendidikan tahfiz menjadi pilihan utama ibu bapa apabila dilihat banyak perubahan positif terutama dari segi akhlak dan keperibadian anak-anak. Ibu bapa abad ke-21 kini sudah mula mementingkan kecemerlangan sahsiah anak-anak. Namun keperibadian cemerlang anak-anak bukan hanya dinilai di maahad sahaja tetapi keperibadian cemerlang juga perlu diteruskan di rumah. Oleh itu, kajian ini diperlukan untuk mencungkil bentuk penglibatan ibu bapa dalam membantu pihak maahad dalam membentuk keperibadian cemerlang pelajar tahfiz. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah pensampelan rawak berstrata terhadap pelajar tahfiz yang bernaung di bawah persatuan tahfiz persendirian Selangor (PITAS). Kaedah pengumpulan data melalui temubual kumpulan berfokus (FGD) terhadap 64 orang pelajar tahfiz di Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa sokongan dari pihak ibubapa sangat membantu dalam membentuk keperibadian dan akhlak cemerlang pelajar tahfiz. Dapatan kajian juga mendapati keperibadian anak-anak yang mendapat perhatian dari ibu bapa lebih cemerlang berbanding anak-anak yang tidak mendapat perhatian dan sokongan dari ibu bapa. Oleh yang demikian, ibu bapa harus memberi sokongan dan melibatkan diri secara langsung dalam memantau aktiviti kerohanian anak-anak di rumah seperti yang telah diterapkan di maahad

Pernyataan Masalah

Asas bagi pembangunan pendidikan yang berkualiti ke atas setiap ibu bapa adalah menyempurnakan pendidikan al-Quran kepada anak-anak (Abdullah Nasih 2015) bermula dari dalam kandungan ibu sehingga ke usia kanak-kanak, anak-anak perlu didedahkan dengan pendidikan agama. Dalam konteks mencorak dan mendidik anak-anak, ibu bapa merupakan pendidik utama dalam penghayatan nilai kehidupan, dan memainkan peranan penting dalam sokongan yang berpanjangan kepada anak-anak (Nik Azis dan Noraini, 2008).

Berdasarkan kesedaran ini, dilihat sudah menjadi menjadi satu fenomena baharu apabila pendidikan tahfiz mula menjadi pilihan utama ibu bapa. Fenomena ini boleh dianggap sebagai satu fenomena positif kerana ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan ibu bapa atau penjaga tentang kepentingan pendidikan agama (Mohd Ariff 1998), dan kecemerlangan sahsiah anak-anak pelajar (Muridah et al 2017). Namun, usaha memasukkan anak-anak ke institusi tahfiz bukanlah jaminan penuh untuk memastikan anak

mencapai kecemerlangan bahkan ia merupakan satu cabaran yang besar bagi institusi tahfiz dalam membentuk anak-anak ke arah kecemerlangan sahsiah yang baik.

Ibu bapa mempunyai peranan yang amat penting dalam mencorakkan keperibadian anak menerusi didikan yang sempurna. Emat (2005), menyatakan pencapaian pelajar lebih bermakna apabila kaum keluarga mereka juga turut berperanan dan melibatkan diri dalam membantu anak mereka mencapai kejayaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengupas dengan lebih mendalam berkaitan bentuk-bentuk penglibatan ibu bapa yang boleh dilakukan dalam usaha mencapai kecemerlangan sahsiah anak-anak.

Menurut Rohaty (2003), Ismail Ibrahim (2002) penglibatan ibu bapa dalam proses pendidikan adalah amat penting bagi membentuk konsep sendiri anak-anak menerusi didikan yang sempurna dalam suasana yang harmoni memberikan mereka asuhan yang betul, didikan yang sempurna, perhatian yang secukupnya dan lebih-lebih lagi kasih sayang terhadap anak-anak supaya anak-anak lebih akrab dengan ibu bapa. Amold et al. (2008) mendapati hubungan antara ibubapa dan anak-anak merupakan elemen utama dalam kecemerlangan anak-anak. Hal ini dibuktikan dalam kajian Zulkifli et.al. (2011) menunjukkan penglibatan ibu bapa memberi 74.5% kesan ke atas pencapaian anak.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian Kualitatif iaitu menggunakan teknik Temubual Kumpulan Berfokus (FGD). Teknik temubual kumpulan berfokus ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang segar "*fresh*" (Merriam 2009) daripada peserta kajian tentang latar belakang dan bentuk penglibatan ibu bapa dalam membentuk keperibadian pelajar tahfiz. Teknik temubual secara berkumpulan dilakukan terhadap ibu dan bapa pelajar tahfiz bagi memastikan mereka berasa selamat untuk menyatakan dan berkongsi idea, kepercayaan, sikap dalam satu kelompok yang berbeza latar belakang sosio ekonomi dan jantina (Newman 2011). Teknik ini dilakukan bagi mewujudkan suasana selesa dan mengurangi kebimbangan dan keraguan ibu bapa ketika berhadapan dengan pengkaji serta dapat menjimatkan masa (Creswell 2012). Selain itu, penyelidik berpeluang menterjemahkan sebab sesuatu itu terjadi begitu dan cara ia berlaku.

Kajian ini terdiri daripada ibu dan bapa pelajar tahfiz di maahad-maahad Tahfiz di bawah naungan PITAS yang melibatkan seramai 47 orang ibu dan bapa pelajar yang dipilih sebagai informan di 7 maahad yang berlainan di seluruh negeri Selangor.

Maahad Tahfiz yang dipilih adalah mewakili 1daerah di Selangor adalah seperti berikut:

- 1) Maahad Tahfiz Lil Aytam (Kuang, Rawang)
- 2) Maahad Tahfiz Az-Zahrah (Hulu Langat)
- 3) Maahad Tahfiz Vokasional Aman Bestari (Puchong)
- 4) Maahad Tahfiz Darul Muthiah (Shah Alam)
- 5) Maahad Tahfiz Klang (Klang)
- 6) Akademi Syahadah Darul Faizin ASTAF (Kuala Selangor)
- 7) Maahad Tahfiz Al-Firdaus Bukit Changgang (Banting)

Sebelum sesi temubual Kumpulan Berfokus diadakan, pengkaji telah membuat perundingan awal dengan pihak PITAS untuk mendapatkan persetujuan untuk mendapatkan maklum balas ibu bapa pelajar tahfiz di maahad-maahad terbabit yang boleh memberi kerjasama pada pengkaji untuk menjalankan sesi temubual Kumpulan Berfokus.

Sesi Temubual Kumpulan berfokus ini dimulai dengan penyelidik sebagai pengantara (enumerator) kepada responden untuk memberi taklimat ringkas berkenaan dengan temubual yang dijalankan. Peserta dimaklumkan tentang kerahsiaan maklumat hanya akan digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja, Hal ini memberi gambaran kepada peserta agar tidak berasa kekok dan segan untuk memberi respon yang segar (*fresh*). Sesi ini

juga dijalankan bersama pesertadari kalangan ibu bapa sahaja tanpa pihak pengurusan maahad supaya maklumat yang diberi oleh peserta lebih tulen dan tiada batasan. Pelajar tahfiz dikumpulkan kepada kumpulan kecil dan diberi saguhati sebagai tanda penghargaan memberi kerjasama kepada enumerator.

Kemudian, selepas Temubual Kumpulan Berfokus (FGD) dijalankan, pengkaji menganalisis semua dapatan yang diterima pada kadar segera agar maklumat yang diterima dapat ditranskripsi dan dianalisis dengan baik.

Hasil Dapatan Dan Perbincangan Kajian

Dapatan kajian dilaporkan berdasarkan dua aspek iaitu latar belakang responden (ibu dan bapa pelajar tahfiz) dan bentuk penglibatan ibu bapa dalam membentuk keperibadian pelajar tahfiz.

Latar Belakang Kajian

Kajian ini melibatkan 47 orang ibu dan bapa pelajar tahfiz di 7 buah maahad tahfiz di bawah naungan PITAS (Persatuan Institut Tahfiz Selangor). Responden yang ditemubual adalah terdiri daripada 20 orang bapa dan 27 orang ibu yang mempunyai anak-anak di sekolah tersebut.

Bentuk Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Pelajar Tahfiz

Responden ditemubual dalam satu sesi khas yang telah diadakan di maahad masing-masing. Semasa sesi temubual, kesemua responden yang hadir bersetuju bahawa penglibatan ibu bapa terhadap anak-anak memberi impak yang baik dalam prestasi sahsiah anak-anak di maahad. Hasil analisis tembual yang dijalankan terhadap ibu bapa, dapat dirumuskan kepada beberapa tema:

1. Ibu bapa sebagai Role Model kepada anak-anak

Candis, (2003) menyatakan ibubapa merupakan “role model” kepada anak-anak. Ibu bapa perlu bertindak sebagai Role Model atau contoh terbaik kepada anak-anak kerana anak-anak akan mengikut apa ajaran dan perbuatan ibu bapa kerana ibu bapa lebih rapat dengan mereka. Terdapat satu hadis dari riwayat muslima dan bukhari, Anak-anak ibarat kain putih, tugas ibu bapa untuk mencorakkannya menjadi nasrani, majusi. Oleh itu, ibu bapa perlu menunjukkan akhlak dan tauladan yang baik agar anak-anak dapat mencontohi ibu bapa.

Antara respon yang diterima semasa Tembual Kumpulan Berfokus dijalankan adalah seperti berikut:

Bagi saya penglibatan ibu bapa penting, sebab anak-anak lain tengok kan, dia sendiri offer nak masuk tahfiz, sebab abang-abangnya bawa biah tu dekat rumah. Jadi inspirasi kepada adik-adik

(ASTAF IB1)

Suami pesan kalau nak anak hafaz al-Quran, maknya perlu kuat sebab mak selalu ada dengan anak

(Bukit changgang IB3, ASTAF IB2)

Bila anak-anak balik rumah, kami cuba tak tengok henfon depan anak, sebab bagi saya anak nampak dan ikut kan apa kita buat, jadi saya nak dia kuat, saya perlu kuat dahulu.

(MT Az-zahrah IB3)

Dapat disimpulkan, ibu bapa bersetuju bahawa mereka perlu menjadi “role model” dan menunjukkan contoh yang terbaik untuk anak-anak kerana anak-anak adalah cerminan ibu bapa.

2. Ambil tahu dan pantau perkembangan anak-anak di maahad dan di rumah.

Dalam membentuk keperibadian anak-anak tahfiz yang soleh dan solehah, pemantauan yang rapi terhadap anak-anak perlu kerana ini merupakan salah satu corak kasih sayang yang diperlukan oleh anak-anak. Apabila anak-anak merasakan kasih sayang yang erat dari ibu bapa, lazimnya anak-anak mudah dibentuk. Ibu bapa juga di galakkan untuk bekerjasama dengan pihak sekolah bagi melaksanakan program pengembangan minda, rohani, emosi dan jasmani kepada anak-anak mereka (Azhar,2006).

Anak balik cuti, arrange masa anak-anak bantu, Tanya perkembangan diorang,
(Bukit changgang IB2)

Doalah, kadang terbabas juga, tapi kita pantaulah, macam terlajak tidolah biasanya, kita ingatkan lah
(MTVAB IB3)

Anak-anak ni bila balik rumah, jadual maahad tu bawak balik tapi bukan macam kat maahad, Bapak dia suruh buat juga, kadang-kadang kena ingatkan, balik rumah kena ulangkaji.
(MT Az-zahrah IB5)

Biasa balik, saya akan tanya dia ada masalah apa-apa tak kat sekolah? dia mengadu lah, kena marah ngn ustazah, jadi saya beri lah nasihat kat dia. Kemudian dia akan ok semula.
(MT Darul Muthiah IB2)

Saya Tanya anak, macam mana dengan hafazan, boleh bawak tak? Macam baru ni dia bagitau dah naik juzuk baru. Dia happy lah.
(Maahad Hafiz Klang IB3)

Pihak maahad merekodkan bahawa, kebiasaannya ibu bapa yang aktif melibatkan diri dengan aktiviti di maahad, prestasi anak-anak mereka dari segi hafazan mahupun sahsiah lebih cemerlang. Hasil dari temubual, ibu bapa biasanya kan turut serta dalam aktiviti di maahad dan mengambil tahu perkembangan anak-anak.

3. Kawalan aktiviti anak-anak di rumah.

Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa faktor kekangan masa telah menyebabkan ibu bapa semakin kurang peka akan peranan mereka dan lebih kepada membiarkan anak mereka belajar di rumah tanpa bimbingan dan pemantauan (Lareau, 2000; Abd. Razak & Noraini, 2011).

Dalam dunia arus kemodenan kini, kawalan aktiviti anak-anak perlu diperkemas. Zaman dan gaya hidup masa kini yang mendedahkan mereka dengan pelbagai aktiviti yang melekakan seperti melayari alam siber dan sebagainya. Bahkan tidak kurang anak-anak yang terdedah dengan pembacaan dan filem yang tidak senonoh. Mereka berjalan ke arah kemusnahan generasi yang sukar untuk dikenali, muslim tetapi gaya hidup barat (al-Qarni, 2007).

Antara respon ibu bapa yang ditemubual adalah seperti:

Pelaksanaan tu kadang-kadang terbabas juga, tapi kita pantaula, tidur lah biasanya.
(ASTAF IB3)

Diorang akan dapat jadual yang maahad sediakan, Cuma kadang-kadang terlepas lah, tapi kita pantau,
(MT Azzabrah IB4)

Kadang-kadang kita kerja kan, masa tak banyak dengan anak, kena perhatikan aktiviti diorang ni, tengok tv lama-lama, main game.
(MTV AB IB2)

Hantar anak kat tahfiz sebab risau dengan social life sekarang, anak-anak mudah fanatic pada kpop". Bila anak masuk tahfiz dah kurang dah kpop nya, korea nya.
(Bukit changgang IB5)

Bila balik rumah, bergaul dengan kawan, sepupu-sepupu, kena selalu ingatkan juga
(Bukit changgang)

Hasil dari tembual yang dijalankan, ibu bapa bersepatat bahawa anak-anak perlu dipantau dan diberi perhatian ketika berada di rumah dari segi aktiviti yang sihat mahupun tidak kerana anak-anak mudah terdedah dengan perkara-perkara yang tidak sihat.

4. Doa dan Harapan ibu bapa

Hantar anak kat tahfiz sebab nak anak terdidik dengan al-Quran
(Bukit changgang IB4)

Tak pernah menyesal hantar anak masuk tahfiz, saya nampak perubahan besar yang baik-baik pada anak, bila balik rumah, anak baca al-Quran, saya tak suruh, dia baca sebelum subuh, selepas maghrib, tapi mungkin kat sekolah dah terbiasa kan macam tu.
(Bukit changgang)

Hantar anak, nak anak hafaz Quran, nak bentuk sahsiah dia
(MT Azzabrah)

Hasil dari tembual, dapat dirumuskan bahawa harapan ibu bapa terhadap anak-anak yang memasuki tahfiz adalah tinggi untuk anak-anak baik dari segi sahsiah, hafazan dan akademiknya.

5. Kebersamaan dengan anak-anak

Kajian peringkat antarabangsa iaitu Program Pentaksiran Murid Antarabangsa (PISA) oleh Borgonove, Montt, & Development (2012) menunjukkan bagaimana cara ibu bapa menggunakan masa bersama anak di rumah boleh mempengaruhi kejayaannya. Keinginan anak untuk berbual-bual, bermesra dan bermain bersama dengan ibu bapa adalah sebagai salah satu cara bagi meraih kasih sayang ibu bapa. Manifestasi daripada hubungan yang akrab antara ibu bapa dengan anak akan memudahkan anak mentaati perintah ibu bapa. Hal ini terjadi kerana telah wujud perasaan kasih sayang dan saling hormat dan menghormati antara satu sama lain. (Abd. Rahim et.al, 2006).

*Balik rumah memang saya bawak pergi surau/ masjid
Isteri saya suri rumah. Ada di waktu malam kalau ada kelapangan masa dia akan menghafal
dengan mak dia di rumah. Mak dia bukan hafizah. Tapi boleh nak semak.*

(MT lil aytam IB1)

*Solat subuh dengan isyak saya pastikan solat berjemaah dengan anak-anak, sebab siang kerja
kan*

(MT Az-zabrah IB6)

Hasil dari temubual bersama ibu bapa didapati mereka bersetuju bahawa kebersamaan melakukan aktiviti bersama anak-anak menyumbang suatu yang positif dari segi sahsiah. Malah hubungan ibu bapa dan anak-anak juga semakin akrab kerana mereka merasakan kasih sayang ibu bapa terhadap mereka.

6. Kawalan Pemakanan anak-anak

Menurut Krause dan Mahan (1993) lagi, pemakanan merangkumi hubungan makanan dengan kesejahteraan (kesihatan) tubuh manusia, termasuklah metabolisme makanan, nilai pemakanan sesuatu jenis makanan, keperluan makanan.

Profesor Diraja Ungku Aziz (1999) menyatakan bahawa selain faktor pemakanan, kurangnya keazaman berfikir merupakan kelemahan pelajar Melayu dalam mencapai kecemerlangan akademik. Manakala kajian yang dilakukan oleh Puan Safiah Mohd. Yusof (1992), mendapati keseluruhan pelajar di negara ini kekurangan zat makanan terutamanya kalsium. Di kalangan murid perempuan yang sudah baligh pula disamping kekurangan zat kalsium mereka juga turut kekurangan zat besi. Tambah beliau lagi, bekalan zat makanan untuk pembesaran sangat penting kepada mereka yang berada dalam kumpulan usia 7 hingga 19 tahun kerana tempoh berkenaan adalah tempoh tumbesaran mereka.

*Dari segi makanan, kita boleh kawal macam McD, KFC memang kita elakkan juga.
Saya bekalkan juga anak makanan tambahan, macam kurma dan kismis. Pihak sekolah pun ada
bekalkan juga.*

*Biasa kat rumah memang kami jaga makan, tapi bukan makan berlebihan, macam sarapan tak tinggal.
Sebab saya nak dia sentiasa bertenaga kan.*

Saya bekalkan makanan minda.

(Maahad Hafiz Klang)

Hasil temubual bersama ibu bapa pelajar tahfiz, mereka mengakui bahawa mengambil berat tentang pemakanan anak-anak. Ada ibu bapa yang membekalkan makanan minda untuk anak-anak dan mengawal makanan yang tidak sihat seperti makanan ringan dan “fast food”.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil dari analisis temubual kumpulan berfokus, dapat disimpulkan bahawa ibu bapa tidak boleh menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab kepada pihak sekolah sahaja. Ibu bapa perlu memberi sokongan dan penglibatan sepenuhnya kepada anak-anak ketika anak berada di rumah mahupun sekolah bagi memastikan momentum sahsiah dan tahap penghayatan agama anak-anak dapat ditingkatkan dan dikekalkan. Usaha membentuk keperibadian anak-anak tahfiz memerlukan masa, ia bukan dapat dilihat hasilnya dalam tempoh sehari dua. Oleh itu, ibu bapa harus positif dengan proses penggilapan keperibadian anak-anak. Ibu bapa tidak boleh mengeluh, merungut dan mudah berputus asa. Dalam fasa ini, anak-anak sedang mencari identiti dan keperibadian mereka, maka ibu bapa harus

menjadi tulang belakang agar anak-anak gembira menikmati proses menjadi insan yang cemerlang.

Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak juga didapati bukan sekadar memperbaiki akhlak, moral dan pencapaian akademik anak sahaja, malah lebih kepada menggalakkan kepada perubahan tingkah laku yang lebih baik dan penyesuaian sosial anak mereka. Malah, sebanyak 97 peratus daripada 2021 responden pelbagai etnik di United Kingdom turut mengakui kenyataan tersebut (Nick Moon & Claire Ivins, 2005). Epstein (1995) menegaskan dengan adanya sokongan dan penglibatan ibu bapa di rumah, turut memberi impak terhadap sekolah di mana guru-guru dapat menyediakan kerja rumah dengan lebih baik, lebih menghormati dan berpuas hati dengan penglibatan keluarga murid di samping dapat mengenalpasti latar belakang keluarga murid yang memerlukan bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak khususnya sekolah

Oleh itu, dalam usaha memastikan anak cemerlang dalam akademik dan mempunyai didikan agama serta akhlak terpuji, semua pihak haruslah menggembelngkan tenaga dan peranan. Pihak ibu bapa tidak lagi boleh menyerahkan tugas mendidik kepada pihak sekolah semata-mata kerana aktiviti pembelajaran boleh berlaku di mana sahaja. Kajian ini dilihat sebagai platform terbaik bagi penyelidik untuk menyelidiki fenomena yang berlaku berdasarkan lima komponen penglibatan ibu bapa yang dinyatakan disamping mengenalpasti kelompongan penglibatan ibu bapa pada elemen tertentu.

Rujukan

- Abd. Rahim, Suffean Hussin, Jamaludin Tubah (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh (2011). *Konteks Keluarga dan Hubungannya Dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-Anak di Sekolah Menengah*. (2010). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1), 35-44.
- Abd. Razak Zakaria (2011). *Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Konteks Keluarga dengan Pencapaian Akademik Murid*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Abd. Razak Zakaria dan Norani Mohd Salleh (2011). *Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1)(2011): 35-44
- Abdullah Nasih Ulwan (2015). *Tarbiyatul Aulad (Edisi Terjemahan)*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Ahmad Sonhadji Muhammad (1976). *Tafsir al-Quran*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahmad Syarifuddin (2004). *Mendidik Anak: Membaca, Menulis dan Mencintai Al-Quran*. Jakarta: Gema Insani.
- Ajmain Safar (2006). *Pelaksanaan Program Pembudayaan al-Quran Peringkat Negeri Johor*. Monograf Penyelidikan: Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Al-Qarni, A. Abdullah (2007). *Membangun Masyarakat Mithali*. Kuala Lumpur: alHidayah Publications.
- Ceglowski, D. (2007). "Play a Lot": Children's Perception of Child Care. *Journal of Research in Childhood Education*, Vol. 22(2), 183-187.
- Ali Hasan Az-Zhecolany (2013). *Kesalahan Ibu Bapa Yang Menyebabkan Anak Tidak Soleh*. Cetakan Pertama. Batu Caves, Selangor: Ar-Risalah Product Sdn. Bhd.
- Alma Harris & Janet Goodall (2008). *Do Parents Know They Matter ? Engaging All Parents in Learning*. *Educational Research* Vol. 50(3), 277-289.
- Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasini Ad-Dimasqi (2009). *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin*. Hak Milik Muslim Imam Al-Ghazali. Shah Alam: Illusion Network.
- Amla Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud & Abd. Aziz Mahayuddin (2010). *Peranan Bapa dalam Pembangunan Sahsiah Remaja dan Implikasinya terhadap Nilai Kekeluargaan*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2), 9-17.

- Azizi Yahaya (2008). Keluarga dalam Pembentukan Moral. Page 1-38. Borgonovi, F., Montt, G., & Development, O, For E.C. and. (2012). Parental Involvement in Selected PISA Countries and Economies. OECD Publishing, (73).
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. Risk Teens Features : A Literature Review. *Islamiyyat*, 35(1), 111 - 119.
- Chela Chin (2005). A Case Study on Parents' Involvement in Children's Education. Projek Akhir Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Malaysia Sarawak.
- Candis, Y.H. (2003). The Home Environment of Gifted Puerto Rican Children. Diperoleh Mac 3, 2008 daripada <http://www.ncela.gwu.edu/ncbepubs/symposia/third.html>
- Chong, T.S., Juliana Rosmidah, Samsudin A.Rahman, Nurhana Zainal, Subhi, N., & Nor Ba'yah Abdul Kadir (2012). Motivasi Diri Dan Dorongan Ibu Bapa Terhadap Minat Akademik Belia. *Journal of Sciences and Humanities*, 7(1), 26-33
- Epstein et. al. (2009). *School, Family and Community Partnerships : Your Handbook for Action* (2nd Edition), USA : Corwin Press, hlm 58.
- Deborah Davis (2000). *Supporting Parent, Family, and Community Involvement in Your School*. Portland: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Epstein, Joyce L. dan Jansorn, N. R. (2004). *Developing Successful Partnership Programs*. No 10-15.
- Fauziah Hanim, Noraini Ismail, Nazariah Abd Samad dan Fairuz 'Ain Harun (2011). *Penglibatan Ibu Bapa Dalam Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Pusat Anak Permata Negara*. Geran Penyelidikan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fullan, M. (2011). *Makna Baharu Perubahan Pendidikan : The New Meaning of Educational Change*. (Mastuti & Aziah Salleh, Trans). Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Gözde ÖzdikmenliDemir dan Birsen ŞahinKütük (2012). The Role of Parents, Siblings, Peers, Relative and Other Agents in Turkish-Muslim Emerging Adults' Religious Socializations. *Archive for the Psychology of Religion*, Volume 34, Issue 3, pages 363 – 396. DOI: 10.1163/1573612112341250
- Hui, Grace C.H. & Kimberly L. Mason (2005). *Motivations of Parental Involvement in Children's Learning: Voices from Urban African American Families of Preschoolers*. Department of Teacher Education. College of Education and Human Services, Cleveland State University, Cleveland, Ohio.
- Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Anak Di Rumah Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Murid Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Guolaugh Erlendsdottir. (2010). *Effects Of Parental Involvement In Education : A Case Study In Namibia*. M.Ed. Thesis, University Of Iceland.
- Jaffary Awang, Rozmi Ismail, Kamaruddin Salleh & Hairunnizam Wahid (2008). *Sosiolisasi Agama di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Agama Di Selangor*. National Seminar Science, Technology and Social Science 2008. Penyelidikan di Bawah Program Malim Sarjana DAMAI di ATMA, UKM.
- Kathryn, V. Drummond dan Deborah Stipek (2004). Low-Income Parents' Beliefs about Their Role in Children's Academic Learning. *The Elementary School Journal*, Vol. 104, No. 3 (Jan., 2004), pp. 197-213
- Kay Russell & Sue Granville. (2005). *The Scottish Government Riaghaltas na-Alba. Parents' Views on Improving Parental Involvement in Children's Education*. George Street Research, Scotland. Diakses : <http://www.gov.scot/Publications/2005/03/20759/53614> (8/2/2016).
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (2012), KPM Sarana Ibu Bapa (2012), KPM.
- Lareau, A. (2000). *Home advantage: Social Class and Parental Intervention in Elementary Education*, Lanham, MD: Roman & Littlefield.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (2012), KPM Sarana Ibu Bapa (2012), KPM.

- Lay, Y.F. & Khoo, C.H. (2013). *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Lukman Hakimi (2014). Persepsi Pelajar terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam Pembentukan Sahsiah Muslim. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(2)(2014): 133-140.
- Maznah Ali & Zakiah Zakaria (2009). *Persediaan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Rohani Terhadap Anak-Anak : Kajian Di Taman Batu Permai, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pendidikan Islam). Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Johdi Salleh (2009). *Kajian Terhadap Kesedaran Pendidikan di Kalangan Masyarakat Orang Asli. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*. University Malaysia of Sabah. 3 - 5 February 2009.
- Mohd Ismail, Selamat, Azmi Shah, Abd Basit, Abdul Rahman & Abdul Hafiz (2004). *Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor*. Pusat Pengajian Islam dan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Mok, S.S. (2011). *Pedagogi Untuk Pengajaran & Pembelajaran*. (Edisi Kedua). Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, hlm 179. Nick Moon & Claire Ivins (2004). *Parental Involvement in Children's Education*. United Kingdom: Department For Education And Skills.
- Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris (2008). *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Nor Musliza dan Mokmin Basri (2014). *Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal*. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014* (e-ISBN 978-967-11768-7-0). 9-10 Jun pp.827-834. Kota Kinabalu, Sabah.
- Robbins dan Coulter (2005). *Manajemen* (Edisi Terjemahan). Jakarta: PT Indeks Gramedia.
- Rohana Hamzah (2010). *Mengenal Manusia: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai: UTM Press.
- Salasiah Hanin, Ermy Azziaty, Rosmawati & Zainab (2012) *Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. 4(2), 51-60.
- Suresh Kumar N Vellymalay (2013). *Relationship Between Malays' Parent Socioeconomics Status And Their Involvement in Their Childrens' Education At Home*. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1), 98-108.
- Zainudin & Norazmah (2011). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*. *Journal of Education Psychology & Counseling*. 1, 115-140

BAB 2

TEORI DAN PERSIAPAN PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN ORANG KURANG UPAYA MASALAH PENGLIHATAN (OKUMP)

Nur Atiqah Abdul Aziz, Noornajihan Ja'afar, Muhammad Hafiz Salleh

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pendahuluan

Al-Quran merupakan Kalamullah, mukjizat bagi Nabi Muhamad s.a.w., panduan bagi sekalian manusia. Konsep asas membaca, menghafal, memahami dan mengamalkan isi kandungan al-Quran merupakan satu tuntutan ke atas setiap individu Muslim. Tuntutan mempelajari al-Quran, menghafaz, memahami dan mempraktikkan isi kandungannya merupakan satu tuntutan umum yang bukan sahaja ditujukan kepada umat Islam normal, bahkan tuntutan ini turut ditujukan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU), antaranya bagi mereka yang mengalami masalah penglihatan (Hamdi 2011; Norakyairee & Ab. Halim 2011). Kekurangan upaya dan keterbatasan pancaindera, tidak sesekali membataskan kehidupan mereka seharian bagi mempelajari dan mentadabburkan al-Quran. Apa yang lebih membanggakan lagi, telah lahir ramai para hafiz al-Quran di kalangan insan istimewa ini (Nur Atiqah et.al 2018).

Oleh yang demikian, perlunya kepada pelaksanaan proses pembelajaran tahfiz al-Quran khususnya kepada golongan OKUMP di samping menekankan aspek-aspek yang dilihat sebagai faktor-faktor yang mempengaruhi dalam melahirkan huffaz yang berkualiti. Aspek persiapan pembelajaran tahfiz al-Quran OKUMP akan memberi manfaat kepada pelajar dalam mencambahkan minat dan dapat menghafaz dengan baik seta tidak mudah lupa. Tambahan pula menurut Hallahan & Kauffman (2009), minat dan motivasi golongan OKUMP ini akan berkurangan sekiranya tidak mendapat sokongan serta pendekatan yang khusus dan bersesuaian dalam proses pembelajaran kerana pandangan visual mereka sangat terbatas. Persediaan yang rapi sebelum pembelajaran membantu mereka mengharungi pembelajaran dengan baik.

Objektif

Kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

1. Menenal pasti asas teori dan model yang menjadi sandaran terhadap pembelajaran tahfiz al-Quran OKUMP.
2. Meneroka elemen-elemen bagi komponen persiapan pembelajaran tahfiz al-Quran OKUMP.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data dilakukan melalui sumber primer dan sekunder secara komprehensif dan empirikal bagi mengumpul data dan maklumat yang berkaitan. Sumber primer yang digunakan adalah seperti al-Quran, al-hadis, kitab-kitab yang berkaitan dengan penyelidikan seperti Ar-Risalah al-Mufassolah li ahwal al-Mua'allimin wal Muta'allimin (al-Qabisi, 1955).

Sumber sekunder pula adalah seperti jurnal-jurnal, kertas-kertas persidangan, dokumen, tesis dan buku-buku yang berkaitan dengan pendidikan. Untuk tujuan penganalisisan data, penulis menggunakan kaedah analisis teks. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis data berkaitan.

Teori Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Okump

Proses pembelajaran adalah melalui latihan atau pengalaman yang telah dijalankan (Kohler, 1887; Bruner, 1973; Gagne, 1970; Ausebel, 1961). Proses pembelajaran tersebut juga adalah bagi menghasilkan perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan (Wilson, et al. 1974; Robert M. Gagne, 1970; Lee Shok Mee, 1996). Oleh itu pembelajaran merupakan proses interaksi antara guru dan pelajar agar berlakunya proses pemerolehan ilmu pengetahuan melalui pengalaman yang diperolehi atau latihan yang diberikan bagi mengekalkan perubahan dan kebolehan individu.

Keperluan menyediakan kerangka teori kajian adalah untuk sesebuah kajian dan idea melaksanakan kajian dan lazimnya ia boleh diperolehi daripada teori dan model yang sedia ada (Noraini Idris, 2013; Neuman 2011). Kerangka teori dalam konteks kajian ini, menggambarkan proses pembelajaran tahfiz al-Quran dari sudut persiapan sebelum memulakan pembelajaran tahfiz al-Quran, proses pembelajaran tahfiz al-Quran dan hasil dari objektif dan matlamat pembelajaran yang akan dicapai oleh pelajar tahfiz (al-Qabisi 1955; Thorndike 1914; al-Qiyamah 75:16-19; Bandura 1977; Ibn Khaldun 2000; Fathiyah et al 2018; Azmil Hashim & Kamarul Azmi 2016).

Secara asasnya, kajian ini berpaksikan kepada kerangka model pembelajaran Teori Pelaziman Operan Thorndike (1914) dan model Pendidikan Tahfiz al-Qabisi (1955). Pemilihan dua model ini sebagai paksi dalam kajian adalah kerana kedua-duanya menekankan bahawa untuk menghasilkan pembelajaran yang baik dan berkesan memerlukan persediaan dan persiapan yang rapi dan mencukupi serta aspek pengulangan dan pengukuhan yang akan mempengaruhi ingatan dalam jangka pendek dan ingatan jangka panjang (Atkison & shiffrin, 1968).

Selain itu, pembentukan kajian ini menyokong ayat al-Quran dari surah al-Qiyamah 75:16-19 di samping ianya turut menjadi landasan terhadap teori Bandura (1955) dan teori Ibn Khaldun (2000) melalui aspek peniruan dan pengulangan di dalam proses menghafal al-Quran. Kajian juga menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Azmil Hashim & Kamarul Azmi (2016) dan Fathiyah et.al (2018). Menurut Azmil Hashim & Kamarul Hashim (2016) bahawa terdapat empat asas di dalam amalan pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran iaitu persiapan, proses menghafaz, pengukuhan hafazan dan pemantapan hafazan. Menurut Fathiyah et al (2018) pula pelajar yang mengikuti pembelajaran tahfiz perlu membuat persiapan agar dapat membantu mereka mengharungi pembelajaran dengan baik. Untuk keterangan yang lebih lanjut berkaitan model dan teori yang dinyatakan adalah seperti surah al-Qiyamah 75: 16-19.

Ayat tersebut menjelaskan bimbingan Allah s.w.t kepada rasul-Nya tentang kaedah menghafaz al-Quran yang disampaikan melalui malaikat Jibrail a.s. Di dalam kaedah ini pada peringkat awal, Jibrail a.s diperintahkan oleh Allah s.a.w supaya bertindak sebagai guru dan memperdengarkan bacaannya kepada Nabi Muhammad s.a.w manakala baginda diminta untuk mendengar di samping memerhati bacaan Jibrail a.s. (Aderi, Azmil Hashim & Kamarul Azmi, 2016). Ayat pertama yang dibacakan oleh baginda adalah iqra' yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibrail a.s dan kemudian dibaca oleh baginda secara hafazan. Bacaan Rasulullah s.a.w bukanlah hafazan semata-mata tetapi bacaan untuk difahami dan diingati. Sebagaimana yang digambarkan bahawa Rasulullah s.a.w telah menggerak-gerakkan lidahnya berkali-kali sehingga Allah s.w.t mengingatkan agar tidak berbuat demikian. Baginda Nabi Muhammad s.a.w dilarang oleh Allah meniru bacaan Jibrail a.s

kalimat demi kalimat, sebelum Jibrail a.s selesai membacanya, agar dapat Nabi Muhammad s.a.w menghafal dan memahami betul-betul ayat yang diturunkan itu (Aderi, 2017).

Ini menunjukkan penurunan wahyu al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW melalui Jibril a.s adalah melalui baca, ingat dan faham (iqra' ,hafaz wa fahm). Kaedah baca, ingat dan faham turut dituruti oleh para sahabat r.a yang lain dan mereka tidak akan berpindah kepada ayat-ayat yang lain sehingga mereka ingat dan amalkan ayat yang telah diajarkan oleh Nabi s.a.w (Hadith riwayat Ibn 'Asakir). Sebagaimana maklum, Nabi Muhammad s.a.w adalah seorang yang 'ummi' iaitu tidak tahu membaca dan tidak tahu menulis. Dengan penurunan Quran bersifat tadarruj (berperingkat) maka ia memberi ruang kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengulang dan menghafaz wahyu yang diturunkan Allah SWT melalui Jibril a.s dengan baik dan sempurna (Abu Najihat Al-Hadfiz, 2002).

Teori Pelaziman Operan Thorndike (1914)

Pemilihan Teori Pelaziman Operan Thorndike (1914) pula adalah saranan daripada Intan & Munif (2016) menurut mereka bahawa hukum latihan yang dikemukakan oleh teori Thorndike (1914) amat bersesuaian dengan aktiviti menghafal kerana ia memerlukan latihan yang optimum bagi menguasai hafalan al-Quran. Model ini juga menjelaskan perkaitan di antara stimulus-respons dengan latihan yang bertubi-tubi. Analoginya, proses menghafaz al-Quran menunjukkan satu bentuk pengulangan yang memerlukan latihan bacaan (tikrar ma'a talwin). Tambahan pula menurut Farah Ilyani & Aderi (2018) bahawa teori pembelajaran behaviorisme ini merupakan satu proses pelaziman antara hubungan dan rangsangan luar dengan tindak balas individu dapat dibina untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang tekal.

Selain itu Thorndike turut mengemukakan aspek kesediaan sebagai persiapan dalam menghadapi pembelajaran. Terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan tentang hukum kesediaan Thorndike (1914) dalam pembelajaran seperti Anupama (2014); Edger (2012); Mittal Monika & Latta Parveen (2015). Namun kajian-kajian tersebut menekankan aktiviti pembelajaran dan pengajaran dalam bidang yang berlainan dengan hafazan al-Quran. Maka, teori Thorndike (1914) disesuaikan dengan kerangka kajian ini secara keseluruhan kerana proses menghafal al-Quran mengamalkan konsep sebelum, semasa dan selepas kejadian.

Kesediaan belajar adalah satu situasi yang memungkinkan seseorang itu untuk belajar. Thorndike (1932) dalam Kamaruddin Hussin (1993:44) yang mengutarakan prinsip kesediaan belajar berpendapat bahawa proses pembelajaran itu akan menjadi lebih berkesan sekiranya sudah wujud kesediaan dalam diri murid-murid untuk menerimanya. Teori Pelaziman Operan Thorndike dikemukakan oleh Edward L.Thorndike pada tahun 1914. Beliau menggunakan seekor kucing untuk membuat kajian. Di dalam eksperimennya, Thorndike membuktikan bahawa haiwan dan juga manusia belajar melalui proses cuba jaya iaitu kaedah cuba dan ralat. Di dalam proses ini, oleh kerana latihan dilakukan secara berulang-ulang, gerak balas yang salah dihasilkan pada peringkat permulaan akan semakin berkurangan, perhubungan di antara rangsangan dengan gerak balasnya akan semakin bertambah kukuh (Mok Soon, 2011). Dengan itu, Thorndike turut mengemukakan tiga hukum pembelajaran iaitu hukum kesediaan (law of readliness), hukum latihan (law of exercise) dan hukum kesan (law of effect). Berikut merupakan gambar rajah pembelajaran melalui tiga hukum yang dinyatakan:

Rajah 2: Hukum pembelajaran menurut Thorndike (1914)



Hukum kesediaan merupakan keupayaan persiapan seseorang individu di dalam kendirinya untuk memulakan sesuatu aktiviti pembelajaran. Hukum latihan menyatakan bahawa semakin banyak latihan yang tertentu dijalankan. Hukum ini juga amat bersesuaian dengan aktiviti menghafal kerana seseorang pelajar dapat menguasai kemahiran sekiranya latihan dilakukan secara berulang-ulang. Hukum kesan pula menurut Thorndike (1914) adalah dari aspek hasil akhir di dalam sesuatu pembelajaran.

Maka sekiranya rangsangan dan gerak balas berterusan kukuh, maka akan memperoleh kesan dan hasil yang optimum dari proses pembelajaran tersebut. Perhubungan ini berlaku berdasarkan kepada bilangan kali latihan, keadaan kesediaan individu dan keberkesanan latihan. Implikasi teori Thorndike ini dalam pengajaran dan pembelajaran adalah untuk meningkatkan tahap kesediaan belajar dan memperkukuhkan pertalian antara rangsangan dan gerak balas dengan memperbanyakkan aktiviti latihan, latih tubi, ulang kaji serta pengukuhan. Di samping itu, dengan kesan terhadap kesediaan serta latihan yang dijalankan, mereka berpeluang menikmati kejayaan di dalam pembelajaran mereka. Berdasarkan model dan teori yang telah dibincangkan di atas, kerangka teori pembelajaran tahfiz al-Quran OKUMP dapat diringkaskan seperti berikut:

Rajah 3: Kerangka teori kajian pembelajaran tahfiz al-Quran OKUMP (al-Qabisi 1955; Teori Thorndike 1914 ;Teori Ibnu Khaldun 2000 dan Teori Bandura 1977)



Model al-Qabisi (1955)


Pemilihan model al-Qabisi (1955) ini adalah berdasarkan risalah beliau yang mengemukakan serta menumpukan pada pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran (Ahwani 1995; Ahmad Fuad 1995). Selain itu, menurut Azmil & Kamarul (2016), model pendidikan tahfiz al-Qabisi ini boleh dijadikan sebagai kerangka teori dalam membangunkan pendidikan tahfiz al-Quran. Model ini juga merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi kaedah dan teknik yang sempurna serta penilaian yang teratur dalam menghasilkan hasil pembelajaran selaras dengan matlamat dan objektif yang telah digariskan (Azmil et al, 2013). Selain itu, terdapat beberapa kajian lepas yang menggunakan Teori al-Qabisi dalam kajian mereka. Antaranya ialah Azmil et. al, (2013) dan Mohd Jamalil et. al, (2017) yang menjalankan kajian mengenai teori al-Qabisi dengan pengajaran tahfiz.

Merujuk kepada teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang telah diperkenalkan oleh al-Qabisi (1955). Beliau menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran memerlukan ingatan yang kuat untuk menghafaznya dengan tidak merubah struktur ayat al-Quran, sama ada perubahan ayat atau pertukaran huruf. Oleh itu, al-Qabisi (1955) menyatakan objektif dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran ini ialah *hifz*. Iaitu pelajar dapat menghafaz al-Quran dengan baik tanpa melihat *mushaf*. *Al-Wa'i* (penghayatan) iaitu pelajar dapat menghayati dan memahami ayat yang dibaca serta bersemadi di dalam jiwa. *Istirja'* iaitu pelajar dapat membaca semula ayat yang dihafaz dengan penuh kelancaran mengikut susunan, huruf, baris dan sebagainya tanpa melihat *mushaf*. Menurut beliau, mereka yang telah memiliki ketiga-tiga kemahiran ini merupakan mereka yang telah menghafaz al-Quran dengan baik.

Beliau telah menggariskan kaedah membawa kepada ingatan hafazan yang baik dan tidak mudah lupa kepada al-Quran iaitu kaedah *talqin* (mengajar), *takrar* (latih tubi), *al-mail* cintakan al-Quran) dan *al-fahm* (kefahaman). Kaedah *talqin* bererti guru membaca ayat-ayat al-Quran, kemudian pelajar mencontohi bacaan dan mengulangi apa yang dibaca oleh gurunya daripada ayat-ayat al-Quran sehingga dapat menghafaznya secara lancar (al-Qabisi, 1955). Kaedah berikutnya iaitu *takrir* (latih tubi) dan pengulangan. Kaedah ini menuntun para pelajar supaya berterusan mengulangi ayat yang dihafaz supaya tidak hilang dari ingatan (Ahwani, 1955). Ahwani (1955) menghuraikan pandangan al-Qabisi ini dengan berpendapat bahawa *al-mail* membawa pengertian cinta akan al-Quran. Pelajar seharusnya mencintai al-Quran dengan sentiasa memberikan penumpuan terhadap bacaan dan hafazan al-Quran walau di mana sahaja berada. Kaedah seterusnya yang dinyatakan oleh al-Qabisi ialah *al-fahm* (kefahaman). Menghafaz al-Quran dengan memahami maknanya adalah lebih mudah dan dapat memperkukuhkan ingatan (Ahwani, 1955).

Beliau juga menyarankan agar teknik yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini ialah teknik menggunakan kepelbagaian pancaindera antaranya mendengar, melihat, membaca dan menulis (al-Qabisi, 1955). Al-Qabisi (1955) juga menjelaskan teknik penilaian di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini seharusnya berlaku dalam bentuk penilaian harian, penilaian mingguan, dan penilaian akhir. Proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang mempunyai kaedah dan teknik yang sempurna serta penilaian yang teratur akan menghasilkan hasil pembelajaran selaras dengan matlamat dan objektif yang telah digariskan. Berikut merupakan ringkasan terhadap kerangka teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran (al-Qabisi, 1955):

Rajah 1: Kerangka teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran al-Qabisi (1955)



Teori Permodelan Bandura (1977)

Teori kognitif sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura merupakan antara teori terkenal dan banyak diguna pakai dalam kajian-kajian pembelajaran sosial. Bandura (1977) mengenal pasti empat unsur utama dalam proses pembelajaran iaitu melalui pemerhatian/ permodelan iaitu perhatian (*attention*), mengingat (*retention*), reproduksi (*reproduction*) dan penguhan/ motivasi (*reinforcement/ motivation*) (Mok Soon 2008; 2009; 2010). Proses peniruan tersebut akan berlaku secara berulang-ulang sekiranya seseorang individu mendapat motivasi yang tinggi untuk meneruskan tindakan tersebut (Kail, 2010).

Asasnya terdapat tiga jenis model untuk pemerhatian, iaitu model bernyawa, model simbolik dan juga model teks atau arahan verbal (Bandura 1977, 2007). Dalam konteks pelajar OKUMP, mereka boleh menggunakan model teks serta arahan verbal yang merujuk kepada contoh bacaan al-Quran yang didengari sebagai model untuk diperhatikan kerana tidak mempunyai deria penglihatan. Pembelajaran tahfiz OKUMP pelajar memainkan peranan untuk meniru bacaan al-Quran dan juga menghayati cara sebutan guru yang tepat bagi huruf-huruf al-Quran yang hendak dihafaz. Proses peniruan pelajar OKUMP adalah berdasarkan peniruan sebutan menggunakan deria pendengaran, bukan peniruan menggunakan deria penglihatan. Perkara ini bertepatan dengan proses *talaqqi dan musyafahah* yang memerlukan kepada pemerhatian cara sebutan yang betul dan tepat.

Tindak balas terhadap model ini bergantung kepada ciri yang pelbagai. Jika seseorang individu tidak berminat terhadap sesuatu perkara, kemungkinan proses pembelajaran tidak akan dapat berjalan dengan baik walaupun berlakunya proses pemerhatian. Ketidakupayaan mereka untuk melihat menyebabkan pelajar OKUMP tidak dapat memerhati tingkah laku sosial secara langsung. Mereka juga sukar untuk meniru tingkah laku tersebut. Bagi memperkukuhkan tingkah laku yang dipelajari, ketiadaan persepsi visual yang dihadapi menyebabkan mereka perlu melakukan peniruan secara fizikal (*physical modelling*), maklum balas secara lisan, arahan yang konsisten, dan juga ganjaran yang realistik (Norshidah, 2013).

Manifestasi prinsip pemerhatian Bandura ini telah berlaku pada permulaan awal proses pembelajaran al-Quran. Wahyu diturunkan oleh Allah S.W.T. melalui malaikat Jibril a.s kepada Rasulullah s.a.w. iaitu melibatkan cara *talaqqi dan mushafahah* (Mohd Yusof 1999). Penurunan ayat pertama di Gua Hira' kepada Rasulullah s.a.w. merupakan titik bermulanya pembelajaran dan pengajaran al-Quran. Rasulullah s.a.w. dengan mudah dapat memahami

dan menguasai al-Quran yang disampaikan oleh malaikat Jibril a.s. secara *talaqqi* dan *mushafahah* serta mendengar dengan baik dan teliti ayat yang diturun dan dibacakan, kemudian menyebut dan melafazkan dan akhirnya dapat dihafaz (Al-Bukhari 1966, 1993).

Individu sebagai peniru hendaklah menyimpan segala bentuk perlakuan yang hendak ditiru dalam memori mereka (Bandura 1997; 2007). Sesuai dengan konsep hafazan al-Quran, pelajar hendaklah menyimpan dalam ingatan mereka proses peniruan bacaan al-Quran dapat dilakukan dengan baik. Proses penyimpanan maklumat pelajar OKUMP biasanya adalah sangat baik, kerana mereka tidak menggunakan deria penglihatan untuk mengkodkan sesuatu ingatan, sebaliknya lebih bergantung kepada ingatan (Hajarul, 2016).

Prinsip ketiga ialah melakukan kembali atau mengulangi perbuatan yang dipamerkan kepadanya (Bandura 1977, 2007). Dalam kajian ini, sebutan yang diperoleh dapat dilahirkan dan digunakan mengikut konteks yang tepat. Ke kerapannya menggunakan membolehkan sebutan tersebut disimpan dalam memori jangka panjang dan mudah digunakan kembali apabila diperlukan (Hajarul, 2016).

Prinsip terakhir yang dikemukakan oleh Bandura (1977,2007) adalah prinsip peneguhan. Proses peneguhan hendaklah dilaksanakan sesudah proses peniruan. Peneguhan ini memerlukan atau melibatkan individu lain. Biasanya peneguhan dilakukan oleh ahli keluarga, guru dan juga rakan sebaya. Peneguhan berupa ganjaran yang bersesuaian kepada individu tersebut sama ada berbentuk pujian atau kebendaan supaya dapat menjadi motivasi untuk melakukan pengulangan seterusnya. Guru juga perlu memberikan galakan serta motivasi yang tinggi kepada pelajar dalam usaha menghafaz al-Quran sebagai satu peneguhan agar murid lebih berminat untuk mempelajari al-Quran (Muhammad Muhsin 1994).

Teori Ibnu Khaldun (2000)

Proses pembelajaran murid juga melibatkan pengajaran yang berkesan daripada guru. Ibnu Khaldun (2000) berpendapat pembelajaran dan pengajaran yang berkesan ialah pengajaran yang menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik secara bertahap-tahap (*tadrijj*), beransur-ansur, sedikit demi sedikit atau berstruktur. Asasnya kaedah pengajaran guru perlu mempunyai tiga langkah. Pada langkah pertama guru perlu menyampaikan pengajaran mengikut tahap pengetahuan dan kemampuan murid, sama ada murid cemerlang, sederhana dan lemah. Seterusnya dalam langkah kedua, proses pengulangan hendaklah dilakukan. Pada langkah ketiga, langkah pengajaran guru hendaklah diberikan dan disampaikan dengan terang dan jelas pada tahap yang lebih tinggi berdasarkan objektif pengajaran (Ibnu Khaldun, 2000).

Dalam konteks pembelajaran tahfiz al-Quran terhadap OKUMP guru perlu mengetahui tahap kemampuan murid dari aspek tahap penglihatan yang dipunyai oleh mereka, pengulangan juga perlu dilakukan disebabkan mereka agak lambat menerima sebarang input pengajaran kerana kurangnya proses visual yang berlaku pada mereka, seterusnya penerangan juga perlu diberikan dengan terang dan jelas kepada murid (Ibnu Khaldun, 2000; Bandura 2007). Pengulangan berkali-kali ini diperlukan dalam beberapa keadaan, dan kekerapan pengulangan bergantung kepada kemahiran, tahap keupayaan dan kecerdasan pelajar untuk belajar. Pengulangan dan kebiasaan memungkinkan pelajar lebih mudah memahami sesuatu prinsip dan kaedah (Ibnu Khaldun , 2000).

Justeru daripada perbincangan terhadap model dan teori di atas, dapat dilihat bahawa untuk menghasilkan hafazan yang berkualiti, ianya bergantung kepada proses pembelajaran yang merupakan asas serta faktor yang utama bagi mencapai pendidikan tahfiz yang berkesan dan berkualiti. Berdasarkan model dan teori yang telah dikenal pasti, jelas menunjukkan penekanan tertumpu kepada aspek kaedah dan teknik menghafaz yang berkesan agar pelajar dapat menghafaz dengan baik serta tidak lupa pada hafalan tersebut. Di samping itu ianya bersesuaian dengan kemampuan serta kebolehan yang ada pada

golongan OKUMP. Namun bagi aspek kesediaan dan persiapan, ianya telah dikemukakan oleh Teori Pelaziman Operan Thorndike (1914) yang merupakan model asas bagi kajian ini. Keperluan terhadap aspek persiapan sebelum memulakan hafazan turut dinyatakan oleh Abu al-Wafa (1999); Abu Najihat (2002); Azmil Hashim & Kamarul Azmi (2016); Intan Zakiah & Munif (2016) dan Fathiyah et al (2018); iaitu dalam menghasilkan pembelajaran yang baik dan berkesan memerlukan persediaan dan persiapan yang rapi dan mencukupi.

Persiapan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Okump

Aspek persiapan pembelajaran tahfiz al-Quran yang disarankan oleh model Teori Pelaziman Operan Thorndike (1914) perlu dilaksanakan sebagai persediaan awal tentang suasana pembelajaran tahfiz yang sebenar serta membantu menjalani proses pembelajaran tahfiz dengan baik.

Oleh itu, menurut Abu al-Wafa (1999) dan Abu Najihat (2002), terdapat 4 bentuk strategi pengajaran dan pembelajaran yang perlu dipenuhi iaitu persediaan, proses menghafaz, pengukuhan hafazan dan pengejalan hafazan. Begitu juga menurut Intan Zakiah dan Munif (2015) yang merumuskan aplikasi pembacaan al-Quran oleh para *huffaz* dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu peringkat sebelum menghafaz al-Quran, peringkat semasa menghafaz al-Quran, peringkat selepas menghafaz al-Quran dan peringkat amalan para penghafaz al-Quran. Justeru, aspek persiapan dan kesediaan sebelum memulakan proses menghafaz al-Quran OKUMP perlu diketengahkan sebagai langkah dan persiapan awal sebelum menjalani proses menghafaz al-Quran.

Aspek Persiapan Sebelum Menghafaz

Persediaan dan kesediaan belajar merujuk kepada keadaan dalaman individu yang bersedia dan berupaya untuk mempelajari sesuatu dengan tujuan memperoleh pengalaman pembelajaran yang baru (Mok Soon, 2011; Lee Shok Mee. 1996). Menurut Abu Najihat (2002); Abu al-Wafa (1999); Azmil Hashim (2010); langkah pertama dalam membentuk strategi pembelajaran tahfiz al-Quran yang baik adalah dari aspek persiapan sebelum memulakan pembelajaran. Persiapan tersebut merupakan perkara yang sangat penting dan mesti dilakukan oleh pelajar yang menghafaz al-Quran bagi mempersiapkan mental dan jiwa (Abu Mazaaya, 2010). Kesan persediaan dan persiapan tersebut akan memberi manfaat kepada pelajar dalam mencambahkan minat, menghafaz dengan mudah dan tidak mudah lupa (Mohd Yusuf, 2004). Persiapan yang rapi sebelum pembelajaran membantu mereka mengharungi pembelajaran dengan baik (Fathiyah et.al, 2018). Justeru itu, persiapan dan kesediaan belajar dalam kalangan pelajar tahfiz al-Quran OKUMP menurut pengkaji yang mempengaruhi proses hafazan adalah persiapan dari aspek kognitif, afektif, fizikal dan rohani.

Kognitif

Persiapan kognitif merujuk kepada persiapan mental dan intelek seseorang untuk belajar sesuatu (Mok Soon, 2008; 2011). Bagi pelajar OKUMP, perkembangan kognitif mereka adalah seperti golongan normal sekiranya tidak mengalami kecacatan kognitif. Oleh itu, persiapan kognitif sebelum mengikuti pembelajaran tahfiz al-Quran mempunyai kelancaran dalam membaca al-Quran meliputi pengetahuan asas ilmu tajwid. Tanpa bacaan al-Quran yang lancar serta pengetahuan asas mengenai tajwid, OKUMP berkemungkinan akan berhadapan dengan kesukaran ketika menghafaz al-Quran.(Fathiyah et.al, 2018).

Selain itu pendedahan terhadap hafazan surah-surah lazim sebelum mengikuti pembelajaran tahfiz al-Quran turut mempengaruhi proses pembelajaran tahfiz al-Quran yang sebenar (Noornajihan et. al, 2011). Justeru, dengan pendedahan yang diberikan, pelajar dapat mengetahui dan mengenal pasti kaedah dan teknik hafazan yang sesuai dan berkesan dengan kemampuan diri mereka. Hal tersebut akan membantu dalam mempercepatkan proses menghafal al-Quran (Fathiyah et.al, 2018).

Afektif

Persiapan afektif merujuk kepada persiapan terhadap sikap, keinginan, semangat, ketekunan, perasaan dan minat seseorang untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran (Mok Soon, 2008; 2011; Lee Shok Mee, 1996). Menurut Stanford (1971), seseorang yang mempunyai sikap positif yang tinggi serta ketekunan dan minat terhadap pembelajaran, akan memudahkan proses pembelajaran dan berjaya mencapai kecemerlangan. Dalam konteks menghafaz al-Quran ianya memerlukan kerajinan dan komitmen yang sangat tinggi (Samjan & Rafedah, 2012).

Selain itu juga ianya memerlukan kesabaran dan disiplin untuk mencapai jumlah sasaran ayat-ayat yang perlu dihafal pada satu-satu masa (Nor Musliza & Mokmin, 2014). Tambahan pula proses pembelajaran tahfiz al-Quran merupakan pembelajaran secara sendiri (Nur, Atiqah 2020). Oleh itu, kejayaan pelajar tahfiz banyak bergantung pada minat dan motivasi diri sendiri. Justeru, bagi memastikan minat, motivasi, kegigihan dan kesabaran kekal di dalam diri pelajar tahfiz OKUMP, rangsangan dan dorongan dalaman memainkan peranan yang penting bagi memastikan proses menghafaz dilaksanakan mengikut kerelaan dan kemahuan diri.

Fizikal

Aspek ini merujuk kepada seseorang yang mempunyai potensi atau kematangan fizikal dan bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan fizikal dalam proses pembelajaran (Mok Soon, 2008; 2011; Lee Shok Mee, 1996). Persiapan seterusnya yang patut diberikan kepada pelajar yang bakal mengikuti pembelajaran tahfiz ialah persiapan dari aspek fizikal. Pelajar akan berhadapan dengan jadual harian yang padat serta perlu bersedia untuk mengikuti dan melibatkan diri dalam program pemantapan al-Quran serta seumpamanya (Fathiyah et.al, 2018).

Selain itu, faktor pemakanan juga harus dititik beratkan dalam kalangan pelajar tahfiz al-Quran kerana ianya turut mempengaruhi kecergasan kesihatan. Menurut Aminuddin & Ishak (2012), pelajar-pelajar tahfiz perlu menjaga sumber makanan yang diperolehi. Selain itu, mereka perlu mengelak daripada mengambil makanan yang tidak berkhasiat seperti makanan jeruk yang masam, berperisa *monosodium glutamate* (MSG) yang memiliki kandungan garam yang tinggi serta bahan kimia dan minuman bergas (Fathiyah, 2017). Sebaliknya, pelajar tahfiz seharusnya membiasakan diri dengan pengambilan makanan tertentu yang digalakkan oleh pelajar tahfiz al-Quran seperti susu, kismis, tamar dan madu. Ianya bukan sahaja membantu meningkatkan kualiti hafazan tetapi membantu mencergaskan kesihatan badan dan pemikiran kerana mempunyai kandungan serat dan khasiat yang tinggi (Fathiyah et.al, 2018).

Kerohanian

Persiapan sebelum pelajar-pelajar OKUMP menghafaz al-Quran perlunya kepada persiapan mental dan jiwa yang suci. Oleh yang demikian, keutamaan dalam persiapan rohani OKUMP dalam melalui proses pembelajaran tahfiz al-Quran adalah menjaga hubungan

baik dengan Allah dalam konteks meninggalkan perkara-perkara maksiat (Abu Najihat, 2002; al-Syarbini, 2004; Abu Fida', 2006). Ini kerana setiap perbuatan maksiat yang dilakukan akan memberi kesukaran dan kesusahan untuk mendekati dan menghafal al-Quran.

Di samping itu menjaga hubungan baik sesama manusia terutamanya beradab ketika bersama dengan guru, ibu bapa dan rakan-rakan serta sentiasa menjaga adab ketika berinteraksi dengan al-Quran. Antara persiapan *spiritual* dan kerohanian yang perlu dititik beratkan adalah dari sudut amalan dan ibadah yang seharusnya dilazimi. Antara amalan dan ibadah yang perlu dilazimi adalah seperti *qiamullail*, puasa sunat dan bacaan *al-Mathburat* bagi membantu memudahkan proses menghafaz al-Quran (Fathiyah, 2017).

Kesimpulan

Pentingnya kerangka teori bagi setiap kajian sebagai bimbingan dan landasan terhadap sesebuah penyelidikan. Ini kerana kerangka teori memperlihatkan secara umum dan meluas tentang hubungan antara elemen-elemen yang dikaji. Ini bagi menghasilkan kajian yang lebih teratur dan bersesuaian dengan bidang pengetahuan yang dikaji. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian yang dijalankan, asas teori sedia ada yang diguna pakai di dalam kajian pembelajaran tahfiz al-Quran OKUMP ini adalah teori al-Qabisi (1955), Thorndike (1914), al-Qiyamah 75:16-19, Bandura (1977), Ibn Khaldun (2000). Berdasarkan kerangka teori yang dihasilkan, mendapati bahawa untuk mendapatkan proses pembelajaran yang kekal dan stabil, perlukan kepada persiapan dan kesediaan yang rapi sebelum pembelajaran bagi membantu mereka mengharungi pembelajaran dengan baik. Justeru, persiapan dan kesediaan belajar dalam kalangan pelajar tahfiz al-Quran OKUMP menurut pengkaji yang mempengaruhi proses hafazan adalah persiapan dari aspek kognitif, afektif, fizikal dan rohani. Persiapan tersebut merupakan perkara yang penting dan mesti bagi mempersiapkan mental dan jiwa pelajar tahfiz OKUMP kerana proses pembelajaran al-Quran merupakan pembelajaran secara sendiri. Selain itu, rangsangan dan dorongan dalaman adalah penting dalam persediaan OKUMP menghafaz al-Quran bagi memastikan proses menghafaz dilaksanakan mengikut kerelaan dan kemahuan diri.

Rujukan

- Abdul Munir Ismail & Mohd Noor Daud. (2014). Suatu Analisis Pendekatan Abdullah Nasih Ulwan dalam menangani penyelewengan terhadap pendidikan anak-anak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 17.
- Abu Dzar Ahmad & Mohd Arif Nazri. (2017). Komunikasi Keluarga Berdasarkan Uslub Nabi SAW *Jurnal Al-Turath*, Vol 2, No 1, 55.
- Ahmad Izzudin Al Bayannuni. (1995). *Pendidikan Anak Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Perniagaan Jahabersa.
- Arba'ie Sujud. (2007). Bahasa verbal dan non-verbal sebagai cerminan masyarakat dalam novel-novel melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 18, 16-17.
- Dr. Moch. Syarif Hidayatullah. (2017). Bahasa Komunikasi Nonverbal. *Pengirim Pesan Tanpa Kata*.
- Fuad Hj. Sam. (2011). *Anakku, Didiklah Hati Mencintai-Nya*. Kuala Lumpur: Group Buku KarangKraf.
- Harun Arrasyid Hj.Tusnan. (2004). *Pengorbanan ibubapa terhadap anak*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn.Bhd.
- Ina Siti Julaha. (2014). Keteladanan Orang Tua Dalam Mendidik Anak Menurut Abdullah Ulwan. 13.

- Kamarul Azmi Jasni. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim. (2018). Kepentingan Komunikasi Non Verbal dalam Organisasi. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.15. No.5(107-116).
- Noor Najihah Jaafar. (2014). Metod Rasulullah Dalam Pembentukan Modal Insan. 12.
- Rahendra Maya. (2016). Revitalisasi Keteladanan dalam Pendidikan Islam: Upaya Menjawab Peluang dan Tantangan Pendidikan Islam di Era Masyarakat Ekonomi ASEAN (MEA). *Edukasi Islami Jurnal Pendidikan Islam Vol. 05*, 1177.
- Siti Barokatul Anamiyah. (2015). Metode keteladanan (Uswah Hasanah) dalam pendidikan Islam persepektif Al-Quran. 35.
- Tri Indah Kusumawati. (2016). Komunikasi Verbal dan Nonverbal. *Jurnal Al-Iryad Vol.VI, No. 2*, 140.
- Zulkefli Hj. Aini. (2016). *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.

BAB 3

PERKEMBANGAN DAN CABARAN INSTITUSI PENDIDIKAN TAHFIZ DI MALAYSIA : SATU PEMERHATIAN

Muhammad Zaid Shamsul Kamar¹, Mohd Isa Hamzah², Mohamad Redha Mohamad¹

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pendahuluan

Interaksi antara umat Islam dengan kitab al-Quran sentiasa berada dalam perkembangan yang dinamik. Bagi umat Islam, kitab al-Quran itu bukan hanya sebagai sebuah kitab, bahkan meliputi dan menyempurnakan tiga buah kitab yang diturunkan kepada para rasul sebelum Nabi Muhammad s.a.w. Segala perintah dan larangan Allah s.w.t. juga undang-undang dan petunjuk dan sejarah ketamadunan manusia terdapat di dalam kitab al-Quran. Sebagai umat Islam, wajib untuk mempelajari isi kandungan al-Quran sebagai pedoman manusia demi kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Metode pengajaran al-Quran menggunakan kaedah hafazan telah diamalkan sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. Pendekatan tersebut adalah selari dengan pengajaran oleh Malaikat Jibril a.s. ketika menurunkan wahyu kepada Rasulullah s.a.w. (al-'Ala 87:6). Kaedah pengajaran al-Quran secara hafazan ini seterusnya menjadi metode awal untuk para sahabat belajar al-Quran dari Rasulullah s.a.w. Mempelajari serta menghafal al-Quran mempengaruhi pencapaian akademik para pelajar beragama Islam. Muhaidi (2010) menyatakan bahawa pelajar yang holistic boleh dihasilkan serta mampu merealisasikan falsafah Pendidikan negara ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seiring dengan kehebatan mukjizat al-Quran.

Walaupun demikian, terdapat persoalan berkenaan cabaran para pelajar aliran tahfiz yang bakal dilalui hari ini. Adakah mereka mampu memenuhi potensi yang disandarkan kepada mereka. Apakah mereka bersedia untuk menempuh cabaran sebagai penghafaz al-Quran seumur hidup mereka. Oleh itu, mereka seharusnya mendapatkan maklumat dan info berkaitan dengan alam aliran tahfiz sebelum melangkah untuk meneruskan pengajian.

Sejarah Perkembangan Pendidikan Tahfiz Di Malaysia

Pengajian tahfiz di Malaysia bermula pada tahun 1966 apabila Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj selaku Perdana Menteri Malaysia pertama menyuarakan hasrat untuk menubuhkan Ma'ahad tahfiz. Ma'ahad ini pada awalnya diletakkan di Masjid Negara Kuala Lumpur dan kemudiannya diletakkan di bawah Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) (Afaf Ghafor 2003). Pada tahun 1997, maahad tahfiz tersebut dinaiktaraf menjadi salah satu dari bahagian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta dijenamakan sebagai Darul Quran serta beroperasi di Kuala Kubu Bharu dengan metode pengajaran al-Quran dan akademik. Bertitik tolak dari usaha tersebut, pengajian tahfiz dilihat semakin berkembang saban tahun dengan penubuhan institusi tahfiz yang ditubuhkan oleh kerajaan dan swasta (Nor Hayati et.al 2017).

Perkembangan positif Pendidikan tahfiz membuka mata banyak pihak. Antaranya Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut memperkenalkan Tahfiz Modul Ulul Albab (TMUA) yang berpaksikan Qura'nik, Ijtihadik dan Ensiklopedik (Wan Mariana & Shafie 2012). Kementerian Pendidikan Malaysia turut menggunakan pendekatan yang serupa iaitu dengan

memperkenalkan TMUA. Bermula tahun 2015, pelaksanaan program TMUA oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah meliputi hampir keseluruhan negara kecuali wilayah persekutuan, Perlis, Melaka dan Sarawak. Negeri-negeri tersebut turut melaksanakannya pada tahun 2017.

Perubahan yang positif ini jelas menandakan bahawa Pendidikan tahfiz semakin mendapat tempat di dalam pendidikan negara. Pendidikan tahfiz turut dijadikan medium ibu bapa untuk melihat anak-anak mereka menjadi generasi yang beriman serta professional. Muhaidi et.al (2015) menyatakan bahawa pelajar yang cemerlang dalam hafazan turut akan cemerlang sahsiah. Selain itu, Ahmad Syahrul et.al (2015) dari kajian mereka mendapati bahawa kumpulan pelajar yang mengikuti program Huffaz adalah mempunyai pencapaian lebih baik berbanding yang tidak mengikutinya. Ini membuktikan bahawa aliran tahfiz tidak dianggap sebagai bebanan bahkan membantu pelajar untuk lebih cemerlang.

Kesedaran Masyarakat Akan Kepentingan Agama

Malaysia secara fizikal adalah setanding dengan negara lain terutama dari aspek kemajuan. Banyak pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang dihasilkan sebagai bukti kepada kemajuan tersebut. Seiring senario ini, sudut pendidikan juga dilihat semakin membangun dengan penambahan bilangan sekolah, tenaga pengajar dan keberhasilan pelajar saban tahun. Bidang Pendidikan Tahfiz turut mendapat manfaat dengan kemajuan negara pada hari ini. Kesungguhan kerajaan terbukti dalam meningkatkan taraf pendidikan terutama dalam pembentukan modal insan untuk memahami pengajaran agama Islam. Badan-badan swasta dan individu turut sama membantu perkembangan ini terutama dalam meletakkan ilmu al-Quran sebagai teras utama pembelajaran. Keadaan ini secara tidak langsung menghasilkan tahap kesedaran untuk beragama di dalam minda masyarakat.

Kesedaran tentang kepentingan beragama mendorong masyarakat Islam berpegang teguh kepada agama Islam yang mampu membantu menyelesaikan segala permasalahan sosial dengan izin-Nya. Al-Quran yang dipelajari dan dihafal turut mempengaruhi tindakan manusia dan menjadi panduan kepada manusia dalam menimbang keputusan betul atau salah (Salahuddin 2016). Al-Quran juga merupakan kunci utama manusia untuk mendekati Allah dan mengamalkan apa yang diperintah serta meninggalkan segala perkara yang menjadi laranganNya.

Peningkatan Institusi yang Menawarkan Aliran Tahfiz

Kesedaran masyarakat berkenaan kepentingan beragama tersebut turut mempengaruhi peningkatan jumlah institusi yang menawarkan pengajian agama Islam terutama aliran tahfiz. Para ibubapa terutamanya mahu melihat anak-anak mereka dididik dengan ajaran Islam yang benar. Permintaan yang semakin meningkat ini terhasil daripada kesedaran kepentingan agama yang dipupuk dalam komuniti masyarakat pada hari ini.

Noor Hisyam (2014) menyatakan bahawa institusi tahfiz di Malaysia terbahagi kepada dua pola struktur. Pertama adalah institusi di bawah kelolaan kerajaan. Institusi dalam pola pertama ini termasuk juga dari insitusi yang ditadbir oleh kerajaan persekutuan serta kerajaan negeri. Pola struktur kedua adalah institusi tahfiz swasta yang diuruskan oleh satu-satu badan organisasi mahupun individu. Kedua-dua pola tersebut menunjukkan peningkatan kuantiti saban tahun terutama dari badan organisasi atau swasta. Kesemua institusi tersebut menawarkan kaedah Pendidikan yang pelbagai yang menjadi sumber kekuatan institusi masing-masing. Menurut Noor Hisham et.al (2014), kepelbagaian tersebut dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu;

- a) Tahap Pendidikan
 - i) Tahap kanak-kanak (sekolah rendah)
 - ii) Tahap remaja (sekolah menengah)
 - iii) Tahap pra-Dewasa (pengajian tinggi)
- b) Pendekatan dan kaedah
 - i) Tradisional
 - ii) Moden
- c) Aliran dan orientasi
 - i) Sains
 - ii) Agama
 - iii) Qiraat

Aspek-aspek tersebut mempunyai impak yang tersendiri terhadap sistem pendidikan meliputi falsafah dan matlamat, kandungan dan pengalaman, pendekatan dan olahan, pengurusan dan pentadbiran, prasarana dan syarat kemasukan, serta halatuju dan objektif.

Cabaran Pengajian Tahfiz Di Malaysia

Negara pada hari ini menuntut rakyatnya untuk bertindak secara rasional dan cepat demi survival kehidupan masa kini. Kemajuan di peringkat globalisasi memaksa masyarakat untuk bergerak seiringan. Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi setiap aspek dalam kehidupan termasuk pendidikan. Namun begitu, masyarakat harus peka dan cermat dalam membuat keputusan berkenaan keperluan perubahan dari sudut pendidikan agar tidak hanyut dek kerana kepesatannya.

Begitu juga keperluan institusi tahfiz yang turut memerlukan transformasi dan sentuhan kemajuan yang dinikmati pada hari ini demi meneruskan kelangsungan Pendidikan al-Quran. Penelitian yang berhati-hati harus dibuat untuk menimbang perkara-perkara yang perlu diubah atau ditambahbaik mengikut modenisasi dan arus perdana serta perkara-perkara yang harus dikekalkan seperti keadaan asalnya agar identiti institusi tersebut terus wujud dan berdaya saing.

Cabaran Modenisasi dan Teknologi

Mutakhir ini, kemajuan negara sedikit sebanyak membawa perubahan dalam kehidupan rakyat di semua peringkat pendidikan. Ia secara tidak langsung memberi kesan kepada institusi tahfiz. Institusi-institusi tersebut dilihat terbahagi kepada tiga. Pertama, institusi yang masih mengekalkan identiti tradisional dengan pengajaran hanya dalam lingkungan ilmu al-Quran dan fardhu ain. Pecahan kedua adalah institusi yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu Qiraat dan disiplin agama yang lain. Ketiga adalah institusi yang menggabungkan ilmu al-Quran, ilmu Qiraat dan ilmu sains (Noor Hisyam et.al 2014). Perkara ini terhasil akibat proses modenisasi yang mengecilkkan disiplin ilmu tetapi dalam kuantiti yang banyak. Secara tidak langsung, perkara ini mempengaruhi penguasaan pelajar ke atas satu-satu disiplin ilmu tersebut kerana pengagihan masa belajar yang semakin padat.

Selain itu, kemajuan teknologi pada hari ini yang semakin pantas turut memberi cabaran baru dalam sektor pendidikan. Bidang tahfiz juga perlu mendepani situasi ini walaupun mungkin terdapat kelompok yang tidak bersetuju secara sepenuhnya. Pihak pentadbir dan para guru perlu menguasai ilmu teknologi untuk membantu melicinkan proses pengajaran agar menjadi lebih efektif. Perubahan tersebut juga sudah pasti meningkatkan kos pergerakan dan pengurusan sesebuah institusi dan pastinya membebani pelajar (Nordin et.al 2018). Guru dan pelajar turut berada dalam cabaran yang sama untuk menguasai ilmu teknologi dan hafazan secara serentak.

Cabaran Keberkesanan Institusi Tahfiz Swasta

Sistem yang direncanakan di institusi swasta dilihat kurang dari aspek pemantauan dan pengawalan secara holistik. Keadaan ini turut merangkumi dari sudut kurikulum, kaedah pengajaran, pentaksiran, keberkesanan guru dan lain-lain isu. Analisis dari beberapa artikel dan jurnal mendapati bahawa terdapat isu yang menjadi faktor utama kurangnya keyakinan terhadap institusi tahfiz swasta iaitu latar belakang pengambilan guru, hala tuju pelajar dan persijilan serta pengiktirafan.

Pengambilan guru tahfiz tanpa melihat latar belakang mereka adalah sesuatu yang dilihat kurang profesional. Pengambilan begini lazimnya akan menatijahkan pengajaran pelajar secara tradisional sahaja dan seterusnya membantutkan pertumbuhan pelajar untuk bersaing pada kemudian hari. Kelayakan guru tersebut juga lazimnya kurang membantu untuk pengajaran tahfiz kerana amalan pengajaran tahfiz adalah berbeza berbanding matapelajaran lain (Hafiz 2013). Jesteru, kurikulum perguruan pendidikan tahfiz perlu diperkasakan untuk melahirkan guru tahfiz yang berkaliber dan profesional.

Selain itu, isu utama berkaitan pengurusan tahfiz ialah wujud institusi-institusi tahfiz yang tidak berdaftar dengan pihak berautoriti. Ini akan mempengaruhi sasaran kecemerlangan sesebuah institusi kerana melibatkan pentadbiran khususnya pengambilan staf yang tidak terlatih dalam bidang akademik dan tahfiz (Aderi 2018). Natijahnya, ke mana hala tuju graduan pelajar tahfiz tersebut. Ini merupakan cabaran besar buat graduan tersebut untuk menyambung pengajian ke peringkat seterusnya.

Pelajar-pelajar tahfiz dari institusi kerajaan akan menduduki peperiksaan akhir mahupun di peringkat diploma pada akhir tahun pengajian. Graduan yang lulus akan dianugerahkan dengan sijil tahfiz mahupun Diploma Tahfiz al-Quran setaraf dengan diploma bidang lain serta diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi (Hafiz et. al 2013, Aderi 2018). Graduan diploma juga turut berpeluang menyambung pengajian di peringkat seterusnya di universiti tempatan mahupun luar negara terutama di timur tengah. Berbeza dengan pelajar swasta yang diberikan peperiksaan khas untuk dianugerahkan Sijil Akuan Tahfiz. Sijil tersebut kebanyakannya tidak diiktiraf di dalam negara mahupun luar negara. Ini menyebabkan pelajar tersebut berisiko tidak dapat menyambung ke peringkat seterusnya.

Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) Dalam Fasa Covid-19

Krisis peringkat global iaitu penularan virus COVID-19 yang sedang melanda dunia pada hari ini dilihat belum menunjukkan tanda akan berkurangan. Bahkan, penawarnya juga belum ditemui oleh para saintis. Menurut WHO (2020), pesakit positif COVID-19 seluruh dunia pada ketika ini sudah melebihi paras 42 juta orang dan 1.1 juta darinya telah meninggal dunia. Malaysia juga tidak terkecuali dalam mendepani virus yang membunuh ini apabila lebih 25 ribu orang dilaporkan positif dengan 221 kematian bersamaan 0.86% dari kes kumulatif (KKM 2020).

Krisis tersebut dilihat sangat mempengaruhi sistem pendidikan negara pada ketika ini. Pembelajaran dan pengajaran secara konvensional banyak tertangguh dan para guru, pelajar serta pentadbir perlu membiasakan diri dengan norma kehidupan baharu iaitu dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) serta pentadbiran secara atas talian. Mohd Azizee Hasan (2020), berpendapat warga pendidik, khususnya guru, kini perlu melengkapkan diri dengan penguasaan dalam teknologi digital dan menguasai ilmu berkaitan 'e-learning', untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar. Peranan guru dilihat semakin meningkat dengan perlu meningkatkan keupayaan, kemahiran, ilmu serta kebersediaan untuk terus menerima serta melaksanakan fasa COVID-19. Hal ini penting

untuk menyiapkan para pelajar bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 serta bersedia untuk menjadi generasi digital.

Suasana pengajaran dan pembelajaran jelas berbeza dalam tempoh PKP berbanding sebelum PKP memandangkan hampir semua kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dijalankan secara dalam talian seperti penggunaan Whatsup, Google Meet, Youtube, Google Classroom, Zoom Cloud Meeting, dan pelbagai lagi. Pendidikan tahfiz juga tidak terkecuali menerima bahang tersebut. Pengajaran di dalam talian dilihat kurang efektif kerana banyak perkara sukar untuk diperbetul dan dijelaskan di dalam talian seperti sebutan huruf dengan makhraj yang betul, tajwid yang tepat dan mnejelaskan kaedah talaqqi musyafahah.

Selain itu, kekuatan jalur lebar di kawasan perumahan terutama turut memainkan peranan. Terdapat juga kawasan perumahan yang tidak mempunyai kekuatan jalur lebar yang stabil bahkan wujud juga yang memang tidak mendapat liputan internet. Ini sedikit sebanyak merencatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam fasa pandemik COVID-19.

Rumusan

Pengurusan cabaran yang berkualiti memainkan peranan yang penting untuk memastikan proses pendidikan alaf baru berjalan lancar. Institusi pendidikan berteraskan tahfiz mahupun beraliran tahfiz juga tidak boleh mengelak dari ledakan arus baru dalam pendidikan. Organisasi perlu merencana perkhidmatan yang berkualiti serta program yang betul untuk kelestarian pendidikan tahfiz serta nama baik institusi. Oleh itu, cabaran modenisasi dan teknologi, keberkesanan institusi tahfiz swasta dan pengajaran dan pembelajaran (PnP) fasa pandemik COVID-19 mampu diatasi dengan semua pihak memainkan peranan masing-masing dengan sebaiknya.

Rujukan

Al-Quran

- Abdul Hafiz. (2013). *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Laporan Penyelidikan Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Syahrul Adnan, Muhammad Hafizan Abd Hamid dan Syafawati Salihan. (2015). *Kualiti Akademik Pelajar Dibawah Program Huffaz Profesional Uniten: Satu Tinjauan Awal Berdasarkan Keputusan Akhir Pelajar*. Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan 2015, 303-310
- Afaf Abdul Ghafor Hameed. (2003). *Elmtiyaz. 'Ulum Islamiyyan*. The Malaysian Journal of Islamic Sciences. Vol 2. No. 1. 134-189. Penerbit: USIM
- Mohd Aderi Che Noh. 2018. *Pengurusan Pendidikan Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta di Malaysia*. Seminar Pendidikan Tahfiz Aliran Perdana 2018 (STAP2018) anjuran Fakulti Pendidikan, KUIS dan Bahagian Pendidikan Islam, KPM di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada 11 Oktober 2018.
- Muhaidi Hj Mustaffa Al Hafiz, Mohd APIkhsan Ghazali dan Siti Salwa Md. Sawari. (2015). *Eksplorasi Hubungan Hafazan Al-Quran dan Kecemerlangan Para Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong*. Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan 2015, 123-132
- Nordin bin Ahmad. (2018). *Perkembangan Pendidikan Tahfiz: Darul Quran Perintis Dinamik*. Darul Quran JAKIM: Kuala Kubu Bharu
- Noor Hisham Md Nawi Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob & Nasrul Hakim Salleh. (2014). *Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu*

- Pengamatan Awal*. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan pada 31 Mei - 2 Jun 2014
Universiti Malaysia Kelantan: Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah
- Nor Hayati Fatmi talib, Bani Hidayat Mohd Shafie & Ab Halim Tamuri. (2017). *Program Pengajian Tahfiz dan Asas Penawarannya di Politeknik: Satu Sorotan*. Tinta Artikulasi Membina Ummah 3(1), 2017 115-127, e-ISSN: 2289-960X
- Solahuddin bin Ismail. (2016). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran*. Kertas kerja ini dibentangkan di Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran anjuran Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November 2016
- Wan Mariana Wan Mohamad, Mohd Shafiee Hamzah. (2012). *Penerapan Konsep Ulul Albab Dalam Pendidikan*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam. website.<http://www.ipislam.edu.my/uploaded/PKPI2012/38%20PENERAPAN%20KONSEP%20ULUL%20ALBAB%20DALAM%20PENDIDIKAN.pdf>[23 Disember 2016]
- World Health Organisation 2020
https://covid19.who.int/?gclid=Cj0KCQjwxNT8BRD9ARIsAJ8S5xYOUVYfutpelkE3KJJtY88oMu-oNyGEEFs9CxhTrmRCSCCstnKnASYaAq6fEALw_wcB
- Kementerian Kesihatan Malaysia 2020
<http://covid-19.moh.gov.my/terkini>
Berita harian
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>

BAB 4

PENGGUNAAN ICT DALAM PENGAJARAN TAHFIZ

Mardhiah Yahaya¹, Rohana Zakaria¹, Mohd Shaiful², Muhammad Zaid¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

²Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia (ILMI)

Pendahuluan

Dalam era ledakan maklumat ini, teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT telah banyak merubah pelbagai aspek hidup umat Islam di Malaysia. Jika dilihat sebelum wujudnya alat-alat sebaran am seperti radio dan televisyen, umat Islam bergantung kepada surat khabar dan majalah untuk mendapatkan maklumat terkini. Kebergantungan kepada teknologi ini juga menjadi bukti bahawa masyarakat kita semakin bergerak maju seiring dengan revolusi industri 4.0 yang sedang rancak berlaku di seluruh dunia. Kemunculan teknologi moden di ambang alaf baru sesuai dengan wawasan 2020 ternyata membawa cabaran yang lebih besar kepada umat Islam kerana bersamanya mengalir pelbagai bentuk maklumat yang tidak lagi dapat disekat apatah lagi amat sukar ditapis (Syed Najihuddin, 2016). Selain itu, kewujudannya juga dieksploitasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan begitu rakus untuk pelbagai matlamat. Ini disebabkan penguasaan teknologi moden oleh Barat, justeru tidak hairanlah sebahagian besar kandungannya mengikut apa yang sentiasa dicanangkan oleh media-media dari Barat.

Pernyataan Masalah

Institusi tahfiz yang menjadi sebahagian daripada kerangka pendidikan Islam khususnya di Malaysia perlu mempunyai manhaj dan model yang berkualiti, berkeupayaan dan berkesan agar produk yang dihasilkan seiring dengan falsafah dan matlamat pendidikan Islam yang telah digubal oleh kerajaan. Manhaj dan model ini juga bertindak sebagai pemangkin yang akan menghidupkan institusi tahfiz berkenaan di samping menjadi jaminan kepercayaan masyarakat. Kedua-dua komponen ini perlu jelas, sistematik dan praktikal supaya hasilnya mampu dimanfaatkan bukan sahaja untuk pembangunan diri bahkan seluruh ummah khususnya.

Selari dengan majunya sistem pendidikan di Malaysia, perkembangan sekolah-sekolah tahfiz juga semakin pesat di samping turut melahirkan modal insan yang berkualiti dalam pelbagai aspek. Namun begitu, masih banyak dapatan kajian oleh para sarjana berkaitan dengan Pendidikan tahfiz menuntut kepada penambahbaikan dari sudut pengajaran yang lebih baik dan bersistematik (Mardhiah 2017; Mohd Jamalil et.al, 2017; Azmil, 2012; Zainora et.al). Perkara ini perlu ditangani dengan segera kerana melihat kepada pertumbuhan institusi tahfiz kini semakin berkembang luas.

Oleh itu, corak pengajaran dalam bidang Pendidikan tahfiz yang sering dianggap mundur dilihat sebagai punca yang menjadi penyumbang kepada masalah ini. Justeru itu, pendekatan yang lebih kreatif sewajarnya difikirkan dan digunakan oleh guru tahfiz dalam menyampaikan pengajaran mereka agar jiwa pelajar mampu untuk memahami ilmu-ilmu al-Quran ini dengan mudah seiring berhadapan Pendidikan abad ke 21. Menurut Khairul bahawa guru pada masa kini haruslah lebih mahir dengan pengetahuan teknologi selari dengan pendidikan era ke 21 (Berita Harian, 2018).

Guru perlulah lebih arif dalam menyampaikan pengajaran kerana keberkesanan PdP akan membentuk pelajar yang cemerlang (Kamarul Azmi, Noratikah, Mohd Faez,

2012). Walaubagaimanapun, sejauh mana kesediaan guru terhadap kecanggihan teknologi kini mampu merealisasikan sesuatu pengajaran dengan lebih berkesan. Menurut Marzuqi & Azmil (2016) dalam kajian mereka menyebut bahawa tenaga pengajar tahfiz mengakui bahawa teknologi mampu membantu proses pengajaran namun mereka tidak bersedia menggunakannya.

Seiring bersama harapan oleh pihak kerajaan untuk berdaya saing melengkapkan setiap murid dengan kemahiran baru untuk mendepani cabaran Pendidikan abad ke 21 yang berpengetahuan tinggi, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013-2025).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru dan pelajar di MITS terhadap teknologi maklumat dalam pengajaran hafazan

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Manakala jenis kajian merupakan kajian tinjauan (*survey*) yang menggunakan satu set soal selidik. Kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini berdasarkan kepada kenyataan oleh Wiersma, yang berpendapat bahawa kajian kaedah tinjauan merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian (Wiersma 2000).

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bertujuan untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan dan keberkesanan program agama dalam kalangan pelatih di institusi. Dari segi instrumen, kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan temubual untuk mendapatkan hasil kajian. Instrumen soal selidik telah dibangunkan oleh penyelidik kemudian disahkan oleh pakar yang berautoriti dalam bidang yang dipilih. Bagi menjayakan kajian, pengumpulan data telah dijalankan sebaik sahaja pra-uji borang soal selidik dilaksanakan sepenuhnya serta kebolehpercayaan dan kesahan borang kaji selidik disempurnakan.

Pemilihan responden yang digunakan bagi kajian ini adalah para guru dan murid-murid Maahad Tahfiz di Selangor (MITS) untuk melihat kesediaan mereka dengan teknologi maklumat dalam pengajaran hafazan al-Quran. Kaedah penganalisan data secara deskriptif merupakan satu teknik penghuraian secara menyeluruh tentang kajian yang dijalankan. Teknik statistik yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah teknik statistik deskriptif (Chua Yan Piaw 2013). Namun dalam analisis kajian ini penyelidik akan menggunakan peratusan dan min untuk menginterpretasi data yang telah diperolehi.

Analisis bertujuan mengetahui kesediaan guru dan murid terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). Statistik deskriptif (kekerapan dan peratusan) digunakan untuk menjelaskan profil responden kajian. Statistik deskriptif (min) turut digunakan untuk menentukan tahap interpretasi guru dan murid terhadap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz. Bagi memudahkan perbincangan, skor-skor min dalam setiap dimensi tersebut telah disusun ikut urutan menurun dari skor min yang paling tinggi kepada skor yang paling rendah (Nunally 1978).

Jadual 1
Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor Min	Interpretasi
4.01 - 5.00	Tinggi
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
1.01 - 2.00	Rendah

Sumber : Nunally (1978)

Dapatan Kajian

1. Kesiediaan Guru dengan Penggunaan ICT dalam Pengajaran Hafazan

Analisis data menunjukkan majoriti responden 48 orang (69.5%) bersetuju menggunakan komputer setiap hari sebagai medium untuk mencari rujukan tambahan. Begitu juga dengan pandangan majoriti 49 orang (83%) yang menyatakan bahawa menggunakan ICT menjadikan pengajaran lebih sistematik. Seterusnya bagi item mempelbagaikan kaedah mengajar dengan ICT sebagai medium utama majoriti bersetuju dengan nilai kekerapan sebanyak 53 orang (89.8%). Manakala majoriti 48 orang (81.3%) bersetuju bahawa sentiasa mengikuti perkembangan teknologi maklumat untuk diaplikasikan dalam pengajaran tahfiz. Bagi item penggunaan audio sebagai contoh bacaan qari-qari terkenal kepada pelajar, majoriti 27 (45.8%) manakala bagi penggunaan video pula sebagai rujukan hanya seramai 24 (40.7%) bersetuju daripada 35 orang responden. Berikutnya bagi item kesiediaan menggunakan ICT dalam hanya 4 orang (6.8%) tidak setuju manakala 55 orang bersetuju. Begitu juga dengan item menyokong konsep E-Learning dalam pengajaran tahfiz iaitu seramai 6 orang (10.2%) sahaja yang tidak bersetuju sebaliknya 53 orang (83.1%) bersetuju dan sangat bersetuju. Bagi item ICT menjimatkan masa dan kos masing-masing bersetuju iaitu majoriti 55 orang (91.6%) dan 51 orang (86.4%). Item-item bagi kesediaan guru dengan penggunaan ICT dalam pengajaran hafazan dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2
Kesiediaan Guru

Kesiediaan Guru	STS	TS	SDS	S	SS
Guna 44endidik setiap hari untuk cari bahan mengajar	2 3.4%	9 15.3%	17 28.8%	15 25.4%	16 27.1%
Lebih sistematik dalam mengajar guna teknologi	2 3.4%	8 13.6%	13 22.0%	20 33.9%	16 27.1%
Pelbagai kaedah mengajar dengan teknologi	1 1.7%	5 8.5%	17 28.8%	15 25.4%	21 35.6%
Peka dengan perkembangan teknologi	0 0%	11 18.6%	19 32.2%	17 28.8%	12 20.3%
Guna audio untuk tunjuk contoh	1 1.7%	9 15.3%	22 37.3%	19 32.2%	8 13.6%
Guna video sebagai sebagai rujukan	1 1.7%	10 16.9%	24 40.7%	17 28.8%	7 11.9%
Sedia menggunakan teknologi dalam 44endidikan tahfiz	2 3.4%	2 3.4%	10 16.9%	23 39.0%	22 37.3%
Teknologi menjadikan pengajaran tahfiz lebih efisien	2 3.4%	2 3.4%	6 10.2%	21 35.6%	28 47.5%
Sokong tahfiz berkonsep E-learning	3 5.1%	3 5.1%	9 15.3%	18 30.5%	26 44.1%
Percaya akan kemampuan teknologi	2 3.4%	3 5.1%	5 8.5%	18 30.5%	31 52.5%
TMK menjimatkan masa	2 3.3%	3 5.1%	8 13.6%	22 37.3%	24 40.7%
TMK menjimatkan kos	4 6.8%	4 6.8%	10 16.9%	20 33.9%	21 35.6%
Min Keseluruhan			3.81 (s.p 0.775)		

2. Kesiediaan Pelajar dengan Penggunaan ICT dalam Pengajaran Hafazan

Berdasarkan analisis data bagi kesiediaan pelajar menunjukkan majoriti 253 orang (90.6%) bersetuju menggunakan internet setiap hari tujuan belajar. Bagi item boleh menyelenggara perkakas elektronik hanya 56 orang (20.1%) yang bersetuju manakala bakinya tidak bersetuju. Seterusnya seramai 190 orang (68.1%) bersetuju bahawa perisian komputer membantu kerja meenyiapkan kerja sekolah dan bakinya adalah sangat tidak setuju, tidak setuju dan sederhana setuju. Seramai 86 orang (30.8%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju bahawa menggunakan mp3 sebagai medium hafazan manakala bakinya sederhana setuju, setuju dan sangat setuju. Bagi item menggunakan mp4 sebagai medium murajaah hafazan 110 orang (39.5%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju manakala 60.5% iaitu 169 sangat setuju, seruju dan sederhana setuju. Bagi item menggunakan visual dari internet untuk mmepelajari makhraj huruf seramai 74 orang (26.5%) setuju dan sangat setuju, 98 orang (34.1%) sederhana setuju dan 107 orang (38.3%) sangat tidak setuju dan tidak setuju. Seramai 106 orang (38%) sangat setuju dan setuju bagi item pelajar lebih berminat merujuk internet sebagai nota tambahan, 95 orang (34.1%) sederhana setuju dan 78 orang (27.9%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju. Seterusnya item pelajar merujuk internet untuk memahami ayat al-Quran majoriti 129 orang (46.3%) sangat setuju dan setuju, 86 orang (30.8%) sederhana setuju dan 64 (23%) yang sangat tidak setuju dan setuju. Manakala bagi item pelajar menggunakan aplikasi al-Quran di telefon pintar majoriti 161 orang (57.7%) sangat setuju dan setuju, 62 orang (22.2%) sederhana setuju dan 56 orang (20.1%) sangat tidak setuju dan setuju.

Jadual 2
Kesiediaan Pelajar

Kesiediaan pelajar	STS	TS	SDS	S	SS
Guna internet setiap hari untuk belajar	1 0.4%	25 9.0%	100 35.8%	91 32.6%	62 22.2%
Boleh selenggara perkakas elektronik	36 12.9	80 28.7%	107 38.4%	36 12.9%	20 7.2%
Perisian komputer membantu kerja sekolah	3 1.1%	22 7.9%	64 22.9%	101 36.2%	89 31.9%
Bermotivasi belajar dengan bantuan TMK	3 1.1%	15 5.4%	55 19.7%	102 36.6%	104 37.3%
Guna mp3 untuk murajaah hafazan	29 10.4%	57 20.4%	81 29.0%	65 23.3%	47 16.8%
Guna mp4 untuk murajaah hafazan	37 13.3%	73 26.2%	84 30.1%	50 17.9%	35 12.5%
Guna visual dari internet untuk belajar makhraj huruf	36 12.9%	71 25.4%	98 35.1%	51 18.3%	23 8.2%
Lebih berminat merujuk internet sebagai nota tambahan	16 5.7%	62 22.2%	95 34.1%	62 22.2%	44 15.8%
Rujuk internet untuk faham ayat Al-Quran	18 6.5%	46 16.5%	86 30.8%	80 28.7%	49 17.6%
Guna aplikasi al-Quran di telefon pintar	20 7.2%	36 12.9%	62 22.2%	78 28.0%	83 29.7%
Min keseluruhan			3.33 (s.p 0.736)		

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian. Kesiediaan guru dengan penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz pada tahap sederhana tinggi . Guru mengakui ICT merupakan salah satu medium terbaik dalam pengajaran tahfiz. Ini. Menyokong kepada pandangan Ab. Halim (2018) yang berpandangan bahawa proses PdP banyak bergantung kepada peranan guru dan kemampuannya dalam menyampaikan ilmu dengan berkesan mengikut corak pendidikan terkini. Justeru para guru perlu beriltizam untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dan memastikan pedagogi sejajar dengan perkembangan abad ke 21(Khairul, 2008). Manakala

bagi para pelajar turut membuktikan kesediaan mereka terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran melalui analisis dapatan yang telah dipaparkan. Kecenderungan generasi Z menggunakan ICT bukan sahaja mendapatkan sumber maklumat malah menjadikan ICT sebagai medium untuk mendapatkan kefahaman yang lebih berkesan dalam menuntut ilmu (Ab. Halim 2019). Penggunaan ICT yang begitu meluas menjadikan pelajar akan menerokai pelbagai ilmu yang mereka ingin ketahui. Oleh yang demikian, pembentuk karakter bangsa yang positif serta celik terhadap ICT seharusnya dipupuk dalam kalangan pelajar semasa mereka bersekolah lagi (Rashidah, Parilah dan Sharifah 2011)

ICT telah membuktikan keberkesannya dalam pengajaran. Banyak kajian telah membuktikan ICT membantu proses pengajaran yang baik dan berkesan (Khor Mooi Tieng & Lim Hooi Lian, 2014; Azmil dan Marzuqi 2017; Ab. Halim, 2018; Solahudin 2016; Muna, 2016; Norliza 2013). Justeru, tanggapan yang negatif dan kolot terhadap penggunaan ICT patut diubah dan harus ditambah kepada sebagai satu alat pengajaran yang berguna melalui pembentukan persekitaran pembelajaran yang menyokong keperluan, minat dan situasi peribadi mereka (Duffy, 2008)

Rujukan

- Ab. Halim bin Tamuri. 2019. Prospek Dan Cabaran Pendidikan Tahfiz Dalam Sistem Pendidikan Negara. Ucaptama Seminar Halatuju Pengajian Tahfiz.
- Abdul Rahim, M., & Hashim, A. (2017). Pendekatan Pengajaran dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 9(3), 79 - 88.
- Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1769>
- Ab. Halim Tamuri. 2018. Ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tahfiz Di Malaysia. Ucaptama Simposium Pendidikan Tahfiz 2018. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chua, Y. P. (2006). Kaedah Penyelidikan (Buku 1). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Khor Mooi Tieng & Lim Hooi Lian. 2014. Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (Ptpk) Dalam Kalangan Guru Matematik Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* Vol.4 No.1 Jun 2014.
- Mardhiah Yahaya, 2017. Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara. UPSI. Tesis Sarjana
- Muna Hamzan. 2016. Penggunaan Teknologi Ict Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Ijazah Sarjana Falsafah. UTM.
- Norliza. 2013. Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Uthm. Tesis Ijazah Sarjana. Uthm.
- Mohd Khairul Anam Md Khairudin. 2018. Cabaran guru hadapi Revolusi Perindustrian 4.0. *Berita Harian*. harian.com.my/berita/pendidikan/2018/04/416349/cabaran-guru-hadapi-revolusi-perindustrian-40.
- Rashidah Rahamat, Parilah Mohd Shah & Sharifah Nor Puteh. 2011. Kesediaan pelajar Terhadap Penggunaan Teknologi m-Pembelajaran. UKM
- Solahuddin Ismail. 2016. Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran. Simposium Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi.

BAB 5

PELAKSANAAN KELAS HIFZ AL-QURAN FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL: SATU PENGALAMAN

Muhammad Hafizan Abd Hamid, Siti Salma Mohamad Shokri,
Syafawati Salihan

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

Pengenalan

Program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah bermula pada tahun 2012. Pada permulaannya, hanya program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN dengan struktur 4 semester pengajian sahaja diperkenalkan. Program 4 semester ini dikhususkan kepada para pelajar yang pernah menghafaz al-Quran sebanyak 25 juzu'. Pada tahun 2015, program ini telah berkembang dengan mewujudkan satu lagi struktur iaitu struktur 7 semester bagi memberi peluang kepada para pelajar yang tidak pernah menghafaz al-Quran. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN ini merupakan program bersepadu akademik dan tahfiz dengan menggabungkan program tahfiz dengan Kejuruteraan, Sains Komputer, Perakaunan ataupun Pengurusan Perniagaan. Melihat kepada perkembangan dan sambutan yang sangat menggalakkan, UNITEN mengambil langkah proaktif pada tahun 2017 dengan memperkenalkan program Diploma Pengurusan Korporat Tahfiz yang diurus sepenuhnya oleh pihak UNITEN.

Pelaksanaan Kelas *Hifz* Al-Quran Di UNITEN

Subjek *Hifz* al-Quran di UNITEN merangkumi *hifz* al-Quran *syafawi* dan *hifz* al-Quran *tabriri*. Kedua-dua ini dinilai ketika kelas *tasmi'* berlangsung. Kelas *tasmi'* ialah kelas di mana para pelajar memperdengarkan hafazan yang dilancar kepada guru secara *talaqqi* dan *musyafahah*. Pelaksanaan kelas *tasmi'* merupakan tunjang kepada setiap program tahfiz di semua peringkat kerana ia merupakan kaedah utama penilaian bacaan dalam mengukuhkan hafazan setiap pelajar (Abu al-Wafa', 1999; Abu Najihat 2002, Abu al-Fida', 2006). Ini dibuktikan lagi dengan dapatan Mohamad Marzuqi (2008) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah *tasmi'* dengan pencapaian pelajar.

Kelas *tasmi'* di UNITEN berlangsung pada setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 8 pagi sehingga 11 pagi. Ia merupakan rutin wajib bagi semua pelajar tahfiz sebelum memulakan kelas akademik yang lain. Para pelajar diberi masa selama 90 minit bagi *tasmi'* hafazan yang baru secara bergilir bersama guru dan 90 minit lagi *i'adah* hafazan yang lama. Setiap para pelajar dibekalkan jadual hafazan dan *i'adah* yang disusun secara harian atau dikenali sebagai perincian silibus bagi memastikan pelajar menamatkan silibus hafazan mengikut semester pengajian pada masa yang ditetapkan. Selain menjadi rujukan dan panduan para pelajar, perincian silibus ini dibekalkan bagi mendidik para pelajar lebih berdisiplin untuk mengulang hafazan yang lama. (Muhammad Hafizan 2019).

Hifz al-Quran *syafawi* bermaksud hafazan al-Quran secara lisan. Para pelajar dinilai berdasarkan aspek *fasahah* dan tajwid ketika membaca hafazan di hadapan guru. Kelancaran dan tajwid yang baik merupakan asas kepada setiap manusia yang ingin membaca al-Quran. Ia tidak tertakluk kepada penghafaz al-Quran sahaja sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Dan bacalah Al-Quran dengan tartil” (al-Muzzammil:4)

Hifz al-Quran *tabriri* pula merupakan hafazan al-Quran secara bertulis. Para pelajar dinilai berdasarkan ujian bertulis dengan sambungan ayat atau mengikut soalan yang ditanya. Selain daripada penilaian akhir ini, pelajar berpeluang mempunyai markah penilaian berterusan (*carry marks*) melalui dua cara sama ada ujian pertengahan semester secara bertulis dan juga buku penulisan al-Quran pelajar. Setiap pelajar mempunyai sebuah buku *tabriri* yang perlu ditulis sebelum pelajar membaca hafazan tersebut di hadapan guru. Kebiasaannya pelajar menulis pada buku mereka dengan melihat mushaf bagi membiasakan pelajar dengan kaedah *rasm uthmani* di samping mengelakkan kesilapan pada penulisan. Menurut Azmil dan Ab. Halim (2008) serta Mohamad Marzuqi (2008), kaedah penulisan ini merupakan kaedah yang kurang diberi perhatian ketika proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz berlangsung. Kaedah ini sepatutnya diberi penekanan kerana ia sangat membantu para pelajar dalam meningkatkan daya ingatan hafazan selain membantu para pelajar menjadi seorang yang lebih fokus ketika proses pembelajaran tahfiz berlangsung (al-Qabisi, 1955; Abu al-Wafa', 1999; Abu al-Fida', 2006, Abdul Hafiz dan Hasimah Muda, 2003; Ahmad Bazli et. al 2016; Sabri et al. 2016).

Pantauan merupakan satu elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan pelaksanaan subjek *hifz* al-Quran, pantauan tidak hanya sekadar di dalam kelas secara harian malah proses pantauan dilaksanakan secara berkala setiap minggu. Penyelaras tahfiz akan membuat laporan mingguan bagi mengenal pasti para pelajar yang tidak cukup silibus hafazan setiap hari Jumaat. Sekiranya pelajar tidak cukup silibus mingguan, pelajar diwajibkan untuk *tasmi'* pada hari Sabtu dan Ahad. Komitmen di luar waktu kerja bagi para guru ini adalah bagi membantu para pelajar menamatkan silibus hafazan mengikut waktu yang ditetapkan. Sahril et.al (1993) dan Ab. Halim. (2005) menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran guru tidak tertumpu di dalam kelas, malah guru adalah ejen pembimbing berterusan di luar bilik kuliah dari sudut aspek bimbingan dan kaunseling.

Pelaksanaan Kelas *Hifz* Al-Quran Di UNITEN Fasa Perintah Kawalan Pergerakan

Penyakit koronavirus (COVID-19) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis koronavirus seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus* (MERS-CoV). COVID-19 mula dikesan ketika pertengahan Disember 2019 di bandar Wuhan, Hubei, China. (Shrikrushna et al. 2020). Ia telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia secara rasmi mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP) seluruh Malaysia di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Fasa PKP di Malaysia dapat dibahagikan seperti jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Fasa PKP di Malaysia.

FASA	TARIKH
1	18 Mac - 31 Mac 2020
2	1 April - 14 April 2020
3	15 April - 28 April 2020
4	29 April - 12 Mei 2020
5 (PKPB)	13 Mei - 9 Jun 2020
6 (PKPP)	10 Jun - 31 Ogos 2020
7 (PKPP)	1 September - 31 Disember 2020

Ketika fasa PKP bermula, pelaksanaan kelas *Hifz* al-Quran buat kali pertama dilaksanakan secara atas talian (*online*) sejak diperkenalkan. Garis panduan Jabatan Pengajian Tinggi bertarikh 17 Mac 2020 mengarahkan penutupan semua universiti awam dan swasta berikutan penularan wabak COVID-19 serta mengarahkan pelaksanaan semua kelas pengajian dilakukan secara atas talian, Justeru itu, pihak universiti perlu memikirkan kaedah yang terbaik bagi pelaksanaan kelas pengajian *online* bagi semua subjek termasuk subjek *hifz* al-Quran.

Pelaksanaan kelas *hifz* al-Quran atas talian di UNITEN berlangsung seperti biasa pada hari Isnin hingga Jumaat. Sebelum fasa PKP, pelaksanaan kelas adalah dalam tempoh 3 jam iaitu bermula jam 8 pagi hingga 11 pagi. Walaubagaimanapun, ketika fasa PKP, waktu pelaksanaan juga bermula jam 8 pagi tetapi masa akhir pelajar *tasmi*' secara harian dilanjutkan sehingga jam 6 petang. Ini dibuat atas pertimbangan kesukaran yang dihadapi para pelajar ketika berada di rumah.

Selain daripada semakan *tasmi*' secara harian, pelajar diminta untuk menulis buku *tabriri* seperti biasa. Pelajar perlu menunjukkan kepada guru muka surat yang telah ditulis melalui aplikasi atas talian sebelum meneruskan *tasmi*' hafazan yang baru.

Selain waktu kelas yang sedikit anjal, pelaksanaan kelas juga menggunakan pelbagai aplikasi komunikasi atas talian seperti *whatsapp video call*, *zoom*, *google meet*, *facetime* dan lain-lain. Melihat kepada kepelbagaian medium yang wujud, UNITEN melalui *Teaching and Learning Centre (TLC)* telah mengeluarkan garis panduan menggunakan pelbagai medium atas talian yang ada. UNITEN juga telah menyelaraskan aplikasi *Microsoft Teams* sebagai medium rasmi proses pengajaran dan pembelajaran atas talian.

Di samping itu juga, aspek pantauan pelaksanaan kelas *hifz* al-Quran ketika fasa PKP berubah daripada pantauan dan laporan secara mingguan kepada pantauan secara harian. Penyelaras tahfiz akan mengemaskini dengan semua guru yang terlibat agar memaklumkan nama pelajar yang tidak *tasmi*' setiap hari selepas jam 6 petang. Sekiranya pelajar tidak *tasmi*' dua kali dalam satu minggu, ibu bapa pelajar akan dimaklumkan pada hari Sabtu bagi bantuan dan kerjasama daripada ibu bapa. Ini kerana pelajar berada di rumah dan di bawah pengawasan ibu bapa. Justeru, guru perlu berganding bahu bersama ibu bapa bagi memastikan pelajar dapat memberi komitmen penuh ketika pelaksanaan kelas *hifz* al-Quran fasa PKP. Muhammad Hafizan (2019) menyatakan bahawa ibu dan ayah merupakan faktor luaran terpenting dalam kejayaan para pelajar tahfiz kerana ahli keluarga merupakan orang yang paling hampir dengan pelajar.

Cabaran Pelaksanaan Kelas *Hifz* Al-Quran Di Uniten Fasa PKP Dan Solusinya

Pengajaran dan pembelajaran secara atas talian sudah tidak asing lagi dalam dunia pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Dunia pendidikan yang semakin maju ditambah kepesatan teknologi industri revolusi 4.0

membuatkan masyarakat semakin menjadikan teknologi terkini sebahagian dalam kehidupan seharian. Walaubagaimanapun, kehadiran pandemik COVID-19 yang agak mengejut menyebabkan cabaran dunia pendidikan sedikit teruji, begitu juga dengan pelaksanaan kelas *hifz* al-Quran. Antara cabaran pelaksanaan kelas *hifz* al-Quran fasa PKP ialah:

1. Akses Internet

Capaian internet merupakan perkara asas dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Pelajar yang berada di rumah perlu memastikan kawasan mereka mempunyai rangkaian bagi mengakses internet dengan baik. Tidak sekadar itu, pelajar juga perlu mempersiapkan diri dengan data internet yang mencukupi. Ini kerana penggunaan data boleh menjadi dua kali ganda daripada kegunaan harian.

Justeru itu, UNITEN telah memberi pilihan kepada para pelajar untuk terus kekal berada di dalam kampus bagi mendapatkan akses internet dengan lebih efektif. Kelajuan rangkaian dan akses tanpa limit ini merupakan satu keperluan kepada setiap pelajar bagi memastikan proses pembelajaran atas talian dapat diikuti sepenuhnya. Bagi pelajar yang memilih untuk mengikuti pengajian dari rumah sendiri dan memiliki data internet yang terbatas, pelajar diberi kelonggaran untuk berada di dalam kelas (*online*) ketika *tasmi'* dan *i'adah* sahaja. Mereka tidak wajib untuk berada di dalam kelas dalam tempoh 3 jam kelas berlangsung.

2. Komitmen dan Integriti

Uniknya proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz, ia bermula dengan komitmen dan kesungguhan pelajar sebagai tunjang utama. Hal ini adalah kerana proses pembelajaran tahfiz bermula dengan pelajar memperdengarkan bacaan hafazan kepada guru dan barulah guru membimbing dengan kaedah dan sistem yang betul. Pengajaran dan pembelajaran ahfiz tidak seperti subjek lain iaitu guru sebagai perkara utama dalam menyampaikan ilmu. Melihat kepada keunikan ini, maka komitmen dan integriti yang tinggi diperlukan ketika pelaksanaan kelas *tasmi'* atas talian. Pelajar perlu berdisiplin dalam mengurus masa ketika berada di rumah dan mengikuti kelas *tasmi'* dengan jayanya. Pelajar juga perlu amanah dengan diri sendiri supaya tidak menipu ketika proses *tasmi'* atas talian dijalankan.

Bagi mengatasi cabaran ini, UNITEN mewajibkan para pelajar agar menutup mata dengan penutup mata serta memastikan kedudukan ketika proses *tasmi'* dijalankan tidak meragukan. Selain itu, pelajar hendaklah memastikan mereka jelas dilihat oleh guru ketika proses *tasmi'* berlangsung (*on camera*).

3. Pantauan dan Penilaian

Proses pantauan sebelum fasa PKP memerlukan komitmen yang tinggi daripada guru. Komitmen dan kesungguhan guru tidak sekadar di dalam kelas, malah ia juga diterjemahkan dalam kehidupan seharian bersama pelajar selepas tamat kelas. Dalam fasa PKP, komitmen guru juga masih sama malah lebih mencabar. Jika sebelum ini boleh mencari pelajar yang tidak hadir di asrama, menegur pelajar yang tidak beri komitmen di depan mata, maka fasa PKP hanya dengan bantuan telefon.

UNITEN memaklumkan kepada para pelajar bahawa sekiranya pelajar gagal untuk *tasmi'* dua kali dalam seminggu, guru akan memaklumkan kepada ibu bapa dan memohon kerjasama dan bantuan ibu bapa bagi memastikan pelajar dapat mengikuti kelas *tasmi'* setiap hari. Di samping itu juga penilaian atas talian dibuat sama seperti pelaksanaan kelas *tasmi'* iaitu pelajar perlu menutup mata bagi *syafawi* dan kedudukan yang tidak meragukan bagi *tahriri*.

4. Teknikal dan Peralatan

Selain rangkaian dan data internet, peralatan atau persiapan teknikal bagi mengikuti kelas secara atas talian juga merupakan perkara asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran atas talian. Peralatan seperti komputer, komputer riba, *ipad* atau tablet, dan telefon pintar sudah menjadi keperluan yang sangat penting dalam kehidupan seharian. Ini adalah peralatan utama bagi membolehkan proses pembelajaran berlangsung. Walaubagaimanapun, tidak semua pelajar mampu memiliki salah satu daripada keperluan asas tersebut khususnya dalam kalangan keluarga B40.

Oleh yang demikian, UNITEN melalui Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) telah membantu asnaf fakir, miskin dan fisabilillah dalam kalangan pelajar yang memerlukan dengan membekalkan laptop bagi memudahkan proses pembelajaran atas talian.

Penutup

Pengajaran dan pembelajaran tahfiz merupakan satu proses pembelajaran yang unik kerana ia meletakkan pelajar sebagai teras utama. Di samping itu, proses pengajaran dan pembelajaran tradisional seperti *talaqqi* dan *musyafahah* masih menjadi tunjang perbincangan dalam kajian-kajian mengenainya. Secara keseluruhannya, masih terdapat banyak isu dan permasalahan dalam pelaksanaan kelas *hifz* al-Quran di UNITEN. Kesemua cabaran yang dinyatakan memerlukan kerjasama daripada semua pihak sama ada pengurusan tertinggi mahupun pelaksana dalam kalangan pensyarah dan kakitangan begitu juga dengan para pelajar. Melihat kepada kepesatan teknologi serta kehadiran wabak pandemik COVID-19 menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz mengalami arus kemodenan tanpa perlu meninggalkan kualiti dan prinsip dalam proses melahirkan *hamalah* al-Quran yang hebat apatah lagi melahirkan huffaz profesional hasil kesepaduan program akademik dan tahfiz. Diharap agar kertas kerja ini dapat memberi pencerahan kepada semua pihak dalam melaksanakan kelas *hifz* al-Quran secara atas talian.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. 2005. *Hala tuju dan cabaran Pendidikan Islam dalam era Globalisasi*. Kertas kerja Seminar Pendidikan dan Penghayatan Islam. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim, 1 Mac.
- Abdul Hafiz dan Hasimah Muda. 2003. *Kaedah hafazan al-Quran yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para huffaz yang rasikb*. Pusat Pengajian Islam dan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu al-Fida', Muhammad 'Izzat. 2006. *Kayf Nahfaz al-Qur'an*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Abu al-Wafa', 'Ali Allah 'Ali. 1999. *al-Nur al-Mubin li Tahfiz al-Qur'an al-Karim*. al-Qahirah: Dar al-Wafa'.
- Abu Najihat al-Hafiz. 2002. *Panduan Bagi Hafiz Hafizah dan Qari Qariah*. Batu Caves: Pustaka Darul Iman.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkarnain Zakaria, Mahiz Spawi & Selamat Amir. 2016. *Sistem pendidikan dan pengajaran al-Quran untuk pelajar pintar berbakat: Inovasi di Kolej Permata Insan*. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Nordin Ahmad, Ahmad Yussuf, Muhamad Alihanafiah Norasid, Selamat Amir, Adama Bamba, Mohd Zainuddin Wan Yusoff, Sukhairu Sulaiman, Shahrulkarnain Mohd Nazir (pnyt.). *Memperkasa Generasi Al-Quran*, hlm. 161-172. Kuala Lumpur: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia & Centre of Quranic Research, University of Malaya.

- Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri. 2012. *Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(4): 1-10.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. 2008. *Pengajaran mata pelajaran Hafazan Al-Quran: Satu kajian maahad tahfiz al-quran zon tengah*. Tesis sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid. 2019. *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz Program Huffaz Profesional di Universiti Tenaga Nasional*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabri Mohamad, Azmil Hashim & Hamdi Ishak. 2016. *Pembangunan kurikulum pendidikan tahfiz: Prinsip dan kaedah dalam membina kurikulum tahfiz Al-Quran*. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Nordin Ahmad, Ahmad Yussuf, Muhamad Alihanafiah Norasid, Selamat Amir, Adama Bamba, Mohd Zainuddin Wan Yusoff, Sukhairu Sulaiman, Shahrulkarnain Mohd Nazir (pnyt.). *Memperkasa Generasi Al-Quran*, hlm. 145-153. Kuala Lumpur: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia & Centre of Quranic Research, University of Malaya.
- Sahril Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing & Saedah Siraj. 1993. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shrikrushna Subhash Unhale, Quazi Bilal Ansar, Shubham Sanap, Suraj Thakhre, Shreya Wadatkar, Rohit Bairagi, Prof. Suraj Sagrale and Prof. Dr. K. R. Biyani. 2020. *A Review On Corona Virus (COVID-19)*. *World Journal of Pharmaceutical and Life Sciences* 2020. Vol. 6, Issue 4, 109-115.

BAB 6

INOVASI DIGITAL DALAM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN PROGRAM TAHFIZ DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL MELALUI METODE *BLENDED LEARNING*

Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)


Pengenalan

Pengajian Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) merupakan program bersepadu di antara aliran profesional dan tahfiz Al-Quran. Bermula dengan program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN yang dijalankan dengan kerjasama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2012, program ini diperluaskan bukan hanya dalam bidang kejuruteraan, sains komputer dan perakaunan, malahan pada tahun 2017, melihat kepada perkembangan dan sambutan terhadap program tahfiz ini, UNITEN turut menawarkan program tahfiz dengan pengurusan iaitu *Diploma in Corporate Management Tahfiz* (DCMT) yang sepenuhnya berada Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) di bawah pemantauan Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial (*College of Energy & Social Sciences*, CES), UNITEN. Program ini diaudit dan telah mendapat kelulusan dari pihak *Malaysian Qualification Agency* (MQA). Pengajian tahfiz secara umumnya dikenali dengan pengajaran yang tradisional dan statik, tidak seperti pengajian aliran lain. Namun, di UNITEN, pengajaran dan pembelajaran tahfiz beserta dengan subjek-subjek pengajian Islam di bawah program ini turut melalui perubahan mengikut perkembangan teknologi terkini dan berusaha berjalan seiring dengan inisiatif yang dikelolakan di bawah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (*Teaching and Learning Centre*, TLC) UNITEN. Pada tahun 2012, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan panduan “Kreatif dan Inovasi: Elemen Merentas Kurikulum KSSR” seiring dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2010 yang memberi penekanan untuk membangunkan modal insan yang kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan negara di abad ke-21. Pelaksanaan elemen ini sekaligus dapat memangkin agenda transformasi Negara dalam konteks Pendidikan tidak kira di peringkat sekolah atau di peringkat universiti. Melalui perkembangan teknologi yang berkembang pesat sekarang mengharuskan adanya inovasi dan transformasi dalam pembelajaran dan *blended learning* (BL), merupakan salah satu daripada inovasi tersebut (Zaharah, Saedah, Ghazali, Nur Hasbuna, 2015).


Definisi Blended Learning

Blended Learning (BL) merujuk kepada “program pendidikan yang menggabungkan media digital dalam talian dengan kaedah pembelajaran tradisional”. Pembelajaran teradun (*blended learning*) adalah amalan pengajaran yang menggabungkan mod pengajaran bersemuka secara tradisional dengan mod teknologi atas talian berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (UKM, 2016). Pendekatan BL ini sesuai dengan pembelajaran berpusatkan pelajar iaitu pelajar boleh mengawal kadar pembelajaran di samping mengendalikan pembelajaran melalui media digital dalam talian. Ia juga bagi memaksimumkan keberkesanan sesi pembelajaran di dalam dan luar kelas (Laborda, 2014).

Menurut Annisa Ratna Sari, pembelajaran BL menawarkan fleksibilitas dalam hal waktu, tempat, dan variasi metode pembelajaran yang lebih banyak dibandingkan metode *online* maupun *face to face* (Anissa Ratna Sari, 2013). Tambahan dari artikel ‘Daya Tarik Pembelajaran di Era 21 dengan Blended Learning’ menyatakan bahawa penggabungan pembelajaran tatap muka dengan *e-learning* tersebut disebabkan terbatasnya waktu dan mudah membuat siswa merasa cepat bosan dalam proses pembelajaran serta tuntutan perkembangan teknologi yang semakin luas (Deklara, Anselmus, Agus, 2018). Matlamat BL ini adalah mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran iaitu menggabungkan kaedah tradisional dengan kaedah dalam talian menggunakan alat seperti sistem pengurusan pembelajaran atau dikenali sebagai *learning management system* (LMS), tanpa pengurangan yang signifikan kepada masa yang diberikan secara bersemuka di dalam kelas.



Rajah 1: Contoh Panduan TLC kepada Pensyarah



Rajah 2: Blended Learning Guidelines UNITEN 2017

Konsep *blended learning* ini adalah percampuran model pembelajaran konvensional dengan belajar secara atas talian melalui penggunaan teknologi pendidikan semasa. Di sini pensyarah dianggap sebagai mediator atau fasilitator yang membuat situasi belajar lebih aktif dan kondusif. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) tahfiz di UNITEN juga melalui proses integrasi di antara pengajian tahfiz tradisional dan kontemporari. Ini kerana penggunaan teknologi terkini dalam PdP dapat memberi impak yang positif terhadap sistem pendidikan dan proses pembelajaran (Amaluddin, Siti Salma, Syafawati, 2019). Kajian ini menumpukan kepada pelaksanaan metode *blended learning* dalam subjek-subjek yang terpilih yang ditawarkan dalam program tahfiz UNITEN yang melibatkan subjek-subjek pengajian Islam. Menurut Sakinah Salleh dan Rahimah Embong, di dalam pendidikan, adalah mustahak untuk mewujudkan semula sistem pendidikan Islam tunggal yang akan dapat melahirkan keperibadian yang bersepadu dan holistik dengan akhlak dan

intelektual yang kuat pada masa akan datang (Sakinah Salleh dan Rahimah Embong, 2017). Justeru, perubahan di dalam PdP tahfiz perlu berlaku mengikut perkembangan teknologi terkini dalam memastikan pelajar keluaran program tahfiz turut maju dan berdaya saing.

Pelaksanaan Blended Learning Di UNITEN

Usaha ini digerakkan dengan beberapa inisiatif di bawah kelolaan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran UNITEN (*Teaching and Learning Centre, TLC*), dengan tumpuan yang diberikan kepada tiga elemen utama iaitu *blended learning*, *problem-based learning (PBL)* dan *flipped classroom teaching*. Pensyarah diberikan pendedahan melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh TLC UNITEN dalam memastikan tenaga pengajar di UNITEN sentiasa didedahkan dengan teknik PdP yang terkini. Pelaksanaan metode *blended learning* ini juga sentiasa dipantau oleh TLC melalui portal rasmi UNITEN. Pada tahun 2016, sekumpulan pensyarah dipilih dan dilantik sebagai sebahagian daripada pasukan ejen BL untuk dilatih dan meneroka metode pengendalian BL. Terdapat empat tahap pelaksanaan BL di UNITEN iaitu:

Tahap 1 BL: Technology-Aided Learning

Secara umumnya, kebanyakan pensyarah di UNITEN berada pada tahap 1 BL dengan menggunakan platform *Learning Management System (LMS)* yang disediakan oleh pihak universiti melalui penggunaan *Moodle*. *Moodle* adalah satu platform pengurusan pembelajaran yang direka untuk menyediakan pendidik, pentadbir dan pelajar dengan satu sistem yang kuat, selamat dan bersepadu. Pihak UNITEN mengambil inisiatif untuk menjadikan *Moodle* sebagai platform rasmi bagi kemudahan pengurusan pembelajaran kepada pensyarah dan juga pelajar UNITEN. Perkara paling asas yang perlu dilakukan oleh pensyarah adalah dengan memuatnaik semua bahan mengajar di Moodle. (TLC, 2017).

Tahap 2 BL: Enhanced Learning

Pensyarah akan berpindah ke tahap 2 BL berdasarkan peningkatan pengalaman pengajaran dan pembelajaran menggunakan *Moodle*. Pada tahap ini pula pensyarah sudah boleh melakukan pelbagai aktiviti seperti forum dan kuiz atas talian dan menghantar tugas di platform *Moodle* tanpa perlu mengurangkan pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas yang telah dijadualkan secara rasmi di portal rasmi universiti. (TLC, 2017).

Tahap 3 BL: Flipped Teaching and Learning

Flipped Teaching and Learning merujuk kepada aktiviti pembelajaran, di mana para pelajar perlu melakukan tugas terlebih dahulu sebelum pensyarah menerangkan topik pembelajaran tersebut. Bermula Semester 2, Tahun Akademik 2019/2020, ejen BL yang dilantik dikehendaki memasukkan bahan kursus mereka sebagai contoh bahan pengajaran tahap 3 BL kepada pensyarah lain. Mereka juga mengubah peranan mereka dari seorang 'pensyarah' menjadi 'fasilitator', 'jurulatih' atau 'mentor'. Selepas itu, mereka perlu menyediakan laporan pelaksanaan BL di dalam kursus pada setiap akhir semester dengan membentangkan pelaksanaan aktiviti BL mereka di dalam kelas, meliputi tahap BL terkini, teknik dan alat teknologi BL yang digunakan serta prestasi kelas pada sesi perjumpaan agen BL dengan TLC UNITEN. (TLC's e-Bulletin, 2019).

Tahap 4 BL: Adaptive Learning

Pembelajaran adaptif ialah pembelajaran tahap yang lebih tinggi berbanding dengan tahap BL yang lain. Pada peringkat ini pensyarah boleh mengaplikasikan teknik-teknik pengajaran berdasarkan kepada tahap prestasi setiap pelajar yang berada di bawah pensyarah tersebut. UNITEN masih lagi dalam proses melatih para pensyarah untuk mencapai tahap 4 BL. (TLC, 2017).

Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz

PdP Tahfiz di UNITEN merupakan kurikulum bersepadu yang digabungkan di antara elemen Tahfiz al-Quran dengan bidang profesional. Justeru, pelaksanaan PdP tahfiz disesuaikan menerusi beberapa inisiatif, antaranya penyelarasan jadual, penyusunan program berorientasikan tahfiz serta pemantauan aktiviti dan penglibatan pelajar beserta dengan program berorientasikan konstruk pembangunan al-Quran untuk kesemua pelajar tahfiz sama ada di kampus Putrajaya atau di Muadzam Shah, Pahang. Program tahfiz ini diuruskan oleh beberapa orang pensyarah tahfiz yang dikenali sebagai Unit Tahfiz di bawah pantauan Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial (CES) dan Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU).

Penyelarasan Jadual

Antara faktor utama sistem pembelajaran ini dapat berjalan dengan baik ialah penyusunan jadual. Pihak Pendaftar akan membina satu seksyen khas bagi semua subjek yang diambil oleh para pelajar dan diletakkan waktu bagi subjek lain selepas jam 11.00 pagi. Hal ini kerana semua pelajar Tahfiz diwajibkan untuk menghadiri kelas Al-Quran pada sebelah pagi pada jam 8.00 – 11.00 pagi. Penyusunan jadual ini khusus kepada pelajar tahfiz sama ada di peringkat asasi, diploma ataupun ijazah.

Penyusunan Program Berorientasikan Tahfiz

Dalam usaha untuk memastikan keseimbangan dan kecemerlangan pelajar, beberapa pendekatan melalui program berorientasikan tahfiz telah dirangka dan dilaksanakan. Antaranya, Kem Huffaz Profesional, Daurah Al-Quran, halaqah *muraja'ah* pelajar, mentor-menti Al-Quran, kelas *tasmi'* tambahan, *Huffaz Gathering*, *Quran Intensive Week* serta beberapa program lain. Program ini disusun mengikut kesesuaian dan kehendak para pelajar.

Pemantauan Aktiviti Dan Penglibatan Pelajar

Pemantauan pelajar merangkumi kebajikan, penginapan, kewangan dan kaunseling. Pelajar tahfiz diberi galakan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti khususnya yang dapat meningkatkan potensi diri sebagai seorang huffaz. Contohnya pertandingan Tilawah dan Hafazan Al-Quran di peringkat universiti, daerah, negeri dan kebangsaan serta kem kepimpinan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Konstruk Pembangunan Al-Quran

Kurikulum tahfiz UNITEN dibina dengan penekanan diberikan kepada tiga elemen utama iaitu bacaan Al-Quran, hafazan Al-Quran dan kefahaman Al-Quran. Ini bertepatan dengan pendapat Mohamad Marzuqi Abd. Rahim (2008) bahawa proses pengajaran dan

pembelajaran tahfiz Al-Quran merangkumi *talaqqi*, *i'adab*, pengujian mingguan, penulisan ayat, pemahaman ayat dan kemahiran penggunaan bahan bantuan mengajar.

Inovasi Digital Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz

Inovasi bermaksud idea, amalan atau bahan yang boleh membawa pembaharuan kepada seseorang individu atau sistem sosial (Yusuf Hashim, 1994). Inovasi menurut Yayasan Inovasi Malaysia ditakrifkan sebagai pengaplikasian kreativiti. Inovasi adalah mempratikkan idea yang dihasilkan. Kreativiti merupakan proses berfikir manakala inovasi pula adalah proses produktif. Inovasi menambah nilai kepada idea yang dihasilkan. (Yayasan Inovasi Malaysia, 2010).


Galakan universiti melaksanakan Pdp melalui metode BL, *flipped teaching* dan PBL memacu program tahfiz di UNITEN untuk menerapkannya di dalam pengendalian kelas-kelas subjek. Di antara subjek-subjek yang terdapat di dalam program tahfiz yang telah melaksanakan metode BL adalah Tajwid, Mustolah Hadith, Usul Fiqh, Aqidah Islamiyyah, Qawaid Fiqhiyyah, Fiqh Muamalat dan Tafsir Ayat Ahkam. Pada setiap semester, pensyarah dikehendaki melabelkan tahap pelaksanaan BL sama ada di tahap 1, tahap 2, tahap 3 atau tahap 4 pada subjek yang diajar pada semester tersebut di portal. Ini bagi memudahkan pihak TLC untuk memantau tahap pencapaian pelaksanaan BL pensyarah tersebut melalui *teaching evaluation* pada setiap semester.

Di antara tujuan inovasi digital di dalam pembelajaran adalah untuk meningkatkan kualiti belajar dan bahan mengajar dan menjadikan Pdp lebih menarik dan berinteraktif. Ia juga mampu meningkatkan minat dan kefahaman pelajar khususnya generasi baru yang telah sedia terdedah kepada teknologi maklumat untuk berinteraksi (Syaryanti, Zahari, Muhammad Najib, Fadhlina, Hasnizam & Nabilah, 2018). Inisiatif yang dikemukakan melalui BL adalah dengan menggunakan LMS iaitu perisian *Moodle*. Berikut adalah beberapa aktiviti yang diaplikasikan menerusi *Moodle*:

- a. Memuatnaik Bahan Kursus
- b. Audio-visual
- c. Penilaian berterusan
- d. Aktiviti atas talian (online)

a. Memuatnaik Bahan Kursus

Setiap semester, para pensyarah akan mengemaskini maklumat berkaitan kursus melalui *Moodle*. Pelajar boleh mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan kursus yang diambil sama ada panduan kursus, nota, slaid pengajaran, jurnal, peta minda serta bahan-bahan berkaitan di platform *Moodle*.




Rajah 3: Memuatnaik Bahan Kursus di *Moodle*

b. Audio-Visual

Melalui *Moodle*, pensyarah boleh memuatnaik video rakaman pensyarah atau tenaga pengajar berpengalaman yang lain menggunakan *Panopto*, *Powtoon* dan *Youtube* untuk tontonan pelajar sebagai aktiviti luar kelas. Selain itu, pelajar juga dikehendaki memuatnaik rakaman suara atau video sebagai tugas untuk dinilai.

Panopto adalah alat yang memudahkan pensyarah menghasilkan rakaman video kuliah atau pembentangan dan memuat naik video tersebut ke platform *Moodle*. Rakaman video menggunakan *Panopto* ini boleh dijadikan sebagai salah satu dari usaha pensyarah untuk melaksanakan metode pengajaran secara *flipped teaching* di mana ia merupakan tahap ketiga pelaksanaan BL. UNITEN telah melanggan aplikasi *Panopto* untuk kemudahan pensyarah merakam video kuliah mereka untuk dikongsikan bersama dengan pelajar sama ada sebelum, atau semasa kelas berlangsung.




Rajah 4: Memuatnaik Bahan Kursus di *Panopto*

Powtoon pula merupakan perisian animasi yang dapat membantu pensyarah dan pelajar membuat video animasi yang menarik. Pensyarah boleh menggunakan *Powtoon* sebagai salah satu bahan mengajar selain daripada penggunaan *Power Point*. Selain itu, pensyarah juga boleh mempelbagaikan tugas di dalam kelas dengan memberi tugas kepada pelajar secara berkumpulan untuk menghasilkan video melalui *Powtoon*. Ini juga akan menjadikan pelajar lebih kreatif dan berinovasi dalam menghasilkan video animasi yang bersumberkan topik yang dipilih bagi subjek tertentu.



Rajah 5: Audio-Visual menggunakan *Powtoon*


Selain *Panopto* dan *Powtoon*, pensyarah dan pelajar boleh menggunakan kemudahan *Youtube* untuk menyampaikan bahan mengajar atau melaksanakan tugas yang diberikan di dalam kelas. Video-video dari *Youtube* juga boleh dijadikan salah satu dari bahan mengajar dan ia juga boleh dimuatnaik di *Moodle* untuk rujukan tambahan pelajar.



Rajah 6: Audio-Visual menggunakan *Youtube*

c. Penilaian Berterusan

Penilaian berterusan dapat dilaksanakan menggunakan instrumen seperti kuiz, tugas individu atau berkumpulan, ujian melalui platform *Moodle*. Pensyarah boleh memuatnaik soalan-soalan berbentuk objektif (*multiple choice*), subjektif (*essay, short answer*), padankan (*matching*), betul atau salah (*true or false*) dan pelbagai lagi pilihan bentuk soalan boleh ditetapkan melalui *Moodle*. Semua tugas sama ada secara berkumpulan atau individu juga boleh dimuatnaik di platform ini. Pensyarah boleh memeriksa tugas pelajar dan terus memberikan markah melalui platform yang sama. Penilaian berterusan ini tidak perlu dilakukan secara bersemuka dan dapat menjimatkan masa pensyarah dan pelajar di samping tidak mengganggu waktu kelas sedia ada. Pelaksanaan penilaian juga lebih fleksible, di mana ia dapat dilakukan pada waktu luar kelas mengikut kesesuaian waktu pelajar dan di tempat yang selesa.




Rajah 7: Penilaian berterusan melalui *Moodle*

d. Aktiviti atas talian (*online*)


PdP tahfiz turut menggunakan beberapa aplikasi atas talian dalam usaha menarik minat pelajar menerusi bahan kursus yang pelbagai. Antaranya aktiviti atas talian yang dapat menarik minat pelajar dengan penggunaan *Kahoot*, *Padlet*, *Coggle*, *Mentimeter* dan *Plickers*.

Kahoot adalah platform pembelajaran berasaskan permainan, yang boleh digunakan sebagai teknologi pendidikan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Permainan pembelajaran berbentuk kuiz secara objektif ini dapat diakses melalui laman sesawang atau aplikasi *Kahoot*. Pensyarah boleh melakukan permainan bersama pelajar sama ada di permulaan kelas, pertengahan kelas atau di akhir kelas untuk menguji pelajar secara spontan.




Rajah 8: Aplikasi Atas Talian (*Kahoot*)

Padlet adalah alat dalam talian yang berfungsi sebagai papan kenyataan dalam talian (*online notice board*). *Padlet* boleh digunakan oleh pelajar dan guru sebagai salah satu alat inovasi digital untuk menghantar nota di halaman umum. Catatan yang dihantar oleh guru dan pelajar boleh mengandungi pautan video, gambar dan dokumen. Pensyarah boleh menggunakan *Padlet* sebagai salah satu alat teknologi yang dapat menarik minat pelajar semasa kelas atau boleh dijadikan sebagai tugas selepas kelas di mana pelajar boleh meletakkan input, refleksi apa yang telah dipelajari di dalam kelas. Walaupun penggunaan *Padlet* ini adalah percuma, namun ia agak terhad. Justeru, UNITEN mengambil inisiatif melanggan *Padlet* agar ia dapat digunakan secara meluas dan tanpa had oleh pensyarah.



Rajah 9: Aplikasi Atas Talian (*Padlet*)

Coggle adalah alat dalam talian untuk membuat dan berkongsi peta minda. Alat ini bertujuan untuk membantu pelajar mencatat, mencetuskan idea, menggambarkan hubungan merentasi konsep, dan bekerjasama dengan yang lain. Penggunaan inovasi digital melalui aplikasi *Coggle* ini akan menjadikan PdP lebih kreatif dan interaktif kerana ia berbentuk peta minda. *Coggle* ini boleh dikongsi di *Moodle* yang boleh dijadikan rujukan pelajar.




Rajah 10: Aplikasi Atas Talian (Coggle)

Mentimeter adalah perisian yang menarik, interaktif dan ia mudah digunakan. Melalui inovasi digital menggunakan aplikasi *Mentimeter*, pensyarah boleh membuat pembentangan di dalam kelas lebih menyeronokkan dan interaktif. Aplikasi ini boleh membantu menjadikan Pdp, pembentangan, kuliah, dan bengkel lebih kreatif dan inovatif.



Rajah 11: Aplikasi Atas Talian (Mentimeter)

Aplikasi inovasi digital yang terakhir yang pernah digunakan di dalam kelas subjek pengajian Islam program tahfiz UNITEN adalah *Plickers*. *Plickers* adalah sejenis aktiviti menggunakan kad yang boleh didapati secara percuma di laman sesawang *Plickers*. Ia akan menjadikan pelajar lebih aktif dan berinteraktif semasa di dalam kelas. Pensyarah boleh memuat turun kad *Plickers* secara percuma di laman sesawang *Plickers* dan mencetak kad tersebut lalu diberikan kad ini kepada pelajar semasa hendak melakukan aktiviti permainan di dalam kelas.



Rajah 12: Contoh gambar kad *Plickers* digunakan

Kesimpulan

Perubahan mencetuskan pembaharuan dan pembaharuan memungkinkan kemajuan. Setiap guru, tenaga pengajar merupakan ejen pembentukan modal insan kreatif dan inovatif. Hasil daripada perubahan ini akan menyumbang kepada pembentukan generasi yang berkualiti (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012) Keperluan ini lebih ketara akibat proses globalisasi yang dibawa oleh teknologi komunikasi dan internet terkini. Teknologi tersebut telah merubah cara murid belajar dan guru mengajar melalui penggunaan rangkaian dalam talian. Rangkaian seperti ini mampu menghubungkan guru dengan pelajar, pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan bahan web global dengan waktu yang singkat (Yusuf Hshim, 2012).

Melalui kepelbagaian inovasi digital dan inisiatif yang ditawarkan TLC UNITEN, penambahbaikan terhadap proses PdP Tahfiz tidak hanya tertumpu kepada BL, malahan aktiviti berteraskan PBL, *flipped teaching* dan *active learning* dapat diterapkan. Inovasi digital dalam PdP tahfiz di UNITEN melalui metode BL masih lagi baru dan memerlukan penambahbaikan bagi memastikan ianya menepati tahap pengajaran dan pembelajaran masa kini di samping mengekalkan sistem pembelajaran tradisional yang merupakan teras utama pengajian Tahfiz, begitu juga pengajian Islam. Konsep pembelajaran secara BL ini dapat melahirkan pelajar yang aktif, kreatif, inovatif dan berdaya saing di samping mempertingkatkan kualiti PdP pensyarah yang mengajar subjek-subjek tersebut dalam program tahfiz UNITEN. Masih terdapat banyak lagi aplikasi inovasi digital yang boleh diteroka untuk menambah baik PdP sedia ada. Usaha ini dapat membentuk PdP pengajian tahfiz menjadi lebih efektif dan menarik di samping sesuai dengan perkembangan dan kehendak pembelajaran semasa.

Rujukan

- Ahmad Bazlin Ahmad Hilmi, Zulkarnin Zakaria, Mahiz Spawi. 2017. *Pembinaan Modul Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Model Permata Insan*. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE), Vol.1, no.1 (2017), gbse.com.my, eISSN 24621714.
- Amaluddin Arshad, Siti Salma Mohamad Shokri, Syafawati Salihan. 2019. *Inovasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional: Tinjauan Awal*. e-Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajian Asasi dan Umum (PERSePADU 2019) 'Transformasi Pendidikan dan Kesihatan Sejagat: Isu dan Cabaran?'. E-ISBN 978-967-17756-0-8. Universiti Selangor (UNISEL).
- Annisa Ratna Sari. 2013. Strategi Blended Learning Untuk Peningkatan Kemandirian Belajar dan Kemampuan Critical Thinking Mahasiswa Di Era Digital. Jurnal Pendidikan Akutansi Indonesia, Vol. XI, No. 2, 2013.
- Deklara Nanindya Wardani, Anselmus J.E Toenlio, Agus Wedi. 2018. Daya Tarik Pembelajaran Di Era 21 Dengan Blended Learning. JKTP Vol. 1, No. 1, April, 2018.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Kreatif dan Inovatif: Elemen Merentas Kurikulum dalam KSSR*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Laborda, J.G. 2014. *Essentials for Blended Learning*. British Journal of Educational Technology (Vol. 45).
- Mohamad Marzuqi Abd. Rahim. 2008. *Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah*. Tanjung Malim: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: UPSI.
- Muhammad Hafizan Abd. Hamid, Hamdi Ishak. 2019. Huffaz Profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN): Satu Pengenalan. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies, Vol.13, No.1, January Issue.

- Syaryanti Hussin, Zahari Mahad Musa, Muhammad Najib Abdullah, Fadhlina Alias, Hasnizam Hashim & Nabilah Yusof. 2018. *Penggunaan E-Pembelajaran Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Fiqh Al-Ibadat wa al-Munakahat (LBI 1012): Satu Perkongsian*. Isu-isu Kontemporari Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, USIM.
- Teaching and Learning Centre. 2020. *Lecturer's Guide to Virtual Learning*. Universiti Tenaga Nasional. Version 1.0, July 2020.
- Teaching and Learning Centre. 2019. *Ed-Communique: Teaching and Learning Centre, TLC's Monthly Bulletin*. Vol. 6, Julai 2019.
- Teaching and Learning Centre. 2017. *Blended Learning Guidelines*. Universiti Tenaga Nasional. June, 2017.
- Yusuf Hsim. 2012. *Penggunaan e-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan*. Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG) 2012.
- Yusuf Hashim. 1995. *Penggunaan Teknologi dalam Inovasi Pendidikan*. *Pendidik dan Pendidikan*. Jld. 13, 1994/95.
- Sakinah Salleh dan Rahimah Embong. 2017. Educational Views of Ibn Sina. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, Vol. 2, No. 1, June, 2017.
- Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Ghazali Darusalam, Nur Hasbuna Mohd Salleh. 2015. *Kajian Model Blended Learning dalam Jurnal Terpilih: Satu Analisa Kandungan*. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 3, Isu 1, Januari 2015.
- <https://www.yim.my/innovation-dictionary/>

BAB 7

PEMBENTUKAN DISIPLIN PELAJAR MELALUI PROSES PEMBACAAN DAN HAFIZAN AL-QURAN : SATU PEMERHATIAN

Syafawati Salihan, Muhammad Hafizan Abd Hamid,
Siti Salma Mohamad Shokri

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

Pendahuluan

Al-Quran al-Karim merupakan sebuah kitab yang bersifat mendidik umat manusia secara universal. Allah SWT menurunkan Kitab-Nya untuk dihayati serta diamalkan dalam kehidupan seharian manusia. Membaca al-Quran adalah suatu amalan mulia apatah lagi sekiranya seseorang itu mampu menghafalnya. Allah SWT telah menjanjikan beberapa keistimewaan dan kelebihan kepada orang-orang yang membaca al-Quran. Firman Allah SWT :

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian;” (Faathir : 29)

مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ...

Maksudnya:

“...Di antaranya ada golongan yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada agama Allah yang benar) mereka membaca ayat-ayat Allah (Al-Quran) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang).” (Ali-Imran : 113)

Ayat al-Quran diatas memberi galakkan kepada mereka yang beriltizam membaca al-Quran, mendirikan solat, menunaikan zakat samada secara terangterangan atau tersembunyi dianggap termasuk golongan mereka yang mengharapkan suatu perniagaan yang tidak akan rugi. Dalam ayat seterusnya Allah menjanjikan pahala yang sempurna dan menambah kurniaanNya bagi mereka yang memiliki ciri-ciri berkenaan. Allah SWT menjelaskan, mereka yang kekal membaca ayat-ayat dari Kitab Allah beserta amal ibadah yang lain, sebagai golongan manusia yang mendapat pujian dan pahala daripada Allah SWT.

Rasulullah SAW juga telah menjelaskan tentang keutamaan dan kelebihan orang yang membaca serta menghafal al-Quran. Di antaranya ialah mereka dianugerahkan keistimewaan menjadi ahli keluarga Allah SWT semasa di dunia. Sabda Rasulullah s.a.w :

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ لِلَّهِ أَهْلِينَ مِنَ النَّاسِ" . قَالُوا "يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ؟" قَالَ : "هُمُ أَهْلُ الْقُرْآنِ أَهْلُ اللَّهِ وَخَاصَّتُهُ"

[Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah, Kitab al-Muqaddimah*, no hadith 220]

Maksudnya:

Berkata Anas Ibn Malik, Rasulullah s.a.w bersabda : “*Sesungguhnya Allah SWT mempunyai ahli keluarga di antara manusia, para sahabat bertanya, “Siapakah mereka, ya Rasulullah?”.* Baginda menjawab. “*Mereka golongan al-Quran, merekalah golongan Allah SWT dan keistimewaanNya.*”

Tuntutan membaca al-Quran merupakan tuntutan wajib ke atas setiap individu Muslim. Ini kerana, al-Quran merupakan buku panduan umat manusia di atas muka bumi. Manakala, menghafaz al-Quran merupakan fardhu kifayah, kerana dengan adanya hafazan al-Quran, maka ianya menjadi salah satu cara untuk memelihara agama, selain mengikut sunnah Nabi s.a.w. (Zulkifli Mohammad, 2013). Imam al-Zarkashi di dalam bukunya *al-Burhan fi Ulum al-Quran* menyatakan “Mempelajari al-Quran hukumnya adalah fardhu kifayah, demikian juga memeliharanya (iaitu menghafaznya) maka ia juga wajib (kifayah) bagi setiap umat.”

Pengajian al-Quran mengalami perubahan yang besar pada abad ke-20M. Kemunculan sekolah agama dengan sistem pengajian yang lebih tersusun dan sistematik. Ia memberi kesan secara langsung kepada pengajian al-Quran dan ilmu-ilmu lain sama ada dari sudut sukatan mata pelajaran dan juga metodologi pengajaran. (Sharifah Norshah, Mohd Shafie, Tasnim, Kasimah, 2018) Institusi pendidikan kini meletakkan bacaan al-Quran sebagai sebahagian dari kurikulum wajib kepada pelajar. Di UNITEN, pelajar diwajibkan untuk melalui penilaian bacaan al-Quran melalui subjek Pengajian Islam, yang merupakan subjek Wajib Universiti. Selain itu, pengajaran al-Quran secara umum di Malaysia turut mengalami evolusi perkembangan yang pesat, seperti pengenalan j-QAF kepada pelajar sekolah (Daud Ismail, Wan Mohamad Khairul Firdaus, Mahadi Mohamad, 2014), pengenalan kaedah-kaedah membaca al-Quran yang pelbagai seperti Iqra' dan Baghdadiyyah (Kamarul Azmi, Mohd Aderi, 2013).

Proses didikan dan pengajaran dari al-Quran tidak terbatas kepada memahami isi kandungan al-Quran sahaja, malah melalui proses membaca al-Quran dengan cara yang betul serta menghafaz al-Quran dengan kaedah yang bersesuaian, juga memberi nilai positif kepada pembentukan peribadi seseorang. Kajian ini dilaksanakan secara umumnya bertujuan untuk melihat kaedah bacaan dan hafazan al-Quran yang betul dan meneliti aspek pembentukan disiplin melalui proses-proses yang dilalui dalam pembacaan al-Quran dan aktiviti menghafaz ayat-ayat al-Quran.

Bacaan Al-Quran Yang Baik

Etika dan tata tertib dalam menuntut ilmu adalah sangat diberatkan dalam Islam untuk mengamalkannya. Memandang rendah terhadap pengamalan etika dalam disiplin ilmu akan menyebabkan kurangnya penguasaan terhadap ilmu tersebut. Begitulah juga kepentingan pengamalan terhadap etika tilawah al-Quran (Juwariah Hasan, 2018). Surul Shahbudin dan Muhammad Azhar (2015) menyenaraikan bentuk-bentuk kesalahan bacaan al-Quran menerusi kajian yang dijalankan terhadap pelajar IPTA. Menerusi bentuk-bentuk kesalahan yang telah disenaraikan, pembaca al-Quran akan dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai panduan dalam menunaikan bacaan al-Quran secara praktikal bertajwid. Kajian sebegini diharapkan akan menjadi alat bantu dalam menetapkan ciri-ciri bacaan betul dalam

pembacaan al-Quran yang mampu dijadikan panduan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

1. Niat yang betul

Dr. Yusuf al-Qaradhawi (2000) menjelaskan, orang yang membaca dan menghafaz al-Quran seharusnya ikhlas dan memurnikan niat serta tujuan ketika mempelajarinya. Imam al-Qurtubhi (2004) menyebut dalam muqaddimah tafsir beliau berkenaan amaran dan peringatan kepada penghafaz al-Quran dan pencari ilmu yang melakukannya kerana riya' atau sebab-sebab yang selain Allah SWT, dengan membawa dalil dari surah al-Nisa ayat 36 dan surah al-Kahfi ayat 11.

Memelihara niat ketika membaca dan menghafaz al-Quran merupakan antara adab yang perlu dijaga dan dipelihara. Niat yang tidak ikhlas untuk menghafaz serta cintakan dunia dan terlalu sibuk dengan hal-hak keduniaan boleh menyebabkan seseorang itu tidak merasai kenikmatan dalam membaca dan menghafaz al-Quran. Ia dikategorikan sebagai masalah dalaman, iaitu masalah yang wujud dari dalam diri seorang hafiz al-Quran. (Abdul Hafiz bin Haji Abdullah & Hasimah binti Haji Muda, 2004)

2. Sebutan huruf yang betul

Al-Quran terbina dari 29 huruf jawi yang berbeza. Setiap huruf mempunyai cara sebutan serta sifat yang berbeza. Kesilapan pada sebutan huruf akan menyebabkan berubahnya makna pada ayat yang dibaca. Para ulama telah bersepakat kepentingan membaca al-Quran dengan bacaan *Tartil* dan bertajwid merupakan di antara perkara yang memberi kesan terhadap bacaan al-Quran. *Tartil* ialah bacaan yang lambat tetapi tidak terlalu lambat seperti bacaan *Tabqiq*. Iaitu menyebut setiap huruf dengan makhrajnya yang betul tanpa mengurangkan harakat setiap huruf serta memberikan *haq* dan *mustahaq* pada setiap huruf tersebut (Sifat asli pada huruf dan sifat yang mendatang) dan memelihara tajwidnya. (Juwairiah Hasan, 2018).

Rasulullah S.A.W juga membaca dengan bacaan *Tartil*, seperti hadith yang telah diriwayatkan dari Ummu Salamah yang bermaksud:

“Sesungguhnya dia (Ummu Salamah) menyifatkan bacaan Rasulullah S.A.W sebagai bacaan yang terang satu huruf satu huruf.”

[Abi Dawud, *Sunan Abi Dawud, Kitab Al-Huruf wa al-Qiraat*, no hadith 4001]

Kepentingan ilmu penyebutan huruf al-Quran juga dapat dilihat melalui kajian ilmiah di peringkat institusi pengajian tinggi yang dibuat khusus untuk menilai huruf-huruf yang sukar disebut oleh saudara baru Islam. (Sabariah, UM, 2011)

3. Panjang dan pendek yang bersesuaian

Dalam ilmu al-Quran, perbincangan hukum berkaitan memanjangkan bacaan disebut sebagai hukum *Mad*. Hukum bacaan mad juga memberi kesan kepada memahami jenis bacaan al-Quran yang berbeza (Qiraat) (Felza Zulhibri, Norhafizi, 2018). Kepentingan membaca al-Quran dengan *barakat* (kadar panjang pendek) yang betul memberi impak kepada makna ayat. Sebagai contoh, firman Allah SWT dalam surah al-Taha, ayat 44 :

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Maksudnya:

“Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah mudahan dia beringat atau takut.”

Ayat ini ditujukan kepada Nabi Musa a.s dan Nabi Harun a.s, yang dijelaskan melalui perkataan (فَقُولَا) yang membawa maksud “berbicaralah kamu berdua”. Sekiranya huruf (ل) tidak disempurnakan panjangnya iaitu dua harakat dengan bacaan (لا), maka maksud ayat berubah kepada “berbicaralah kamu” iaitu ditujukan kepada seorang sahaja.

4. Baris bacaan yang betul

Disiplin ilmu yang berkaitan penandaan huruf al-Quran dikenali sebagai *Dhabt*. *Dhabt* merupakan satu disiplin ilmu berkaitan penandaan huruf al-Quran berasaskan hukum sama ada dari sudut tajwid mahupun bentuk bacaan (*wajbu qiraat*). Perletakan baris pada huruf-huruf al-Quran merupakan sumbangan besar umat Islam pada era permulaan dalam usaha memelihara kesinambungan dan kesucian al-Quran. Sekiranya usaha pengemaskinian dan pemurnian ini tidak dilakukan oleh generasi terdahulu, sudah tentu keaslian al-Quran tidak dapat dikekalkan sehingga ke hari ini. *Dhabt* merupakan kaedah penandaan yang diguna pakai dalam Mushaf ‘Uthmani bagi mengenali tanda-tanda berhubung hukum-hukum bacaan al-Quran. (Daud Ismail, Asyraf, Wan Ibrahim, Fadzli, 2005)

5. Rentak bacaan yang bersesuaian

Para ulama telah bersepakat kepentingan membaca al-Quran dengan bacaan *Tartil* dan bertajwid merupakan di antara perkara yang memberi kesan terhadap bacaan al-Quran. *Tartil* ialah bacaan yang lambat tetapi tidak terlalu lambat seperti bacaan *Tabqiq*. Iaitu menyebut setiap huruf dengan makhrajnya yang betul tanpa mengurangkan harakat setiap huruf serta memberikan *baq* dan *mustabaq* pada setiap huruf tersebut (Sifat asli pada huruf dan sifat yang mendatang) dan memelihara tajwidnya. (Juwairiah Hasan, 2018).

6. Berlagu dan memperelokkan suara ketika membaca

Berlagu dan memperelokkan suara ketika membaca al-Quran merupakan sebahagian daripada adab membaca al-Quran yang disepakati. Bacaan yang sebegini disifatkan sebagai hiasan bagi al-Quran dan membantu untuk lebih menghayati ayat-ayat yang dibacakan. (Yusuf al-Qardhawi, 2000) Dalam satu hadith riwayat Al-Nasa’i, Abi Daud dan Ibn Majah yang bermaksud:

“Baguskanlah al-Quran dengan suara kalian, kerana suara yang bagus itu menambahkan kebagusan al-Quran.”

[Al-Nasa’i, *Sunan Al-Nasa’i*, Kitab *Al-Ijtihad*, no hadith 1015. Abi Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab *Al-Witr*, no hadith 1468. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab *Al-Salah wa Al-Sunnah Fiba*, no hadith 540]

Terdapat hadith lain riwayat al-Bukhari yang bermaksud:

“Bukan daripada kalangan kami (umat Nabi Muhammad SAW), sesiapa yang tidak memperlagukan bacaan al-Qurannya.”

[Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari, Kitab Al-Taubid*, no hadith 7527]

Menurut Imam al-Nawawi makna hadith di atas adalah hendaklah seseorang itu membaca al-Quran dengan suara yang baik agar orang yang mendengar merasa seronok atau asyik.

Hafazan al-Quran Yang Berkesan

Menghafaz ayat-ayat al-Quran memerlukan kesabaran dan disiplin yang tinggi untuk mencapai jumlah sasaran ayat-ayat yang perlu dihafal pada satu-satu masa. Pelajar perlu mempersiapkan diri dalam menghadapi segala bentuk permasalahan apabila ia mula menghafal dan mengekalkan hafalan dengan cara melaksanakan pengulangan hafalan secara konsisten. (Nor Musliza, Mokmin, 2014) Terdapat pelbagai teknik dan sistem yang digunakan di institusi menghafal Al-Quran untuk memastikan pelaksanaan proses hafazan adalah teratur dan sistematik.

1. Bacaan yang baik dan lancar

Bacaan al-Quran yang baik dan lancar adalah merangkumi keterangan pada bahagian sebelum ini (Bacaan Al-Quran Yang Baik). Sebelum memulakan pembelajaran penghafazan al-Quran, seseorang itu mestilah mampu membacanya dengan fasih, betul dan telah khatam al-Quran beberapa kali di hadapan guru. Ini akan dapat melancarkan bacaan seseorang. (Abdul Hafiz, Hasimah, 2004). Selain itu, pengesahan pada bacaan yang baik juga perlu dilakukan dengan cara bersemuka dengan guru-guru dan memperdengarkan bacaan al-Quran, sebelum memulakan hafazan pada ayat-ayat tersebut. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah*, yang juga merupakan kaedah yang paling asas dalam pendidikan tahfiz. (Nor Musliza, Mokmin, 2014)

2. Ulangan yang banyak

Takrir bermakna mengulang-ulang. Maksud keadah ini ialah pengulangan yang dibuat oleh penghafaz al-Quran untuk mengekal dan mengukuhkannya dalam ingatan agar tidak lupa. (Abdul Hafiz, Hasimah, 2004). Dr. Zulkifli al-Bakri (2013) berkongsi lebih dari 10 kaedah mengulang hafazan, sama ada penjelasan kaedah hafazan secara teori, ataupun perkongsian berkenaan teknik mengulang hafazan yang diamalkan oleh tokoh-tokoh tertentu.

Bagi seseorang yang mempunyai ingatan yang kuat, masa yang digunakan untuk mengulang adalah sedikit berbanding dengan mereka yang mempunyai ingatan yang lemah. Kekerapan mengulang-ulang bacaan bergantung kepada kekuatan daya ingatan masing-masing. Oleh itu untuk memudahkan kita menghafaz sesuatu maklumat, kita haruslah mengulang-ulangnya sehingga ia kekal dalam ingatan. Semakin banyak mereka mengulang bacaan, lebih mudah untuk menghafaz dan dapat mengucapkannya kembali tanpa tersekat. (Abdul Hafiz, Hasimah, 2004). Institusi-institusi Tahfiz juga sedaya upaya menyediakan kurikulum dan aktiviti yang bersesuaian dengan pelajar sebagai alat bantu dalam mengawal kualiti hafazan pelajar serta membantu mengukuhkan hafazan pelajar. (Khairul Anwar, 2016)

3. Mengetahui makna ayat

Proses hafazan al-Quran yang dilalui oleh golongan awal daripada kalangan sahabat, tabi'in dan atba' tabi'in membuktikan bahawa elemen memahami maksud ayat atau tadabbur ayat al-Quran adalah suatu yang sangat penting bagi mereka. Seinggakan mereka tidak akan berpindah kepada ayat lain untuk dihafaz selagi mana bereka belum benar-benar faham maksudnya dan belum mengamalkannya. (Fauzi Deraman, Mustaffa Abdullah, 2010). Dalam satu kajian yang dibuat oleh sekumpulan penyelidik dari Darul Quran, mereka membuktikan bahawa kefahaman terhadap ayat al-Quran dapat membantu pelajar untuk menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan lebih baik. (2015)

Antara kelemahan sistem pendidikan Tahfiz di Malaysia adalah, aspek kefahaman serta penghayatan terhadap al-Quran kurang diberi penekanan dalam kurikulum Tahfiz. Dalam satu kajian yang dibuat pada tahun 2018 menemukan bahawa pelajar tahfiz sendiri tidak menunjukkan usaha dalam mencari makna ayat, sebaliknya hanya menumpukan terhadap hafazan. Situasi ini menunjukkan bahawa proses tadabbur tidak berlaku sedangkan tadabbur al-Quran merupakan syarat utama untuk mencapai objektif al-Quran diturunkan. (Maisarah Thulhuda, Mohd Faizulamri, Sabri, 2018)

Perkara utama yang perlu diketengahkan dalam isu tahfiz adalah kualiti para huffaz, iaitu para huffaz perlu berdepan dengan persepsi masyarakat yang memandang tinggi golongan penghafal al-Quran untuk pelbagai aspek kemahiran dalam bidang al-Quran. Realiti persepsi masyarakat terhadap golongan penghafal al-Quran adalah tinggi kerana mereka adalah generasi harapan untuk mengemudi negara di masa hadapan kelak. Peringkat tertinggi dalam amalan tadabbur adalah beramal dengan saranan al-Quran. Para huffaz yang mempunyai tadabbur yang tinggi terhadap al-Quran mampu menzahirkan peranan mereka daripada sudut amalan dalam konteks kehidupan seharian mahupun dalam kalangan masyarakat. Inilah realiti yang perlu ditempuh oleh seorang yang bergelar huffaz al-Quran. (Maisarah Thulhuda, Mohd Faizulamri, Sabri, 2018)

4. Membahagikan ayat hafazan

Membahagikan al-Quran sama ada kepada kumpulan surah, juzuk dan seterusnya sehinggalah kepada ayat-ayat yang tertentu, adalah antara kaedah yang dapat membantu seseorang menghafaz al-Quran. Contohnya, seorang penghafaz menetapkan untuk menghafaz sekurang-kurangnya lima helai seminggu, maka penghafaz perlu menyusun berapa bilangan ayat yang perlu dihafaz dalam masa sehari mengikut kemampuan masing-masing. (Abdul Hafiz, Hasimah, 2004)

5. Memperdengarkan hafazan

Kaedah memperdengarkan hafazan atau dikenali sebagai *Tasmi'* adalah kaedah untuk menilai bacaan dan hafazan pelajar, selanjutnya memperbaiki serta mengukuhkan ingatan hafazan ayat al-Quran. Kaedah ini menjadi amalan dalam pengajaran dan pembelajaran Tahfiz di institusi-institusi Tahfiz. Ini kerana, pelajar tidak mampu untuk menyemak bacaan dan hafazan mereka sendiri, melainkan ada individu lain atau guru yang mendengarnya serta mengesahkan bacaan dan hafazan mereka. (Sabri, Azmil, Hamdi, 2016)

Pengaruh Proses Bacaan Dan Hafazan Al-Quran Kepada Pembentukan Disiplin Pelajar

1. Fokus dan Teliti

Bacaan dan hafazan al-Quran yang baik memerlukan kepada pelajar melalui proses-proses tertentu seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Dalam satu ayat al-Quran yang dibaca, pelajar perlu memastikan mereka menjaga bacaan al-Quran pada beberapa aspek seperti menyebut huruf dengan betul, bacaan dengan baris yang betul serta dalam masa yang sama cuba memahami ayat-ayat yang dibaca. Kumpulan aktiviti yang pelbagai dalam satu masa membentuk ketajaman minda pada diri pelajar. Membaca dan menghafaz al-Quran menuntut pelajar untuk lebih teliti dalam memerhatikan ayat-ayat bacaan, serta membina fokus terutama dalam proses hafazan al-Quran. Penghafalan (*memorization*) daripada perspektif neurosains melibatkan proses pembelajaran, proses pembentukan ingatan, proses penyimpanan ingatan, proses pengeluaran kembali ingatan (*recall*) dan sebagai bukti kemampuan kognitif luar biasa yang berpusat di otak manusia. (Very Julianto & Magda Bhinnety, 2011)

Hafazan al-Quran dalam arus pendidikan di Malaysia telah memberi impak yang sangat positif daripada sudut sahsiah dan kecemerlangan akademik pelajar. Dalam satu kajian yang dibuat pada tahun 2017 terhadap pelajar Ijazah Sarjana Muda Quran Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Darul Quran mendapati bahawa, hafazan al-Quran memberi impak yang positif kepada kecemerlangan akademik pelajar berdasarkan penilaian terhadap keputusan peperiksaan pelajar. Kajian ini telah merumuskan bahawa aktiviti menghafaz al-Quran perlu diberi perhatian dan diadunkan secara bersepadu dengan bidang akademik kerana hafazan al-Quran juga turut menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar. (Anis Syahirah, Sabri, 2017)

2. Kekuatan ingatan

Kekuatan ingatan diperolehi dari aktiviti mengulang-ulang bacaan serta hafazan al-Quran. Ini kerana, hafazan melibatkan proses untuk menyimpan pengetahuan. Menghafaz sesuatu yang dipelajari dan mengasah ingatan melalui hafazan adalah cara yang paling baik untuk mengekalkan ingatan dan kecerdasan otak. Kajian menunjukkan bahawa seseorang individu yang membaca al-Quran dengan memahami maksud ayat al-Quran akan merasa ketenangan jiwa dan meningkatkan daya intelektual. (Ismarulyusda, Nor Malia, Farah Wahida, Siti Nur Rasyidah, Sabri, 2016) (Abdul Hafiz, Hussin, Azmi Shah, Sulaiman Shakib, Kamarul Azmi, Abdul Basit, 2005)

3. Kekuatan bahasa

Individu yang berusaha memahami isi kandungan al-Quran akan berusaha melihat dan memerhatikan makna bagi ayat-ayat al-Quran yang dibaca. Memahami isi kandungan al-Quran adalah salah satu aktiviti yang akan membantu meningkatkan kemahiran bahasa Arab. Dalam konteks penghafaz al-Quran, dengan memahami nahu, mereka boleh menghafaz dengan lebih cepat kerana memahami ayat al-Quran yang dibaca dengan mudah tanpa perlu merujuk terjemahan al-Quran. Oleh itu, sekiranya pelajar tahfiz mempunyai pengetahuan bahasa Arab termasuk nahu, mereka tidak mengambil masa yang lama untuk merungkaikan kekeliruan yang timbul sekaligus mampu mengekodkan bacaan dalam memori mereka dalam tempoh yang lebih singkat. (Zahriah, Nik Farhan, Che Radiah, Pabiyah, Normaliza, 2016)

4. Pembangunan Spiritual, Emosi dan Motivasi Diri

Usaha memahami isi kandungan al-Quran serta menghayati pengajaran daripadanya dikenali dengan istilah ‘Tadabbur’. Terdapat pelbagai kelebihan dan kebaikan sekiranya tadabbur disertakan ketika membaca al-Quran lebih-lebih lagi kepada golongan penghafaz al-Quran. Karakteristik pelajar tahfiz melalui sudut kesediaan spiritual merupakan sebahagian daripada asas penting dalam pencapaian hafazan al-Quran.

Elemen pembangunan spiritual merupakan aspek utama yang terbangun dari aktiviti membaca dan memahami ayat al-Quran. Dr. Yusuf al-Qardhawi (2000) menjelaskan bahawa, seorang penghafaz al-Quran harus sentiasa memuji Allah SWT dan mempelajari usaha orang-orang terdahulu dalam memelihara hafazan al-Quran. Membaca dan menghafaz al-Quran merupakan aktiviti yang bersifat menyucikan hati (*taṣkiyyatun nafs*), sehingga dapat menzahirkan akhlak dan perilaku yang baik.

Selain itu, al-Quran juga bertindak sebagai sumber motivasi bagi mereka yang memahami dan menghayati isi kandungannya. Ini kerana, isi kandungan al-Quran yang antara menceritakan kisah nabi-nabi yang terdahulu bersifat peringatan dan penunjuk jalan kepada kebenaran serta meyakini kekuasaan Allah SWT. Allah SWT merakamkan peristiwa umat terdahulu serta bagaimana Allah SWT memandu kehidupan mereka yang mengikut kebenaran serta akibat kepada mereka yang ingkar untuk beriman. (Hamid Ahmad, 2017)

5. Adab

Etika dan tata tertib dalam menuntut ilmu adalah sangat diberatkan dalam Islam untuk mengamalkannya. Memandang rendah terhadap pengamalan etika dalam disiplin ilmu akan menyebabkan kurangnya penguasaan terhadap ilmu tersebut (Juwariah Hasan, 2018). Memelihara adab dan etika semasa membaca dan menghafaz al-Quran, dapat membentuk peribadi yang bersikap positif dan dipenuhi nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Antara adab yang digariskan dalam membaca dan menghafaz al-Quran adalah niat yang baik. Memelihara niat dalam membaca ayat-ayat al-Quran membantu untuk memelihara niat diluar aktiviti membaca al-Quran. Selain itu, membaca al-Quran juga menuntut untuk seseorang itu berada dalam keadaan suci daripada hadas. Keadaan ini membantu juga untuk seseorang sentiasa berada dalam keadaan bersih dalam kehidupan seharian. Selain itu, gaya hidup seperti cara berpakaian, cara berbicara dan tingkah laku mereka juga sentiasa dalam keadaan yang baik hasil daripada kebersamaan dengan al-Quran. (Siti Raiyati, 2017) Penjagaan adab dan etika dalam pembelajaran Tahfiz juga memberi impak yang positif terhadap pencapaian akademik pelajar. (Aznil, Misnan, Abd. Halim, Mohd Aderi, 2014)

6. Pengurusan masa

Aspek pengurusan masa dapat dibentuk hasil dari tindakan membahagikan ayat-ayat hafazan. Contohnya, apabila seorang penghafaz menetapkan untuk menghafaz sekurang-kurangnya lima helai seminggu, maka penghafaz perlu menyusun berapa bilangan ayat yang perlu dihafaz dalam masa sehari mengikut kemampuan masing-masing. (Abdul Hafiz, Hasimah, 2004). Maka, mereka perlu menetapkan masa yang sesuai untuk menghafaz mukasurat yang telah ditetapkan pada hari tersebut. Penyusunan hafazan ini membantu pelajar untuk menyusun aktiviti harian mereka dengan lebih sistemik, agar waktu yang diperuntukkan untuk al-Quran adalah waktu yang berkualiti untuk menghafaz, dan tidak diganggu oleh urusan-urusan lain.

7. Komitmen dan Integriti

Proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz bermula dengan komitmen dan kesungguhan pelajar sebagai tunjang utama. Hal ini adalah kerana proses pembelajaran tahfiz bermula dengan pelajar memperdengarkan bacaan hafazan kepada guru dan barulah guru membimbing dengan kaedah dan sistem yang betul. Pengajaran dan pembelajaran tahfiz tidak seperti subjek lain iaitu guru sebagai perkara utama dalam menyampaikan ilmu.

Melihat kepada keunikan ini, maka komitmen dan integriti yang tinggi diperlukan ketika pelaksanaan kelas *tasmi'* atas talian. Pelajar perlu berdisiplin dalam mengurus masa ketika berada di rumah dan mengikuti kelas *tasmi'* dengan jayanya. Pelajar juga perlu amanah dengan diri sendiri supaya tidak menipu ketika proses *tasmi'* atas talian dijalankan. Fasa pengajian dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) benar-benar menguji komitmen dan integriti pelajar terhadap kelas hafazan al-Quran. Antara inisiatif yang diambil oleh UNTEN ialah mewajibkan para pelajar agar menutup mata dengan penutup mata serta memastikan kedudukan ketika proses *tasmi'* dijalankan tidak meragukan. Selain itu, pelajar hendaklah memastikan mereka jelas dilihat oleh guru ketika proses *tasmi'* berlangsung (*on camera*).

Kesimpulan

Membaca dan memahami merupakan modal dasar dan kunci utama untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Kemampuan membaca al-Quran adalah suatu kewajiban yang harus dimiliki oleh setiap Muslim, kerana dengan membaca al-Quran seorang Muslim dapat mengetahui dan memahami ajaran agama Islam. Selain pada pembacaan, hubungan dengan al-Quran dapat dipertingkatkan melalui proses hafazan. Dengan adanya hafazan al-Quran, maka ianya menjadi salah satu cara untuk memelihara agama selain mengikut sunnah Nabi s.a.w. Pendidikan Tahfiz pada masa kini merupakan antara bidang pengajian yang semakin berkembang di Malaysia. Kesedaran masyarakat semakin tinggi terhadap keperluan untuk menjalani kehidupan dalam kebersamaan dengan al-Quran. Proses didikan dan pengajaran dari al-Quran tidak terbatas kepada memahami isi kandungan al-Quran sahaja, malah melalui proses membaca al-Quran dengan cara yang betul serta menghafaz al-Quran dengan kaedah yang bersesuaian, juga memberi nilai positif kepada pembentukan peribadi seseorang.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Al-Zarkasyi, Muhammad bin Abdillah. 1981. *al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.

Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, Hussin Bin Salamon, Azmi Shah Bin Suratman, Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor, Kamarul Azmi Bin Jasmi, Abdul Basit Bin Samat @ Darawi. 2005. *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Kajian Ilmiah. Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Hafiz bin Haji Abdullah & Hasimah binti Haji Muda. 2004. *Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Sistematis dan Praktikal dalam Melahirkan Para Huffaz Yang Rasikh*. International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Jalal Abdul Manaf, Shamsul Bahari Dahalan, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Muhammad Toriq Yaacob, Zamzarina Md Sood, Sukhairu Sulaiman, Mohd Abdul Rauf Sidek, Nur Syazrin Nazee Mudeen. 2015. *Keberkesanan Kaedah Kefahaman*

- Makna Ayat Al-Quran Berbantuan Al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hifz Al-Quran.* Jurnal Darul Quran. Bil.19, Hal. 14-36.
- Anis Syahirah Fauzan, Sabri Mohamad. 2017. *Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar.* Jurnal al-Turath. Vol. 2, No. 2.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh. 2104. *Hubungan Antara Adab-Adab Pembelajaran Tahfiz Dan Pencapaian Hafazan Pelajar.* The Online Journal of Islamic Education. Vol. 2, Issue 2.
- Daud Ismail, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Mahadi Mohammad. 2014. *Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia.* Jurnal Islamiyyat Bil. 36(2), Hal. 57 – 66.
- Daud Ismail, Asyraf Hj. Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Fadzli Adam. 2005. *Dabt Mushaf Uthmani: Perkembangan, Permasalahan Dan Kaitannya Dengan Pembangunan Sosial Di Malaysia.* Jurnal Usuluddin, Bil 20, Hal. 125-144.
- Fauzi Deraman, Mustaffa Abdullah. 2010. *Pengantar Usul Tafsir.* Penerbit Intel Multimedia and Publications.
- Felza Zulhibri Abd Hamid Nor Hafizi Yusof. 2018. *Teori Hukum Mad Far"i Dari Perspektif Ilmu Qiraat.* Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Bil. 16 (Januari)
- Hamid Ahmad Ath-Thahir. *Kisah-Kisah Dalam Al-Quran Berdasarkan Riwayat-riwayat Sahih.* 2017. Penerbit Ummul Qura.
- Ismarulyusda Ishak, Nor Malia Abdul Warif, Farah Wahida Ibrahim, Siti Nur Rasyidah Md Ramli, Sabri, Mohamed. 2016. *Kesan Bacaan Atau Hafazan Al-Quran Terhadap Kesihatan Dan Tahap Kecerdasan.* Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa. 22-24 November 2016, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Juwairiah Binti Hassan. 2018. *Kepentingan Etika Tilawah Al-Quran Dan Kesannya Terhadap Bacaan Al-Quran.* Jurnal 'Ulwan. Jilid 1, Hal. 132-145.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Aderi Che Noh. 2013. *Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran.* Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI. 28-29 Oktober 2013.
- Khairul Anuar Mohamad. 2016. *Sistem Kawalan Kualiti Huffaz.* Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa. 22-24 November 2016, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Maisarah Thulhuda binti Mat Jafri , Mohd Faizulamri bin Mohd Saad, Sabri bin Mohamad. 2018. *Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz.* Jurnal al-Turath. Vol. 3, No. 2.
- Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. 2004. *Tafsir Al-Qurtubi.* Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut.
- Nor Musliza Mustafa, Mokmin Basri. 2014. *Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal.* Proceeding of the Social Sciences Research (ICSSR 2014), 9-10 Jun 2014, Kota Kinabalu, Sabah, Hal. 827-834.
- Sabri Mohamad, Azmil Hashim, Hamdi Ishak. 2016. *Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz : Prinsip dan Kaedah Dalam Membina Kurikulum Tahfiz Al-Quran.* Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa. 22-24 November 2016, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman, Kasimah Kamaruddin, Nik Azeah Nik Azman. 2018. *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran: Kajian Di Masjid UniSZA.* Jurnal Hadhari 10 (1), Hal. 93-108.
- Siti Raiyati. *Presentasi Diri Mahasiswa Penghafal Al Quran.* 2017. Jurnal Studia Insania, Mei 2017, Hal 17-24.
- Surul Shahbudin Bin Hassan, Muhammad Azhar Bin Zailaini. 2015. *Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar Di Sebuah IPTA.* The Online Journal of Islamic Education. Julai 2015. Vol.3 Issue 2.

- Very Julianto & Magda Bhinnety Etsem. 2011. *The Effect of Reciting Holy Quran toward Short-term Memory Ability Analysed throughout the Changing Brain Wave*. Jurnal Psikologi 38(1), Hal. 17-29.
- Yusuf Al-Qaradhawi. 2000. *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Quran*. Pustaka al-Kautsar.
- Zahriah Hussin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok@Haji Maming, Normaliza Abd Rahim. 2016. *Kepentingan Nabu Arab dalam Menghafaz al-Quran*. GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 16(2).
- Zulkfli Mohamad al-Bakri. *Hafazan Al-Quran*. 2013. Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd. www.sunnah.com

BAB 8

SISTEM PEMBELAJARAN TAHFIZ PROGRAM HUFFAZ PROFESIONAL DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL

Muhammad Hafizan Abd Hamid¹, Abdul Aziz Mat Isa¹,
Hamdi Ishak²

¹Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

²Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab rasmi umat Nabi Muhammad SAW yang juga menjadi panduan umat Islam sepanjang zaman sehinggalah hari kiamat kelak. Pendidikan al-Quran bermula dengan mengenal huruf-huruf *hijaiyah*, membaca dengan tajwid yang betul serta mengkhataamkan bacaan 30 juzu. Ia merupakan perkara asas dalam membina peribadi Muslim yang bertaqwa, keluarga yang harmoni, masyarakat yang hebat serta negara yang baik mengikut garis panduan al-Quran. Matlamat terpenting pendidikan al-Quran ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah. SWT. Dalam masyarakat yang dilanda arus globalisasi, pembelajaran al-Quran secara hafazan mampu menjadi pemangkin ke arah melahirkan generasi Muslim yang baik di samping menjana huffaz profesional yang dapat berbakti dan menyumbang kepada masyarakat.

Latar Belakang Kajian

Maahad Tahfiz al-Quran secara rasminya telah ditubuhkan pada tahun 1966 atas saranan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur (Nordin 2015). Pada tahun 1997 Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran. Pada 1 November 1998, Darul Quran ditempatkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah Kuala Kubu Bharu, Selangor (Wan Mohammad 2010).

Selain kewujudan Darul Quran, penubuhan sekolah-sekolah tahfiz aliran sains di negeri-negeri juga semakin rancak. Beberapa buah negeri telah mengorak langkah seperti Kelantan dengan penubuhan Maahad Tahfiz Sains, Terengganu dengan penubuhan Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu dan Selangor dengan penubuhan Maahad Integrasi Tahfiz Sains & Teknologi. Disamping itu juga, terdapat empat buah MRSM yang telah melaksanakan Tahfiz dalam kurikulum akademik iaitu MRSM Gemencheh, Kota Putra, Kepala Batas dan Semporna (Arniyuzie 2015). Terdapat satu MRSM Ulul Albab tambahan iaitu MRSM Sungai Besar.

Melihat kepada perkembangan bidang pengajian Tahfiz ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah melaksanakan Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) mulai tahun 2014. KPM telah menyediakan program TMUA yang menggabungkan ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi dengan menjadikan program akademik dan tahfiz secara bersepadu. Program ini berpaksikan gabungan tiga pendekatan unik iaitu Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik. Matlamat penubuhan institusi tahfiz sebegini bertujuan melahirkan golongan huffaz profesional (Sidek Baba, 2000; Nor Hisham Md. Nawi & Nasrun Hakim Salleh, 2017)

Kewujudan pendidikan tahfiz yang sudah menjadi formal dalam pendidikan sekolah di negara menuntut kepada tapak yang lebih kukuh di alam pengajian tinggi. Para pelajar yang menghafaz al-Quran di sekolah memerlukan satu sistem yang lebih tersusun agar kalam Allah ini dapat dijaga sebaiknya disamping meneruskan pengajian tinggi seperti biasa. Pengajian tahfiz juga mestilah tidak tertumpu semata-mata kepada pengkhususan bidang pengajian Islam, malah perlu lebih berkembang kepada bidang profesional yang lain seperti kejuruteraan, perakaunan, perubatan dan lain-lain.

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) merupakan salah satu *Government Link University* (GLU) bernaung di bawah Tenaga Nasional Berhad. Program pengajian Tahfiz secara formal bermula di UNITEN pada tahun 2012. Hasil cetusan idea En. Mohd Ariff Ahmad Tarmizi (sebagai Dekan Kolej Pengajian Asas dan Diploma ketika itu) dan Dr. Adnan Yusoff (sebagai Pengarah Pusat Islam UNITEN ketika itu), program bersepadu pengajian Tahfiz dan kejuruteraan ini telah berjaya dilaksanakan. Pada peringkat awal perbincangan, En. Mohd Ariff dan Dr. Adnan telah menyuarakan pandangan dan idea ini kepada Dato' Haji Razali Shahabuddin (Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM (TKPPI) ketika itu). Hasrat ini disambut baik oleh pihak JAKIM dan ditubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyusun dan merangka sistem akademik bersepadu ini.

Pada permulaan program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN, hanya struktur 4 semester pengajian sahaja diperkenalkan. Program 4 semester ini dikhususkan kepada para pelajar yang pernah menghafaz al-Quran sebanyak 25 juzu'. Pada tahun 2015, program ini telah berkembang dengan mewujudkan satu lagi struktur iaitu struktur 7 semester bagi memberi peluang kepada para pelajar yang tidak pernah menghafaz al-Quran. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN atau dikenali sebagai Huffaz Profesional ini merupakan program bersepadu akademik dan tahfiz dengan menggabungkan program tahfiz dengan Kejuruteraan, Sains Komputer, Perakaunan ataupun Pengurusan Perniagaan.

Penyataan Masalah

Landskap pendidikan tahfiz negara semakin bertambah pesat dengan lahirnya pelbagai institusi pendidikan yang menjadikan program tahfiz al-Quran sebahagian daripada kurikulum. Ia bukan sekadar dilaksanakan di peringkat sekolah, malah ia telah memasuki alam pengajian tinggi. Antara faktor besar yang mendorong ialah hasil kejayaan institusi tersebut dalam bidang akademik sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa. Kejayaan sesebuah institusi tersebut mestilah bergantung kepada bagaimana pelaksanaan program tahfiz ini dilaksanakan.

Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan yang perlu dihalusi dalam sistem pembelajaran atau pelaksanaan program tahfiz di sesebuah institusi. Azmil dan Ab. Halim (2012) menyatakan di Malaysia, masih terdapat beberapa kelemahan dalam sistem pembelajaran tahfiz al-Quran yang perlu penambahbaikan dan peningkatan. Melihat kepada dapatan kajian beliau yang mengkaji berkaitan persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz di Malaysia menunjukkan bahawa tidak ada satu kaedah khusus atau tertentu yang dianggap berkesan dalam proses pembelajaran tahfiz ini. Ia bukan sahaja melibatkan pelbagai cara dan kaedah yang digunapakai ketika proses pembelajaran, malah faktor inisiatif pelajar itu sendiri serta penekanan guru juga perlu dititik beratkan.

Azmil, Ab. Halim dan Misnan (2013) juga menyebut bahawa terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan dalam proses pengajaran tahfiz al-Quran yang memerlukan penambahbaikan dan peningkatan. Wan Muhammad (1995) pula menyimpulkan bahawa disebabkan kaedah pengajaran ini yang berbeza menyebabkan sistem pengajian yang dilaksanakan tidak berpandukan kepada kaedah pengajaran yang khusus dan teratur manakala Sabri, Azmil dan Hamdi (2016) menyarankan agar pendidikan tahfiz memerlukan

satu sukatan kurikulum yang seragam dan bersepadu dan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara disegerakan bagi menjadi panduan kepada semua pihak.

Abdul Hafiz et al. (2005) menyatakan institusi yang mempunyai kurikulum tahfiz dan akademik secara bersepadu perlu diberi perhatian lebih oleh pihak pentadbir seperti pembahagian masa di antara kedua bidang malah Azmil Hashim (2010) juga menyebut di akhir penulisan tesisnya dalam bab cadangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) agar subjek tahfiz diangkat setaraf dengan subjek wajib lain. Subjek tahfiz perlu diajar kepada semua anak bangsa agar melahirkan modal insan yang cemerlang di dunia dan akhirat. Beliau juga mengingatkan agar subjek tahfiz tidak tertumpu kepada pelajar dalam pengkhususan agama. Ia disokong kuat kajian Abdusyahid dan Tengku Intan Zarina (t.th.) serta Shahrulkarnain (2013) agar dilaksanakan kajian lanjutan mengenai pendidikan tahfiz dengan bidang lain agar memberi manfaat yang besar kepada masyarakat dan negara.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan yang merupakan salah satu daripada reka bentuk penyelidikan kuantitatif. Melalui penyelidikan kuantitatif, data numerika akan dikumpul dianalisis dengan menggunakan ujian statistik. Variabel-variabel dalam satu fenomena di bawah kajian kuantitatif dioperasionalkan dan masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis. Ini dilakukan untuk menguji teori, membina fakta, dan menyatakan perhubungan antara variabel-variabel dalam fenomena di bawah kajian (Chua Yan Piaw 2012).

Soal selidik dalam kajian ini menggunakan skala Likert. Skala Likert diasaskan oleh Rensis Likert pada tahun 1932 ini mengandungi sejumlah kenyataan yang menggambarkan sikap kesukaan atau tidak suka responden terhadap objek. Juga mengenai tahap kecenderungan atau sebaliknya terhadap sesuatu kenyataan. Ia banyak digunakan untuk mengukur penyesuaian diri responden pada sesuatu keadaan, prasangka dan konservatisme dan sebagainya. Tahap skala yang biasa digunakan ialah 3 skala, 5 skala atau 7 skala (Ahmad Sunawari 2011). Walaubagaimanapun, kajian ini menggunakan 4 skala iaitu 1- untuk sangat tidak setuju, 2- untuk tidak setuju, 3- untuk setuju dan 4- untuk sangat tidak setuju. Bentuk ini dipilih kerana mudah diurus kepada jumlah yang besar, membantu responden menumpukan kepada subjek yang dikaji serta melicinkan proses penjadualan dan penganalisan data (Deobold 1999).

Data kajian ini menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif adalah sebagai gambaran awal tentang profil responden yang diolah dalam bentuk frekuensi, peratusan, indeks skor min dan sisihan piawai. Analisis inferensi bagi kajian ini menggunakan ujian-t untuk membandingkan dua variable yang melibatkan ujian parametrik bagi melihat jurang perbezaan jantina dan struktur pengajian dengan sistem pembelajaran tahfiz serta menguji hipotesis yang dibina. Aras signifikan digunakan untuk menolak atau menerima hipotesis bagi kajian ini ialah pada aras keyakinan $p < 0.05$.

Bil.	Item	Kekerapan dan Peratus (%)				Min	SP
		STS	TS	S	SS		
Faktor Dalaman							
B1	Saya pasti dengan matlamat saya menghafaz al-Quran.	0 (0)	4 (4.8)	34 (41.0)	45 (54.2)	3.49	0.592
B2	Saya tahu bahawa menghafaz al-Quran akan mendapat pahala dan ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.	0 (0)	8 (9.6)	51 (61.4)	24 (28.9)	3.19	0.594
B3	Saya suka menghafaz al-Quran walaupun kadang kala saya sukar untuk menghafaznya.	0 (0)	0 (0)	21 (25.3)	62 (74.7)	3.75	0.437
B4	Saya berazam untuk memperoleh markah yang tinggi dalam hafazan al-Quran.	0 (0)	1 (1.2)	44 (53.0)	38 (45.8)	3.45	0.524
B5	Saya yakin akan khatam hafazan al-Quran sepertimana tempoh yang ditetapkan.	1 (1.2)	4 (4.8)	39 (47.0)	39 (47.0)	3.40	
B6	Saya suka mengambil bahagian secara aktif dalam sesi pembelajaran al-Quran.	0 (0)	4 (4.8)	32 (38.6)	47 (56.6)	3.46	0.570
B7	Saya suka berjumpa dengan guru pada waktu rehat untuk memperbaiki bacaan al-Quran.	1 (1.2)	12 (14.5)	43 (51.8)	27 (32.5)	3.16	0.707
B8	Saya sering melibatkan diri dalam program-program yang membantu hafazan saya.	11 (13.3)	38 (45.8)	25 (30.1)	9 (10.8)	2.39	0.853
B9	Saya risau sekiranya saya tidak berjaya mengkhatamkan hafazan al-Quran sepertimana tempoh yang ditetapkan.	2 (2.4)	18 (21.7)	46 (55.4)	17 (20.5)	2.94	0.722
B10	Saya mempunyai jadual membaca dan menghafaz al-Quran di rumah/asrama pada setiap hari.	0 (0)	26 (31.3)	37 (44.6)	20 (24.1)	2.93	0.745
B11	Saya berusaha memperbaiki bacaan al-Quran dan mempertingkatkan mutu hafazan al-Quran saya.	0 (0)	1 (1.2)	43 (51.8)	39 (47.0)	3.46	0.525
B12	Saya memperuntukkan masa menghafaz al-Quran lebih lama berbanding aktiviti lain.	8 (9.6)	37 (44.6)	28 (33.7)	10 (12.0)	2.48	0.832
B13	Saya rela menghabiskan wang ringgit untuk melibatkan diri dalam apa sahaja program dan aktiviti berorientasikan al-Quran.	3 (3.6)	19 (22.9)	48 (57.8)	13 (15.7)	2.86	0.718

Faktor Luaran

B14	Suasana persekitaran di universiti sangat kondusif untuk menghafaz al-Quran.	9 (10.8)	20 (24.1)	34 (41.0)	20 (24.1)	2.78	0.938
B15	Fasiliti di universiti sangat lengkap dan sesuai untuk menghafaz al-Quran.	4 (4.8)	13 (15.7)	50 (60.2)	16 (19.3)	2.94	0.738
B16	Kemudahan penginapan yang berdekatan dengan masjid memudahkan saya ke kelas hafazan.	1 (1.2)	4 (4.8)	43 (51.8)	35 (42.2)	3.35	0.633
B17	Jadual kelas yang disusun oleh pihak pentadbir/pendaftar banyak membantu saya.	2 (2.4)	12 (14.5)	39 (47.0)	30 (36.1)	3.17	0.762
B18	Kawan-kawan banyak membantu dalam memperbaiki bacaan dan hafazan al-Quran saya.	3 (3.6)	11 (13.3)	47 (56.6)	22 (26.5)	3.06	0.738
B19	Kawan-kawan banyak membantu saya menjadi seorang pelajar yang berdisiplin.	5 (6.0)	18 (21.7)	41 (49.4)	19 (22.9)	2.89	0.827
B20	Ayah dan Ibu saya mengambil berat setiap aktiviti saya di institusi.	0 (0)	12 (14.5)	35 (42.2)	36 (43.4)	3.29	0.708
B21	Ayah dan Ibu saya mengetahui tahap pencapaian hafazan saya.	2 (2.4)	19 (22.9)	36 (43.4)	26 (31.3)	3.04	0.803
B22	Ayah dan Ibu memberikan motivasi kepada saya.	0 (0)	3 (3.6)	33 (39.8)	47 (56.6)	3.53	0.570
B23	Ayah dan Ibu memastikan saya melazimi dengan hafazan al-Quran walaupun ketika saya berada di rumah.	1 (1.2)	11 (13.3)	36 (43.4)	35 (42.2)	3.27	0.734
B24	Peraturan yang dikuatkuasa oleh pihak pentadbiran tidak menyusahkan saya.	7 (8.4)	19 (22.9)	43 (51.8)	14 (16.9)	2.77	0.831
B25	Peraturan yang ditetapkan banyak membimbing saya menjadi pelajar yang baik.	2 (2.4)	11 (13.3)	50 (60.2)	20 (24.1)	3.06	0.687
B26	Saya akan memastikan mempunyai modal hafazan yang baru sebelum saya tidur malam.	6 (7.2)	28 (33.7)	26 (31.3)	23 (27.7)	2.80	0.934

Jadual 1. Nilai Kekekapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Sistem Pembelajaran Tahfiz

Dapatan Kajian

a. Analisis Deskriptif

Hasil analisis menunjukkan min bagi sistem pembelajaran berada dalam lingkungan nilai (min=2.39-3.75). Terdapat sepuluh item dalam konstruk faktor pembelajaran ini mempunyai nilai skor min sederhana rendah (min=2.01) ke atas manakala selebihnya iaitu sebanyak enam belas item mempunyai nilai skor min sederhana tinggi (min=3.01) ke atas. Pengkaji telah membahagikan instrumen soal selidik bagi sistem pembelajaran kepada faktor dalaman dan faktor luaran. Nilai skor min bagi faktor dalaman ialah 3.15 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi manakala skor min bagi faktor luaran pula ialah 3.07 iaitu pada tahap sederhana tinggi. Skor min keseluruhan bagi konstruk sistem pembelajaran ini ialah 3.11 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi.

Item 3 mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu 3.75 (s.p=0.437) iaitu seramai 62 pelajar (74.7%) sangat setuju dan 21 pelajar (25.3 %) setuju bahawa mereka suka menghafaz al-Quran walaupun kadang kala mereka sukar untuk menghafaznya. Skor min kedua tertinggi ialah item B22 dengan nilai min (s.p=0.570) iaitu berkenaan motivasi daripada ayah dan ibu pelajar untuk belajar. Seramai 47 (56.6%) pelajar sangat setuju dan 33 pelajar

(39.8%) setuju berkenaan inisiatif guru untuk menarik minat mereka untuk belajar. Manakala 3 pelajar (3.6%) tidak setuju dengan pernyataan item B22. Skor ketiga tertinggi pula ialah item B1 yang mencatatkan nilai min sebanyak 3.49 (s.p=0.592) yang mencatatkan seramai 45 (54.2%) pelajar sangat setuju dan 34 pelajar (41.0%) setuju bahawa mereka pasti dengan matlamat mereka menghafaz al-Quran berbanding 4 pelajar (4.8 %) tidak setuju bahawa mereka pasti dengan matlamat mereka menghafaz al-Quran.

Nilai min terendah dicatatkan oleh item B8 iaitu 2.39 (s.p=0.853) iaitu mereka sering melibatkan diri dalam program-program yang membantu hafazan mereka. Sebaliknya, seramai 11 pelajar (13.3%) sangat tidak setuju dan 38 pelajar (45.8%) tidak setuju bahawa mereka melibatkan diri dalam program-program yang boleh membantu hafazan mereka. Nilai min kedua terendah dicatatkan oleh item B12 iaitu berkenaan sama ada pelajar memperuntukkan masa menghafaz al-Quran lebih lama berbanding aktiviti lain. Nilai min yang dicatatkan ialah 2.48 (s.p=0.832) iaitu seramai 8 pelajar (9.6%) sangat tidak setuju, 37 pelajar (44.6%) tidak setuju, 28 (33.7%) setuju dan 10 (12.0%) sangat setuju dengan pernyataan item 12. Nilai min ketiga terendah dicatatkan oleh item B24 iaitu sebanyak 2.77 (s.p=0.831) iaitu berkenaan sama ada pelajar terbeban atau tidak dengan peraturan yang dikuatkuasa oleh pihak pentadbiran. Seramai 7 pelajar (8.4%) sangat tidak setuju dan 19 (22.9%) tidak setuju manakala 43 pelajar (51.8%) setuju dan 14 pelajar (16.9%) sangat setuju dengan pernyataan item 24.

b. Analisis Inferensi

Analisis inferensi digunakan bagi mengenal pasti perbezaan pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini. Ujian-t telah dibuat dalam kajian bagi mendapatkan statistik inferensi. Perbincangan dapatan kajian inferensi ini akan dihurai berdasarkan hipotesis yang telah dikemukakan

Perbezaan Jantina

Adakah wujud perbezaan sistem pembelajaran tahfiz yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?

Jadual 2. Nilai Perbezaan bagi Sistem Pembelajaran Antara Pelajar Lelaki dan Perempuan

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	s.p	t	p
Sistem Pembelajaran	Lelaki	54	79.70	10.32	-1.50	0.137
	Perempuan	29	83.07	8.51		

*p<0.05

Jadual 2 menunjukkan hasil ujian-t bagi perbezaan sistem pembelajaran antara pelajar lelaki dan perempuan. Hasil analisis mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan bagi sistem pembelajaran antara lelaki dan perempuan, $t(81)=-1.50$, $p>0.05$.

Perbezaan Struktur Pengajian

SK 4 Adakah wujud perbezaan sistem pembelajaran tahfiz yang signifikan antara pelajar yang mengambil struktur pengajian 4 semester dan 8 semester?

Jadual 3 Nilai bagi perbezaan Sistem Pembelajaran Antara Struktur Pengajian 4 Semester dan 8 Semester

Pemboleh ubah	Struktur Pengajian	N	Min	s.p	t	p
Sistem Pembelajaran	4 semester	50	79.60	8.35	-1.47	0.144
	8 semester	33	82.81	11.54		

* $p < 0.05$

Jadual 3 menunjukkan hasil ujian-t bagi perbezaan sistem pembelajaran antara struktur pengajian 4 semester dan 8 semester. Hasil analisis mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan bagi perbezaan sistem pembelajaran antara struktur pengajian 4 semester dan 8 semester, $t(81) = -1.47$, $p > 0.05$.

Perbincangan

Pembelajaran merupakan satu proses interaksi di antara tenaga pengajar dengan anak murid. Proses interaksi ini adalah proses perpindahan ilmu pengetahuan atau maklumat atau pembentukan sikap atau penguasaan kemahiran (Noor Hisham 2011). Dalam kajian sistem pembelajaran tahfiz ini, perbincangan tertumpu kepada anak murid. Perbincangan mengenai anak murid boleh dibahagikan kepada dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merupakan faktor yang boleh dikawal oleh pelajar itu sendiri manakala faktor luaran ialah faktor sekeliling yang mampu mempengaruhi sikap dan keputusan pelajar.

a. Faktor Dalaman

Faktor dalaman ialah faktor yang merujuk kepada intuisi dalaman bagi setiap individu (Intan Zakiah dan Munif Zariruddin 2016). Faktor ini lebih mudah difahami dengan erti kata persediaan mental bagi seseorang pelajar sebelum melakukan sesuatu aktiviti atau tugas. Thorndike (1914) menyatakan dalam hukum kesediaan iaitu keadaan psikologi yang positif seseorang pelajar menjadi syarat dalam penerimaan sesuatu pembelajaran. Terdapat tiga belas item dalam bahagian faktor dalaman ini. Lapan item mencatatkan skor min sederhana tinggi manakala selebihnya berada pada tahap sederhana rendah. Skor keseluruhan bagi faktor dalaman ini ialah 3.15 iaitu berada pada tahap sederhana tinggi.

Item B3 mencatat skor min paling tinggi dengan skor 3.75 iaitu pelajar suka menghafaz al-Quran walaupun menghadapi kesukaran ketika proses menghafaz. Perkara ini jelas menunjukkan majoriti pelajar menunjukkan minat yang sangat tinggi untuk menghafaz al-Quran. Pelajar sudah mempunyai matlamat yang jelas seperti yang dinyatakan dalam item B1 menatijahkan pelajar ingin menamatkan hafazan al-Quran dengan jayanya. Minat yang mendalam akan membentuk matlamat yang jelas dan membuahkan hasil yang cemerlang. Dapatan ini disokong kuat oleh dapatan kajian Yusri dan Muhammad Toriq (2016) dan Mohamad Marzuqi (2016) yang menyatakan faktor minat merupakan faktor paling tinggi mempengaruhi pencapaian pelajar dalam peperiksaan hifz al-Quran syafawi dan tahriri. Item B2, B4, B5, B6 dan B11 juga menunjukkan skor pada tahap sederhana tinggi. Dapatan

ini menunjukkan bahawa faktor minat merupakan faktor dalaman terpenting dalam mencipta seorang hamalah al-Quran yang berjaya. Ini disokong kuat oleh Zulkifli et.al (2018) bahawa pelajar yang mempunyai minat yang tinggi dalam mendalami ilmu agama dan al-Quran tidak sekadar memikirkan kecemerlangan di dunia malah mereka memikirkan untuk menjadi sebaik-baik saham di akhirat kelak.

Selain minat yang mendalam, bagi seorang pelajar yang mengambil jurusan tahfiz dan kejuruteraan dalam satu masa yang sama, pengurusan masa adalah sangat penting bagi menjadikan pelajar seorang yang seimbangkan keduanya. Item B7 menunjukkan skor pada tahap sederhana tinggi iaitu pelajar suka berjumpa dengan guru untuk memperbaiki bacaan ketika waktu rehat. Walaupun diasak dengan kepadatan jadual waktu pembelajaran, pelajar yang mempunyai minat dan motivasi yang tinggi tidak akan mensiakan masa lapang yang mereka ada. Pernyataan ini disokong kuat oleh Mohd Nazri (2010), Mohd Solleh (2011) dan Intan Zakiah dan Munif Zarirruddin (2016) iaitu strategi pembelajaran tahfiz yang berjaya dan berkesan ialah berkaitan dengan pengurusan masa yang efisien.

Walaupun begitu, masih terdapat skor sederhana rendah pada faktor dalaman bagi pengurusan masa iaitu item B12, pelajar memperuntukkan masa menghafaz al-Quran lebih lama berbanding aktiviti lain. Begitu juga dengan item B10 iaitu pelajar mempunyai jadual membaca dan menghafaz sendiri di rumah atau asrama. Ini menunjukkan bahawa para pelajar masih berada pada tahap sederhana dalam mengurus masa. Umu Hani (2014) menyatakan bahawa amanah mengulang hafazan yang lama merupakan satu amanah yang besar daripada terus menghafaz hafazan yang baru. Beliau juga mencadangkan agar proses ulangan yang lama dan menghafaz hafazan yang baru dilakukan secara serentak dan sistematik.

b. Faktor Luaran

Faktor luaran ialah faktor sekeliling yang mampu memberi kesan kepada para pelajar. Faktor ini juga boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan pelajar dalam pengajian tahfiz. Antara faktor luaran tersebut ialah faktor sokongan pentadbiran dan pengurusan sekolah atau institusi, faktor keluarga dan ibu bapa, dan faktor persekitaran. Terdapat tiga belas item dalam bahagian faktor luaran ini. Lapan daripada item tersebut berada pada tahap sederhana tinggi manakala selebihnya berada pada tahap sederhana rendah.

Item B22 mencatat skor paling tinggi dalam bahagian ini dengan nilai skor min sebanyak 3.53 iaitu ibu dan ayah selalu memberi motivasi kepada para pelajar. Ibu dan ayah merupakan faktor luaran terpenting kerana ahli keluarga merupakan orang yang paling hampir dengan pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa ibu dan ayah telah melaksanakan tanggungjawab dalam memberi galakan dan motivasi kepada para pelajar dan ia berterusan ketika pelajar berada di rumah dalam pantauan ibu dan ayah seperti dalam item B 20, B21 dan B23. Yusri dan Muhammad Toriq (2016) melaporkan dalam kajian mereka bahawa konstruk faktor motivasi kepada pelajar mencatatkan skor min 3.98 menunjukkan pentingnya motivasi dalam kehidupan para huffaz. Dapatan ini juga disokong oleh Zulkifli et.al (2018), Mohamad Johdi et.al (2012) dan Meer Zhar Farouk et.al (2006) bahawa ibu bapa dan keluarga merupakan faktor penting dalam kecemerlangan seseorang pelajar dalam pencapaian akademik.

Selain ibu dan ayah, kawan-kawan juga memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi para pelajar kerana banyak masa mereka bersama-sama di sekolah atau institusi pengajian. Item B19 iaitu kawan-kawan membantu pelajar menjadi seorang pelajar yang berdisiplin mencatatkan skor min sederhana rendah manakala item B18 pula iaitu kawan-kawan banyak membantu dalam memperbaiki bacaan dan hafazan al-Quran mencatatkan skor sederhana tinggi. Ini menunjukkan para pelajar saling membantu dalam akademik tetapi kurang membantu dalam mencorakkan pelajar sebagai seorang pelajar yang

berdisiplin. Pemilihan kawan akan mempengaruhi strategi pembelajaran dan mendorong kejayaan seseorang pelajar (Mohamad Johdi et.al 2012).

Faktor luaran yang lain ialah sokongan daripada pihak pengurusan atau pentadbiran. Item B16 iaitu kemudahan penginapan yang berdekatan dengan masjid memudahkan pelajar untuk ke kelas hafazan mencatat skor min 3.35 manakala item B17 iaitu jadual kelas yang disusun oleh pihak pentadbiran banyak membantu pelajar. Kedua item ini menunjukkan bahawa perlunya sokongan yang kuat daripada pentadbiran institusi bagi menjayakan program bersepadu tahfiz dan kejuruteraan. Pihak penginapan diurus oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan jadual diurus oleh Bahagian Pendaftar. Muhammad Hafizan (2019) menyatakan bahawa setiap unit yang terlibat dalam pengurusan pelajar tahfiz di UNITEN amat bersungguh dalam memastikan para pelajar mendapat perkhidmatan yang sewajarnya bagi memastikan program bersepadu ini berjalan dengan baik dan lancar.

Walaupun bagaimanapun, item B14 iaitu suasana persekitaran di institusi sangat kondusif untuk menghafaz al-Quran berada pada tahap sederhana rendah. Walaupun lokasi UNITEN boleh dikatakan agak mencabar kerana berada di tengah ibu kota, pihak pengurusan sentiasa menyediakan alternatif dan persediaan kepada para pelajar dalam menghadapi situasi seperti ini. Antara yang dilakukan pihak pengurusan ialah mewujudkan program dan aktiviti ko kurikulum seperti Daurah al-Quran, Kem Huffaz Profesional dan banyak lagi bagi mengelakkan para pelajar hanyut dan leka akibat dari masa lapang yang banyak. Pelajar tahfiz juga akan dipilih dan dihantar ke program berunsur kepimpinan di peringkat antarabangsa seperti di Singapura, Hong Kong, dan Thailand bagi mempersiapkan diri para pelajar dengan sifat kepimpinan disamping bergaul dengan masyarakat khususnya bagi menyesuaikan diri mereka agar mereka berfikir bahawa mereka yang perlu mencorakkan suasana dan bukannya mengikuti suasana yang sedia ada.

Item B15 iaitu fasiliti di institusi sangat lengkap dan sesuai untuk menghafaz al-Quran juga mencatatkan skor min pada tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya dalam memastikan fasiliti yang disediakan bersesuaian dan lengkap agar pelajar dapat menguruskan diri dalam suasana yang kondusif. Che Nidzam, Saidatul Ainoor dan Asmayati (2016) menyatakan bahawa persekitaran fizikal merupakan guru ketiga yang membimbing para pelajar dalam sistem pembelajaran. Penyataan ini disokong oleh Zalikha, Faridah dan Mohamad Johari (2009) iaitu kekurangan fasiliti dan kemudahan pembelajaran serta suasana yang tidak kondusif merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian rendah dalam kalangan pelajar.

Disamping faktor keluarga, fasiliti serta persekitaran dan kawan-kawan, peraturan yang disusun oleh pihak pengurusan dan pentadbiran juga perlu dikaji dan ditambah baik. Item B24 iaitu peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak pengurusan tidak menyusahkan pelajar mencatat skor sederhana rendah manakala item B25 iaitu peraturan yang ditetapkan banyak membimbing pelajar menjadi seorang pelajar yang baik berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar mengakui bahawa peraturan yang disusun membimbing mereka walaupun mungkin ada sebahagiannya beranggapan bahawa ia agak menyusahkan.

Penutup

Kajian ini memfokuskan sistem pembelajaran tahfiz bagi program Huffaz Profesional di UNITEN. Dapatan kajian menunjukkan sistem pembelajaran tahfiz berada pada tahap sederhana tinggi. Walaubagaimanapun, masih terdapat banyak kelemahan dan kekurangan yang perlu diperhalusi dan ditambah baik. Implikasi kajian ini diharap dapat meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran tahfiz khususnya di peringkat pengajian tinggi. Program kesepaduan akademik dan tahfiz di peringkat pengajian tinggi bukanlah satu

perkara mustahil. Malah ia sangat membantu dalam menyediakan platform kepada para huffaz yang telah berada dalam bidang tahfiz di peringkat sekolah untuk mengekalkan hafazan di samping istiqamah dalam menjadikan al-Quran sebagai teman hidup seharian sehingga tamat pengajian. Semua pihak khususnya Kementerian Pengajian Tinggi dan pengurusan universiti perlulah memainkan peranan yang sewajarnya agar program bersepadu ini dapat melahirkan generasi berilmu dan celik al-Quran.

Rujukan

- Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat @ Darawi. 2005. *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Monograf Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial. Skudai: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. 2011. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arniyuzie Mohd Arshad. 2015. *Ulasan Sistematis: Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 3(4): 22-35.
- Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri. 2012. *Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(4): 1-10.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2013. *Latar Belakang Guru Tahfiz dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia*. *The Online Journal of Islamic Education* 1(1): 28-39.
- Azmil Hashim. 2010. *Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz di institusi tahfiz di Malaysia*. Tesis dr. fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Nidzam Che Ahmad, Saidatul Ainoor Shaharim & Asmayati Yahaya. 2016. *Kesesuaian persekitaran pembelajaran, interaksi guru-pelajar, komitmen belajar dan keselesaan pembelajaran dalam kalangan pelajar Biologi*. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 6(1): 101-120.
- Chua Yan Piaw. 2012. *Kaedah Penyelidikan*. Singapura: McGraw-Hill Education (Asia).
- Deobold, P.V. 1999. *Memahami Penyelidikan Pendidikan*. Terj. Abdul Fatah Abdul Malik & Mohd Majid Konting. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Intan Zakiah Jamaluddin & Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2016. Memahami kepentingan karakteristik pelajar tahfiz terhadap pencapaian subjek Hifz al-Quran. *Jurnal Hadhari* 8(2): 211-228.
- Meer Zhar Farouk Amir Razli, Muhammad Shukri Salleh & Mohd Zahari Yusoff. 2006. *Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian pelajar cemerlang di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan bagi semester Disember 2005-Mei 2006*. Anjuran Institusi Pembangunan Felo, Universiti Teknologi Malaysia. National Student Development Conference (NASDEC) 2006. Kuala Lumpur, 8-9 August.
- Mohamad Johdi Salleh, Mazliza Kamin, Caroline L. Loven, Jane Frances Henry & Moini Rubin. 2012. *Kajian terhadap faktor-faktor mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah*. Kertas kerja Labuan International Conference on Educational Research – LICER 2012. Financial Park Complex Wilayah Persekutuan Labuan, 5-7 Julai.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. 2016. *Tinjauan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan ayat hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz*. *Technical and Social Science Journal* 5(1): 93-101.
- Mohd Nazri Jamaluddin. 2010. *Cara menghafaz al-Quran kaedah al-Munawwar*. Kertas kerja Seminar Kaedah Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Johor. Anjuran Jabatan Agama Negeri Johor. Hotel Pelangi, Muar, 20 Ogos.

- Mohd Solleh Ab. Razak. 2011. *Sebingga al-Quran Terpahat di Hati*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid. 2019. *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz Program Huffaz Profesional di Universiti Tenaga Nasional*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Hisham Md. Nawi, & Nasrun Hakim Salleh. 2017. *Pembinaan model pengajian tahfiz di Malaysia*. The online journal of Islamic education. 5(1). 1-11
- Noor Hisham Md. Nawi. 2011. *Pengajaran dan pembelajaran: Penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden*. Kertas kerja Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Hotel Vistana, Pulau Pinang, 18-20 Disember.
- Nordin Ahmad. 2015. *Memperkasa Darul Quran ke arah memartabat pendidikan tahfiz di Malaysia*. Kertas kerja Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali ke-IV. Anjuran Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Institut Latihan Islam Malaysia, 1-3 Jun.
- Sabri Mohamad, Azmil Hashim & Hamdi Ishak. 2016. *Pembangunan kurikulum pendidikan tahfiz: Prinsip dan kaedah dalam membina kurikulum tahfiz Al-Quran*. Dlm. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Nordin Ahmad, Ahmad Yussuf, Muhamad Alihanafiah Norasid, Selamat Amir, Adama Bamba, Mohd Zainuddin Wan Yusoff, Sukhairu Sulaiman, Shahrulkarnain Mohd Nazir (pnyt.). *Memperkasa Generasi Al-Quran*, hlm. 145-153. Kuala Lumpur: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia & Centre of Quranic Research, University of Malaya.
- Sidek Baba. 2000. *Integrated knowledge in the tawhidic curriculum*. Muslim Education Quarterly. 17(2). 15-29.
- Thorndike, L. E. 1914. *Education Psychology*. Didcot: Taylor and Francis Group.
- Umu Hani, Nim. 2014. *Peran pengasuh dalam meningkatkan prestasi menghafal al-Quran Santri PP. Nurul Ummahat Kotagede Yogyakarta*. Skripsi sarjana. Jurusan Bimbingan dan Kaunseling Islam, Universitas Islam Negeri, Sunan Kalijaga.
- Wan Mohamad Abdul Aziz. 2010. *Pendidikan Tahfiz al-quran Aliran Sains: Satu Inovasi Baru Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia. Pengalaman Darul Quran JAKIM meniti Kecemerlangan Akademik Aliran Sains Para Huffaz*. Kertas kerja Konvensyen Sekolah-sekolah Agama Menengah Tahfiz Aliran Sains Peringkat Kebangsaan.
- Wan Muhammad Abdul Aziz. 1995. *Ke arah penyelarasan sistem pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia*. Jurnal Institut Pengajian Tahfiz al-Quran 1: 1-8.
- Yusri Chek & Muhammad Toriq Yaacob. 2016. *Laporan Penyelidikan Faktor Yang Mempengaruhi Kegagalan Pelajar Dalam Peperiksaan Kursus Hifz Al-Quran: Satu Kajian di Darul Quran*. Kuala Kubu Bharu.
- Zalikhah Adam, Faridah Kassim & Mohamad Johari Salleh. 2009. *Memperkasakan pendidikan luar bandar*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009. anjuran Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Hotel Beverly, Kota Kinabalu, 3-5 Februari.
- Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, Nor 'Azzah Kamri, Nor Aini Ali, Norhayati Hamzah & Naeimah Ramlan. 2018. *Trend masyarakat terhadap pendidikan tahfiz*. Dlm. Zulkifli Mohd Yusoff, Nordin Ahmad, Noor Naemah Abdul Rahman, Norhayati Hamzah, Nor 'Azzah Kamri & Nor Aini Ali (pnyt.). *Ke Arah Pengiktirafan Huffaz di Malaysia*, hlm. 38-80. Kuala Lumpur: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia & Centre of Quranic Research, University of Malaya.

BAB 9

PENDEKATAN METODE TADABBUR AL-QURAN SALAF SOLEH

Rohana Zakaria¹, Mohd Farid Ravi Abdullah¹, Khairul Anuar Mohamad²

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

²Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pengenalan

Tadabbur al-Quran adalah satu kewajipan bagi seluruh umat Islam. Ia adalah satu amalan yang dilakukan oleh generasi salaf soleh, generasi yang disebut oleh Rasulullah SAW sebagai sebaik-baik kurun. Di antara keberkatan yang lahir dari tadabbur ini adalah lahirnya ilmu-ilmu Islam seperti Tauhid, Feqah, Tasawwuf dan sebagainya. Para ulama yang telah banyak berjasa ini, mengarang banyak kitab dalam pelbagai jenis disiplin ilmu yang sesuai dengan keperluan dan hajat umat Islam zaman mereka hasil daripada tadabbur yang mereka lalui bersama al-Quran.

Allah SWT telah memuliakan mereka dengan al-Quran. Dari hidup dalam kebutaan dan kejahilan kepada cahaya Islam. Daripada hidup menghambakan diri selain dari tuhan, kepada meng'esa'kan Allah SWT. Dari mereka yang hidupnya saling bermusuhan kepada bangsa yang hidup berkasih sayang. Mereka diangkat menjadi pemimpin manusia menuju syurga dan redha Allah SWT.

Setelah beberapa lama, umat Islam mula melupakan amalan tadabbur kerana sibuk menumpukan kepada kelahiran ilmu-ilmu baharu ini. Akibatnya, al-Quran yang sepatutnya dibaca dan ditadabbur tidak dapat memainkan peranannya untuk mengubah manusia. Al-Quran yang sepatutnya memberi panduan secara terus tidak dapat menjalankan fungsinya. Sehingga sampai pada satu peringkat, sebahagian umat Islam hilang rasa percaya kepada keagungan panduan al-Quran.

Kitab al-Quran bukan sekadar diturunkan untuk mengambil berkat daripadanya. Bukan juga sekadar pembukaan sesuatu majlis agama. Dan bukan sekadar disimpan atas rak-rak buku atau dibuat perhiasan di dinding rumah. Generasi awal al-Quran dari kalangan sahabat sangat suka membaca al-Quran untuk diamalkan. Segala pergerakan dan amalan mereka seharian adalah berpandukan al-Quran. Mereka jadikan al-Quran sebagai guru yang mendidik mereka selain dari Rasulullah SAW.

Pernyataan Masalah

Membaca dan tilawah al-Quran dengan penyertaan tadabbur adalah perbuatan yang membantu dalam berhati-berhati ketika mengalunkan bacaan al-Quran. Menurut Imam Nawawi (2015) pembacaan al-Quran hendaklah disertakan dengan tadabbur kerana itu adalah salah satu adab pembacaan al-Quran. Sekiranya sebutan dalam bacaan al-Quran tidak dilafazkan dengan tepat, di situ sudah menunjukkan bahawa tadabbur tidak berlaku kerana salah sebutan menyebabkan kesalahan pada makna serta tiada berlaku penelitian dalam pembacaan. Oleh itu, tadabbur al-Quran membantu pembaca untuk sentiasa ingat dan sedar supaya menjaga setiap sebutan daripada huruf al-Quran.

Mempelajari dan menguasai tadabbur al-Quran dituntut kerana kelemahan dalam pemahaman boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan. Menurut Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff (2012) hakikat tadabbur berlaku semasa proses faham terhadap ayat-ayat al-

Quran. Kelazatan al-Quran tidak akan dirasai sekiranya bacaan al-Quran tidak disertai tadabbur (al-Ahdal 2008). Ianya dapat dirasai menerusi hati seiring dengan merasakan pertambahan iman dan ketenangan hati. AlQuran yang dibaca seiring dengan tadabbur mampu memberikan kesan yang baik bagi emosi manusia. Melalui tadabbur, keagungan kalam Allah S.W.T dapat dirasai oleh sebab penghayatan terhadap setiap ayat yang di fahami. Dalam Surah al-Anfal ayat 2 Allah SWT berfirman dengan maksudnya:

Orang yang beriman itu jika dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah SWT maka bergetar dan bertambahlah iman mereka

Membaca al-Quran secara tadabbur lebih bermanfaat bagi hati dan lebih pantas menghidupkan iman dan mengecapi kemanisan al-Quran. Hati yang hidup adalah hati yang mendapat kesan dan dilunakkan dengan bacaan al-Quran secara tadabbur. Melalui tadabbur, keimanan seseorang mampu ditingkatkan ketika melewati ayat-ayat yang menceritakan perihal hari kebangkitan, azab di neraka, nikmat di syurga dan yang lain-lain.

Menurut Rohana et.al(2015) menyatakan bahawa beramal dengan isi kandungan al-Quran berserta perintah daripada Allah SWT merupakan salah satu objektif utama al-Quran diturunkan. Beramal dengan al-Quran juga adalah natijah tadabbur al-Quran iaitu satu proses yang menyedarkan untuk menterjemahkan ayat-ayat yang dibaca dan dihafal dalam kehidupan.

Objektif Kajian

Mengkaji konsep tadabbur al-Quran dan pendekatan metode tadabbur yang diamalkan oleh para sahabat dan salaf soleh sehingga menntijahkan hasil tadabbur yang berkesan melalui pengzahiran akhlak mulia serta ketaqwaan kepada Allah Yang maha Esa.

Metodologi Kajian

Kertas kerja ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis dokumen.

Konsep tadabbur al-Quran

Tadabbur adalah perenungan secara menyeluruh yang mencapai kemuncak maksud perkataan dan tujuannya yang mendalam (Habannakah 2012) Proses ini juga berlaku melalui penelitian, renungan dan berfikir terhadap hakikat sesuatu atau sebahagiannya memerhatikan perkara sebaliknya (al-Alusi. t.th).

Demikian juga maksud tadabbur menurut al-Qardhawi (1999) bahawa tadabbur adalah memikirkan di sebalik sesuatu perkara yakni akibatnya. Ia hampir dengan makna tafakkur. Namun makna tafakkur adalah menggerakkan hati atau memikirkan dalil. Selari dengan pandangan al-Zuhaily (2007) juga menyatakan tadabbur adalah merenungkan makna-maknanya dan meneliti kandungannya. Manakala mneurut pandangan al-Lahim (2004) tadabbur merupakan penghayatan menyeluruh yang boleh sampai pada makna-makna tersirat dari kalamullah dan peringatan-peringatan yang mendalam dan terperinci.

Maka tadabbur boleh dirumuskan sebagai membaca al-Quran yang disertai dengan penggunaan akal dan hati dalam memahami, menghayati dan memikirkan setiap ayat al-Quran dengan kefahaman terhadap maknanya serta merealisasikan makna tersebut melalui perbuatan, sikap dan amalan dalam kehidupan seharian. Membaca al-Quran suatu ibadah yang mulia dan mempunyai banyak kelebihan. Tujuan utama Allah menurunkan al-Quran

adalah untuk ditadabbur. Sebagaimana maksud firman Allah SWT dalam Surah Sad ayat 29:

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكًا لِيَذَّبَرُوا وَايَاتِهِ ۖ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ٢٩

Maksudnya:

“Al-Quran ini sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu dan umatmu Wabai Muhammad, Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar”.

Ayat ini menjadi dalil tentang kewajipan melakukan tadabbur terhadap al-Quran. Ayat ini menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan untuk dihayati dan ditadabbur serta dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan setiap diri muslim yang beriman kepada Allah (al-Ahdal 2012). Kebahagiaan yang abadi adalah dengan mengikut dan mengamalkan al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT

Maka dengan melakukan tadabbur al-Quran dapatlah diketahui dan difahami isi kandungannya untuk diambil pelajaran dan diamalkan di dalam kehidupan. Dalam masa yang sama, Allah mencela dan memperlekehkan orang yang tidak bertadabbur dengan al-Quran. Sebagaimana maksud firman Allah swt dalam surah Muhammad ayat 24 :

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفَرِّءَانَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ٢٤

Maksudnya:

Setelah diterangkan yang demikian maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran)?

Orang yang tidak melakukan tadabbur hati mereka seakan-akan telah terkunci untuk mendapat kebenaran, kerana tidak mengetahui kandungan al-Quran yang menjadi kewajipan mereka. Berkata Hassan al-Basri : Demi Allah, bukanlah tadabbur itu dengan menghafaz huruf-huruf al-Quran itu dan mencuaikan undang-undangnya sehingga ada yang berkata; “ Aku telah membaca al-Quran, tidak satupun hurufnya yang tertinggal.” Demi Allah, dia telah meninggalkan semuanya kerana tidak nampak sedikitpun kesan pengajaran al-Quran pada akhlak dan amalannya (al-Sabuni 1999). Allah juga berfirman dalam al-Quran Surah al-Mukminun ayat 68:

أَفَلَمْ يَدَّبَّرُوا الْقَوْلَ أَمْ جَاءَهُمْ مِمَّا يَأْتِ آبَاءَهُمُ الْأَوَّلِينَ ٦٨

Maksudnya:

“Maka adakah mereka melakukan yang demikian kerana mereka tidak dapat memahami kata-kata ajaran (yang disampaikan kepada mereka)? atau kerana telah datang kepada mereka sesuatu yang tidak pernah datang kepada datuk nenek mereka yang telah lalu?”

Begitu juga firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 82:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ أَلَفْرَاءَ ۗ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ۝ ٨٢

Maksudnya :

“Patutkah mereka bersikap demikian, tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? kalaulah Al-Quran itu datangnyanya bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.”

Menerusi ayat tersebut dapat difahami ia adalah suatu kutukan terhadap diri orang yang membaca tanpa memahami dan menghayati isi al-Quran. Bahkan, ia suatu gesaan atas manusia agar membaca al-Quran dengan penuh penghayatan dan kefahaman (As-Syanqithi 2010). Berkata Hassan al-Basri “Sesungguhnya para sahabat memandang al-Quran sebagai surat daripada Tuhan mereka. Mereka bertadabbur dengannya pada waktu malam dan mengamalkan kandungannya pada siang harinya” (an-Nawawi 1992).

Metodologi tadabbur al-Quran Salaf Soleh

Perkembangan ilmu tadabbur pada hakikatnya bermula dari sejarah penurunan wahyu al-Quran itu sendiri. Ketika wahyu diturunkan kepada Nabi SAW, ia turun beserta dengan perintah dan seruan agar berfikir, merenung dan mengambil pengajaran daripada mesej-mesej al-Quran yang disampaikan. Kerana itu, apabila Nabi s.a.w menerima wahyu, baginda langsung menyampaikannya kepada para sahabat ra.hum untuk diamalkan. Mereka menerima sepenuh perhatian wahyu yang disampaikan oleh Rasulullah SAW dan berusaha memahami pengajaran yang terkandung daripada ayat-ayat tersebut. Bahkan, kebanyakan para sahabat menghafal dan berusaha sepenuhnya untuk beramal dengan ayat-ayat yang diterima oleh mereka.

Situasi demikian nyata menunjukkan Rasulullah SAW dan para sahabat ra.hum merupakan insan-insan terawal yang melalui proses tadabbur. Ia sebagaimana yang tercatat dalam riwayat khabar daripada Abdullah ibn Mas'ud RA berkata Nabi SAW bersabda kepadaku “ Bacalah untukku! Aku bertanya “ Wahai Rasulullah SAW aku membaca untukmu padahal kepadamu al-Quran diturunkan? Baginda menjawab, ya sesungguhnya aku ingin mendengarnya dari orang lain’. Lalu aku membaca Surah al-Nisa' ayat 41. Ketika sampai pada ayat:

فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ بِشَهِيدٍ وَجِئْنَا بِكَ عَلَىٰ هَؤُلَاءِ شَهِيدًا ۝ ٤١

Maksudnya:

Maka bagaimanakah (keadaan orang-orang kafir pada hari akhirat kelak), apabila Kami datangkan dari tiap-tiap umat seorang saksi (iaitu Rasul mereka sendiri menjadi saksi terhadap perbuatan mereka), dan Kami juga datangkan Engkau (Wahai Muhammad) sebagai saksi terhadap umatmu ini?

Baginda pun bersabda, sudah! berhentilah! Kata Abdullah, Tiba-tiba aku melihat Rasulullah SAW telah mengalirkan air mata’. (al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī no hadis 4582 dan Muslim no hadis 800). Selanjutnya, jika disoroti lembaran kisah Rasulullah SAW dan para sahabat RA sebagai generasi salaf soleh ketika menghayati pesanan yang disampaikan oleh al-Quran adalah begitu mengujakan. Banyak riwayat yang menyebutkan sifat tadabbur Rasulullah SAW serta para sahabat RA yang sering menangis dan gementar setiap kali membaca atau mendengar ayat-ayat al-Quran.

Setiap ayat yang diturunkan pasti diambil perhatian oleh para sahabat dan mereka berusaha untuk bertadabbur serta mengambil pengajaran daripadanya. Ternyata keimanan generasi salaf saleh ini telah mendahului al-Quran. Jiwa mereka seperti dirasuk keimanan

setelah nekad menerima apa jua perintah atau tegahan yang diturunkan oleh Allah SWT (Hikmat 2004).

Diriwayatkan dari Hisyam bin al-Husin dia menceritakan bahawa suatu ketika Umar melewati sepotong ayat dalam wiridnya. Maka ayat tersebut telah menusuk hatinya dan membuatnya rasa amat ketakutan. Dalam riwayat lain –memuatnya rasa tercekik- lalu beliau menangis sampai jatuh. Rentetan peristiwa ini membuatkan beliau tinggal di rumahnya sehari-hari sehinggakan para sahabat yang lain menyangka beliau sedang sakit (al-Baihaqi 2003).

Demi mencapai tadabbur juga, golongan salaf soleh akan memperlakan bacaan secara tartil agar mudah mencermati dan memahami maksudnya. Mereka juga berhenti pada ayat-ayat al-Quran yang tertentu, lantas mengulang-ulang bacaan tersebut sambil menangis. Gambaran sifat tadabbur para sahabat RA telah dijelaskan dalam pelbagai riwayat antaranya yang mengisahkan seorang sahabat Rasulullah SAW iaitu Tamim al-Dari. Diceritakan ketika bangun bersolat malam, beliau mengulang-ulang satu ayat al-Quran sehingga menangis sepanjang malam sampai menjelang waktu subuh (Ibn al-Jawzi 2012. no.115, 268 dan hadith riwayat al-Tabrani). Disebut dalam riwayat tersebut, beliau membaca surah al-Jathiyah ayat 21:

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ اجْتَرَحُوا السَّيِّئَاتِ أَنْ نَجْعَلَهُمْ كَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَوَاءً مَحْيَاهُمْ
وَمَمَاتُهُمْ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ٢١

Maksudnya:

Patutkah orang-orang yang melakukan kejahatan menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dengan menyamakan keadaan (mereka semua) semasa mereka hidup dan semasa mereka mati? buruk sungguh apa yang mereka hukumkan itu.

Berdasarkan kisah tadabbur tersebut, dapat difahami bahawa ayat-ayat al-Quran perlu dibaca secara tartil, teratur, tenang dan berulang-ulang kali agar mesej yang disampaikan dapat meresap ke dalam hati. Kesannya, ayat-ayat al-Quran tersebut dapat menambahkan keimanan orang yang bertadabbur al-Quran.

Keistimewaan para sahabat RA tidak mampu ditandingi kerana mereka hidup di samping Rasulullah SAW dan merupakan golongan yang menyaksikan wahyu. Bahkan, sebahagiannya menjadi sebab kepada wahyu diturunkan. Sehubungan itu para sahabat RA adalah manusia yang paling dekat dalam memahami dan menghayati konteks nas-nas al-Quran setelah Rasulullah SAW. Justeru itu, jika disimak dengan penuh penghayatan kisah dan gambaran sifat tadabbur Rasulullah SAW serta para sahabat RA pasti memberi kesan dan tauladan yang sempurna kepada seluruh umat manusia.

Oleh demikian, umat Islam mampu untuk mengikut jejak mereka dalam mempelajari keutamaan metode mereka dalam mentadabbur al-Quran dan memahaminya. Mungkin boleh diambil dan dijadikan contoh yang perlu diikuti oleh generasi yang terkemudian serta generasi yang akan datang. Antara pendekatan salaf soleh dalam mentadabbur al-Quran adalah:

1. Mengetahui secara jelas tentang keistimewaan al-Quran dan tujuan sebenar al-Quran diturunkan kepada manusia melalui nabi Muhammad SAW.
2. Pengajaran dan pembelajaran mereka, segalanya berkisar tentang al-Quran
3. Kesibukan dan fokus mereka hanya dengan al-Quran tanpa selainnya ketika talaqqi bersama Nabi SAW.
4. Keindahan mereka bertalaqqi dengan al-Quran adalah menunjukkan bahawa risalah dari tuhan mereka untuk diamalkan dan diikuti, maka mereka mentadabburkannya

- pada waktu malam dan diikuti siangya. Kemudian terus mengamalkan ajaran al-Quran yang dibaca dan dihayati.
5. Membaca al-Quran dengan tartil dan bersungguh-sungguh dan malamnya mereka mendirikan qiyamullail. Hati mereka sentiasa hidup dengan penghayatan al-Quran.
 6. Memperbanyakkan bacaan al-Quran dan menjaganya dengan cara sentiasa membacanya umpama wirid harian.

Oleh itu, menjadi tuntutan bagi setiap muslim mempelajari ciri-ciri tadabbur al-Quran menerusi sirah Rasulullah SAW dan teladan para sahabat RA sebagai generasi salaf soleh. Menerusinya, masyarakat dapat memahami pendekatan yang terbaik untuk bertadabbur dan meningkatkan kesedaran mengenainya. Dengan itu, ilmu tadabbur akan terus berkembang dan dipraktikkan sehingga kepada generasi kini.

Kesimpulan

Mentadabbur al-Quran adalah tujuan utama yang paling besar al-Quran diturunkan. Seseorang tidak akan dapat memahami al-Quran melainkan dia perlu mengikuti kaedah dan manhaj disiplin tadabbur al-Quran yang benar sebagaimana yang diteladani oleh Baginda Rasulullah SAW dan para sahabat serta salaf soleh. Malah tadabbur al-Quran adalah peringkat yang tertinggi dalam mempelajari al-Quran. Melaluinya, kebaikan dunia dan akhirat akan tercapai sepertimana yang telah diajari dan ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Maka kejayaan mentadabbur al-Quran dalam kehidupan harian seorang muslim itu akan terhasil sejauhmana mereka mencontohi salaf soleh dalam berinteraksi dengan al-Quran yang agung.

Rujukan

- al-Alusi Mahmud.t.th Ruh al-Ma'ani fi al-Tafsir al-Quran al-Adzim
Al-Baihaqi Ahmad bin al-Husain bin Ali bin Musa al-Kharasani 2003 .Syua'b al-Iman. Maktabah al-Rusyd li al-Nasyar wa al-Tauzi' bi Riyadh.
Al-Lahim Khalid bin Abdul Karim 2004. Mafatih Tadabbur wa al-Najah fi al-Hayat. Maktabah Malik al-Fahd Riyadh
Al-Nawawi , Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Din 1992. Al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran. Tahqiq: Basyir Muhammad 'Uyun. Dimasyq: Maktabah Dar al-Bayan Al-Nawawi. terj. Hakim Rosly. 2015. Adab Berdamping dengan al-Quran. Kuala Lumpur. PTS Publishing House.
Al-Qaradhawi Yusof 1999. Kayfa Nata'amal Ma'a al-Quran.Dar al-Syuruk, Mesir.
Al-Sobuni Muhammad Ali 1999 .Safwah al-Tafasir. Darul Kutub al-Ilmiyyah. Beirut
Al-Syanqithi 2010. Tafsir adhwa'ul Bayan tafsiral-Quran dengan al-Quran .Takhrij Syai Muhammad& Abdul Aziz Al-Khalidi. Pustaka Azzam.
Al-Zuhaily Wahbah 2007 Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj . Intel Multimedia and publication & Persatuan Ulama Malaysia ISBN 978-983-2417-38-5
Habannakah Abd Rahman 2012.Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitab Allah . Maktabah Dar al-Qalam
Hashim bin Ali Al-Ahdal 2008. Ta'lim Tadabbur al-Quran al-Karim:Asalib Amaliah wa Marahil Manhajiyah.Universiti Ummul Qura, Makkah al-Mukarramah.
Hikmat bin Basyir Yasin 2004, Manhaj Tadabbur al-Quran al-Karim Riyadh: Dar al-Hadarah.
Jamal al-Din Abi al-Faraj bin al-Jawzi 2012, Sifat al-Sofwah. Ditahqiq oleh Khalid Mustafa Tartusi. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Nurul Zakirah Mat Sin dan Zulkifli Mohd Yusoff 2012. Konsep tadabbur: Suatu Kupsan. International Seminar on al-Quran in Contemporary Society.

Rohana Zakaria, Hayati Hussin dan Adzam Rasdi 2015. Tadabbur al-Quran: Syarat Utama yang Diperlukan Untuk Mencapai Objektif al-Quran. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD 2015).

BAB 10

VARIASI PEMAKNAAN USLUB AL-TANBIH DALAM SURAH ALI-IMRAN

Muhammad Ammar Farhan Ramlan, ‘Uqbah Amer,
Abi Syafiq Al-Hakiem Abd Jabar

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji dan melihat peranan yang dimainkan oleh *uslūb al-Tanbīh* dalam mewarnai dan bervariasi pemaknaan dan mesej yang ingin disampaikan menerusi al-Quran. Umum mengetahui berkenaan kehebatan al-Quran yang bukan sahaja berfungsi sebagai *maṣḍar* atau sumber utama pensyariatan hukum hakam Islam, bahkan lebih daripada itu terkandung seribu satu rahsia yang sangat besar untuk disingkapkan terutamanya yang melibatkan pemaknaan perkataan mahupun ayat-ayat yang terdapat dalam al-Quran. Menyoroti hikmah dan rahsia di sebalik untaian perkataan dan ayat al-Quran ini sememangnya memerlukan satu deria kekuatan akal untuk berinteraksi dengan kalam Allah dibantu dengan kefahaman para *mufasssīrīn* atau ahli tafsir dalam merungkaikan setiap hikmah tersebut. Justeru dalam ruang yang terhad ini, kertas kerja ini ingin melihat signifikansi yang terjalin khususnya yang melibatkan *uslūb al-Tanbīh* dan perkaitannya dengan *al-Nidā’*. Oleh demikian, bagi memudahkan perbincangan, kertas kerja ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian penting iaitu definisi konsep *uslūb al-Tanbīh*, kemudian disusuli dengan pengenalan kepada *adawāt uslūb al-Tanbīh*, fokus seterusnya dengan melihat variasi atau ragam pemaknaan *uslūb al-Tanbīh* yang terdapat dalam surah Āli-‘Imrān dan terakhir adalah kesimpulan.

Definisi Konsep Uslūb Al-Tanbīh

Perkataan *uslūb* adalah perkataan *mufrad* yang bermaksud *ṭarīq* iaitu cara, sebagai contoh *ṭarīq al-kātib fī kitābatih* iaitu cara penulis di dalam penulisan. Perkataan *jama* ‘bagi perkataan ini ialah *asālib* (Imīl Badī’ Ya‘qūb, 2004). Al-Zabīdiyy mendefinisi *uslūb* kepada tiga maksud iaitu *al-Wajh* dan *al-Madhhab* iaitu bentuk dan aliran, sebagai contoh *hum fī uslūb sū’* iaitu bentuk mereka yang buruk. Maksud yang kedua ialah *ṭarīq* iaitu cara, sebagai contoh *wa kalāmuh ‘alā asālib ḥasanah* iaitu dan kata-katanya di atas cara-cara yang baik. Manakala maksud ketiga pula ialah *al-Fan* iaitu seni, sebagai contoh *akbadha fulan fī asālib min al-Qawl* iaitu si fulan telah mengambil seni daripada kata-katanya (Al-Zabīdiyy, t.t). Definisi ini juga hampir sama seperti definisi yang dikemukakan oleh al-Zamakhshariyy di dalam kitabnya *Asās Balāghah* (Al-Zamakhshariyy, 1998) dan juga oleh Ibn Manẓūr di dalam kitabnya *Lisān al-‘Arab* (Ibn Manẓūr, 1441). Oleh yang demikian, maksud *uslūb* dari segi bahasa yang bersesuaian di dalam kajian ini ialah *ṭarīq* iaitu cara, iaitu cara yang dilalui oleh orang yang bercakap dalam menyampaikan apa yang ingin disampaikan.

Manakala, definisi *uslūb* dari sudut istilah menurut al-Zurqāniyy terbahagi kepada empat definisi iaitu cara percakapan yang di lalui oleh orang yang bercakap pada penyusunan ucapannya dan pemilihan ungkapannya. Kedua, ia adalah aliran percakapan yang tersendiri yang digunakan oleh orang yang bercakap pada penyampaian makna-maknanya dan tujuan-tujuannya daripada ucapannya. Ketiga, iaitu ciri khusus percakapan. Definisi yang terakhir ialah seni percakapan yang tersendiri oleh orang yang bercakap (Al-Zurqāniyy, t.t). Di dalam kitab *al-Balāghah al-Wādiyah*, *uslūb* ialah sesuatu makna yang dibentuk dari perkataan-perkataan yang tersusun diatas suatu gambaran yang lebih hampir untuk mencapai maksud sebenar dari ucapan dan ia lebih berkesan kepada diri para pendengar ('Alī Al-Jārim dan Muṣṭafā Amīn, t.t). Manakala Aḥmad Ḥasan al-Zayyat mendefinisikan *uslūb* adalah cara tersendiri oleh penulis atau penyair pada pemilihan ungkapan dan penyusunan percakapan (Aḥmad Ḥasan Al-Zayyāt, 1967). Berdasarkan definisi-definisi yang telah di kemukakan tadi, pengkaji berpendapat definisi *uslūb* dari segi istilah ialah cara tersendiri yang digunakan oleh orang yang bercakap dan penulis di atas suatu gambaran yang lebih hampir untuk mencapai maksud sebenar dari percakapan.

Seterusnya, definisi bagi perkataan *al-Tanbīh* menurut ulama etimologi ialah perkataan *masdar* yang berasal daripada kalimah *fi'il*, *nabbah* yang bermaksud menarik perhatian (Aḥmad Mukhtār 'Umar, 2008). Ia juga bermaksud membangunkan, sebagai contoh *nabbabah min al-Nawm fatanabbah* iaitu dia telah membangunkannya daripada tidur, lalu dia bangun (In'ām Fawwāl 'Akkāwiyy, 2006). Selain itu, Ibn Fāris (t.t), Jamāluddin Ibn Manzūr (1414), Al-Fayrūz Ābadiyy (2005) dan Al-Zabīdiyy (t.t) berpendapat bahawa ia berasal daripada *al-Nabah*, huruf *al-Nun* berbaris *fataḥ* serta *tasydīd* dan huruf *al-Bāa'* berbaris *fataḥ*, yang membawa kepada tiga maksud iaitu *al-intibāh min al-Nawm* iaitu bangun daripada tidur. Kedua, *al-Dālah tūjad 'an ghaflah* iaitu barang hilang yang dijumpai tanpa dicari, sebagai contoh *wajadtu bazā al-Syai nabahā wa aḍlaltuh nabahā* iaitu aku perolehi sesuatu ini tanpa dicari dan aku menghilangkannya tanpa disedari. Ketiga, *al-Dālah la yudrī matā ḍallat wa ayn hī* iaitu barang hilang yang tidak diketahui bila hilang dan di mana hilang, sebagai contoh *faqadtu al-Syai nabahā ay lā 'ilm lī kayf aḍlaltuh* bermaksud aku telah kehilangan sesuatu secara tanpa disedari, iaitu aku tidak ketahu bagaimana aku telah menghilangkannya. Mereka juga menyatakan bahawa ia juga berasal daripada perkataan *nabuh yanbuh nabābatan fabū nabīh wa nābih* iaitu menunjukkan kepada ketinggian, kemuliaan dan kemasyhuran. Sebagai contoh *rajul nabīh* iaitu lelaki itu mulia, *amr nābih* iaitu sesuatu perkara yang mulia. Kata berlawanannya ialah *khāmil* iaitu bodoh atau dungu. Al-Jurjāniyy pula berpendapat definisi *al-Tanbīh* dari segi bahasa ialah *dalālah* iaitu bimbingan terhadap apa yang dilupai oleh *al-Mukhāṭab* iaitu pihak kedua (Al-Jurjāniyy, 1983). Maka, pengkaji memahami bahawa pengertian *al-Tanbīh* dari sudut bahasa mempunyai beberapa maksud antaranya ialah membangunkan seseorang daripada tidur yang di ambil daripada asal perkataan *nabbah*, dan *al-Nabah*. Kedua, *nabbah* (نَبَّهَ) iaitu menarik perhatian seseorang. Ketiga, *al-Dālah tūjad 'an ghaflah* iaitu barang hilang yang di jumpai tanpa di sedari. Keempat, *al-Dālah la yudrī matā ḍallat wa ayn hī* iaitu barang hilang yang tidak di ketahui bila hilang dan di mana hilang. Terakhir, iaitu menunjukan kepada sesuatu kedudukan yang tinggi dan mulia, *nabuh yanbuh nabābatan fabū nabīh wa nābih*.

Selanjutnya, pengkaji ingin menjelaskan definisi *al-Tanbīh* dari sudut istilah daripada pandangan para ulama dari pelbagai sudut di antaranya mengaitkan ia dengan struktur gaya bahasa, antonasi penyampai, *balāghah*, psikologi, fisiologi dan falsafah. Merujuk di dalam kitab *Mu'jam al-Balāghah al-'Arabiyyah*, *al-Tanbīh* ialah seseorang bercakap kemudian menyertakan percakapan itu dengan sesuatu yang menguatkannya serta menegaskan maknanya (Badwī Ṭabānah, 1988). Dr Muḥammad al-Tunjiyy mengemukakan pengertian *al-Tanbīh* ialah mengalihkan perhatian pihak kedua terhadap sesuatu perkara (Al-Tunjiyy, t.t). Manakala, di dalam *Mu'jam al-Mufaṣṣal Fī al-Lughah Wa al-Adab* menyatakan bahawa *al-Tanbīh* ialah pemberitahuan apa yang terkandung di dalam perasaan pihak pertama kepada pihak kedua melalui cara peringatan (Imīl Badī' Ya'qūb dan Mīsyāl 'Āṣiyy, 1987). Al-Jurjāniyy memberikan pengertian *al-Tanbīh* kepada dua pengertian iaitu apa yang di fahami daripada kesimpulan (sesuatu ayat atau ungkapan) dengan penelitian yang minimum sebagai pemberitahuan tentang apa yang ada dalam diri pihak pertama (orang yang bercakap) kepada pihak kedua (orang yang ditujukan percakapan). Kedua, ialah suatu kaedah yang boleh diketahui dengannya akan perbincangan (perkara) seterusnya secara kasar (umum) (Al-Jurjāniyy, 1983). Adapun para ulamak *al-Uṣūl* pula mendefinisikan *al-Tanbīh* ialah *al-Īmā'* iaitu tanda isyarat (Al-Zuhayliyy, 2006).

Seterusnya, dilihat pandangan *al-Tanbīh* dari sudut ilmu psikologi dan fisiologi seperti yang dinyatakan oleh Dr Jamil Salībā. *Al-Tanbīh* dari sudut pandang ilmu psikologi adalah dorongan untuk melakukan sesetengah perbuatan atau rangsangan terhadap sesetengah deria dan perasaan, atau peningkatan keaktifan minda kerana kesan beberapa faktor luaran. Manakala, dari sudut pandang ilmu fisiologi ialah memberi rangsangan terhadap hujung saraf-saraf deria yang menyebabkan menghasilkan tindakan refleks yang zahir atau menghasilkan satu tindak balas terhadap sel-sel badan atau jiwa atau anggota-anggota badan (Jamil Salībā 1982:352). Dr. Fākhir 'Āqil pula berpendapat di dalam *Mu'jam 'Ilm al-Nafs*, *al-Tanbīh* ialah suatu proses peralihan yang efektif dan sebenar dalam jiwa yang hidup seumpama proses yang memberi kesan terhadap otot dengan perantaraan alat perangsang (Fākhir 'Āqil 1985:41). Konklusinya, setelah mengamati definisi-definisi di atas pengkaji berpendapat definisi *al-Tanbīh* dari sudut istilah yang sesuai di dalam kajian ini ialah menarik perhatian pihak kedua dengan kaedah ungkapan yang tertentu oleh pihak pertama untuk merangsang minda, deria serta perasaan seseorang terhadap sesuatu perkara.

Rumusannya, setelah melihat pelbagai pandangan bagi setiap definisi kedua-dua perkataan iaitu *uslūb* dan *al-Tanbīh* maka pengkaji mendefinisikan *uslūb al-Tanbīh* di dalam al-Quran ialah cara tersendiri yang digunakan pada kalam Allah SWT dengan tujuan untuk menarik perhatian pihak kedua agar minda, deria serta perasaannya terangsang terhadap sesuatu perkara yang ingin di sampaikan.

Adawat Uslūb Al-Tanbīh

Adawāt ialah perkataan *jama'*, adapun perkataan *mufrad* bagi *adawāt* ialah *al-Adāb*. *Al-Adāb* dari sudut bahasa ialah *al-Ālah* iaitu alat. Adapun *adawāt* dari sudut istilah ialah huruf dan apa yang terkandung daripada makna daripada *al-Zurūf* iaitu kata keterangan, *al-Asmā'* iaitu

kata nama dan *al-Af'āl* iaitu perbuatan. Sebagai contoh, *ḥāsyā, lays, lā yakūn, simā, min, fī, 'an, al-Lām, rubb, dan ams* ('Azizah Fawwāl Bābatiyy, 1992).

Maka, *adamāt uslūb al-Tanbīh* ialah huruf-huruf yang terkandung padanya makna menarik perhatian. Selanjutnya, pembahagian *adamāt uslūb al-Tanbīh* terbahagi kepada dua bahagian iaitu huruf-huruf menarik perhatian yang diseru dan huruf-huruf menarik perhatian yang tidak diseru (Mawhūb Aḥmad, 2006). Seperti yang dinyatakan pada definisi konsep *uslūb al-Tanbīh* bahawa ia adalah konsep umum yang mempunyai matlamat asas iaitu menarik perhatian orang yang diseru agar memberi perhatian penuh serta mendengar terhadap isi kandungan perhatian itu. Lantaran itu, *uslūb al-Nidā'* merupakan salah satu bahagian penting dan mempunyai hubungan yang kuat di dalam mencapai matlamat asas *uslūb al-Tanbīh*.

Para ulama *al-Naḥwiyyūn* berselisihan pendapat di dalam menentukan bilangan huruf *uslūb al-Nidā'*. Ada pendapat mengatakan lima huruf, tujuh huruf dan juga lapan huruf. Di kalangan ulama *Baṣrah* berpendapat bilangannya lima huruf, Ibn Mālik berkata “Terdapat lima huruf lafaz seruan di sisi ahli-ahli *Baṣrah* dengan huruf-huruf tersebut dapat mengingatkan seperti *yā, ayā, bayā, aiy* dan *al-Hamzāh*” (Ibn Mālik, t.t). Di kalangan ulama *Kūffah* pula menambah dua huruf iaitu huruf *al-Hamzāh al-Mamdūdah* yang berbaris atas dan *āiy* yang kedua-duanya digunakan untuk seruan jarak jauh (Ibn Mālik, t.t). Seterusnya, terdapat ulama menambah huruf *wā* yang dikhususkan untuk seruan ratapan atau penderitaan kesakitan, sebagai contoh *wā zaydāh* atau ia juga adalah seruan seperti *wā zayd* (Al-Zabīdiyy, t.t).

Oleh itu, huruf-huruf *uslūb al-Nidā'* yang mencapai matlamat asas *uslūb al-Tanbīh* ialah sebanyak lima huruf sahaja iaitu *yā, ayā, bayā, al-Hamzāh* dan *aiy*. Ini kerana, huruf *al-Hamzāh al-Mamdūdah* yang berbaris atas dan *āiy* adalah huruf yang berasal daripada huruf *al-Hamzāh* dan *aiy*. Perbezaannya hanya adalah dari sudut jarak penggunaan sahaja iaitu huruf *al-Hamzāh al-Mamdūdah* yang berbaris atas dan *āiy* adalah untuk jarak jauh, adapun huruf *al-Hamzāh* dan *aiy* untuk jarak dekat. Manakala, seruan huruf *wā* ratapan tidak mencapai matlamat asas *uslūb al-Tanbīh* kerana seruannya adalah untuk orang yang menderita kesakitan bukan bertujuan untuk menarik perhatian pihak kedua agar mendengar terhadap isi kandungan perhatian oleh pihak pertama ('Abd al-Ḥamīd Ḥamūdiyy 'Ilwān, 2005).

Manakala bahagian kedua iaitu huruf-huruf menarik perhatian yang tidak diseru mempunyai enam bilangan seperti *alā, amā, hā, kallā, halumm* dan *way*. Para ulama *lughab* dan *mufasssirīn* bersepakat menyatakan bahawa huruf *alā, amā* dan *hā* merupakan huruf yang membawa elemen *al-Tanbīh* kepada pihak kedua. Para ulama bersepakat bahawa huruf *alā* merupakan huruf *al-Istiftāh* iaitu pembukaan percakapan dan ia juga adalah huruf *al-Tanbīh*. Diantaranya Ibn Jinnī telah berkata “pada huruf *alā* di dalam percakapan mempunyai dua makna iaitu pembukaan percakapan dan menarik perhatian (Ibn Jinnīyy, t.t). Kemudian, Ibn Ya'īsy menjelaskan bahawa “huruf *amā* adalah huruf menarik perhatian serta menegaskan ucapan yang berada selepas huruf *amā* (Ibn Ya'īsy, 2001). Ketiga, huruf *hā* menurut pandangan Al-Zabīdiyy (Al-Zabīdiyy, t.t) dan Jawhariyy al-Farābiyy (Jawhariyy

al-Farābiyy, 1987) merupakan di antara huruf yang berperanan menarik perhatian pihak kedua. Di antara kedudukan huruf *hā* yang dapat dilihat di dalam al-Quran ialah huruf *hā* bergabung dengan *asmā' al-Iṣyārah* iaitu kata ganti penunjuk. Ia bergabung samada dalam bentuk *mufrad muṣakkar* iaitu seorang lelaki, *mufrad muannath* iaitu seorang perempuan, *mutḥanna* iaitu mempunyai dua serta bahagian-bahagiannya dan *jama'* iaitu ramai serta bahagian-bahagiannya (Fathallah Ṣālih al-Miṣriyy, t.t). Seterusnya, huruf *hā* bergabung selepas huruf *aiy uslūb al-Nidā'* iaitu *ayyuhā*, huruf *hā* bergabung dengan *damā'ir al-Marfū'ah* iaitu kata ganti nama yang *marfū'* dalam keadaan terpisah di antara keduanya, huruf *hā* bergabung dengan kata ganti penunjuk untuk tempat seperti *hunā*, *hannā* dan *hinna* (Fathallah Ṣālih al-Miṣriyy, t.t).

Manakala, huruf *kallā*, *halumm* dan *way* adalah huruf-huruf yang diperselisihkan oleh para ulama akan keujahannya sebagai huruf yang membawa elemen *al-Tanbīh* ataupun tidak. Namun begitu, berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap penghujahan para ulama pada ketiga-tiga huruf tersebut, ianya mempunyai elemen *al-Tanbīh* yang mencapai matlamat asas *uslūb al-Tanbīh*. Menurut pandangan Muḥammad Al-Khuḍariyy dalam kitab berjudul *Hāsiyah Al-Khuḍariyy 'Alā Syarḥ Ibn 'Aqīl 'Alā Alfiyyah Ibn Mālik* menyatakan bahawa huruf *kallā* ialah huruf *alā istiftāh* iaitu pembukaan percakapan serta ia menarik perhatian pihak kedua (Muḥammad Al-Khuḍariyy, 1995). Kemudian, huruf *halumm* ialah satu kalimah yang meminta kepada sesuatu. Ia berasal daripada huruf *hā al-Tanbīh* dan *lumm* iaitu dekati. Kemudian, kedua-dua huruf ini digabungkan menjadi satu kalimah *halumm*, adapun huruf *al-Alif* pada *hā al-Tanbīh* telah digugurkan bertujuan untuk memudahkan penyebutan (Fakhr Al-Dīn Al-Rāziyy, 1420). Adapun huruf *way* adalah huruf yang menarik perhatian pihak kedua juga berserta pencegahan. Ia adalah gesaan kepada pihak kedua agar mencegah daripada berlakunya kecelakaan atau musibah (Al-Māliqiy, 1394).

Variasi Pemaknaan Uslūb Al-Tanbīh Dalam Surah Āli 'Imran

Kajian terhadap *uslūb al-Tanbīh* di dalam bahasa Arab adalah luas kajiannya terutama di dalam al-Quran, di mana sukar untuk ditetapkan pembahagiannya. Pembahagian *uslūb al-Tanbīh* bukan hanya pada *uslūb al-Nidā'* iaitu cara penyeruan sahaja, bahkan terdapat *asā'ir* yang lain mampu menarik perhatian pihak kedua seperti *uslūb al-Istifhām* iaitu cara pertanyaan, *uslūb al-Du'ā'* iaitu cara permohonan, *al-Iltifāt* iaitu mengubah daripada satu cara bentuk kepada cara bentuk yang lain, *kināyah* iaitu perumpamaan, *al-Fāsilah* iaitu penghujung sesuatu ayat al-Quran, huruf *hijā'iyyah*, *al-Tikerār* iaitu pengulangan dan sebagainya. Namun begitu, pengkaji hanya membawa dua *uslūb* sahaja di dalam surah Āli-'Imrān iaitu *uslūb al-Istifhām* dan huruf *hijā'iyyah* sebagai gambaran maksud *al-Tanbīh*.

Uslūb Al-Istifhām

Al-Istifhām dari sudut bahasa ialah meminta pengetahuan iaitu pertanyaan. Adapun, dari sudut istilah ialah pertanyaan kepada pihak kedua terhadap apa yang terkandung di dalam hatinya atau meminta penjelasan tentang hakikat sesuatu perkara, namanya, bilangannya atau sifat daripada sifat-sifatnya (Jalāl Al-Dīn Al-Suyūṭīyy, 1974, al-Jurjāniyy, 1983 & ‘Azizah Fawwāl Bābatiyy, 1992). Maka, dapat difahami bahawa *al-Istifhām* ialah meminta maklumat terhadap sesuatu perkara yang belum di ketahui sebelum ini dengan menggunakan huruf yang khusus baginya (‘Abd Al-‘Azīz ‘Atīq, 2009).

Bilangan bagi huruf *al-Istifhām* sebanyak 11 huruf. Huruf-hurufnya ialah *al-Hamẓah* iaitu adakah?, *hal* iaitu adakah?, *mā* iaitu apakah?, *min* iaitu daripada?, *aiy* iaitu manakah?, *kam* iaitu berapa?, *kayf* iaitu bagaimana?, *ayn* iaitu di mana?, *annā* mempunyai empat maksud iaitu daripada mana?, bagaimana?, bilakah? dan di mana?, *matā* iaitu bila? dan *ayyān* iaitu bilakah waktu?. Secara asasnya huruf-huruf *al-Istifhām* bertujuan meminta maklumat atau penjelasan terhadap sesuatu perkara. Namun di sana terdapat tujuan yang berbeza daripada tujuan asalnya iaitu seperti kekaguman, pengukuhan, suruhan, larangan, menarik perhatian di atas kesesatan yang telah dilakukan, janji buruk, ugutan, kelewatan, penegasan, pengagungan, penyangkalan disertai dengan teguran, penghinaan, ejekan, penghindaran, penyamarataan, rangsangan, dan pengharapan (Jalāl Al-Dīn Al-Qazwīniyy Al-Syāfi‘iyy, t.t & Faḍl Ḥasan ‘Abbās, 1997).

Dalam konteks ini, didapati sebanyak 34 tempat pada 32 ayat di dalam surah āl-‘Imrān yang mengandungi *al-Tanbīh* pada *uslūb al-Istifhām* iaitu pada ayat 15, 20, 23, 25, 37, 40, 44, 47, 52, 65, 66, 70, 71, 80, 81, 83, 86, 98, 99, 101, 106, 124, 135, 137, 142, 144, 146, 154, 160, 162, 165 dan 183. Jika diamati pada ayat-ayat tersebut, didapati bahawa terdapat sembilan *hurūf uslūb al-Istifhām* iaitu *al-Hamẓah* (أ), *kayf* (كيف), *annā* (أنى), *ayyu* (أي), *man* (من), *mā* (ما), *am* (أم), *kam* (كم) dan *hal* (هل).

Pertama, terdapat 12 ayat yang mengandungi *al-Hamẓah uslūb al-Istifhām* (أ), iaitu pada ayat 15, 20, 23, 65, 80, 81, 83, 106, 124, 144, 162 dan 165. Sebagai contoh, pada firman Allah SWT:

قُلْ أُوْنِبْتُكُمْ بِخَيْرٍ مِّنْ ذَلِكُمْ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَاجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَانٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Mahukah supaya aku khabarkan kepada kamu akan yang lebih baik daripada semuanya itu? Iaitu bagi orang-orang yang bertaqwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa Syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Disediakan juga pasangan-pasangan/ isteri-isteri yang suci bersih, serta (beroleh pula) keredaan dari Allah". Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan hamba-hambaNya". (Al-Quran, Surah Ali-Imran: 3:15)

Pada ayat ini, Allah SWT telah mengkhabarkan tentang nikmat yang lebih baik daripada nikmat dunia iaitu nikmat yang kekal abadi di akhirat kelak bagi orang-orang yang bertaqwa kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, Allah SWT telah mengajukan soalan kepada hamba-hambaNya, firman Allah SWT “Katakanlah (wahai Muhammad): Mahukah supaya aku khabarkan kepada kamu akan yang lebih baik daripada semuanya itu?”. Maksud ‘lebih

baik daripada semuanya itu' adalah merujuk kepada ayat 14 di dalam surah ini iaitu wanita, anak pinak, harta benda yang bertimbun-timbun dari emas dan perak, kuda peliharaan, binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Lalu, Allah SWT menjawab persoalan ini, firman Allah SWT "iaitu bagi orang-orang yang bertakwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Disediakan juga isteri-isteri yang suci bersih, serta beroleh pula keredhaan dari Allah". Nikmat-nikmat ini disediakan buat hamba-hambanya yang melaksanakan segala perintahNya serta meninggalkan segala laranganNya. Nikmat-nikmat tersebut yang pertama ialah syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Nikmat kedua ialah kekal selamanya di dalam syurga. Nikmat ketiga pula ialah isteri-isteri yang suci daripada segala kekotoran dan keburukan samada secara fizikal mahupun spiritual yang amat diidamkan oleh kaum lelaki. Adapun yang terakhir ialah memperolehi redha Allah SWT, ia adalah sebesar-besar nikmat berbanding nikmat-nikmat yang lain. Pada akhir ayat ini, Allah SWT adalah Tuhan Maha Mengetahui setiap keadaan hamba-hambanya dengan memberi balasan buruk terhadap hamba-hambanya yang melakukan kejahatan manakala hamba-hambanya yang melakukan kebaikan dibalas dengan kebaikan, firman Allah SWT "dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan hamba-hambanya" (Muhammad Sayyid Ṭanṭāwiyy, 1997).

Menurut penafsiran di atas, didapati bahawa huruf *al-Hamzah* (أ) pada ayat ini adalah *istifhām taqrīrī* (إستفهام تقريري) iaitu pertanyaan untuk pengakuan telah berperanan sebagai huruf yang menarik perhatian pihak kedua serta merangsang seseorang untuk menjawab persoalan tersebut (Al-Zuhayliyy, 1418). Hal ini dapat di gambarkan bahawa Allah SWT telah menyuruh nabi Muhammad SAW sebagai pihak pertama mengkhabarkan berita yang amat penting kepada umatnya sebagai pihak kedua dengan menggunakan *al-Hamzah uslub al-Istifhām* dalam menyampaikan maklumat berita tersebut iaitu kenikmatan di sisi Allah SWT lebih baik daripada kenikmatan nafsu dunia (Muhammad Sayyid Ṭanṭāwiyy, 1997).

Kedua, terdapat empat ayat yang mengandungi *kaif uslub al-Istifhām* (كيف) di dalam surah ini iaitu pada ayat 25, 86, 101 dan 137. Sebagai contoh, pada firman Allah SWT:

فَكَيْفَ إِذَا جَمَعْنَاهُمْ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Maksudnya:

"Oleh itu, **bagaimana** pula (hal keadaan mereka) ketika Kami himpunkan mereka pada hari (kiamat), yang tidak ada syak padanya; dan (pada hari itu juga) disempurnakan kepada tiap-tiap seorang, balasan apa yang ia telah usahakan, sedang mereka masing-masing tidak akan dianiaya". (Al-Quran, Surah Ali-Imran: 3:25)

Penafsiran pada ayat 25 ialah Allah SWT telah menyangkal sangkaan golongan Yahudi bahawa mereka akan diselamatkan daripada azab Allah SWT pada hari kiamat kelak. Bahawa pembalasan pada hari kiamat akan dibalas mengikut di atas perbuatan yang telah dilakukan bukan di sebabkan keturunan. Mereka telah melakukan pembohongan di dalam agama mereka dengan mengatakan kami adalah anak-anak Allah SWT serta kekasihNya, Allah akan memberi syafaat kepada para nabi dan kami adalah anak-anak para nabi, kami adalah bangsa terpilih dan sesungguhnya Allah telah berjanji kepada Ya'qub bahawa Allah tidak akan mengazab anak-anaknya kecuali pada tempoh yang pendek. Lalu, Allah SWT bertanya kepada mereka bagaimana kamu membuat semua ini sekiranya Kami akan mengumpulkan kamu semua pada Hari Pembalasan iaitu hari yang tiada syak padanya, hari yang telah terputus keturunan padanya, pada hari itu juga harta dan anak pinak tidak bermanfaat lagi dan ketika itu akan disempurnakan balasan bagi tiap-tiap orang menurut apa yang telah

diusahakannya samada baik atau buruk. Bahkan, ketika itu juga mereka tidak akan dianiaya walau sedikit pun (Al-Zuhayliyy, 1418).

Berdasarkan penafsiran di atas, didapati bahawa huruf *ka'ayf* (كيف) pada ayat ini adalah *istijhām* 'an al-*Hāl* (استفهام عن الحال) iaitu pertanyaan tentang keadaan atau situasi. Pertanyaan di sini bertujuan untuk menyangkal sangkaan golongan Yahudi serta menggertak mereka. Ini menunjukkan *ka'ayf uslūb al-Istijhām* telah berperanan sebagai huruf yang menarik perhatian pihak kedua. Hal ini dapat di gambarkan bahawa Allah SWT sebagai pihak pertama telah menyangkal sangkaan golongan Yahudi sebagai pihak kedua serta memberi ancaman kepada mereka dengan menggunakan *uslūb* yang berkesan iaitu bertanya kepada mereka "Bagaimana keadaan mereka sekiranya Kami menghimpunkan mereka pada hari yang tidak ada syak padanya dan (pada hari itu juga) disempurnakan kepada tiap-tiap seorang, balasan apa yang dia telah usahakan, sedang mereka masing-masing tidak akan dianiaya?" (Muhammad Sayyid Ṭanṭāwiyy, 1997 dan Al-Ṭabrisiyy 2006).

Ketiga, terdapat empat ayat yang mengandungi *annā uslūb al-Istijhām* (أنى) di dalam surah ini iaitu pada ayat 37, 40, 47 dan 165. Sebagai contoh pada firman Allah SWT:

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا قَالَ لِمَرِيَمُ أَنَّى لَكَ هَذَا قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Maksudnya:

"Maka ia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik, dan dibesarkannya dengan didikan yang baik, serta diserahkannya untuk dipelihara oleh Nabi Zakaria. Tiap-tiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mibrab, ia dapati rezeki (buah-buahan yang luar biasa) di sisinya. Nabi Zakaria bertanya: "Wahai Maryam **dari mana** engkau dapati (buah-buahan) ini?" Maryam menjawab; "Talah dari Allah, sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak dikira". (Al-Quran, Surah Ali-Imran: 3:37)

Perbincangan tafsir pada ayat 37 telah dibincangkan sama seperti perbincangan huruf *yā uslūb al-Nidā'* pada arah tuju seruannya kepada Maryam. Namun, perbincangan di sini ialah pada *annā uslūb al-Istijhām* pada ayat *qāl yā Maryam annā lak hadhā* (قال يا مريم أئى لك هذا) iaitu telah berkata "Wahai Maryam! Dari mana engkau dapati ini?". Maka, *annā* pada ayat ini adalah *istijhām* yang bermaksud *min ayn* (من أين) iaitu dari mana atau *ka'ayf* (كيف) iaitu bagaimana. Tujuan *istijhām* di sini adalah untuk menunjukkan rasa kehairanan, kekaguman serta keanehan ('Abd Al-Karīm Muhammad Yūsuf, 2000).

Apa yang menarik pada ayat ini terdapat tiga tanda *uslūb al-Tanbīh* iaitu *yā uslūb al-Nidā'*, *annā uslūb al-Istijhām* dan *hadhā* iaitu huruf *hā al-Tanbīh* yang telah bergabung dengan kata ganti penunjuk *mufrad muzakkar*. Ketiga-tiganya telah berperanan menarik perhatian pihak kedua. Hal ini dapat digambarkan apabila setiap kali nabi Zakariyyā sebagai pihak pertama memasuki Mibrab bertemu dengan Maryam sebagai pihak kedua akan mendapati rezeki yang luar biasa di sisinya. Lantaran itu, keadaan ini telah menyebabkan beliau merasa hairan dan kagum lalu beliau menarik perhatian Maryam dengan menyeru dan bertanya kepadanya serta menunjukkan isyarat penunjuk kepada rezeki tersebut dengan berkata "Wahai Maryam! Bagaimana engkau dapati ini" atau "Wahai Maryam! Dari mana engkau dapati ini?" (Al-Ṭabrisiyy, 2006).

Keempat, terdapat satu ayat yang mengandungi *ayyu uslūb al-Istifhām* (أَيُّ) di dalam surah ini iaitu pada ayat 44, firman Allah SWT:

ذَلِكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهِ إِلَيْكَ وَمَا كُنْتَ لَدَيْهِمْ إِذْ يُلْقُونَ أَقْلَامَهُمْ أَيُّهُمْ يَكْفُلُ مَرْيَمَ وَمَا كُنْتَ لَدَيْهِمْ إِذْ يَخْتَصِمُونَ

Maksudnya:

“Peristiwa yang demikian ialah sebahagian dari berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), sedang engkau tidak ada bersama-sama mereka ketika mereka mencampakkan qalam masing-masing (untuk mengundi) siapakah di antara mereka yang akan memelihara Maryam. Dan engkau juga (wahai Muhammad) tidak ada bersama-sama mereka ketika mereka berkelahi (tentang perkara menjaga dan memelihara Maryam)”. (Al-Quran, Surah Ali-Imran: 3:44)

Pada ayat ini, Allah SWT ingin mengkhabarkan kepada nabi Muhammad SAW tentang kisah ahli keluarga ‘Imrān iaitu isterinya serta anaknya Maryam yang perawan dan juga kisah nabi Zakariyyā AS berserta nabi Yahya AS bahawa ia adalah di antara berita-berita yang ghaib serta amat penting buat nabi Muhammad SAW. Di mana beliau sendiri tidak pernah mengetahui serta tidak pernah menyaksikannya sebelum ini. Di antara kisah itu ialah ketika berlakunya pertengkaran dan persaingan serta pengundian untuk mendapatkan tanggungjawab pemeliharaan dan penjagaan Maryam. Lalu, mereka membuat undian dengan melemparkan anak panah untuk mengetahui siapakah di antara mereka yang terpilih untuk memelihara dan menjaganya?. Sesudah itu, Allah SWT telah memilih nabi Zakariyyā AS memenangi undian tersebut dan beliau bertanggungjawab ke atas penjagaan dan pemeliharaan Maryam yang perawan (Muhammad ‘Alī al-Ṣābūniyy, 1997).

Berdasarkan penafsiran di atas, maka didapati bahawa huruf *ayyu* (أَيُّ) pada ayat ini adalah *istifhām li al-‘Aqil* (إستفهام للعاقل) iaitu pertanyaan bagi orang mempunyai akal (‘Abd Al-Karīm Muhammad Yūsuf 2000:29). Adapun penjelasan pada pertanyaan di sini adalah mereka yang bertengkar dan bersaing itu memerhatikan anak panah yang dilemparkan itu untuk mengetahui siapakah di antara mereka yang berjaya untuk memelihara dan menjaga Maryam. Maka pengkhabaran ini telah menarik perhatian Rasulullah SAW bahawa ia merupakan khabar yang luar biasa yang datang daripada Allah SWT bahawa mereka sangat menginginkannya untuk memelihara Maryam serta ingin melaksanakan tanggungjawab tersebut (Al-Samīn Al-Halabiyy, t.t dan Al-Ṭabrisiyy, 2006).

Kelima, terdapat tiga ayat yang mengandungi *man uslūb al-Istifhām* (من) di dalam surah ini pada ayat 52, 135 dan 160. Sebagai contoh pada firman Allah SWT:

فَلَمَّا أَحَسَّ عِيسَى مِنْهُمُ الْكُفْرَ قَالَ مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْخَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ ءَأَمْنَا بِاللَّهِ وَآنْتَهَدَ بِنَا مُسْلِمُونَ

Maksudnya:

“Maka ketika Nabi Isa merasa (serta mengetahui dengan yakin) akan kekefuran dari mereka (kaum Yahudi), berkatalah ia:” Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan ugamaNya)?”. Orang-orang "Hawariyyuun" (Penyokong-penyokong Nabi Isa) berkata: "Kamilah penolong-penolong (utusan) Allah. Kami telah beriman kepada Allah, dan saksikanlah (wahai Nabi Allah) sesungguhnya kami ialah orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)”. (Al-Quran, Surah Ali-Imran: 3:52)

Penafsiran pada ayat 52 adalah kisah yang berlaku di antara nabi 'Isa AS bersama kaumnya. Beliau sudah mula merasai sikap kaumnya yang membantah dan menolak segala ajakannya. Segala mukjizat yang telah beliau tunjukkan kepada kaumnya hanya menambahkan keingkaran mereka kepada Allah SWT dan RasulNya. Justeru, beliau bertanya kepada kaumnya “Siapakah yang akan menolong aku pada Allah?” iaitu siapakah yang sudi menolong dan membela aku di dalam menegakkan jalan Allah ini?. Golongan Hawāriyyūn telah menyahut persoalan ini dengan menjawab “Kamilah penolong-penolong Allah!” dengan erti bahawa kamilah yang berdiri di samping kamu wahai al-Masih bagi membantu kamu di dalam menegakkan jalan Allah ini. Mereka juga turut menyatakan pendirian mereka bahawa mereka adalah golongan yang beriman kepada Allah SWT serta menyerahkan diri dengan memberikan ketaatan kepada nabi 'Isa AS walau apa pun penderitaan dan cabaran yang akan mereka hadapi. Ketahuilah, tiada penyerahan diri yang hakiki melainkan dengan agama Islam (Hamka, 2017).

Berdasarkan penafsiran di atas, didapati bahawa huruf *man* (من) pada ayat ini adalah *uslūb istifhām ḥaqiqi* (استفهام حقيقي) iaitu pertanyaan yang sebenar (Muḥammad Ḥasan Al-Syarif, t.t). Pertanyaan yang ditanya oleh nabi 'Isa AS “Siapakah yang akan menolongku pada Allah?” telah menarik perhatian pihak kedua iaitu kaumnya dari kalangan Hawāriyyūn yang bertujuan untuk mengetahui siapakah dari kalangan mereka yang ikhlas dan mendokong serta membantu nabi 'Isa AS dalam memikul bebanan dakwah kepada Allah SWT (Al-Zuhayliyy, 1418).

Keenam, terdapat tujuh ayat yang mengandungi *mā uslūb al-Istifhām* (ما) di dalam surah ini iaitu pada ayat 65, 66, 70, 71, 98, 99 dan 183. Sebagai contoh pada firman Allah SWT:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تُحَاجُّونَ فِي إِبْرَاهِيمَ وَمَا أُنزِلَتْ إِلَّا مِنَ بَعْدِهِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Maksudnya:

“Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu berani memperdebatkan tentang (ugama) Nabi Ibrahim, padahal Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan kemudian daripada (zaman) Ibrahim; patutkah (kamu berdegil sebingga) kamu tidak mahu menggunakan akal?”. (Al-Quran, Surah Ali-Imran: 3:65)

Jika diteliti pada huruf *mā uslūb al-Istifhām*, didapati padanya telah digugurkan huruf *alif* kerana ianya telah didahului oleh huruf *lam ḥarf jar* (لام حرف جر) yang berbaris bawah. Adapun baris huruf *mim* dikekalkan barisnya iaitu baris atas untuk membezakan di antara *mā uslūb al-Istifhām* dan *mā al-Mawṣūlah* (ما الموصول). Manakala jenis *istifhām* di dalam ayat ini adalah *istifhām inkārī* (استفهام إنكاري) iaitu pertanyaan untuk penafian (‘Abd Al-Karīm Muḥammad Yūsuf, 2000 dan Al-Ālūsiyy, 1415). Secara jelas, pertanyaan di dalam ayat ini adalah daripada Rasulullah SAW sebagai pihak pertama telah menarik perhatian ahli kitab sebagai pihak kedua bertujuan untuk menyangkal hujah mereka yang mengatakan bahawa nabi Ibrahim AS adalah dari kalangan agama masing-masing.

Tambahan lagi, di dalam ayat ini juga terdapat tiga tanda *uslūb al-Tanbīh*. Tanda pertama dimulai dengan huruf *yā uslūb al-Nidā'* iaitu *yā ahl al-Kitāb* bagi menarik perhatian mereka buat kali pertama. Setelah itu, Rasulullah SAW telah menggunakan *uslūb al-Istifhām* sebanyak dua kali iaitu huruf *mā* yang didahului dengan huruf *lam ḥarf jar* yang bermaksud mengapakah dan diakhirnya pula huruf *al-Hamzah istifhām al-Inkārī al-Ta'jībīyy* (استفهام

(الإنكاري التعجبي) iaitu pertanyaan untuk penafian lagi menghairankan pada ayat *afalā ta'qilūn*. Oleh itu, kandungan perhatian terhadap mereka adalah “Maka adakah kamu tidak berfikir wahai ahli kitab! Bahawa perkara ini sudah jelas iaitu tidak mungkin sesuatu yang datang lebih awal iaitu agama nabi Ibrahim mengikuti sesuatu yang datang terkemudian iaitu agama Yahudi dan Nasrani. Oleh itu, adakah kamu tidak terfikir bahawa hujah kamu ini lemah lagi palsu? (Muhammad Sayyid Ṭanṭāwiyy 1997: 136 dan Al-Zuḥayliyy 1418: 254).

Ketujuh, terdapat hanya satu ayat sahaja yang mengandungi *am uslūb al-istifhām* (أَمْ) di dalam surah ini iaitu pada firman Allah SWT:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُدْخَلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمُ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:

“**Adakah** kamu menyangka bahawa kamu akan masuk Syurga padahal belum lagi nyata kepada Allah (wujudnya) orang-orang yang berjihad (yang berjuang dengan bersungguh-sungguh) di antara kamu, dan (belum lagi) nyata (wujudnya) orang-orang yang sabar (tabah dan cekal hati dalam perjuangan)?”. (Al-Quran, Surah Ali-Imran: 3:142)

Pada ayat ini Allah SWT ingin memperbetulkan pemikiran orang Islam terhadap sunnah Allah SWT dalam urusan kerja dakwah yang berkait dengan kemenangan, kekalahan, gerak kerja dan balasannya. Allah SWT telah menjelaskan kepada mereka bahawa jalan menuju ke syurga serta untuk meraih redha Allah SWT dipenuhi dengan sesuatu yang tidak menyenangkan. Maka, bekalannya ialah kesungguhan berjihad di jalan Allah SWT dan kesabaran yang berpanjangan ketika menempuh jalanNya. Sesungguhnya perjalanan ini bukan hanya dengan khayalan atau angan-angan yang melulu akan tetapi ia akan berhadapan dengan penderitaan serta proses pembersihan. Oleh itu, pertanyaan diajukan kepada seluruh muslimin adakah kamu menyangka akan masuk ke syurga sedangkan kamu tidak berjihad di jalan Allah SWT dan tidak bersabar ketika berjuang?. Kamu sekali-kali tidak akan dapat masuk ke syurga sehingga kamu berhadapan dengan tribulasi serta diuji terlebih dahulu. Bahkan Allah SWT sendiri yang akan melihat siapakah dikalangan kamu yang benar-benar berjihad di jalanNya serta bersabar ketika berhadapan dengan musuh (Sayyid Quṭb, 1412, Al-Zuḥayliyy, 1418 dan Muhammad Sayyid Ṭanṭāwiyy, 1997).

Adapun huruf *am* pada awal ayat ini kebanyakan para ulama mengatakan ia adalah *munqati'ah* (منقطعة) iaitu yang terhenti dengan makna *bal intiqāliyyah* (بل انتقالية) iaitu bahkan bersifat peralihan sementara kerana berlakunya peralihan ucapan yang menghiburkan kepada ucapan menegur secara lembut di atas apa yang berlaku di dalam peperangan Uhud di antaranya melanggar arahan Rasulullah SAW serta melarikan diri daripada Rasulullah SAW ketika saat kesusahan. Kemudian, *am* ini mengandungi *al-Hamzah al-Istifhām li inkārī* (الهمزة الإستفهام للإنكاري) iaitu pertanyaan untuk penafian. Sayyid Quṭb menyatakan bahawa bentuk pertanyaan penafian disini bertujuan untuk menarik perhatian serta mengingatkan orang Islam di atas kesalahan dan kekeliruan pemikiran mereka bahawa dengan hanya mengucapkan “Aku telah menyerah diri kepada Allah SWT dan aku bersedia untuk mati” sudah menunaikan segala kewajipan keimanan dan ia akan berakhir dengan memperolehi syurga serta redha Allah SWT. Sesungguhnya untuk mendapatkan syurga dan meraih redha Allah SWT memerlukan kepada proses ujian yang realistik, berjihad di jalanNya dan bersabar di atas tanggungjawab gerak kerja dakwah serta penderitaan dalam menghadapi ujian dan tribulasi (Muhammad Sayyid Ṭanṭāwiyy, 1997 dan Sayyid Quṭb, 1412).

Kelapan, terdapat hanya satu ayat sahaja yang mengandungi *kam uslūb al-istifhām* (كَمْ) di dalam surah ini iaitu pada ayat 146, firman Allah SWT:

وَكَايِنٍ مِّن نَّبِيٍّ قُتِلَ مَعَهُ رِبِّيُونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا اسْتَكَانُوا
وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:

“Dan *berapa banyak* dari Nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasabi orang-orang yang sabar”. (Al-Quran, Surah Ali-Imran: 3:146)

Pada ayat ini, Allah SWT ingin menunjukkan satu contoh dan perbandingan bagi umat Muhammad SAW, khususnya buat mereka yang menyertai peperangan Uhud dan umumnya buat seluruh yang mempercayai akan risalah nabi Muhammad SAW. Bahawasanya sebelum nabi Muhammad SAW diutus menjadi Rasul, sudah ada nabi-nabi serta pengikutnya yang lebih awal daripada mereka yang berjuang dalam menegakkan agama Allah SWT kepada kaumnya. Sudah diketahui bagaimana keadaan kaum yang menentang itu. Maka, ayat ini memberikan bayangan kepada kita bahawasanya di samping kaum yang menentang terdapat juga pengikut yang setia sehidup semati bersama rasul mereka. Mereka menerima segala ajaran nabi-nabi mereka dan mereka bersiap sedia untuk menempuh pelbagai malapetaka bagi menegakkan kebenaran dan menyebarkan keimanan. Sifat mereka ini tidak pernah mengeluh, patah semangat, lesu dan juga tidak sekali-kali mundur apabila ditimpa kesusahan, luka dan kesedihan. Di hujung ayat ini, Allah SWT memberi peringatan bahawa Allah SWT sangat mencintai orang-orang yang sabar. Iaitu mereka yang sabar menanti kemenangan, sabar dalam perjuangan menuju cita-cita yang tertinggi serta sabar apabila menimpa kesedihan dan kekalahan. Ketahuilah, sesungguhnya tiang kemenangan ialah kesabaran, keteguhan hati dan tidak pernah merasa kalah (Hamka, 2017).

Berdasarkan penafsiran di atas, didapati bahawa kalimah *kaayyin* (كَايِنٍ) pada awal ayat ini bermaksud *kam al-Istifhām* (كم استفهام) dan *al-Khabar* (الخبير) iaitu pertanyaan dan penceritaan. Ia adalah kalimah yang tersusun daripada huruf *kaf al-Tasybih* (كاف التشبيه) iaitu perumpamaan dan *aiy al-Istifhāmiyah al-Munanwanah* (أي) iaitu pertanyaan yang berbaris tanwin (Al-Rāghib Al-Aṣfahāniyy, 2003, Muhyī Al-Dīn Al-Darwīsī, 2005 dan Muḥammad Ḥasan Al-Syarif, t.t). Maka, kalimah *kaayyin* di sini telah menarik perhatian tentera Islam yang menyertai peperangan Uhud khususnya dan umumnya buat seluruh muslimin dengan bertanya dan menceritakan kepada mereka bahawa sudah berapa banyak dari nabi-nabi terdahulu sebelum mereka yang berjuang dalam menegakkan agama Allah yang turut disertai oleh pengikut mereka di mana jumlahnya adalah ramai. Mereka ini dari kalangan orang-orang yang benar-benar beriman dan sikap mereka adalah tidak lemah apabila ditimpa bencana, kesedihan, penderitaan dan kelukaan. Kekuatan mereka tidak kendur untuk terus berjuang dan mereka juga tidak akan menyerahkan diri kepada musuh. Beginilah sikap orang-orang yang beriman dan orang-orang yang membela akidah dan agamanya. Maka, di dalam hal ini dapat difahami bahawa matlamat perhatian serta tujuan contoh dan perbandingan di sini ialah untuk mendidik jiwa para pejuang agama Allah SWT, memperbetulkan pemikiran mereka dan juga sebagai bekalan persiapan mereka di dalam perjuangan menegakkan agama Allah SWT (Hamka, 2017 dan Sayyid Quṭb, 1412).

Terakhir, terdapat hanya satu ayat sahaja yang mengandungi *hal uslūb al-Istifhām* (هل) di dalam surah ini iaitu pada ayat 154, firman Allah SWT:

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ بَعْدِ الْغَمِّ أَمْنَةً نُعَاسًا يَعْشَىٰ طَائِفَةٌ مِنْكُمْ وَطَائِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنْفُسُهُمْ يَظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ يَقُولُونَ هَلْ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ مِنْ شَيْءٍ قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ يُخْفُونَ فِي أَنْفُسِهِمْ مَا لَا يُبْدُونَ لَكَ يَقُولُونَ لَوْ كَانَ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَا قُتِلْنَا هُنَا قُلْ لَوْ كُنْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلَىٰ مَضَاجِعِهِمْ وَلِيَبْتَلِيَ اللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ وَلِيُمَحِّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

Maksudnya:

“Kemudian sesudah (kamu mengalami kejadian) yang mendukacitakan itu, Allah menurunkan kepada kamu perasaan aman tenteram, iaitu rasa mengantuk yang meliputi segolongan dari kamu (yang teguh imannya lagi ikhlas), sedang segolongan yang lain yang hanya mementingkan diri sendiri, menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang tidak benar, seperti sangkaan orang-orang jahiliah. Mereka berkata: “*Adakah* bagi kita sesuatu bahagian dari pertolongan kemenangan yang dijanjikan itu?” Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya perkara (yang telah dijanjikan) itu semuanya tertentu bagi Allah, (Dia lah sahaja yang berkuasa melakukannya menurut peraturan yang ditetapkanNya)”. Mereka sembunyikan dalam hati mereka apa yang mereka tidak nyatakan kepadamu. Mereka berkata (sesama sendiri): “Kalaulah ada sedikit bahagian kita dari pertolongan yang dijanjikan itu, tentulah (orang-orang) kita tidak terbunuh di tempat ini?” katakanlah (wahai Muhammad): “Kalau kamu berada di rumah kamu sekalipun nescaya keluarlah juga orang-orang yang telah ditakdirkan (oleh Allah) akan terbunuh itu ke tempat mati masing-masing”. Dan (apa yang berlaku di medan perang Uhud itu) dijadikan oleh Allah untuk menguji apa yang ada dalam dada kamu, dan untuk membersihkan apa yang ada dalam hati kamu. Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan segala (isi hati) yang ada di dalam dada”. (Al-Quran, Surah Ali-Imran: 3:154)

Perbincangan di sini ialah pada *hāl uslūb al-Istijbām* pada ayat *yaqūlūn hal lanā min al-Amr min syay’* iaitu mereka berkata: “Adakah bagi kita sesuatu bahagian dari pertolongan kemenangan yang dijanjikan itu”. Maka, didapati *hāl* pada ayat ini adalah *istijbām inkārī* (استفهام إنكاري) iaitu pertanyaan untuk penafian telah berperanan sebagai huruf yang menarik perhatian pihak kedua. Ia dapat digambarkan bahawa pihak pertama iaitu kumpulan munafiqin telah menarik perhatian pihak kedua iaitu kumpulan mu’minin dengan cara mereka mengajukan soalan kepada kumpulan mu’minin setelah mereka berdukacita terhadap kekalahan tentera Islam di dalam peperangan Uhud lantas mereka pula bersangka buruk terhadap Allah SWT dengan sangkaan bahawa Allah SWT tidak sesekali memberi kemenangan dan bantuan kepada nabi Muhammad SAW dan Allah SWT tidak memberi hak kepada mereka untuk menentukan strategi peperangan lalu mereka hanya didorong untuk berperang semata-mata untuk mendapatkan luka atau kematian. Hakikatnya, segala perkara ini iaitu pertolongan, kemenangan serta kematian hanya ditentukan oleh Allah SWT menurut peraturan serta ketetapanNya (Muhyī Al-Dīn Al-Darwīsī, 2005 dan Sayyid Quṭb, 1412).

Huruf Hijāi’yyah

Huruf *hijāi’yyah* atau huruf *al-Muqatta’ah* ialah huruf-huruf yang terbentuk daripada huruf-huruf yang telah diketahui oleh bangsa Arab yang ianya terletak pada permulaan sesetengah surah-surah di dalam al-Quran. Ia mempunyai pelbagai tafsiran dari kalangan para ulama *mufasssirīn*.

Walau bagaimanapun, kebanyakan para ulama *mufasssirīn* mengatakan huruf *al-Muqatta’ah* adalah salah satu *uslūb* di dalam al-Quran yang dapat mempesona serta menarik perhatian pendengar dan pembaca sebelum sesuatu perkara disampaikan. Bahkan, kehebatan huruf *al-Muqatta’ah* ini mampu untuk mengalahkan pihak lawan yang tidak

beriman kepada al-Quran terutama dari kalangan para sasterawan Arab. Ini kerana, mereka tidak mampu untuk menyusun atau membentuk seperti mana pembentukan huruf *al-Muqatta'ah* di dalam syair-syair atau ucapan mereka. Huruf *al-Muqatta'ah* telah membuktikan bahawa al-Quran adalah kitab mukjizat yang datang daripada Allah SWT (Muhammad 'Alī al-Ṣābūniyy, 1997).

Bilangan surah yang dimulai dengan huruf *al-Muqatta'ah* di dalam al-Quran sebanyak 29 surah. Ia terbahagi kepada 5 bahagian iaitu seperti berikut (Alī Ibn Muḥammad Al-Dībā' 2005:77 & Al-Rāghib Al-Aṣfahāniyy 1990:70):

1. Tiga surah yang dimulai dengan satu huruf seperti huruf *ṣād*, *qāf* dan *nūn*.
2. Sembilan surah yang dimulai dengan dua huruf seperti *ṭābā*, *yāsīn*, *ṭāsīn* dan 6 surah daripada *al-Hawāmīm*.
3. Tiga belas surah yang dimulai dengan tiga huruf seperti 9 surah daripada *alif lām mīm*, 5 surah daripada *alif lām rā'* dan dua surah daripada *ṭā sīn mīm*.
4. Dua surah yang dimulai dengan empat huruf iaitu *alif lām mīm rā'* dan *alif lām mīm ṣād*.
5. Dua surah yang dimulai dengan lima huruf iaitu *kāf hā yā 'ayn ṣād* dan *hā mīm 'ayn sīn qāf*.

Di dalam konteks ini, didapati sebanyak satu ayat sahaja di dalam surah Ali-'Imrān yang mengandungi *al-Tanbīh* pada huruf *hijāi'yyah* iaitu pada ayat pertama, firman Allah SWT:

أَلَمْ

Surah āli 'Imrān telah dimulai dengan huruf *hijāi'yyah* iaitu *alif lām mīm*. Ibn 'Āsyūr telah menjelaskan di dalam tafsirnya bahawa diantara maksud huruf *hijāi'yyah* ialah huruf yang mampu untuk menarik perhatian pendengar sebagai mana peranan *uslūb al-Nidā'* (Ibn 'Āsyūr Al-Tunisiyy, 1984). Fakhr Al-Dīn Al-Rāzī juga turut berpandangan bahawa huruf *hijāi'yyah* adalah huruf yang padanya mempunyai maksud yang mampu untuk menarik perhatian pihak kedua seperti dengarlah!, ambil perhatian kepadaku! atau seolah-olah kita menyeru seseorang seperti *a zayd*, *yā zayd* dan *alā yā zayd*. Kemungkinan juga ia membawa maksud suatu bunyi atau isyarat yang tidak difahami maksudnya seperti bunyi orang bersiul atau bunyi orang menupuk tangan akan tetapi ia juga berperanan untuk menarik perhatian pihak kedua (Fakhr Al-Dīn Al-Rāziyy, 1420).

Berdasarkan penafsiran tadi, secara jelas didapati bahawa huruf *hijāi'yyah alif lām mīm* di dalam surah ini berperanan untuk menarik perhatian pihak kedua. Allah SWT telah menarik perhatian para ahli kitab serta mereka yang mengingkari al-Quran bahawa hakikat al-Quran adalah kitab mukjizat yang datang daripada kata-kata Allah SWT bukan dari kata-kata nabi Muhammad SAW (Al-Rāghib Al-Aṣfahāniyy, 2003).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kertas kerja ini menonjolkan kehebatan *asālib* atau gaya bahasa al-Quran dengan melihat lebih dekat terhadap peranan yang dimainkan oleh *uslub al-Tanbīh* dalam menvariasikan dan mempelbagaikan pemaknaan yang mempunyai maksud dan tujuan yang tertentu. Secara ironinya, *uslub al-Tanbīh* tidak wajar difahami sebagai satu gaya atau pemaknaan yang membawa kepada satu cara iaitu *uslub al-Nidā'* untuk menarik perhatian semata-mata walaupun pada takrifan bahasanya ia memang membawa maksud sebegitu. Dalam ruang perbahasan analisis sebentar tadi telah menemukan dua contoh *asālib* atau pemaknaan-pemaknaan *uslub al-Tanbīh* yang terdapat dalam al-Quran iaitu *uslub al-Istifhām* atau cara pertanyaan dan *hurūf hijāi'yyah*. Kesemua *asālib* ini pada dasarnya adalah di bawah *uslub al-Tanbīh* bagi menarik perhatian pihak kedua yang mampu memberi kesan terhadap jiwa dan akal apabila fakta tersebut dirujuk menerusi *aqwāl mufasssiri* dan *aqwāl abl-Lughab al-'Arabīyyah*. Sebagai contoh, huruf *al-Hamẓah uslub al-Istifhām* pada ayat 15, pada asalnya ia adalah pertanyaan akan tetapi pertanyaan ini bertujuan untuk pengakuan pihak kedua dan juga menarik perhatiannya untuk menjawab persoalan tersebut. Selain itu, dapat dilihat juga pada huruf *hijāi'yyah* yang berada di awal surah turut berperanan untuk menarik perhatian pihak kedua oleh kerana tarikan bunyi atau suara yang ada padanya walaupun padanya tidak ada tanda-tanda huruf *uslub al-Tanbīh* yang diseru atau tidak diseru. Ianya telah berperanan menarik perhatian serta mempesona pihak kedua sebelum sesuatu perkara disampaikan. Kesimpulannya, kepelbagaian *asālib* yang terdapat di dalam al-Quran khususnya dalam surah Ali-'Imrān yang membawa elemen *al-Tanbīh* ini diantara bukti bahawa al-Quran adalah mukjizat yang datang daripada Allah SWT.

Rujukan

- Al-Quran. Dār Al-Fajr Al-Islāmiyy: Dimasyq, Bayrūt. Cetakan kesepuluh. 2011 – 1432.
- 'Abd Al-'Azīz 'Atīq. (1396H). *Ilm Al-Ma'āniyy*. Dār al-Nahḍat al-'Arabīyyah Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzī': Bayrūt, Lubnān. 2009 – 1430. Cetakan pertama.
- 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad. (t.t.). *Al-Tanbīh Fī Al-Lughab*. Jami'ah al-Ba'th: Ḥimṣ.
- 'Abd Al-Karīm Muḥammad Yūsuf. (2000/1421). *Uslūb Al-Istifhām Fī Al-Qur'ān Al-Karīm Ghardub Wa I'rābub*. Tawzī' Maktabah Al-Ghazāli: Dimasyq. Cetakan pertama.
- 'Abd al-Lāh Basmiḥ. (2013). *Tafsir Pimpinan Al-Raḥman Kepada Pengertian Al-Quran 30 juzuk*. Dār Al-Fikr: Kuala Lumpur. Cetakan kedua puluh,
- 'Abd al-Ḥamīd Ḥamūdiyy 'Ilwān. (2005/1426). *Al-Tanbīh Adawātib Wa Asālibih Dirāsah Nahwiyyah Dilāliyyah*. Jāmi'ah Baghdād.
- 'Alī Al-Jārim dan Muṣṭafa Amīn. (t.t.). *Al-Balāghab al-Wāḍiḥab Al-Bayān Al-Maa'niyy Al-Badī'*. Dār Al-Maārif.
- 'Alī Ibn Muḥammad Al-Ḍabbā'. (2005). *Minḥab Dhī Al-Jalāl Fī Syarḥ Tuḥfat Al-Atfāl*, Ditahqīq oleh Ḥamd al-Lāh Hāfiẓ Al-Ṣaftiyy. Maktabah Awlād al-Syaykh Li al-Turāth. Cetakan pertama.

- ‘Azizah Fawwāl Bābatiyy. (1992/1413). *Al-Mu‘jam al-Mufaṣṣal Fī al-Naḥw al-‘Arabiyy*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrūt, Lubnān. Cetakan pertama.
- Al-Fayrūz Ābadiyy, Majduddin Abu Ṭahir Muḥammad Ibn Ya‘aqūb. (817H). *Al-Qāmūs Al-Mubīf*. Ditaḥqīq oleh Maktab Ṭaḥqīq Al-Turāth Muassasah Al-Risālah. Muassasah al-Risālah li Ṭibā‘ah wa Tawzi’: Bayrūt, Lubnān. 2005-1426. Cetakan kelapan.
- Al-Jawhary al-Farābiyy, Abū Naṣr Ismāīl Ibn Ḥammād. (393H). *Al-Sahāḥ Tāj al-Lughah Wa Sahāḥ al-‘Arabiyyah*. Ditaḥqīq oleh Aḥmad ‘Abd al-Ghafūr ‘Atār. Dār al-‘Alam Li al-Malāyīn: Bayrūt. 1987 – 1407. Cetakan keempat.
- Al-Jurjāniyy, ‘Alī Ibn Muḥammad Ibn ‘Alī Zayn al-Syarīf. (816H). *Al-Ta‘rīfāt*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrūt, Lubnan. 1983-1403.
- Al-Māliqiyy, Aḥmad Ibn ‘Abd Al-Nūr Al-Māliqiyy. (702H). *Raṣf al-Mabāniyy Fī Syarḥ Hurūf al-Ma‘āniyy*. Ditaḥqīq oleh Aḥmad Muḥammad Al-Kharrāṭ. Maṭbū‘āt Mujamma‘ Al-Lughah Al-‘Arabiyyah: Dimasyq. 1394H.
- Al-Rāghib Al-Aṣfahāniyy, Abū Qasim Al-Ḥusayn Ibn Muḥammad. (502H). *Al-Mufradāt Fī Gharīb Al-Qur‘ān*. Ditaḥqīq oleh Ṣafwān ‘Adnān Al-Dawūdiyy. Dār Al-Qalam dan Al-Dār Al-Syāmiyyah: Dimasyq dan Bayrūt. 1412H. Cetakan pertama.
- Al-Rāghib Al-Aṣfahāniyy, Abū Qasim Al-Ḥusayn Ibn Muḥammad. (502H). *Tafsīr Al-Rāghib Al-Aṣfahāniyy*. Ditaḥqīq oleh ‘Ādil Ibn ‘Alī Al-Syidiyy. Dār Al-Waṭan: Riyādh. 2003 – 1424. Cetakan pertama.
- Al-Samīn Al-Halabiyy, Ahmad Ibn Yusuf Ibn ‘Abd Al-Dā’im. (756H). *Al-Dar Al-Maṣūm Fī ‘Ulūm Al-Kitāb Al-Maknūn*. Ditaḥqīq oleh Aḥmad Muḥammad Al-Kharrāṭ. Dār Al-Qalam: Dimasyq.
- Al-Tunjiyy, Muḥammad dan Al-Asmar, Rājiyy. *Al-Mu‘jam al-Mufaṣṣal Fi ‘Ulūm al-Lughah*. t.pt, t.tp, t.t.
- Al-Zabīdiyy, Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn ‘Abd Al-Razzaq Al-Ḥusayniyy Ibn Fāris. (1205H). *Tāj Al-‘Arūs*. Taḥqīq: Kumpulan para pentahqīq Dār Al-Hidāya. t.t.
- Al-Zamakhsyariyy, Abu Al-Qāsim Maḥmūd Ibn Amrū Ibn Aḥmad. (538H). *Al-Kasysyāf ‘An Haqāiq Ghawāmiḍ Al-Tanzīl*. Dār Al-Kutub Al-‘Arabiyy: Bayrūt, Lubnan, 1407. Cetakan ketiga.
- Al-Zamakhsyariyy, Abū Al-Qāsim Maḥmūd Ibn Amrū Ibn Aḥmad. (538H). *Asās Al-Balāghah*. Ditaḥqīq: Muḥammad Bāsil ‘Uyun Al-Sawd. Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah: Bayrūt, Lubnan. Cetakan pertama. 1998 – 1419.
- Al-Zurqāniyy, Muḥammad ‘Abd Al-‘Azīm. (1367H). *Manābil ‘Irḥān Fī ‘Ulūm Al-Qurān*. Maṭbaa’ah ‘Isā Al-Bāb Al-Ḥalabiyy Wa Syarikāh. Cetakan ketiga. t.t.
- Al-Zuḥayliyy, Wahbah Ibn Muṣṭafā. (1418). *Al-Tafsīr Al-Munīr Fī Al-‘Aqīdah Wa Al-Syarīah Wal Manhaj*. Dār Al-Fikr Al-Mu‘āṣir: Bayrūt, Dimasyq. Cetakan kedua.
- Al-Zuḥayliyy, Wahbah Ibn Muṣṭafā. (2006/1427). *Al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh al-Islāmiyy*, Dār al-Khayr Li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzīf: Dimasyq, Sūriyya. Cetakan ke-2.

- Al-Ālūsīyy, Syihāb Al-Dīn Maḥmūd Ibn ‘Abd al-Lāh Al-Ḥusaynī. (1270H). *Rūḥ Al-Mā‘niyy Fī Tafsīr Al-Qur’ān Al-‘Azīm Wa Al-Sab‘ Al-Mathāniyy*. Ditaḥqīq oleh ‘Alī ‘Abd Al-Bāriyy ‘Atiyyah. Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah: Bayrūt. 1415. Cetakan pertama.
- Al-Ṭabrisiyy, Amin Al-Islām Abī ‘Alī Al-Faḍl Ibn Ḥasan. (2006/1428). *Majma’ Al-Bayān Fī Tafsīr Al-Qur’ān*. Dār al-Murtaḍā: Bayrūt, Lubnān. Cetakan pertama.
- Aḥmad Mukhtar ‘Umar. (2008/1429). *Mu‘jam al-Ṣonḥab al-Lughawiyy Dalīl al-Muthaqqaf al-‘Arabiyy*. ‘Alim al-Kutub: Kaherah.
- Aḥmad Ḥasan Al-Zayyat. (1968). *Difā‘ ‘An al-Balāghab*. ‘Aālim Al-Kutub. 1967. Cetakan kedua.
- Badwiyy Ṭabānah. (1988/1408). *Mu‘jam al-Balāghab al-‘Arabiyyah*. Dār al-Manārah Li al-Nasyr Wa al-Tawzīf: Jeddah, Dār al-Rifā‘iyy Li al-Nasyr Wa Li al-Ṭibā‘ah Wa al-Tawzīf: Riyadh. Cetakan ketiga.
- Fakhr Al-Dīn Al-Rāzī, Abū ‘Abd al-Lāh Muḥammad Ibn ‘Umar Ibn Al-Ḥasan Ibn Ḥusāyn Al-Taymiyy. (606H). *Tafsīr Al-Kabīr Mafātīḥ Al-Ghāyib*. Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī: Bayrūt. 1420. Cetakan ketiga.
- Faḥallah Ṣalih al-Miṣriyy. (T.th.). *Al-Adawāt al-Muḥīḍah Li al-Tanbīḥ Fi Kalām al-‘Arab*. Dār Al-Wafā’ Li al-Ṭibā‘ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzīf.
- Faḍl Ḥasan ‘Abbās. (1997/1417). *Al-Balāghab Funūnuḥā Wa Afnānuḥā ‘Ilm Al-Ma‘āniyy*. Dar Al-Furqān: Jordan. Cetakan keempat.
- Fākhīr ‘Ākil. (1985). *Mu‘jam ‘Ilm al-Nafs*. Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn: Bayrūt. Cetakan keempat.
- Hamka. (2017) *Tafsīr Al-Azḥar*. PTS Publications and Distributors Sdn Bhd. Cetakan pertama.
- Ibn Fāris, Aḥmad Ibn Fāris Ibn Zakariyyā’ al-Qazwīniyy al-Rāziyy. (395H). *Mu‘jam Maqāyis Lughab*. Ditaḥqīq oleh Abdul Salam Muhammad Harun. Darul Fikr.
- Ibn Jinniyy, Abū Al-Faḥ ‘Uthmān Ibn Jinniyy Al-Mūṣiliyy. (392H). *Al-Khaṣāiṣ*. Al-Hay’at Al-Miṣriyyat Al-‘Āmmat Li Al-Kitāb. Cetakan ke-4.
- Ibn Mālik, Muḥammad Ibn ‘Abd al-Lāh Ibn Mālik Al-Tā‘iyy Al-Jiyāniyy. (672H). *Syarḥ Al-Kāfiyyah Al-Syāfiyyah*, Ditaḥqīq oleh ‘Abd Al-Mun‘im Aḥmad Harīdiyy, Jami‘ah Umm Al-Qurrā Markaz Al-Baḥth Al-‘Ilm Wa Ihyā’ Al-Turāth Al-Islāmī Kuliyyah Al-Syarī‘ah Wa Al-Dirāsāt Al-Islāmiyyah: Makkat Al-Mukarramah. cetakan pertama.
- Ibn Ya‘īsy, Ya‘īsy Ibn ‘Alī Ibn Ya‘īsy Ibn Abī al-Sarāyā Muḥammad Ibn ‘Alī. (643H). *Syarḥ al-Mufaṣṣal Li Zamakhsyariyy*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Bayrūt, Lubnan, 2001-1422.
- Ibrāhīm Al-Sāmīrā’iyy. (1987/1407). *Min Asālib Al-Qur’ān*. Dār al-Furqān dan Muassasat al-Risālah. Cetakan ketiga.
- Imīl Badīf Ya‘qūb dan Mīsyāl ‘Āṣiyy. (1987). *Mu‘jam Al-Mufaṣṣal Fī al-Lughab Wa al-Adab*. Dār al-‘Ilm al-Malāyīn: Bayrūt, Lubnan. Cetakan pertama.
- Imīl Badīf Ya‘qūb. (T.th.). *Mu‘jam Al-Mufaṣṣal Fī Al-Jumū‘*. Dār Kutub Al-‘Ilmiyyah. Bayrūt: Lubnan.

- In‘aām Fawwāl ‘Akkāwiyy. (2006). *Al-Mu‘jam Al-Mufaṣṣal Fī ‘Ulūm Al-Balāghah Al-Badī‘ Wa Al-Bayān Wa Al-Ma‘āniyy*. Diteliti oleh Ahmad Syamsudin. Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah: Lubnan. Cetakan ketiga.
- Jalāl Al-Dīn Al-Qazwīniyy Al-Syāfi‘iyy. (739H). *Al-Īdāb Fī ‘Ulūm Al-Balāghah*. Ditaḥqīq oleh Muḥammad ‘Abd Al-Mun‘im Khafājiyy. Dār Al-Jayl: Bayrut. Cetakan ketiga.
- Jamāluddin Ibn Manẓūr, Muḥammad Ibn Mukrim Ibn ‘Alī. (771H). *Lisān Al-‘Arab*. Dar Ṣādir: Bayrūt. Cetakan ketiga. 1414.
- Jamīl Salībā. (1982). *al-Mu‘jam al-Falsafīyy Bi Alfāz al-‘Arabīyyah Wa al-Faransiyyah Wa Injilīyyah Wa al-Lātīniyyah*. Dār al-Kutub al-Lubnāniyy: Bayrūt, Lubnan.
- Mawhūb Aḥmad. (2006/1426). *Al-Wazīfat Al-Tanbīhiyyah Fī Sūrah Al-Baqarah*, Jāmi‘ah Mantūriyy: Qasantīnah.
- Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī. (1997/1417). *Ṣafwat al-Tafāsīr*. Dār al-Ṣabūniyy Li al-Ṭibā‘ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzī‘: Al-Qāhirah. Cetakan pertama.
- Muḥammad Al-Khuḍariyy (1287H). *Hāsyiyah Al-Khuḍariyy ‘Alā Syarḥ Ibn ‘Aqīl ‘Alā Alfīyyah Ibn Mālik*. Ditaḥqīq oleh Yusuf al-Syaykh Muḥammad al-Baqā‘iyy. Dar al-Fikr: Bayrut. 1995.
- Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwiyy. (1997). *Al-Tafsīr Al-Wasīṭ Li Al-Qur‘ān Al-Karīm*. Dār Nahḍah Miṣr Li Ṭibā‘ah Wa Nasyr Wa Tawzī‘: Qāhirah. cetakan pertama.
- Muḥammad Ṭāhir Ibn Muhammad Ibn Muḥammad Ibn Al-Ṭāhir Ibn ‘Āsyūr Al-Tunisiyy (1393H). *Al-Tabrīr Wa Al-Tanwīr*. Al-Dār Al-Tunisiyyah Li Nasyr: Tunis. 1984.
- Sayyid Quṭb Ibrāhīm Ḥusayn Al-Syāribiyy. (1385H). *Fī Zilāl Al-Qur‘ān*. Dār Al-Syurūq: Bayrūt dan Al-Qāhirah. 1412H. cetakan ke-17.

BAB 11

HIDAYAT AL-MURTAB PERTOLONGAN AL-SAKHAWI UNTUK PENCINTA AL-KITAB (AL-QURAN)

Mahmud Lutfi Abd. Hadi, Ahmad Shahir Masdan,
Fatin Nazmin Mansor

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Proses menghafaz dan mengekalkan hafazan penuh dengan cabaran. Lebih-lebih lagi yang dihafal itu adalah ayat-ayat al-Quran yang termasuk dalam perkara yang dilarang untuk sengaja melupakannya. Selain itu, keadaan hati dan kesediaan diri serta pengetahuan tentang teknik yang dapat membantu mengukuhkan hafazan amatlah diperlukan. Kerana dengan teknik itu, penghafal akan dapat membaca dengan keyakinan yang pasti manakala kelelahan minda dapat dikurangkan. *Hidayat al-Murtab* yang berupa nazam rajaz merupakan sumbangan ‘Alam al-Din al-Sakhawi kepada ahli al-Quran dalam membeza dan menentukan di mana letaknya kalimah dan ayat yang mutasyabihat. Kajian ini memilih analisis dokumen sebagai rekabentuk kajian. Data dikumpul melalui analisis dokumen yang terdiri daripada kitab-kitab lama dan semasa. Data-data yang diperolehi akan diproses dan akan dibuat beberapa kesimpulan seterusnya tindakan ke arah menambah kualiti hafazan masyarakat dan pelajar dalam menghafaz dan mendekatkan diri dengan al-Quran.

Al-Quran adalah kalamullah, diturunkan kepada nabi kita Muhammad SAW, dan membacanya dikira ibadah. Turunnya dengan maksud supaya menjadi panduan ummah dalam segala perkara dan membimbing umat manusia selari dengan kehendak Allah SWT. Ganjaran membacanya besar sepertimana yang yang disebut dalam hadis-hadis Baginda s.a.w. Begitu juga yang menghafal dan memeliharanya, diganjar dengan apa yang layak dari sisiNya. “Khidmat Ummah” menghafaz kalamullah ini bukan fenomena baru, tetapi ianya berlaku sejak awal penurunannya, dihafaz oleh baginda Rasulullah s.a.w, seterusnya baginda mengajarkannya kepada para sahabat. Dengan perhatian dan penghormatan yang tinggi, ayat-ayat yang diajarkan oleh baginda Rasulullah s.a.w tidak dibiarkan luput begitu sahaja, bahkan sebahagian dalam kalangan sahabat radiallahu ‘anhum menghafal kalamullah ini di dada mereka dan mencatatkannya dalam catatan mereka. Tidak cukup dengan itu, perhatian mereka terhadap kalamullah merangkumi pemeliharaan *lahjah*, *kaifiyyat al-ada’* umpamanya panjang dan pendek, *hamz* dan *tashil*, *sakt* dan *wasl* dan memelihara bagaimana cara penulisannya seperti sama ada *wasl* atau *qaf’*nya sesuatu kalimah. Begitulah sifat prihatin yang menjadi tradisi turun temurun, daripada sahabat kepada tabiin, dan tabiin kepada yang selepas mereka, kemudian kepada para *aimmah* hinggalah kepada generasi kita pada hari ini.

Tujuan menghafal al-Quran adalah bergantung kepada orang yang menghafalnya. Biar apa pun niatnya, faedah yang didapati daripada menghafal al-Quran bukan sedikit. Selain daripada ganjaran semasa proses menekuni bacaan dan hafazan, penghafalnya berpeluang untuk mentadabbur setiap masa dan ia dapat dibaca bilamana diperlukan. Cuma, kesamaran-kesamaran ayat kadangkala menjadi seperti batu-batu kecil ketika berjalan di laluan, yang melambat dan mengganggu perjalanan. Sesungguhnya, para ulamak juga telah memberi perhatian yang amat serius terhadap ayat-ayat al-Quran yang dibimbangi bercampur aduk lafaz-lafaznya antara satu dengan yang lain. Mereka membina pagar keselamatan buat umat dengan menulis kitab-kitab yang menunjukkan mutasyabih dan musykilnya. Terdapat banyak penulisan yang ada dalam genre mutasyabihat, kebanyakannya dengan metod tersendiri, yang merupakan kesimpulan daripada apa yang didapati penulis-

penulisnya dalam penelitian mereka. Dengan kelainan itulah ianya bermanfaat mengisi kelompongan yang bersesuaian dengan orang-orang yang memerlukan, yang berlainan tahap kemampuan dan kekeliruannya. Di antara ulamak-ulamak, ada yang menulis dengan *nathar* dan ada yang menulis dengan syair. Kitab yang penulis bawakan ini ialah karangan ʿAlamuddin Abu al-Hasan al-Sakhawi, suatu matan *rajaʿ* yang menunjukkan perhatian ulamak terdahulu dalam menjaga kalamullah. Semoga *Hidayat al-Murtab wa Ghayat al-Huffaʿ wa al-Tullab fi Tabyini Mutasyabihi al-Kitab* ini dapat diambil manfaat oleh pencinta-pencinta kalam Tuhan dan menjadi pedoman buat menghafaz al-Quran.

Biodata Ringkas Al-Syeikh ʿAlamuddin Abi Al-Hasan ʿAli Bin Muhammad Al-Sakhawi

Beliau ialah ʿAli bin Muhammad bin ʿAbd al-Samad bin ʿAbd al-Ahad bin ʿAbd al-Ghalib al-Imam ʿAlamuddin Abu al-Hasan al-Hamdani al-Sakhawi al-Shafiʿi al-Muqri al-Mufasssir al-Nahwi, merupakan Syaikh al-Qurra di Dimasyq ketika hidupnya. Mempunyai dua gelaran, iaitu ʿAlamuddin dan al-Sakhawi (kerana lahir di Sakha). Kunyahnya ialah Abi al-Hasan.

Dilahirkan pada tahun 559H di sebuah tempat bernama Sakha, Kafr al-Syaikh Mesir. Keluar daripada tempat kelahirannya, bermusafir kerana urusan ilmu dan kelimuannya. Seorang yang sibuk dengan ilmu dan tidak sibuk dengan perkara lain. Menurut Ibn al-Jazari (2006), beliau mengajarkan al-Quran di Jamiʿ Dimasyq selama empat puluh tahun lebih dan beliau adalah seorang imam yang alim, lagi tahkik, mahir dengan ilmu qiraat, nahwu, lughah, tafsir, adab dan sebagainya dan beliau alim dalam banyak bidang ilmu. Beliau hidup sezaman dengan imam al-Syatibi dan menjadi anak muridnya. Menurut beliau lagi, imam al-Sakhawi adalah orang yang pertama mensyarahkan *Qasidah al-Syatibiyyah* dan disebabkan itulah beliau menjadi masyhur.

Beliau wafat pada malam 12 Jamadil Akhir 643H, dan dimakamkan di bukit Qasiyun di bahagian barat Dimasyq.

Kitab-Kitab Karangan Beliau

Terdapat banyak karangan yang dikarang oleh al-Syaikh al-Sakhawi. Ianya merangkumi berbagai bidang. Di antaranya ialah (Ghanim 2012):

1. *Jamal al-Iqraʿ wa Kamal al-Iqraʿ*. Ianya dikira sebagai kitab awal dalam genre Ulum al-Quran.
2. *Fath al-Washid fi Syarh al-Qasid*. Ianya merupakan syarah kepada qasidah gurunya iaitu imam al-Syatibi, Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani.
3. *Al-Wasilah ila Kasyf al-ʿAqilah*, merupakan syarah kepada qasidah imam al-Syatibi dalam ilmu Rasm al-Quran. Beliau juga yang menjadi pelopor mensyarahkannya.
4. Tafsir al-Quran al-Karim. Kandungan tafsir ini menurut imam Ibn al-Jazari (2006) mempunyai kedalaman dan kehalusan yang tidak adapa pada yang selainnya.
5. *ʿUmdat al-Mufid wa ʿUddat al-Majid fi Maʿrifati Lafʿ al-Tajwid*. Nazam yang mengandungi 64 bait.
6. *Sifr al-Saʿadab wa Safir al-Ifadah*

Guru-guru Beliau

Telah menuntut al-Imam ʿAlamuddin al-Sakhawi daripada guru yang ramai merangkumi ilmu hadis, ilmu al-Quran dan ilmu-ilmu lain. Di antara guru-guru beliau ialah:

1. Al-Hafiz al-Silafi Ahmad bin Muhammad al-Asbahani, wafat pada tahun 576H. Imam al-Sakhawi mendengar hadis daripada gurunya ini semasa di Iskandariah, Mesir.
2. Abu al-Tahir al-Maliki bin ʿAuf al-Maliki, wafat pada tahun 581H. Imam al-Sakhawi mendengar hadis daripada guru beliau ini ketika di Iskandariah.
3. Abu al-Juyush al-Asakir bin ʿAli al-Shafie, wafat pada tahun 581H. Daripada gurunya ini imam al-Sakhawi mengambil ilmu al-Qiraat ketika di Kaherah
4. Abu al-Qasim al-Busiri, wafat pada tahun 598H. Daripada guru beliau ini imam al-Sakhawi mengambil hadis ketika di Kaherah.
5. Abu al-Qasim al-Syatibi, pengarang qasidah *Hirz al-Amani* yang merupakan Syaikh al-Iqra' pada zamannya, wafat pada tahun 590H. Imam al-Sakhawi mengambil daripada guru beliau ini ilmu Qiraat, Nahwu dan Lughah ketika di Kaherah.

Murid-murid Beliau

Beliau mempunyai anak murid yang ramai. Imam al-Dhahabi mengatakan bahawa beliau tidak pernah mengetahui seseorang yang mempunyai ramai anak murid selain imam al-Sakhawi (Ibn al-Jazari, 2006). Di antara anak murid beliau ialah:

1. Syams al-Din Abu al-Fath al-Ansari Muhammad bin ʿAli, meninggal pada tahun 657H. beliau adalah Syaikh al-Iqra' selepas imam al-Sakhawi di al-Turbat al-Salihah. Beliau mengambil dengan imam al-Sakhawi Qiraah Sabʿah.
2. Syihab al-Din ʿAbd al-Rahman bin Ismaʿil Abu Syamah al-Hafiz al-ʿAllamah. Meninggal pada tahun 665H.
3. Rashid al-Din ibn Abi al-Dur, meninggal pada tahun 673H.
4. Zain al-Din al-Zawawi Abu Muhammad ʿAbd al-Salam bin ʿAli, meninggal pada 681H. beliau adalah Syaikh al-Iqra' di Dimasyq.
5. Taqiyuddin Yaʿqub bin Badran al-Jaraidi, meninggal pada tahun 688H, merupakan Syaikh al-Iqra' di Mesir.

Kitab-Kitab Syarah Bagi Matan Hidayat Al-Murtab

Matan *Hidayat al-Murtab* ini telah banyak disyarahkan. Ada yang disyarah ringkas dengan hanya menyebut di manakah tempat-tempat yang diisyaratkan dalam matan oleh pengarang. Ada pula yang menjelaskan dengan lebih terperinci dengan penerangan yang panjang. Di antaranya ialah:

1. *Hidayat al-Murtab wa Ghayat al-Huffaz wa al-Tullab fi Tabyin Mutasyabih al-Kitab*, ditahkik oleh Syiekh ʿAbd al-Qadir al-Khatib al-Hasani. Dikeluarkan oleh Dar al-Fikr al-Muʿasir Beirut –Lubnan, cetakan tahun 1414H bersamaan 1994M. Kitab ini mengandungi 192 halaman bercetak.
2. *Al-Lu'lu' al-Muntazam wa Ghayat al-Huffaz Syarh ʿala al-Manzummat al-Sakhawiyah fi Mutasyabihat al-Ayat al-Quraniyyah*, disyarah oleh Muhammad Abi Al-Khair Mustofa, dikeluarkan oleh Maktabah Dar al-Sahabah li al-Turath, Tanta Mesir, cetakan tahun 1425H bersamaan 2004M. Kitab ini mengandungi 80 halaman bercetak.
3. *Al-Taudibat al-Jaliyyah Syarh al-Manzummat al-Sakhawiyah fi Mutasyabih al-Ayat al-Quraniyyah*, oleh Dr. Muhammad Salim Muhaysin dan Syiekh Syaaban

Muhammad Ismail, dikeluarkan oleh al-Maktabah al-Mahmudiyah al-Tijariyyah, cetakan tanpa tarikh. Kitab ini mempunyai 84 halaman bercetak.

4. *Manzumah al-Sakhawi fi Dabt al-Mutasyabihat*, oleh Dr. Ahmad Mustafa Mutawalli, Mansurah Mesir. Cetakan tanpa tarikh dan syarikat percetakan.
5. *Matn Hidayat al-Murtab wa Ghayat al-Huffaz wa al-Tullab fi Tabyin Mutasyabih al-Kitab*, disyarah oleh Abdullah bin Muhammad bin Muhammad Sufyan al-Hakami dan disenaraikan dalam *silsilat al-mutun al-ilmiiyyah al-Mukhtarah fi 'ulum al-Quran* dalam laman web www.almtoon.com.

Pengenalan Matan Hidayat Al-Murtab Dan Beberapa Metode Di Dalamnya

Matan *Hidayat al-Murtab* ini mengandungi 431 bait syair. Kandungannya ialah penyebutan tempat-tempat, bentuk kalimah dan ayat yang menjadi kekeliruan dalam mengingat ayat-ayat al-Quran. Kategori ayat atau kalimah yang disebutkan merangkumi *ziyadah* dan *naqs*, ayat-ayat berulang serta *taqdim* dan *ta'khir*. Metode penulisan matan antaranya adalah seperti berikut:

1. Ianya ditulis dalam bahar rajaz sepertimana yang dilakukan oleh banyak ahli ilmu. (seperti matan alfiah Ibn Malik dan alfiah al-Jazariyyah).
2. Pengarang telah menyusun bait-bait matan ini mengikut huruf hijaiyyah, maka setiap huruf akan ada babnya tersendiri. Inilah yang dimaksudkan beliau pada matan yang 15, 16 dan 17 iaitu:

رتبتها على حروف المعجم * فأفصحت عن كل أمر مبهم
فإن أردت علم لفظ مشكل * فانظر إلى الحرف الذي في الأول
فإنه باب من الأبواب * وفيه ما رمت بلا ارتياب

3. Tidak mengira huruf tambahan yang masuk pada kalimah melainkan huruf itu sendiri yang menjadi maksud untuk dirungkaikan. Ini adalah yang difahami dalam bait ke-18 yang berbunyi:

ولا تعد أولا مزيدا * إلا إذا كان هو المقصودا

4. Pengarang meletakkan kalimah yang terlibat mengikut huruf yang mutasyabihah padanya. Umpamanya kalimah “ذلكم”, yang penambahan yang menjadi kekeliruan, diletakkan dalam bab huruf mim, bukan bab huruf dhal. Inilah yang difahami daripada matan yang ke-19:

وإن أردت علم حرف أشكلا * ألفيته في بابه محصلا

5. Apabila sesuatu mutasyabihat itu ada persamaan dengan tempat yang lain dan ianya boleh dihimpunkan, pengarang menyebutkannya bersama selagi boleh dengan

meletakkannya dalam bab hurufnya yang awal. Contohnya ialah kalimah “فأنزلنا” dalam surah al-Baqarah dengan “فأرسلنا” dalam surah al-A'raf, khilaf ini disebutkan pengarang dalam bab huruf “fa”.

Pada akhir kedua-dua ayat di atas, juga terdapat kalimah yang menjadi mutasyabihah, iaitu kalimah “يفسقون” dan “يظلمون”. Kedua-duanya disebutkan di sini tanpa perlu diletakkan dalam bab huruf “ya”.

6. Sekiranya terdapat banyak tempat pada perkataan yang sama, Pengarang hanya menyebutkan satu sahaja sekiranya itu sudah mencukupi. Ianya seperti dalam baba “alif”, bait ke 80 yang menyebutkan “يجري لأجل” tanpa menyebutkan yang lainnya, bait matan ialah:

وبعد يجري لم يقع إلى أجل * إلا بلقمان فسر على عجل

Namun adakalanya ianya disebut juga oleh pengarang seperti dalam bab “mim” yang menyatakan tempat dan bentuknya, ianya berada dalam surah al-Anbiya' dengan lafaz “رحمة من عندنا” dan surah Sad “رحمة منا”, ianya matan ke-324:

ورحمة من عندنا فيها أتى * ورحمة منا بصاد يا فتى

7. Tidak mengira khilaf i'rab sebagai musykil, sepertimana diktakan dalam bait ke-24:

وكل ما قيده الإعراب لم * آت به لأن الإعراب علم

Keterangannya, aitu apabila terdapat banyak tempat yang berubah harakahnya kerana i'rab, pengarang tidak mengkategorikannya sebagai masalah dalam hafazan kerana ianya termasuk pengetahuan dalam ilmu nahwu. Contohnya dalam perkataan “طيبات”, yang berlainan harakatnya, ianya tidak disenaraikan.

Contoh-Contoh Kandungan Matan Hidayat Al-Murtab

Sepertimana yang tertulis pada tajuk tulisan ini, penulis bawakan beberapa contoh pertolongan yang dibawa oleh imam 'Alamuddin al-Sakhawi ini. Penulis hanya mengambil beberapa contoh dalam bab alif yang sebenarnya mengandungi 28 perkara. Ianya dimulai dengan surah al-Baqarah, dengan menyebutkan kekeliruan yang ada dalam surah-surah yang lain.

1. أنزلنا

Kata musannif:

واقرأ فأنزلنا بآي البقرة * على الذين ظلموا محبرة
لكن فأرسلنا عليهم جاء في * سورة الأعراف يقينا فاعرف

وآخر الآية يفسقونا * فيها وفي الأعراف يظلمونا

Dalam matan di atas, ianya menerangkan kekeliruan ayat di antara ayat 59 surah al-Baqarah dengan ayat 62 surah al-A'raf:

فَبَدَّلَ الَّذِينَ ظَلَمُوا قَوْلًا غَيْرَ الَّذِي قِيلَ لَهُمْ فَأَنْزَلْنَا عَلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا رَجْزًا مِّنَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ٥٩

أُبَلِّغُكُمْ رِسَالَتِ رَبِّي وَأَنْصَحُ لَكُمْ وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ٦٢

Ianya menyebutkan lafaz dan surah yang terlibat, serta menyebutkan beza kalimah pengakhiran kedua-dua ayat.

2. أبي

وجاء إبليس أبي واستكبر * فيها وفي الصاد أبي ما ذكرا

Dalam matan di atas, menerangkan kekeliruan ada dan tiadanya perkataan “أبي” dalam surah al-Baqarah dan surah Sad. “أبي” hanya ada dalam ayat 34 surah al-Baqarah, tidak dalam ayat 73 dan 74 surah Sad. Kedua-dua ayat tersebut ialah:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ٣٤

فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ ٧٣ إِلَّا إِبْلِيسَ اسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ٧٤

3. إلينا

ومع وما أنزل قل إلينا * وآل عمران بما علينا

Dalam matan di atas, musannif menyebutkan tentang kekeliruan yang ada di antara ayat 136 surah al-Baqarah dan ayat 84 surah Ai Imran, iaitu:

قُولُوا ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ١٣٦

قُلْ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَالنَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ٨٤

Keterangannya ialah, lafaz yang ada dalam surah al-Baqarah ialah “إلينا” manakala dalam surah Ali cImran lafaz yang ada ialah “علينا”.

4. أشد

وجاء والفتنة فيها أكبر * وهو بما الحرف الذي يؤخر

وقبله أشد أعني الأولا * لا تسترب فإنه قد انجلا

Matan di atas adalah berkenaan lafaz “أشد” yang dikelirukan antara ada atau tiadanya pada surah al-Baqarah. Ayat tersebut ialah:

وَأَقْتُلُوهُمْ حَيْثُ تَقْتُلُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِّنْ حَيْثُ أَخْرَجْتُمُوهُمْ وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا تُقَاتِلُوهُمْ
عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّى يُقَاتِلَكُمْ فِيهِ فَإِنْ قَتَلْتُمْ فَأَقْتُلُوهُمْ كَذَلِكَ جَزَاءُ الْكٰفِرِينَ ۙ ۱۹۱

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ
الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ أَكْبَرُ عِنْدَ اللَّهِ وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكَ حَتَّى
يَرْدُوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَعُوا وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَن دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ
أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خٰلِدُونَ ۙ ۲۱۷

Keterangannya adalah, ayat yang mempunyai lafaz “أشد” adalah ayat yang pertama dan yang mempunyai lafaz “أكبر” letaknya pada ayat yang kedua.

5. آياته

يبين الله لكم آياته * في أربع لا ريب في إثباته

أولها الثاني الذي في البقرة * وآل عمران بحرف مسفرة

وثالث النور وحرف المائة * دونكها من تحفة وفائدة

Bait-bait syair di atas menyebutkan tentang ayat “يبين الله لكم آياته” yang seringkali dikelirukan dengan “يبين الله لكم الآيات”. Pengarang menyatakan bahawa hanya empat tempat di atas sahaja menggunakan ayat “يبين الله لكم آياته”, manakala ayat “يبين الله لكم الآيات” adalah selain daripada empat surah tersebut.

Empat tempat tersebut ialah:

- i. Tempat kedua dalam surah al-Baqarah, ayat 242 iaitu:

كَذٰلِكَ يُبَيِّنُ اللّٰهُ لَكُمْ ءَايٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُوْنَ ۙ ۲۴۲

Pengarang menyebutkan “kedua” untuk mengecualikan tempat pertama iaitu ayat 219:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِنَّهُمَا لَأَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ٢١٩

- ii. Ayat 103 surah Ali 'Imran:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرُّوا وَأَذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ

مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ١٠٣

- iii. Ayat 59 surah al-Nur, iaitu:

وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَأْذِنُوا كَمَا اسْتَدْنُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٥٩

- iv. Ayat 89 surah al-Maidah, iaitu:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَرْتُمْ بِهِ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ذَلِكَ كَفْرَةٌ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَفَظْتُمْ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ٨٩

Kesimpulan

Demikian serba sedikit pengenalan matan Hidayat al-Murtab dan pengarangnya iaitu al-Imam al-Syeikh 'Alamuddin al-Sakhawi. Semoga pengenalan ini memberi pengisian kepada lompong-lompong yang ada ke arah memantapkan hafalan. Walaupun begitu halya, segala kesamaran dan bandingan ini hanya akan menjadi sekadar catatan sekiranya tiada tindakan latih tubi (ulangan yang kerap), menjaga pantang larang dan kesungguhan oleh para penghafaznya. Tanpa semua itu hafazan akan kelam dan apa yang dihafaznya adalah kesamaran. Semoga Allah merahmati pengarangnya di atas pertolongan beliau terhadap umat, mudah-mudahan al-Quran mensyafaati beliau dan kita semua.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdullah bin Muhammad Sufyan, t.tarikh. *Syarh Hidayat al-Murtab wa Ghayat al-Huffaz wa al-Tullab fi Tabyin Mutasyabih al-Kitab*, www.almtoon.com.

Abdul Mun'im Kamil Syair, t.tarikh, *Dalil al-Hairan fi Mutasyabihat al-Quran*. Cairo. Dar Tair al-Ilm.

Abd al-Qadir, 1994. *Syarh Hidayat al-Murtab wa Ghayat al-Huffaz wa al-Tullab fi Tabyin Mutasyabih al-Kitab*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.

al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. 1995. *Mārifat al-Qurra' al-Kibar 'ala al-Tabaqat wa al-A'sar*, / 1416H, Istanbul Turki. Turkiye Diyanat Vakfi.

al-Hamid, Ghanim Koduri. 2012 *Quranica - international Journal on Quranic Research*, Vol 2 No 1, ISSN 2590-4167.

Ibnu Al-Jazari Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Ali, 2006, *Ghayat al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*, Beirut Lubnan. Dar al-Kutub Ilmiyyah.

- Muhammad Abu al-Khair Mustofa, 2004. *Al-Lu'lu' al-Muntazam wa Ghayat al-Huffaz Syarh 'ala Manzumat al-Sakhawiyah fi Mutasyabih al-Ayat al-Quraniyyah*, Tanta Egypt.
- Muhammad Salim Muhaysin, *Al-Taudihat al-Jalyyah Syarh al-Manzumat al-Sakhawiyah fi Mutasyabihat al-Ayat al-Quraniyyah*, Cairo Egypt.
- Yahya bin Sharafudin al-Nawawi. 1992/1413H. *Al-Tibyan fi Adab Hamalat al-Quran*, Dar al-Nafais, Beirut Lubnan.
- Yusuf Alyan Sarkis, 1928. *Mifjam al-Matbu'at al-'Arabiyyah wa al-Mifarrabah*, Beirut. Dar Sadir.
<http://www.almtoon.com/hedaia.php>

BAB 12

SUMBANGAN USTAZ HAJI AHMAD MUSTAFFA BIN MOHD SIDIN DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DI SELANGOR

Muhammad Izzat Ngah, Mahmud Lutfi Abd.Hadi,
Auni Zafirah Ismail

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Salah seorang tokoh al-Quran yang terkenal di Negeri Selangor ialah Almarhum Ustaz Haji Ahmad Mustaffa bin Mohd Sidin al-Muqri'. Sumbangan beliau dalam bidang al-Quran dikalangan masyarakat Selangor khususnya tidak dapat disangkalkan lagi. Namun begitu sumbangan-sumbangan beliau belum lagi diketengahkan secara meluas dalam masyarakat umum. Oleh itu kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang beliau serta sumbangan-sumbangan beliau dalam bidang al-Quran.

Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mond Sidin bukan sekadar seorang imam, bahkan beliau merupakan seorang pendidik dan penerbit yang telah mengarang serta menghasilkan beberapa karya-karya ilmiah dalam bidang ilmu tajwid dan Al-Quran. Samada dalam bentuk penulisan ilmiah, program berkala, rakaman suara dan berbagai lagi sumbangan yang telah berjaya beliau hasilkan demi memberi manfaat dan mendidik masyarakat tentang ilmu Al-Quran dengan lebih mendalam.

Sejak dilantik selaku imam di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) Shah Alam, Selangor beliau telah banyak melakukan pembaharuan dalam usaha mengimarahkan masjid dan memaksimumkan peranan masjid agar lebih dekat dan mesra di hati masyarakat. Pelbagai pembaharuan dari sudut pengisian, rutin solat harian, jadual pengkuliahan, kelas-kelas intensif Al-Quran serta kemudahan infrastruktur untuk masyarakat diwujudkan atas usaha, cetusan idea dan keperihatinan beliau sewaktu bertugas sebagai imam di situ.

Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin sentiasa berpegang kepada matlamat untuk membangunkan rumah Allah sebagai satu institusi yang bernaung dan dihormati masyarakat bahkan menjadi tempat yang tidak asing kepada semua peringkat umur. Beliau juga amat mementingkan keberkesanan peranan masjid sebagai pusat perkumpulan utama umat Islam yang bukan sekadar suatu tempat persinggahan yang hanya mempamerkan keindahan infrastruktur sahaja. Justeru itulah beliau bersungguh- sungguh dalam usaha mengimarahkan masjid dan memperkembangkan pengajian Al- Quran agar pengisian dan peranan masjid selari dengan kemegahan infrastruktur masjid itu sendiri.

Biodata

Nama beliau ialah Ahmad Mustafa bin Mohd Sidin bin Abdul Manan. Dilahirkan dihospital Kuala Kubu Baru daerah Hulu Selangor tanggal 26 disember 1974. Ibu beliau bernama Norlia binti Jantan.¹ Nama beliau telah diberikan oleh salah seorang daripada doktor-doktor pakar yang berasal dari negara arab yang bertugas pada ketika itu iaitu doktor Saad.² Beliau

¹ Mohd Hairudin Ismail (2009). *Transkrip Temubual Bersama Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin Mengenai Pengalaman Beliau Sebagai Seorang Imam Besar Di Masjid Negeri, Masjid Sultan Shalahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor Darul Ehsan*. Fakulti Pengurusan Maklumat, UITM Shah Alam. Hlm. 53.

² *Ibid.* hlm 1.

bertugas mengawasi kelahiran bayi yang terlebih bulan dan beliau berminat untuk memberikan nama dan dipersetujui oleh kedua-dua ibu bapanya dengan nama Ahmad Mustafa.

Di usia kanak-kanak Ahmad Mustafa bin Mohd Sidin lebih mesra dipanggil dan diberi nama timangan dalam keluarga sebagai Mat. Setelah meningkatnya usia dan ahli keluarga beliau semakin berkembang, beliau lebih senang digelar sebagai Ucu, panggilan untuk anak-anak saudara bersempena dengan beliau sebagai anak bongsu dari 6 orang adik beradik. Selama lapan tahun beliau membesar di Kuala Kubu Baru dan kemudian keluarganya berpindah ke hujung negeri iaitu dalam daerah Hulu Selangor di Ulu Bernam. Mereka menetap di Ulu Bernam selama dua tahun kemudiannya berpindah ke Batang Kali dan di sana ibu bapanya menetap secara tetap sehinggalah ke hari ini. Setelah memasuki alam kerjaya, beliau menetap di Seksyen 10 Shah Alam di Rumah Kakitangan Masjid Negeri Selangor dan setelah beliau meninggal dunia, isteri dan anak-anak ustaz Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin menetap di Jalan Kebun, Shah Alam sehingga kini.³

Keturunan

Ayahanda kepada Ustaz Haji Ahmad Mustafa, Mohd Sidin bin Abdul Manan bertugas sebagai Pengawas Hutan atau dipanggil Forester di Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Manakala ibu beliau Norlia binti Jantan merupakan seorang suri rumahtangga sepenuh masa. Kedua-duanya berasal daripada daerah yang sama iaitu Daerah Klang cuma berlainan kampung. Ibu beliau berasal dari Kampung Teluk Gadung manakala bapa beliau berasal dari Kampung Kuantan.

Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin mempunyai seramai enam orang adik-beradik iaitu dua orang lelaki dan empat orang perempuan. Anak pertama dan sulung bagi pasangan Mohd Sidin Bin Abdul Manan dan Norlia Binti Jantan bernama Razali dan bekerja sebagai Juruteknik di sebuah syarikat terletak di Shah Alam. Manakala anak kedua seorang perempuan yang diberi nama Normala, bekerja sebagai seorang Pembantu Tadbir di Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Selangor.⁴ Anak ketiga bernama Norizan dan juga merupakan anak perempuan, seorang suri rumah sepenuh masa. Yang keempat juga perempuan bernama Rohana, seorang peniaga makanan di Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Anak kelima juga seorang perempuan bernama Raziah. Seorang yang berkerjaya dan bekerja di Kementerian Pelajaran Malaysia di Putrajaya dan menetap di sana. Ustaz Haji Ahmad Mustafa merupakan anak bongsu daripada enam adik beradik.⁵

Setelah setahun Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin menamatkan pengajian beliau di Kaherah, Mesir pada tahun 1998 beliau mendirikan rumah tangga bersama isterinya yang bernama Nurazira binti Ahmad Bashir pada tarikh 1 Oktober 1999.⁶ Hasil perkongsian hidup bersama isteri beliau dikurniakan seramai lima orang anak. Anak beliau yang pertama diberi nama Amirul Hakim dan sekarang berusia 17 tahun. Sewaktu beliau meninggal dunia pada hari Isnin 9 Jun 2014 pada jam 9.07 minit malam, beliau meninggalkan anak bongsu yang baru berusia 3 bulan dan empat orang anak lain yang masih kecil.

³ Temubual bersama Puan Nurazira Binti Ahmad Bashir, Isteri kepada Allahyarham Ustaz Haji Ahmadustata Bin Mohd Sidin, Rumah Tokoh, 14 Februari 2019, Jam 2 Petang.

⁴ Mohd Hairudin Ismail (2009). *Op.cit.* Hlm.4.

⁵ *Ibid.*

⁶ *Ibid.* Hlm 5.

Pendidikan

Pendidikan terawal Ustaz Haji Ahmad Mustata Bin Mohd Sidin adalah pengajian al-Quran yang diajarkan sendiri oleh bapa beliau yang merupakan seorang guru yang mahir dalam ilmu tarannum al-Quran dan menjadi pendorong terbesar dalam menanamkan minat beliau terhadap al-Quran. Bermula dengan sekolah tadika seterusnya berpindahke sebuah sekolan tadika yang berlainan berdekatan masjid ketika berusia 6 tahun dan menamatkan pengajian zaman pra sekolah beliau di tadika tersebut. Seterusnya beliau melanjutkan pengajian secara formal pada tahun satu dan dua di Sekolah Rendah Kebangsaan satu, Kuala Kubu Baru. Beliau banyak bertukar sekolah kerana mengikut bapanya.⁷ Sewaktu darjah tiga dan empat beliau bersekolah di Sekolah Rendah Methodist, Tanjung Malim Perak, kemudiannya ketika darjah lima dan enam beliau bersekolah di sekolah Rendah Kebangsaan Batang Kali, Selangor.

Pendidikan di peringkat menengah beliau lebih berunsurkan pendidikan agama iaitu bermula pada tahun 1987, beliau mula bersekolah di Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Baru yang terletak kira-kira 15 kilometer dari rumah beliau.⁸ Pada pertengahan tingkatan empat beliau bertukar ke sekolah aliran tahfiz di sebuah maahad tahfiz yang diberi nama Markaz Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat yang terletak di Masjid Negeri Selangor. Markah tahfiz ini telah dibuka hasil daripada titah perintah Sultan Selangor pada Ketika itu iaitu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Beliau dan rakan-rakan merupakan pelajar-pelajar pengambilan pertama untuk menuntut di Maahad Tahfiz tersebut. Seterusnya beliau menyambung pelajaran dalam bidang qiraat di Maahad Qiraat al-Azhar Shubro Mesir dengan kelulusan ijazah sarjana muda al-Quran dan al-Qiraat (kepujian). Pendidikan terakhir beliau sebelum dipanggil Ilahi ialah diperingkat sarjana. Beliau Berjaya mendapat ijazah Sarjana Syariah (pengurusan) di salah sebuah Kolej Islam yang terkenal di Selangor iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Kerjaya

Setelah beliau menamatkan Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Darul Ouran, beliau sempat berkhidmat di Sekolah Menengah Agama Tinggi Kuala Kubu Baru di samping menjadi Imam di Masjid Ar-Rahimiyah Kuala Kubu Baru pada tahun 1994.⁹ Setelah menamatkan pengajian pada tahun 1999 di Mesir, beliau ditawarkan untuk menjadi imam solat terawih sempena bulan Ramadhan di Masjid Negeri Selangor.¹⁰ Sepanjang beliau bertugas di masjid negeri DYMM Sultan Selangor Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah tertarik dengan beliau sehingga menggelarkannya sebagai imam P. Ramlee dan baginda kerap kali datang berterawih di Masjid Negeri Selangor. DYMM Sultan Selangor Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah berkenan untuk menjadikan beliau sebagai imam di situ. Pada tahun 1999 beliau telah dilantik secara rasminya oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai imam Dua Masjid Negeri Selangor dan diberi kepercayaan untuk memegang Unit Pengajian dan Unit Pengimarahannya.¹¹

Pada tahun 2002 beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Imam satu dan berkhidmat selama 4 tahun iaitu sehingga tahun 2006. Beliau telah menamatkan kontrak sebagai Imam

⁷ *Ibid.* Hlm. 6-8.

⁸ *Ibid.* Hlm. 9.

⁹ Mantan Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Al-Marhum S.F. Ustaz Hj. Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin AJ-Muqri. 2015. *Smart Tajwid Insentif (12 Topik Utama Ilmu Tajwid Mengikut Kaedah Rasm Uthmani)*. Cetakan Kedua. Shah Alam: Selangor. Pusat Pengajian Al-Quran Musoffa.

¹⁰ Mohd Hairudin Ismail (2009). *Transkrip Temubual Bersama Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin Mengenai Pengalaman Beliau Sebagai Seorang Imam Besar Di Masjid Negeri, Masjid Sultan Shalahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor Darul Ehsan*. Fakulti Pengurusan Maklumat, UTM Shah Alam. Hlm. 21.

¹¹ *Ibid.* Hlm. 21.

dan menjadi penceramah bebas di samping menjadi pensyarah jemputan di Darul Quran JAKIM bagi subjek tarannum dan pensyarah jemputan di Fakulti Muzik Universiti Teknologi MARA Shah Alam (UITM). Kemudian beliau di panggil semula untuk kembali bertugas di Masjid Negeri Selangor sebagai Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS).¹²

Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin merupakan Johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor pada tahun 1997, 2000, 2001, 2003, 2004, 2005, 2008 dan 2009. Beliau juga ditugaskan sebagai Hakim Majlis Ujian Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor selama 15 tahun bermula dari tahun 1999 hingga tahun 2014. Beliau Juga pernah muncul di media massa dan stesyen televisyen arus perdana seperti TV1, TV2, TV3, TV9, Astro Oasis dan TV Al-Hijrah.¹³ Antara jawatan dan kerjaya yang pernah disandang oleh beliau adalah seperti berikut:

1. Imam Masjid (2) Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah .
2. Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
3. Guru Sekolah Menengah Agama Tinggi Kuala Kubu Baru
4. Pensyarah Jemputan Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Baru
5. Pensyarah Jemputan Universiti Teknologi MARA (UITM) Shah Alam
6. Pensyarah Jemputan Universiti Selangor (UNISEL)
7. Ahli Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
8. Setiausaha Jawatankuasa Tahfiz Selangor
9. Ahli Jawatankuasa Pengawalan Akidah Negeri Selangor
10. Ahli Jawatankuasa Halal Negeri Selangor
11. Ahli Jawatankuasa Khutbah Negeri Selangor
12. Ahli Jawatankuasa Dakwah Negeri Selangor
13. Ahli Jawatankuasa Tauliah Negeri Selangor
14. Ahli Jawatankuasa Ithbat Negeri Selangor
15. Hakim Majlis Ujian Tahfiz Peringkat Negeri Selangor
16. Hakim Marhaban/ Berzanji Peringkat Kebangsaan (KEMAS)¹⁴

Kewafatan

Ustaz Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin Al-Muqri telah kembali menemui Ilahi pada usia 39 tahun pada hari Isnin 9 Jun 2014 jam 9.07 malam di IJN akibat komplikasi jantung. Pemergian beliau merupakan suatu kehilangan besar kepada negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya. Ummah kehilangan seorang imam dan juga pendakwah yang banyak memberi sumbangan besar dalam program mengimarahkan masjid serta pendidikan al-Quran. Setelah perlantikan beliau sebagai Imam Besar Masjid Negeri Shah Alam sejak tahun 2008, Allahyarham Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin Al-Muqri banyak melakukan pembaharuan di masjid dalam menyemarakkan dakwah dan penyampaian ilmu pengajian Al-Quran khususnya penggunaan teknologi media.¹⁵

Menurut isteri beliau, Puan Nurazira Binti Ahmad Bashir berkata Allahyarham Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin Al-Muqri tidak menghidapi sebarang penyakit kronik yang berisiko tinggi melainkan ada menghidap penyakit gout sebelum ini. Kemudian beliau mengadu sesak nafas, cepat keletihan dan sakit di bahagian dada sebelum terus

¹² *Ibid.* Hlm. 26-29.

¹³ Mantan Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. *Op cit.*

¹⁴ wawancara khas TV Selangor (2014). *Mushaf Tartil Warisan Allahyarham Imam Besar Masiud Negeri.* <https://selangortv.my> . 11. Jun.

¹⁵ Mohd Ezli Mashut (2014). *Pemergian Allahyarham Ahmad Mustafa Permata Ummah.* <http://Selangorkini.m/2014/06>. Selangor Kini. 11 Jun.

merujuk ke Institut Jantung Negara (IJN).¹⁶ Jenazah beliau disolatkan di Masjid Negeri Shah Alam di hadapan kira-kira lebih 5000 orang jemaah dari pelbagai lapisan umur dan pimpinan masyarakat¹⁷

Sumbangan Dalam Pengajian al-Quran

Ustaz Haji Ahmad Mustafa bin Mohd Sidin merupakan seorang imam yang amat disegani. Selain itu juga beliau merupakan seorang pendidik dan penerbit yang telah berjaya menghasilkan karya-karya ilmiah dalam pelbagai medium samada penulisan, program berkala dan rakaman suara. Selaku imam masjid negeri Selangor beliau telah banyak melakukan perubahan dan pembaharuan dalam memastikan peranan masjid lebih dekat dihati masyarakat. Pelbagai pembaharuan dari sudut pengisian, jadual pengkuliah, kelas-kelas intensif al-Quran dan kemudahan infrastruktur untuk masyarakat diwujudkan. Beliau amat mementingkan keberkesanan masjid sebagai salah satu pusat ilmu pengetahuan.

Sumbangan beliau dalam memastikan pengajian al-Quran di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) terus berkembang ialah dengan melakukan rombakan terhadap sistem dan silibus pengajian al-Quran setelah mendapat pelbagai aduan dan komen mengenai penyusunan pengajian masjid yang tidak teratur dan kurang berkesan.¹⁸ Beliau juga berusaha keras dalam menyediakan modul-modul pengajian al-Quran secara bertempoh dan berkala, menyediakan sijil rasmi, pemilihan guru yang sesuai, kelas yang kondusif, waktu dan jumlah jam yang perlu diambil oleh setiap pelajar untuk menamatkan pengajian tersebut. Hasil daripada pembaharuan ini, unit pengajian masjid berjaya melahirkan beratus-ratus pelajar dalam tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu juga beliau juga menjadi pencetus kepada pembaharuan system pengajian al-Quran di masjid. Jadual-jadual disusun dengan lebih rapi mengikut kategori pelajaran dan topik meliputi pengajian tafsir, akidah, tajwid, Fiqh dan sebagainya.¹⁹ Rutin bacaan satu muka surat al-Quran selesai solat subuh di Masjid Negeri Shah Alam juga merupakan sumbang terbesar beliau, walaupun pada peringkat awalnya mendapat tentagan awal dari pihak-pihak tertentu. Hasil program tersebut ahli Jemaah masjid Berjaya mengkhawatirkan al-Quran beberapa kali.²⁰

Ustaz Haji Ahmad Mustafa bin Mohd Sidin antara salah seorang pelopor kepada penggunaan teknologi ICT dalam pengajian-pengajian al-Quran di Masjid Negeri.²¹ Salah satunya ialah program Smart Tajwid yang mula dianjurkan pada tahun 2012 dengan memanfaatkan kemudahan aplikasi youtube bermula pada 21 November 2012 bagi siri yang pertama.²² Program ini tidak hanya terhad dijalankan di Masjid Negeri sahaja bahkan masyarakat dan orang awam boleh mengikutinya secara langsung di dalam aplikasi *youtube* sebanyak 10 siri pengajian. Program ini mendapat sambutan luar biasa daripada masyarakat, siri pertama telah mencecah tontonan sebanyak 11,159 penonton.²³ Rakaman video

¹⁶ Temubual bersama Puan Nurazira Binti Ahmad Bashir, Isteri kepada Allahyarham Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin, Rumah Tokoh, 14 Februari 2019, Jam 2 Petang.

¹⁷ Mohd Ezli Mashut (2014). *Op. cit.*

¹⁸ Mohd Hairuddin Ismail (2009). *Transkrip Temubual Bersama Ustaz Haji Ahmad Mustafa bin Mohd Sidin Mengenai Pengalaman Beliau Sebagai Seorang Imam Besar di Masjid Negeri, Masjid Sultan Shalabuddin Abdul Aziz Shah, Selangor Darul Ehsan*. Fakulti Pengurusan Muamalat, UITM Shah Alam. Hlm 22.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.* Hlm 27.

²¹ Wawancara Khas TV Selangor (2014). *Mushaf Tartil Warisan Allahyarham Imam Besar Masjid Negeri*. <https://selangortv.my>. 11 Jun.

²² Masjid Negeri Selangor. (2012). *Smart Tajwid Intensif*. www.youtube.com. 21 November.

²³ *Ibid.*

program Smart Tajwid Intensif yang berdurasi 1 jam 30 minit pernah mendapat tontonan tertinggi iaitu sebanyak 13,127 tontonan hanya pada siri yang ketiga.

Dalam membantu individu, masyarakat dan pelajar khususnya dalam bidang pengajian al-Quran, beliau telah menubuhkan Syarikat Mushaf Tartil Sendirian Berhad. Matlamat utama syarikat adalah sebagai medium pengeluar al-Quran wakaf dan menjana usaha pengurusan projek wakaf dengan mensasarkan institut-institut pengajian agama islam seperti masjid, surau, institut pengajian tinggi awam dan swasta, madrasah, maahad-maahad tahfiz serta sekolah-sekolah sebagai penerima waqaf.²⁴ Produk pertama syarikat ialah al-Quran Juz' Amma beserta terjemahan dan info tajwid. Syarikat juga telah mengeluarkan pelbagai produk ilmiah seperti Cd dan DVD ceramah dan alunan al-Quran yang disampaikan sendiri oleh Ustaz Haji Ahmad Mustafa sendiri. Pada tahun 2012 syarikat Berjaya menghasilkan al-Quran Mushaf Tartil beserta terjemahan lengkap, terjemahan perkata dan info tajwid. Cetakan pertama siap dicetak pada Februari tahun 2013.²⁵

Selain itu juga, beliau telah menubuhkan sebuah pusat pengajian al-quran yang diberi nama dengan Pusat Pengajian al-Quran Musoffa (PPAM). Cetusan idea untuk menubuhkan Pusat Pengajian al-Quran Musoffa (PPAM) ini terhasil dari kesedaran beliau terhadap betapa perlunya ramai di kalangan kanak-kanak dan remaja untuk mendekatkan diri kepada keindahan serta keistimewaan al-Quran yang meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti pembentukan akidah, akhlak, iman dan ilmu pengetahuan. Pusat pengajian ini telah beroperasi seksyen 20 Shah Alam dan mempunyai tenaga pengajar yang terdiri daripada graduan dalam dan luar negara. Setelah beliau meninggal usaha ini telah diambil alih oleh isteri beliau Puan Nurazira binti Ahmad Bashir dan kini diuruskan oleh adik Puan Nurazira. Atas permintaan dan jumlah pelajar yang ramai, cawangan baru telah dibuka di Seksyen 7 Shah Alam, Selangor yang dikenali dengan nama Sekolah Rendah Islam Musoffa.²⁶

Kesimpulan

Ustaz Haji Ahmad Mustafa bin Mohd Sidin merupakan tokoh al-Quran yang hebat dan sukar dicari ganti. Walaupun usia beliau tidak panjang, namun jasa bakti serta sumbangan-sumbangan kepada masyarakat dalam memartabatkan ilmu al-Quran sangat menyerlah. Seharusnya ketokohan yang ditonjolkan oleh Ustaz Haji Ahmad Mustafa bin Mohd Sidin patut dijadikan contoh tauladan kepada remaja-remaja dan masyarakat agar muncul kembali generasi yang membela dan berjasa dalam memartabatkan al-Quran.

Rujukan

- Mohd Hairudin Ismail (2009). *Transkrip Temubual Bersama Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin Mengenai Pengalaman Beliau Sebagai Seorang Imam Besar Di Masjid Negeri, Masjid Sultan Shalahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor Darul Ehsan*. Fakulti Pengurusan Maklumat, UTM Shah Alam.
- Temubual bersama Puan Nurazira Binti Ahmad Bashir, Isteri kepada Allahyarham Ustaz Haji Ahmadustata Bin Mohd Sidin, Rumah Tokoh, 14 Februari 2019, Jam 2 Petang.
- Mantan Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Al-Marhum S.F. Ustaz Hj. Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin AJ-Muqri. 2015. *Smart Tajwid Insentif(12 Topik Utama Ilmu Tajwid Mengikut Kaedah Rasm Uthmani)*. Cetakan Kedua. Shah Alam: Selangor. Pusat Pengajian Al-Quran Musoffa.
- wawancara khas TV Selangor (2014). *Mushaf Tartil Warisan Allahyarham Imam Besar Masiid Negeri*. <https://selangortv.my> . 11. Jun.

²⁴ <http://mushaftartil.com/2018>. 18 Januari

²⁵ *Ibid.*

²⁶ <http://www.musoffa.com>. 2018. 20 November

- Mohd Ezli Mashut (2014). *Pemergian Allahyarham Ahmad Mustafa Permata Ummah*. <https://Selangorkini.m/2014/06>. Selangor Kini. 11 Jun.
- Temubual bersama Puan Nurazira Binti Ahmad Bashir, Isteri kepada Allahyarham Ustaz Haji Ahmad Mustafa Bin Mohd Sidin, Rumah Tokoh, 14 Februari 2019, Jam 2 Petang.
- Wawancara Khas TV Selangor (2014). *Mushaf Tartil Warisan Allahyarham Imam Besar Masjid Negeri*. <https://selangortv.my>. 11 Jun.
- Masjid Negeri Selangor. (2012). *Smart Tajwid Intensif*. www.youtube.com. 21 November.

BAB 13

ILMUAN QIRAAT: KEKELIRUAN ANTARA DUA ABU 'AMRU

Mohd Ikram Mohd Nawawi, Abi Syafiq al-Hakiem Ab Jabar,
'Uqbah Amer

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Islam sememangnya agama yang sempurna, padanya terangkum segala garis panduan bagi mencapai matlamat kehidupan dari segi duniawi dan ukhrawi. Agama Islam tidak hanya membawakan ideologi tentang masalah keimanan, ibadah dan muamalah sahaja, malah lebih dari itu sesuai mengikut aturan perkembangan zaman. Menurut Mohd Roslan (2011), sejarah dunia mencatatkan bahawa Islam telah membawa masyarakatnya mencapai nilai ketamadunan tertinggi pada zaman keemasannya pada kurun ke-8 hingga kurun ke-14. Jika diperhalusi sejarah Islam, kita akan dapati bahawa hakikat pembinaan generasi unggul bagi mencapai kejayaan ini telah dimulakan oleh Rasulullah SAW dengan melakukan proses transformasi sosial dan budaya masyarakat Arab. Maka bertunjangan asas-asas inilah umat Islam telah mencapai kejayaan yang membawa kepada suatu era yang dicitakan setiap pemerintah.

Menurut Khalif Muammar (2009), pembentukan nilai tamudan ini merupakan kesinambungan gerak kerja dari apa yang telah diwarisi daripada Rasulullah SAW. Misi setiap para rasul adalah membebaskan manusia daripada pelbagai belenggu ketauhidan, sosio budaya yang dapat menahan daripada kemajuan. Maka konsep pembangunan modal insan telah diterap oleh Rasulullah SAW di bawah pemerintahan Baginda bagi membentuk generasi unggul, yang seterusnya akan membawa misi pembangunan tamadun Islam. Ini terbukti sebagaimana yang tercatat pada lembaran sejarah, Islam telah membawakan contoh terbaik dalam urusan pentadbiran pemerintahan yang merupakan unsur terpenting dalam kejayaan sesebuah tamadun. Tidak hanya melalui urusan pentadbiran, masyarakat juga memainkan peranan dalam membentuk sosio budaya yang terkehadapan.

Budaya Keilmuan

Menurut Khalif Muammar (2009), pembentukan nilai tamudan ini merupakan kesinambungan gerak kerja dari apa yang telah diwarisi daripada Rasulullah SAW. Misi setiap para rasul adalah membebaskan manusia daripada pelbagai belenggu ketauhidan, sosio budaya yang dapat menahan daripada kemajuan. Maka konsep pembangunan modal insan telah diterap oleh Rasulullah SAW di bawah pemerintahan Baginda bagi membentuk generasi unggul, yang seterusnya akan membawa misi pembangunan tamadun Islam. Ini terbukti sebagaimana yang tercatat pada lembaran sejarah, Islam telah membawakan contoh terbaik dalam urusan pentadbiran pemerintahan yang merupakan unsur terpenting dalam kejayaan sesebuah tamadun. Tidak hanya melalui urusan pentadbiran, masyarakat juga memainkan peranan dalam membentuk sosio budaya yang terkehadapan.

Nilai budaya ilmu yang tinggi dalam masyarakat Islam telah menjadikan sesiapa sahaja, baik raja, pemimpin, atau rakyat kecil, akan berfikir dan bertindak dengan betul dan bijaksana. Sesuai dengan kehendak penurunan wahyu yang pertama, firman Allah SWT:

أَقْرَأَ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ ١ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ ٢ أَلَمْ يَكُنْ الْأَكْرَمُ ۝ ٣ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ ٤
عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Maksudnya:

“Bacalah, dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Yang mencipta manusia daripada segumpal darah yang beku. Bacalah, dengan nama Tuhan yang memiliki segala Kekuasaan. Yang mengajar (manusia) menggunakan kalam (pena). Yang mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya”. (Surah al-‘Alaq: 1-5)

Makanya masyarakat Islam pada ketika itu telah menjadikan budaya ilmu sebagai satu matlamat yang tertinggi. Gesaan ke arah mentauhidkan Allah SWT tidak akan sempurna tanpa ilmu. Ini kerana, ilmu merupakan kayu ukur kehidupan dalam menentukan sama ada perkara tersebut baik atau tidak. Sudah pasti masyarakat yang tinggi budaya ilmu memahami apa yang telah difirmankan oleh Allah SWT yang menekankan peri pentingnya menuntut ilmu, sebagaimana firmanNya:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ۝ ١٢٢

Maksudnya:

“Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya”. (Surah. al-Tawbah: 122)

Malah umat Islam meyakini Allah SWT akan mengangkat orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjat berdasarkan firmanNya:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya:

“Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) dengan beberapa darjat”. (Surah al-Mujadalah: 11)

Begitu juga sebagaimana saranan dari Nabi SAW:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

[Muslim, *Sahih Muslim*, no hadith 2699]

Maksudnya:

“Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Quran) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan

turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisiNya”.

Kefahaman terhadap tuntutan wahyu inilah yang telah melahirkan masyarakat Islam yang membawa kepada kegemilangan tamadun Islam seterusnya menjadikan mereka masyarakat yang mempelopori ilmu setiap bidang bukan hanya ilmu keagamaan.

Keilmuan Islam

Pertengahan kurun ke-8 telah menyaksikan Islam mencapai zaman keemasan yang mana boleh dikatakan tidak ada peradaban lain di dunia yang dapat menandingi pesatnya perkembangan ilmu pengetahuan di dalam dunia Islam. Islam menjadi pengaruh besar tamadun dunia dalam tempoh yang sangat panjang hampir 500 tahun. Menurut M. Iqbal Dawami (2008), kemunculan Khalifah Abbasiyyah pada pertengahan kurun ke-8 mencatatkan era budaya keilmuan dan kegiatan ilmiah berkembang dengan pesat malah ianya bukan hanya untuk masyarakat Islam, tetapi juga untuk umat manusia umumnya.

Sepanjang perkembangan pengaruh Islam membentuk tamadun yang unggul, telah lahirnya sekian ramai ilmuan-ilmuan Islam dalam segenap bidang. Antaranya, lahir tokoh-tokoh penting dalam bidang al-Quran yang mahir dengan selok-belok rahsia ilmu-ilmu al-Quran secara *riwayah* dan *dirayah* sebagaimana yang telah diwarisi daripada Rasulullah SAW. Ilmu al-quran terus berkembang dan ini jelas membuktikan kebenaran janji Allah SWT dalam penjagaan al-Quran dari berlaku penyelewangan. FirmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ٩

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara serta menjaganya”.

Juga firman Allah SWT:

لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ٤٢

Maksudnya:

“Tidak datang kepadanya (al-Quran) kebatilan baik dari depan mahupun dari belakangnya, yang diturunkan dari Rabb Yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji”.

Al-Sabuni (1985) menyebutkan di antara cabang-cabang ilmu al-Quran ialah ilmu Qiraat, ilmu yang membawakan tatacara atau mazhab-mazhab bacaan al-Quran yang dipegang oleh seorang imam daripada imam-imam Qurra’. Terdapat perbezaan pada pelafazan di antara mazhab-mazhab tersebut berdasarkan dalil atau sanad-sanad yang bersambung hingga kepada Rasulullah SAW. Menurut al-Zarkasyi (1972), Qiraat ialah perbezaan cara pengucapan lafaz-lafaz al-Quran pada menuturkan huruf-hurufnya dari segi bentuk atau kedudukannya dan sebutan secara *takhfif*, *tathqil* dan sebagainya melalui proses *al-sima’ wa al-mushafahah*.

Ilmu Qiraat berkembang dan subur pada zaman Rasulullah SAW dan zaman selepas kewafatan Baginda. Sebagaimana direkodkan, ilmu qiraat berkembang pesat pada abad yang pertama dan kedua Hijrah (sekitar kurun ke-8 Masihi). Namun pada abad ketiga sehingga abad ke-8 Hijrah ilmu qiraat mula merosot disebabkan pengajian al-Quran mula

fokus kepada satu-satu mazhab bacaan sahaja rentetan umat Islam semakin ramai dan kesuntukan waktu bagi para penuntut ilmu dalam meneliti dan mempelajari kesemua mazhab-mazhab bacaan al-Quran yang ada dan *thabit* daripada Rasulullah SAW. Pada abad ketiga penghafaz Qiraat mula berkurang dan perkembangan ilmu Qiraat menurun. Pada ketika itu muncul pengumpulan dan penulisan pertama pada ilmu Qiraat yang dilakukan oleh Abu 'Ubayd al-Qasim.

Menyaksikan kemerosotan perkembangan ilmu Qiraat berlaku, maka para ulama qurra' pada abad ke-4 dan ke-5 Hijrah berusaha menghidupkan ilmu ini dengan menyusun kitab-kitab berkaitan ilmu Qiraat secara meluas. Namun ia masih tidak dapat mengembalikan suasana pengajian Qiraat sebagaimana masa terdahulu. Kemosotan penyebaran ilmu qiraat semakin menurun dan pada abad ke-6 Hijrah lahir seorang tokoh besar Qiraat, dikenali sebagai al-Imam al-Shatibi. Beliau telah menyusun ilmu Qiraat yang dikenali sebagai Qiraat 7 melalui karya beliau *Hirz al-Amāni wa Wajb al-Tabāni fī al-Qira'at*. Karya ini masyhur sehingga ke hari ini dan menjadi salah satu rujukan utama bagi ilmu Qiraat. Kemudiannya pada abad ke-8 Hijrah, lahirnya seorang lagi tokoh besar Qiraat, dikenali sebagai al-Imam Ibn al-Jazari, merupakan pelopor kepada ilmu Qiraat 10 melalui karya beliau *Matn al-Durrah al-Mudhiyyah* dan *Tayyibat al-Nashr fī al-Qira'at al-'Ashr*. Pada abad seterusnya menyaksikan ilmu Qiraat hanya berpada dengan apa yang disusun oleh para ulama qurra' yang lepas tanpa ada lagi penulisan baru berkaitan ilmu qiraat (Rahim Jusoh, 2001).

Ilmu Qiraat Di Malaysia

Menurut Abdullah (2008), ilmu Qiraat kelihatan agak asing pada awal kemunculannya di Malaysia. Pengetahuan berkaitan ilmu ini kurang mendapat perhatian bahkan masyarakat merasa satu kelainan dan janggal apabila mendengar istilah-istilah dalam ilmu Qiraat. Sebilangan dari mereka juga tidak tahu bahawa al-Quran yang mereka bacakan itu merupakan sebahagian daripada ilmu Qiraat iaitu menurut *riwayat Hafṣ 'an 'Āṣim*.

Dewasa ini ilmu Qiraat sudah tidak lagi asing di bumi Malaysia. Perkembangan ini adalah suatu perkara yang sangat baik bagi masyarakat Malaysia kerana dengan ini umat Islam khususnya di Malaysia akan lebih terdedah dengan cabang-cabang ilmu al-Quran yang merupakan sumber rujukan utama dalam agama. Boleh dikatakan dahulunya hanya di tanah Arab sahajalah ilmu ini hidup. Namun kini ilmu Qiraat telah menjadi satu cabang bidang pengajian yang menjadi pilihan para penuntut ilmu dalam bidang al-Quran di Malaysia. Seiring dengan perkembangan pengajian tahfiz, ilmu Qiraat turut dijadikan sebagai pengajian teras bagi sebahagian pusat-pusat tahfiz bagi melahirkan para *huffāz* yang betul-betul menguasai selok-belok bacaan-bacaan al-Quran yang *mutawatir* dan perbincangan mengenai ilmu Qiraat secara terperinci.

Kepentingan terhadap pengajian ilmu Qiraat mula jelas kelihatan dalam sistem pengajian Malaysia di mana institusi-institusi pengajian tinggi mula menawarkan program pengkhususan al-Qiraat dengan pengiktirafan penuh bermula dengan pengajian di peringkat diploma sehingga peringkat kedoktoran (PhD). Namun di sana terdapat beberapa permasalahan yang timbul di kalangan penuntut ilmu bagi pengajian ilmu qiraat. Menurut Sumayyah Ali (2016) dalam kajian beliau mengenai pemerhatian terhadap kajian lepas berkaitan tahap penguasaan ilmu qiraat dikalangan pelajar di Malaysia adalah sederhana. Antara faktor utama kepada permasalahan ini adalah disebabkan kurangnya rujukan berbahasa Melayu dan yang paling utama adalah disebabkan kurang kemahiran dalam bahasa Arab.

Bagi mereka yang mendalami ilmu qiraat sepatutnya tidak asing dengan tokoh-tokoh Qiraat terutama sumber utama periwayatan al-Quran imam sepuluh. Namun di sana terdapat segelintir para penuntut dan juga penulisan perkongsian di alam maya yang tidak

cermat masih terkeliru antara dua tokoh besar qiraat iaitu Abu ‘Amru al-Ba**S**ri dan Abu ‘Amru al-D**a**ni. Antara perkongsian yang berlaku kekeliruan yang berada di alam maya menjadi tatapan umum adalah:

- i- <http://mukhlis145.blogspot.com/2012/12/imam-abu-amru-ad-dani.html>
- ii- <http://ilmquran.blogspot.com/2011/03/imam-abu-amru-al-bashri.html?m=1>
- iii- <http://seribujeritan.blogspot.com/2010/11/sejarah-imam-imam-qiraat.html>
- iv- <https://www.facebook.com/nadi.btho/posts/bacaan-riwayat-as-susi-melalui-qiraat-imam-abu-amr-ad-dani-manhaj-yang-popular-d/1789003668055980/>

Kesemua perkongsian yang dibawakan tersebut jelas menunjukkan bahawa berlakunya kekeliruan para penuntut terhadap tokoh Qiraat yang disebutkan. Hal ini tidak sepatutnya berlaku terutamanya bagi penuntut pengkhususan dalam pengajian Qiraat.

Abu ‘Amru al-Ba**S**ri dan Abu ‘Amru al-D**a**ni merupakan dua susuk yang berlainan malah hidup pada zaman yang berbeza. Walaupun keduanya merupakan ilmuan agung dalam bidang al-Quran namun peranan ketokohan masing-masing berbeza. Makanya artikel ini akan membincangkan secara ringkas siapakah dua Abu Amru ini agar dapat diperjelaskan kedudukan mereka dalam bidang ilmu al-Quran dan al-Qiraat.

Pengenalan Abu ‘Amru al-BaS**ri**

Sebagaimana direkodkan oleh Abd al-Fattah al-Qadi (1998), nama beliau ialah Zabb**a**n bin al-‘Al**a**’ bin ‘Amm**a**r bin al-‘Ury**a**n bin Abdullah bin al-Husayn bin al-H**a**rith bin Jalhamah. Beliau dikenali dengan al-Imam al-Sayyid Abu ‘Amru al-Tamimi al-Mazini al-Ba**S**ri. Abu ‘Amru al-Ba**S**ri merupakan salah seorang imam Qiraat yang sepuluh. Dilahirkan di Makkah pada tahun 70 Hijrah. Sebahagian riwayat menyebutkan Abu ‘Amru al-Ba**S**ri lahir pada tahun 68 Hijrah. Menurut al-Dhahabi (1997), Abu ‘Amru al-Ba**S**ri dilahirkan pada tahun kembalinya Ibn ‘Abb**a**s ke rahmatullah.

Pengembaraan ilmu Abu ‘Amru al-Ba**S**ri mencatatkan bahawa beliau merupakan imam Qiraat yang mempunyai guru paling ramai di antara imam-imam Qiraat tujuh yang lain. Kota-kota besar Islam yang utama iaitu Makkah, Madinah, Kufah dan Ba**S**rah merupakan antara tempat yang disinggahi Abu ‘Amru al-Ba**S**ri dalam menyempurnakan pengembaraan ilmu beliau. Setelah itu beliau menetap di Basrah dan menjadi imam ikutan pembacaan al-Quran dalam masyarakat Basrah. Di antara guru-guru beliau yang mulia adalah (Abd al-Fattah al-Qadi, 1998) :

1. al-Ha**S**an bin Abi al-H**a**san al-Ba**S**ri
2. Abi Ja’far
3. Humayd bin Qays al-A’raj al-Makki
4. Abi al-‘Al**i**yah
5. Yazid bin Ruman
6. Shaibah bin Na**S**sah
7. ‘A**S**im bin Abi al-Najud
8. Abdullah bin Kathir
9. ‘A**t**a’ bin Abi Rabah
10. Ikrimah bin Kh**a**lid al-Makhz**U**mi
11. Ikrimah pembantu Ibn ‘Abb**a**s
12. Muj**a**hid bin Jabar
13. Mu**h**ammad bin Muhaysin
14. Na**S**r bin ‘A**S**im
15. Yahya bin Yakmur
16. Sa’id bin Jubayr

Abd al-Fattah al-Qadi (1998) juga melalui penulisannya merekodkan silsilah sanad pengajian Abu 'Amru al-BaSri bersambung sehingga kepada Nabi Muhammad SAW.

Abu 'Amru al-BaSri merupakan tokoh ulama yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang. Ini dapat dibuktikan melalui pelbagai pujian para ulama terhadap beliau. Antaranya sebagaimana dinukilkan Ibnu Kathir di dalam karyanya, *al-Bidayah wa al-Nihayah*: "Abu Amr merupakan orang yang paling alim di zamannya dalam bidang qiraat, nahu dan fiqh. Beliau merupakan ulama besar yang mengamalkan ilmunya. Apabila bulan Ramadhan menjelma, beliau akan menyibukkan diri dengan al-Quran dan akan menghentikan segala pekerjaan penulisan sehingga tamat bulan Ramadhan".

Maklum dengan kemuliaan ilmu yang dimiliki Abu 'Amru al-BaSri, tidak ada siapa pun yang mempersoalkan ketokohan beliau. Malah beliau diiktiraf orang yang mahir dalam bidang bahasa Arab dan segala ilmu yang berkaitan dengannya. Al-Farazdaq dan para penyair Arab yang lain memuji Abu 'Amru al-BaSri dengan menyatakan: "beliau merupakan orang yang paling mahir dan faham tentang al-Quran dan seni bahasa Arab, sejarah Arab dan syair-syairnya. Telah direkodkan kata-kata Sufyan bin 'Uyaynah:

"Aku bermimpi bertemu dengan Nabi SAW, kemudian aku bertanya kepada Baginda: "Wahai Rasulullah, telah berlaku perbezaan dalam masyarakat berkaitan keadaan pembacaan al-Quran, maka dengan qiraah siapakah perlu aku ikuti? Nabi SAW menjawab: "Bacalah dengan qiraat Abu 'Amru bin al-'Ala". (Abd al-Fattah al-Qadi, 1998)

Abu 'Amru al-Asadi berkata: "aku telah datang menziarahi hari pemergian Abu 'Amru al-BaSri, aku menghampiri waris beliau untuk mengucapkan takziah. Ketika aku duduk bersama dengan mereka, telah datang Yunus bin Hubayb kepada kami dengan mengucapkan: "takziah kepada kalian dan kepada kami semua kerana telah kehilangan orang tersangat alim dan tidak ada bandingnya di akhir zaman ini. Demi Allah, andai ilmu dan kezuhudan beliau ini dibahagikan kepada seratus orang, nescaya mereka semuanya akan menjadi ulama. Demi Allah, andai Nabi SAW melihatnya, Baginda pasti mengiktiraf beliau". (Abd al-Fattah al-Qadi, 1998)

Ketokohan Abu 'Amru al-BaSri terserlah dengan lahirnya tokoh-tokoh besar hasil didikan beliau. Antaranya nama yang tidak asing, Yahya bin al-Mubarak al-Yazidi, Sibawayh, Yunus bin Hubayb, dan Khalil bin Ahmad merupakan tokoh Nahu. Antara murid lainnya yang mengambil ilmu qiraah daripada beliau ialah Abu Zayd bin Aus, Sallam bin Sulayman al-Tawil, Sahal bin Yusuf, Shuja' bin Abu Nasr al-Balkhi, al-'Abbas bin al-Fasl, Abdullah bin Mubarak, Abu Ubaydah bin Muammar bin al-Muthanna, al-Asmu'i dan Mu'adh bin Muslim al-Nahwi. (Abd al-Fattah al-Qadi, 1998)

Bagi qiraat Abu 'Amru al-BaSri, perawi masyhur yang meriwayatkan mazhab qiraat beliau ialah al-Duri dan al-Susi. Masing-masing membawakan periwayatan yang mempunyai perbezaan pada kaedah pembacaan namun keduanya mewakili kepada mazhab qiraat Abu 'Amru al-BaSri. Secara mudah difahami, bagi Abu 'Amru al-BaSri terdapat dua kaedah pembacaan al-Quran yang mana salah satunya diriwayatkan oleh al-Duri dan satunya lagi diriwayatkan oleh al-Susi. Begitu juga dengan mazhab qiraat yang lain.

Sebagaimana dinukilkan oleh al-Dhahabi (1995), Abu 'Amru al-Dani menyebutkan bahawasanya Abu Amru al-BaSri telah menyebarkan keilmuan beliau di kota Basrah, kemudiannya telah kembali ke rahmatullah di kota Kufah. al-Asmu'i menyebutkan Abu Amru al-BaSri telah kembali ke rahmatullah pada tahun 154 Hijrah.

Pengenalan Abu 'Amru al-Dani

Menurut al-Dhahabi (1997) dan Ibn al-Jazari (2006), nama beliau ialah Uthman bin Sa'id bin Uthman bin 'Umr Abu 'Amr al-Umawi. Pada zamannya beliau dikenali dengan panggilan al-Sayrafi. Namun zaman terkemudiannya beliau lebih masyhur dikenali dengan Abu 'Amru al-Dani dinisbahkan kepada tempat beliau menetap dan juga tempat asal beliau dilahirkan. Abu 'Amru al-Dani dilahirkan pada tahun 371 Hijrah di perkampungan al-Daniyah, Andalusia.

Al-Dhahabi (1997) menjelaskan ketokohan beliau dalam ilmu qiraat seperti mana ilmuan mengiktiraf Sibawayh dengan ilmu nahu atau al-Bukhari dengan ilmu hadith. Muhammad al-Mukhtar (2001), perjalanan keilmuan Abu 'Amru al-Dani bermula pada tahun 386 Hijrah di Andalus. Sekitar tahun 397 Hijrah beliau menjelajah wilayah Mashriq. Beliau telah menziarahi Qayruwan untuk beberapa bulan, kemudian berhijrah ke Mesir selama setahun. Pada tahun 399 beliau telah ke Makkah untuk menunaikan haji. Dikesempatan pengembaraan itu beliau telah berguru dengan ramai ulama Mashriq. Pada tahun 417 Hijrah beliau telah kembali semula ke Andalus dan menetap di sana menabur bakti menjadi imam rujukan dan ikutan ramai sehingga ke akhir hayat beliau. Beliau telah kembali ke rahmatullah pada tahun 444 Hijrah di al-Daniyah, Andalusia.

Ibn al-Jazari (2006) menyebutkan, Abu 'Amru al-Dani merupakan seorang tokoh ulama yang terkemuka di zamannya, menjadi rujukan para qari. Gurunya al-Hafiz 'Abdullah Muhammad bin Khalil menyebutkan, keahlian beliau dalam ilmu qiraat tiada bandingan. Tidak ada yang dapat menandingi beliau dari segi penguasaan dan hafalan ilmu qiraat.

Muhammad al-Mukhtar (2001) menukilkan, menerusi kitab *al-Arjuzat al-Munabbahah*, Abu 'Amru al-Dani menyebutkan bahawasanya beliau telah berguru lebih dari 70 orang ahli ilmu dari pelbagai bidang pengajian Islam. Malah ada riwayat yang menyebutkan bilangan guru beliau hampir mencecah 90 orang. Di antara guru beliau yang paling masyhur di kalangan masyarakat Andalusia adalah Abu Marwan 'Ubaydillah bin Salamah dan Muhammad bin Yusuf al-Qurtubi lebih dikenali dengan gelaran al-Najjad, merupakan bapa saudara beliau. Abu 'Amru al-Dani telah mengambil sanad riwayat Nafi' dari mereka berdua. Manakala daripada Ibn Salamah juga beliau telah mengambil riwayat Ibn 'Amir. Di antara lain ulama qurra' yang telah menjadi guru beliau:

1. Abu al-Fath Faris bin Ahmad al-Himsi al-Darir.
2. Abu al-Qasim Abd al-Aziz bin Ja'far al-Farisi (w. 413)
3. Abu Muslim Muhammad bin Ahmad bin 'Ali al-Katib (w. 403)
4. Khalaf bin Ibrahim bin Ja'far al-Khaqani al-Misri (w. 402)
5. Abu al-Hasan Tahir bin Ghalbun (w. 399)

Selayaknya bagi imam qurra', Abu 'Amru al-Dani merupakan sumber keilmuan terutamanya pada ilmu qiraat di zamannya, bahkan beliau merupakan rujukan bagi para qurra' sekiranya berlaku perselisihan. Menerusi didikan beliau, terlahirnya ramai tokoh-tokoh ulama terkenal. Antara murid beliau yang terkenal ialah Abu Dawud Sulayman bin Najah, merupakan pengarang kitab *al-Tanzil fi al-Rasm* dalam membincangkan tentang ilmu *rasm Uthmani*. Silsilah keilmuan ini terus bersambung, melalui Abu Dawud Sulayman bin Najah lahirnya seorang tokoh bernama 'Ali bin Hudhayl, merupakan guru kepada tokoh qiraat terkemuka yang mana nama beliau ini tidak asing bagi sesiapa yang mempelajari ilmu al-Quran iaitu al-Qasim bin Firruh al-Shatibi. (Muhammad al-Mukhtar, 2001)

Antara sumbangan lain yang telah diwariskan Abu 'Amru al-Dani kepada dunia Islam ialah penulisan. Beliau telah berjaya menghasilkan penulisan-penulisan penting dalam ilmu al-Quran yang mana ianya telah menjadikan sumber rujukan para ulama. Antara kitab-kitab karangannya ianya:

1. *Jami' al-Bayan fi al-Qira'at al-Sab'*
2. *al-Taysir fi al-Qira'at al-Sab'*
3. *al-Arjuzat al-Munabbahah*
4. *al-Bayan fi 'Ad Ay al-Qur'an*
5. *al-Talkhis li Qira'ah Nafi'*
6. *al-Talkhis li Qira'ah Warsh*
7. *al-Tamhid li ikhtilaf Qira'ah Nafi'*
8. *al-Idgham al-Kabir*
9. *al-Tahdid fi al-Itqan wa al-Tajwid*
10. *al-Muktaja fi al-Waqf wa al-Ibtida'*
11. *al-Za'at*
12. *al-Waqf al-Tam wa al-Waqf al-Kafi*
13. *al-Ibtida fi al-Waqf wa al-Ibtida'*
14. *Al-Muqni' fi al-Rasm dan banyak lagi.*

Melalui pengenalan ringkas dua Abu 'Amru ini dapat kita jelaskan apakah peranan masing-masing dalam dunia keilmuan Islam, khususnya bidang al-Quran dan al-Qiraat. Makanya jelas dua nama ini merupakan individu yang berbeza, hidup di zaman yang berbeza. Malah dari segi ketokohan keilmuan dapat kita huraikan, bahawasanya Abu 'Amru al-Basri merupakan imam qurra' di mana padanya disandarkan salah satu mazhab bacaan al-Quran. Manakala Abu 'Amru al-Dani merupakan antara tokoh ulama yang telah menyumbang ke arah mengembangkan ilmu al-Quran dan al-Qiraat yang sedia ada. Sesuai mengikut kehendak zaman masing-masing, di zaman Abu Amru al-Basri ilmu qiraat masih hidup, tidak memerlukan proses pengikatan ilmu secara bertulis. Namun berbeza pada zaman Abu 'Amru al-Dani, pengembangan ilmu qiraat mula merosot, maka medium penulisan ilmu qiraat mula bergerak. Oleh itu kita dapati Abu 'Amru al-Dani banyak sekali menghasilkan karya-karya bertulis berkaitan ilmu qiraat.

Kesimpulan

Muslim (t.th) meriwayatkan di dalam sahihnya, Ibn Mubarak menyebutkan:

الإسناد من الدين، ولولا الإسناد لقال من شاء ما شاء

Maksudnya:

“Sanad merupakan sebahagian daripada agama, kalaulah bukan kerana sanad, maka pasti sesiapa sahaja akan berkata apa yang mereka mahukan dan inginkan semata-mata (dengan akal fikirannya sendiri)”

Sinonimnya kata-kata ini adalah berkaitan dengan periwayatan sanad. Satu kata-kata yang memberikan makna yang sangat luas dan mendalam untuk dihayati bersama. Sekiranya diteliti secara mendalam maka kita akan dapat fahami bukan hanya dalam perihal berkaitan hadith sahaja, namun sebenarnya ia meliputi setiap aspek yang perlu dicermati oleh setiap orang. Semestinya bagi setiap umat Islam, terutamanya penuntut ilmu hendaklah bersikap cermat dan teliti dalam menukikan apa-apa perkongsian sesuatu maklumat terutama berkaitan hal keagamaan. Lebih-lebih lagi di era pencapaian dan perkongsian maklumat tanpa sempadan yang mana setiap orang boleh menyebarkan maklumat tanpa batasan dan tanpa perlu risau untuk tidak dipertanggungjawabkan dengan apa yang dikongsikan kerana ianya bergerak secara maya. Namun sebagai umat Islam ianya melambangkan akhlak kita ditahap mana walaupun ianya kelihatan remeh. Khazanah-khazanah ilmu Islam yang sampai

kepada kita sekarang adalah bukti di mana para ulama silam begitu teliti dalam menghasilkan setiap apa yang dikongsikan supaya setiap ilmu itu jelas pada kedudukannya. Maka begitulah seharusnya kita berinteraksi dengan apa sahaja maklumat yang ingin dikongsikan, agar kita jelas dengan maklumat tersebut dan dalam masa yang sama ianya mencapai matlamat perkongsian yang sebenar.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdullah Muhammad Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Dar al-Fikir, Kuala Lumpur.
- Abdullah Hashim. (2008). *Bacaan Qiraat 'Āṣim: Kajian Terhadap Guru-Guru al-Quran di Daerah Melaka Tengah*. Universiti Malaya.
- Abd al-Fattah al-Qadi. (1998). *Tarikh Qurra' al-'Asbarah*. Maktabah al-Qahirah.
- al-Dhahabi, Shams al-Din bin Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Dhahabi. (1997). *Ma'rifat al-Qurra' al-Kibar 'ala al-Tabaqat wa al-'Asar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Dhahabi, Shams al-Din bin Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Dhahabi. (1997). *Tabaqat al-Qurra'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Dhahabi, Shams al-Din bin Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Dhahabi. (2009). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Bayt al-Ifkar al-Dawliyyah.
- Ibn al-Jazari, Shams al-Din Abi al-Khayr Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali Ibn al-Jazari. (2006). *Ghayat al-Nibayat fi Tabaqat al-Qurra'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Khalif Muammar. (2009). Faktor Kegemilangan Tamadun Islam: Pengajaran Dari Masa Lalu. *Jurnal Hadhari*. Bil. 2. 15-31.
- Mohd Rahim Jusoh. (2001). *Pengenalan ilmu Qiraat*. Selangor: Mahsuri Timur.
- Mohd Roslan Mohd Noh, Mohamad Zamri Mohamed Shapik. (2011). *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah: Sejarah Perkembangan dan Kejatuban Pemerintahan Islam di Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan*. Selangor : Persatuan Ulama Malaysia.
- M. Iqbal Dawami. (2008). Kontribusi Penerjemah Pada Zaman Keemasan Islam. *Adabiyat: Jurnal Bahasa dan Sastra*. Vol. 7, No. 1, Juni 2008. 96-110.
- Muhammad al-Mukhtar. (2001). *Tarikh al-Qira'at fi al-Mashriq Wa al-Maghrib*. ISESCO: al-Munazzamat al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-'Ulum wa al-Thaqafah.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. (T.th.). *Sahih Muslim*. Tahqiq Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Edisi pertama. T.tp.: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (1985). *al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. Makkah: Maktabah al-Sabuni fi 'Ulum al-Qur'an.
- Sumayyah Ali @ Awang. (2016). Penulisan Ilmiah Berkaitan Ilmu Qiraat Di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal. *e-Proceeding of the 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*. Kuala Lumpur.
- Al-Zarkashi, al-Badr al-Din Muhammad Abdullah. (1972). *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Misr: Matba'ah 'Isa.

BAB 14

ANALISIS BAB AL-WAQF ‘ALA AWAKHIR AL-KALIM DI DALAM KITAB HIRZ AL-AMANI WA WAJH AL-TAHANI MELALUI RIWAYAT HAFS ‘AN ‘ASIM AL-KUFI DALAM SURAH AL-JUMU’AH

Abi Syafiq al-Hakim Ab Jabar, Mohd Ikram Mohd Nawi,
Muhammad Ammar Farhan Ramlan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Perbincangan dalam artikel ini memfokuskan salah satu bahagian dari ilmu tajwid iaitu tatacara waqaf ketika membaca al-Quran. Bab al-Waqf ‘ala Akhir al-Kalim adalah satu bahagian daripada matan Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani yang telah disusun oleh Imam al-Shatibi bagi membincangkan kaedah-kaedah waqaf di akhir kalimah bagi semua imam qiraat.

Dalam penulisan ini, qiraat imam Hafs ‘an ‘Asim al-Kufi dipilih kerana ia adalah qiraat yang popular dan digunapakai oleh majoriti umat Islam di dunia pada hari ini. 95% qiraat yang diamalkan di seluruh dunia adalah qiraat riwayat Hafs ‘an ‘Asim al-Kufi (Abdul Rahman Aitani, 2011). Ini adalah disebabkan qiraat ini tidak mempunyai banyak perselisihan dari sudut usul al-qiraat dan farsh al-huruf dalam semua surah al-Quran.

Perbincangan yang dibawakan ini akan tertumpu pada 11 kepala ayat (ra’s al-ayah) dalam surah al-Jumu’ah yang hasilnya akan digunapakai ketika waqaf pada seluruh tempat di dalam al-Quran.

Definisi Waqaf

Firman Allah SWT di dalam surah al-Muzzammil ayat keempat:

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً

Maksudnya:

“dan bacalah al-Quran dengan tartil”.

Makna tartil menurut Sayyidina ‘Ali bin Abi Talib ialah mentajwidkan huruf dan mengetahui tempat berhenti (Ibn al-Jazari, 2001). Dalam syair *Tayyibat al-Nasbr* (Ibn al-Jazari, 2012):

« وبعد ما تحسن أن تجود # لا بد أن تعرف وقفا وابتدا »


Maksudnya:

“Dan selepas engkau memperelokkan dalam pembacaan dengan bertajwid, semestinya pula kenal akan cara waqaf dan cara ibtida”.

Waqaf dari sudut bahasa adalah menahan atau berhenti. Dari segi istilah dalam ilmu tajwid adalah menghentikan bacaan dengan cara memutuskan suara di akhir perkataan

sekejap untuk mengambil nafas dengan niat akan menyambung bacaan semula. (Lashin Abu al-Farh, 2003).

Analisis Bab al-Waqf 'ala Awakhir al-Kalim



Gambar Rajah 1

Gambar rajah yang dibawakan di atas adalah merupakan rangkap bait syair, matan Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani yang disusun oleh Imam al-Shatibi pada membincangkan Bab al-Waqf 'ala Awakhir al-Kalim. Melalui rangkap matan ini dapat dikenalpasti kaedah waqaf bagi riwayat Hafs an 'Asim al-Kufi adalah seperti berikut:

- 1) Sukun merupakan bacaan asal apabila waqaf pada setiap kalimah di dalam al-Quran. Sukun digunakan ketika bacaan waqaf pada setiap huruf yang berbaris.
- 2) Rawm dan Ishmam adalah bacaan tambahan kepada bacaan sukun ketika waqaf. Ia bertujuan untuk menjelaskan baris asal sesuatu huruf ketika bacaan wasal yang telah ditukar kepada sukun apabila bacaan diwaqafkan. Kedua-dua bacaan ini baik atau sesuai diamalkan apabila seorang guru memperdengar bacaan kepada sekumpulan muridnya dan murid-muridnya mengikut bacaan gurunya. Tetapi sekiranya membaca bersendirian, ia tidaklah dituntut untuk diamalkan.

Al-Rawm (الروم) bermaksud merendahkan suara ketika berhenti pada huruf yang berbaris dan suara atau bunyi tersebut dapat didengari oleh orang yang dekat tidak bagi orang yang jauh.

Manakala al-Ishmam (الإشمام) bermaksud memuncungkan kedua-dua bibir setelah waqaf. Pada huruf yang sukun ketika waqaf tersebut diisymamkan sebagai isyarat kepada baris dhammah. Maka baris yang huruf yang sukun tersebut tidak boleh dibunyikan.

- 3) Hafs 'an 'Asim al-Kufi juga membaca rawm atau ishmam pada hukum huruf Ha' al-Damir pada semua keadaannya. Contohnya pada kalimah **بَيْنَ، ءِائِمَّ قَلْبُهُ، وَشَرَوْهُ، فَلْيَصُمَّهُ، لَنْ تُخْلَفَهُ، أَجْتَنَّبَهُ وَهَدَلَهُ، مِنْ أَخِيهِ، وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ، الْمَرْءِ وَرَوْجِهِ**.

Kaedah Waqaf Akhir Kalimah Riwayat Hafs an 'Asim al-Kufi

Berdasarkan analisis di dalam bab al-Waqf 'ala Awakhir al-Kalim, kaedah-kaedah waqaf bagi kalimah-kalimah yang berkaitan di dalam al-Quran adalah seperti berikut:

- 1) Kalimah yang mempunyai huruf mad dan berbaris *dammah* contohnya: (نَسْتَعِينُ، يُجِبَالُ). Kaedah waqaf bagi Imam Hafs 'an 'Asim pada kalimah sebagaimana contoh ini ialah tujuh wajah bacaan iaitu:
 - (i) Wajah satu, dua dan tiga adalah sukun seperti mad 'arid li al-sukun dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 - (ii) Wajah empat, lima dan enam adalah seperti mad 'arid li al-sukun dan dilengkapi tiap-tiap harakat tersebut dengan wajah ishmam.
 - (iii) Wajah ketujuh adalah waqaf dengan dua harakat dilengkapi dengan wajah rawm.
- 2) Kalimah yang mempunyai huruf mad dan berbaris kasrah contohnya: (أَعُوذُ، مِنَ الصَّلْحَتِ، بِالرَّحْمَنِ). Kaedah waqaf bagi Imam Hafs 'an 'Asim pada kalimah sebagaimana contoh ini ialah empat wajah bacaan iaitu:
 - (i) Wajah satu, dua dan tiga adalah sukun seperti mad 'arid li al-sukun dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 - (ii) Wajah keempat adalah waqaf dengan dua harakat dilengkapi dengan wajah rawm.
- 3) Kalimah yang mempunyai huruf mad dan berbaris fathah contohnya: (الْعَلَمِينَ). Kaedah waqaf bagi Imam Hafs 'an 'Asim pada kalimah sebagaimana contoh ini ialah tiga wajah bacaan sukun seperti mad 'arid li al-sukun dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
- 4) Kalimah yang mempunyai huruf mad dan diakhirnya adalah huruf hamzah yang berbaris *dammah* contohnya : (سَيِّفُونَ السُّفَهَاءَ). Kaedah waqaf bagi Imam Hafs 'an 'Asim pada kalimah sebagaimana contoh ini ialah lapan wajah bacaan iaitu :
 - (i) Wajah satu, dua dan tiga adalah sukun dengan empat harakat, lima harakat dan enam harakat.
 - (ii) Wajah keempat, kelima dan keenam adalah dengan empat harakat, lima harakat dan enam harakat dengan tiap-tiapnya dilengkapi dengan wajah ishmam.
 - (iii) Wajah ketujuh dan kelapan adalah waqaf dengan empat harakat dan lima harakat dengan kedua-duanya dilengkapi dengan wajah rawm.

- 5) Kalimah yang mempunyai huruf mad dan diakhirnya adalah huruf hamzah yang berbaris kasrah contohnya : (لَسْمِيعِ الدُّعَاءِ, مِّنَ السَّمَاءِ). Kaedah waqaf bagi Imam Hafs ‘an ‘Asim pada kalimah sebagaimana contoh ini ialah lima wajah bacaan iaitu :
 - (i) Wajah satu, dua dan tiga adalah sukun dengan empat harakat, lima harakat dan enam harakat.
 - (ii) Wajah keempat dan kelima adalah waqaf dengan empat harakat dan lima harakat dengan kedua-duanya dilengkapi dengan wajah rawm.
- 6) Kalimah yang mempunyai huruf mad dan diakhirnya adalah huruf hamzah yang berbaris fathah contohnya : (شَاءَ, جَاءَ). Kaedah waqaf bagi Imam Hafs ‘an ‘Asim pada kalimah sebagaimana contoh ini ialah tiga wajah bacaan iaitu dengan empat harakat, lima harakat dan enam harakat.
- 7) Kalimah diakhiri dengan baris fathah dibaca sukun oleh Imam Hafs ‘an ‘Asim Contohnya : (مِصْرَ).
- 8) Kalimah diakhiri dengan baris kasrah contohnya : (وَالْفَجْرِ, مِنَ الْأَمْرِ). Imam Hafs ‘an ‘Asim membaca dengan sukun dan rawm.
- 9) Kalimah diakhiri dengan baris dhammah contohnya : (نَعْبُدُ, وَقَالَ رَجُلٌ). Imam Hafs ‘an ‘Asim membaca dengan sukun, rawm dan ishmam.

Analisis Dalam Surah al-Jumu'ah

Surah al-Jumu'ah adalah surah madaniyyah yang mempunyai 11 ayat. Ia adalah surah yang ke-62 mengikut turutan mushaf al-Quran. Analisis kaedah waqaf menurut riwayat Hafs ‘an ‘Asim yang dilakukan pada surah ini adalah dengan membawakan kepala ayat (ra's al-ayah) bagi setiap ayat seperti mana berikut :

1. Ayat pertama (...الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini adalah dengan empat wajah bacaan seperti berikut :
 - (i) Wajah satu, dua dan tiga adalah sukun seperti mad ‘arid li al-sukun dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 - (ii) Wajah keempat adalah waqaf dengan dua harakat dilengkapi dengan wajah rawm.
2. Ayat kedua (...لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini adalah dengan empat wajah bacaan seperti berikut :
 - (i) Wajah satu, dua dan tiga adalah sukun seperti mad ‘arid li al-sukun dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 - (ii) Wajah keempat adalah waqaf dengan dua harakat dilengkapi dengan wajah rawm.
3. Ayat ketiga (...وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini ialah tujuh wajah bacaan iaitu :
 - (i) Wajah satu, dua dan tiga adalah sukun seperti mad ‘arid li al-sukun dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.

- (ii) Wajah empat, lima dan enam adalah seperti mad ‘arid li al-sukUn dan dilengkapi tiap-tiap harakat tersebut dengan wajah ishmam.
 - (iii) Wajah ketujuh adalah waqaf dengan dua harakat dilengkapi dengan wajah rawm.
4. Ayat keempat (ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ...)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini adalah dengan empat wajah bacaan seperti berikut :
 - (i) Wajah satu, dua dan tiga adalah sukun seperti mad ‘arid li al-sukUn dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 - (ii) Wajah keempat adalah waqaf dengan dua harakat dilengkapi dengan wajah rawm.
 5. Ayat kelima (أَلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ...)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini ialah tiga wajah bacaan sukun iaitu mad ‘arid li al-sukUn dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 6. Ayat keenam (إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ...)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini ialah tiga wajah bacaan sukun iaitu mad ‘arid li al-sukUn dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 7. Ayat ketujuh (وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ...)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini ialah tiga wajah bacaan sukun iaitu mad ‘arid li al-sukUn dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 8. Ayat kelapan (بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ...)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini ialah tiga wajah bacaan sukun iaitu mad ‘arid li al-sukUn dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 9. Ayat kesembilan (إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ...)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini ialah tiga wajah bacaan sukun iaitu mad ‘arid li al-sukUn dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 10. Ayat kesepuluh (لَعَلَّكُمْ تَفْلَحُونَ...)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini ialah tiga wajah bacaan sukun iaitu mad ‘arid li al-sukUn dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.
 11. Ayat kesebelas (وَاللَّهُ خَيْرٌ أَلْرَّزِقِينَ...)
Kaedah waqaf bagi kalimah ini ialah tiga wajah bacaan sukun iaitu mad ‘arid li al-sukUn dengan dua harakat, empat harakat dan enam harakat.

Kesimpulan

Menerusi hasil perbincangan sebagaimana yang dibawakan, dapatlah disimpulkan bahawa bacaan al-Quran bagi riwayat Hafs ‘an ‘Asim khususnya terdapat beberapa kaedah bacaan ketika waqaf. Umumnya pembelajaran al-Quran masyarakat Malaysia hanya didedahkan dengan kaedah sukun sahaja ketika waqaf. Malah pada kitab-kitab tajwid yang sedia ada juga tidaklah dibincangkan kaedah sebagaimana yang diperjelaskan. Namun hakikatnya inilah ilmu bacaan al-Quran yang telah diwarisi oleh para ulama qurra’ malah ianya juga dinukilkan pada kitab-kitab. Semoga hasil perbincangan ini dapat memberikan pendedahan kepada umum tentang seni-seni bacaan al-Quran khususnya bagi riwayat Hafs ‘an ‘Asim.

Walau bagaimanapun perlu diberi perhatian bahwasanya ilmu tentang pembacaan al-Quran bukanlah semata-mata dipelajari melalui kitab dan tulisan-tulisan, malah ianya perlu kepada sebagaimana asal kaedah pembelajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW iaitu dengan cara talaqqi dan mushafahah. Tidak dapat tidak cara sebutan lafaz al-Quran mestilah diambil daripada guru yang mutqin agar ianya tepat sebagaimana haq sebutan lafaz-lafaz al-Quran yang sebenarnya.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abdullah Muhammad Basmeih, (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Dar al-Fikir: Kuala Lumpur.

Abd al-Rahman Sa'dallah 'Aytani (2011). *al-Mufid Fi 'Ilm Tajwid*. Cetakan Pertama 2011. Muassasat al-Rayyan: Bayrut.

Abdul Rahman bin Abdul Ghani, (2015). *Syarah Usul Qiraat Matan al-Syatibiyyah*. KPIJ Press: MARSAH, Johor Bahru.

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. (2001). *Al-Tambid fi 'Ilm al-Tajwid*. Muassasat al-Risalah, Bayrut.

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. (2012). *Manzumat al-Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at al-Ashr*. Tahqiq Prof. Dr Ayman Suwayd. Maktabah Ibn al-Jazari: Damshiq.

Sayyid Lashin Abu al-Farh. (2003). *Taqrib al-Ma'ani Fi Syarh Hirz al-Amani wa Wajb al-Tabani fi al-Qira'at al-Sab'*. Maktabah Dar al-Zaman: Madinat al-Munawwarah.

Al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Shatibi al-Andalusi. (2010). *Hirz al-Amani wa Wajb al-Tabani*. Maktabah Dar al-Huda: Madinat al-Munawwarah.

BAB 15

PEMBINAAN ISTINBAT HUKUM DALAM MAZHAB AL-SYAFI'Y: ANALISIS QIRAAT QURANIYYAH

Mohd Mahfuz Jaafar, Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi, Ahmad Syahir Ahamad Nzly

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Wajah-wajah qiraat dalam al-Quran merupakan salah satu aspek yang penting dalam mentafsir dan mengistinbat suatu hukum dalam ibadah daripada ayat-ayat al-Quran. Dengan kepelbagaian wajah qiraat, ianya menjadikan perbezaan pandangan mazhab

Kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti apakah wajah qiraat yang diambil oleh Imam al-Syafi'iy dalam menentukan hukum mengikut pandangan beliau. Penulis hanya menganalisis wajah qiraat yang diambil oleh imam al-Syafi'iy daripada ayat-ayat al-Quran dalam menghasilkan hukum-hukum dalam fiqh. Dan terlebih dahulu penulis akan mengemukakan serba sedikit latarbelakang Imam al-Syafi'iy.

Latarbelakang Imam al-Syafi'iy:

Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin Shafi' bin al-Saib bin Ubaid bin Abdul Yazid bin Hashim bin Abdul al-Muttalib bin Abdul Manaf bin Qusayy bin Kilab bin Murrat bin Ka'ab bin Lu'ayy bin Ghalib bin Fihri bin Malik bin al-Nadr bin Kinanat bin Khuzaymat bin Mudrikat bin 'Ilyas bin Mudar bin Nizar bin Ma'ad bin 'Adnan bin 'Ud bin 'Udad. Nasab keturunan Imam al-Syafi'iy bertemu dengan nasab keturunan Rasulullah S.A.W pada Abdul Manaf bin Qusayy.

Ayah Imam al-Syafi'iy bernama Idris bin al-'Abbas. Beliau pernah tinggal di Madinah sehinggalah berlakunya satu peristiwa yang tidak disukainya, lalu memaksa beliau berhijrah ke Asqalan salah satu daerah di Gaza. Beliau menetap disitu hinggalah beliau meninggal dunia setelah Imam al-Syafi'iy dilahirkan. Ibu Imam al-Syafi'iy berasal daripada suku al-'Adh seperti mana yang diceritakan oleh Imam al-Syafi'iy sendiri. Ibnu al-Hakam menceritakan bahawa Imam al-Syafi'iy pernah berkata kepadanya, "Ibuku berasal dari suku al-'Adh dan nama panggilannya ialah Ummu Habibat al-'Adhiyat". (Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, 2014)

Imam al-Syafi'iy lahir pada bulan Rejab tahun 150H. Ada juga riwayat menyatakan Imam al-Syafi'iy lahir pada tahun kewafatan Imam Abu Hanifah. Tempat lahir Imam al-Syafi'iy dikatakan di Gaza, Palestin. Berdasarkan riwayat dan ini merupakan kebanyakan pandangan para ulama. Menurut riwayat yang lain, beliau lahir di Asqalan yang terletak di sebelah utara Gaza. Ada juga riwayat yang mengatakan beliau lahir di Yaman, tetapi pandangan ini terlalu lemah. (Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, 2014).

Kebanyakan para ulama sejarah dan biografi menyatakan ibu Imam al-Syafi'iy membawanya ke Makkah dua tahun setelah kelahirannya. Ayah beliau meninggal dunia setelah beberapa hari setelah beliau dilahirkan, dengan erti kata yang lain Imam al-Syafi'iy tiba di Makkah ketika masih usia kanak-kanak dan masih dalam asuhan ibunya pada tahun 152H. Imam al-Syafi'iy lahir pada era kerajaan Islam Abbasiyyah, beliau sempat menemui enam khalifah yang memerintah kerajaan Islam Abbasiyyah secara berturutan. (Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, 2014).

Analisis Qiraat Yang Diambil Oleh Imam Al-Syafi'iy Dalam Menentukan Hukum

1. Bab Perkahwinan

1.1 Haid (Al-Baqarah (2) : 222)

Surah al-Baqarah ayat 222 menyatakan tentang hukum menyetubuhi isteri yang telah habis haid tetapi masih dalam keadaan berhadas besar. Firman Allah:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَأَعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوْبِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ٢٢٢

Maksudnya:

“Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.”

Terdapat perbezaan tentang bersuci, ada yang mengatakan bahawa suci adalah membasuh dengan air. Ada juga yang berpendapat suci adalah wuduk seperti wuduk solat. Pendapat lain juga mengatakan suci dengan membasuh faraj.

Mengikut bacaan Syu'bah, Hamzah dan Khalaf al-'Asyir, mereka membaca dengan tasydid pada huruf to dan ha (Jamaluddin Muhammad Syaraf, 2010) iaitu يَطْهَرْنَ yang bermaksud sehingga mereka benar-benar menyucikan diri dengan air (mandi hadas) selepas hilang darah haid.

Mazhab al-Syafi'iy mengharamkan *istimta'* dan *jima'* dengan wanita yang telah kering darah haidnya sehingga mereka mandi hadas besar. (Andek Masnah Andek Kelewa, 1992)

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Kisaie, Khalaf 'Asyir dan Syu'bah	Tasyhdid dan Fathah pada huruf ط dan ه	يَطْهَرْنَ

1.2 Khulu' (Al-Baqarah (2) : 229)

Khulu' ialah talak yang berlaku dengan keinginan isteri dan kesungguhannya untuk bercerai dengan erti kata yang lain ialah (tebus talak). Khulu' disyariatkan sebagai memenuhi kemahuan isteri. Maksud khulu' ialah isteri menebus dirinya agar dibebaskan oleh suaminya dengan cara mengembalikan mas kahwin yang telah mereka sepakati sebelum ini kepada suaminya. (Ridzuan Hashim, 2016) firman Allah S.W.T:

وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ

Maksudnya:

“...Dan tidak halal bagi kamu mengambil dari sesuatu yang telah kamu berikan kepada mereka, kecuali kalau keduanya khunatir tidak akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah...”

Mengikuti bacaan Hamzah, Abu Ja'far dan Ya'qub, mereka membaca dengan huruf ya' berbaris depan (Al-Imam Syamsuddin Abi al-Khair Muhammad, 2002) **إِلَّا أَنْ يُخَافَا** yang bererti kebimbangan selain daripada suami isteri. (Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad, 1988) Manakala bacaan selain mereka ialah membaca dengan huruf ya' berbaris atas **إِلَّا أَنْ يُخَافَا** membawa maksud kecuali suami isteri khuatir atau bimbang tidak dapat melaksanakan peraturan-peraturan Allah dalam menunaikan hak hubungan antara suami isteri. (Abdul Rahman bin Muhammad bin Zanjalah, 2001)

Menurut bacaan Hamzah, Abu Ja'far dan Ya'qub, apabila huruf ya' berbaris depan, ketakutan pada hakikatnya tidak sepatutnya berlaku kepada mereka kerana mereka tidak takut meninggalkan ketentuan Allah melainkan rasa takut itu didatangkan ke atas mereka. (Nasr bin Ali, 1993)

Bacaan kedua dengan membaca huruf ya' berbaris atas, bermaksud takut tersebut menurut al-Fara' ialah sangkaan, selain itu juga membawa makna mengetahui. Mereka suami isteri mengetahui dan menyangka akan akibat meninggalkan aturan Allah.

Apa yang dimaksudkan dengan ketentuan Allah adalah sesuatu yang telah ditentukan serta diwajibkan kepada salah seorang suami isteri iaitu mengenai hak atau perkara yang berhubungan dengan mereka. Antara hak yang telah ditentukan syariat adalah sikap patuh dan taat seorang isteri kepada suami, khususnya dalam hubungan jima', kecuali hal-hal yang darurat. Sementara hak yang harus dipenuhi oleh suami adalah memberikan nafkah zahir dan batin bagi isteri yang bersesuaian dengan keperluannya, menjaga kehormatannya dan sebagainya. (H.M Yusuf Sinaga, 2011)

Jika terjadi perbalahan di dalam rumah tangga, maka sangat dianjurkan untuk mengambil jalan tengah iaitu dengan mendamaikan mereka. Akan tetap jika perdamaian tersebut dibimbangkan akan membuat mereka melanggar perintah Allah, maka mereka dianjurkan untuk berpisah secara baik dengan talak mahupun fasakh sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah:

وَأِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَأَبْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقُ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ۝ ٣٥

Maksudnya:

“Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami-isteri) maka lantiklah “orang tengah” (untuk mendamaikan mereka, iaitu) seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua “orang tengah” itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami-isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuan-Nya.” (Al-Nisa’ (4): 35)

Kesan bacaan pertama pada hukum *syara'* ialah hakim berkuasa sepenuhnya membubarkan hubungan suami isteri pada masalah khulu'. Manakala Imam al-Syafi'iy mengambil bacaan kedua atau mengikut jumbuh ialah hak pembubaran dalam masalah ini tidak boleh dilaksanakan oleh hakim tanpa kehendak daripada suami isteri. (Doktor Mustafa Al-Khin, 2009).

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Nafi', Ibnu Kathir, Abu 'Amru, Ibnu 'Amir, 'Asim, Kisaie dan Khalaf 'Asyir	Fathah pada huruf Ya	يَخَافَا

1.3 Penyusunan (Al-Baqarah (2) : 233)

Penyusuan bermaksud nama perbuatan yang dilakukan untuk mendapatkan susu seorang perempuan atau susu yang masuk ke dalam perut seorang kanak-kanak. (Ridzuan bin Hashim, 2016) Dalam surah al-Baqarah ayat 233 yang menyentuh tentang penyusuan, sebagaimana firman Allah:

لَا تُضَارُّ وِلْدَةً بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودَ لَهُ بِوَلَدِهِ ۗ

Maksudnya:

“...Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan kerana anaknya dan juga seorang ayah kerana anaknya...” (Al-Baqarah (2): 233)

Bacaan Ibnu Kathir, Abu ‘Amru dan Ya’qub pada ayat tersebut membaca dengan baris depan pada huruf ra’ **تُضَارُّ** yang berbentuk *rafa*’ (Imam Syamsuddin Abi Al-Khair, 2002), iaitu *‘atof* kepada kalimah **تُكَلِّفُ نَفْسٌ** iaitu khabar dan dimaksudkan dengannya ialah suruhan atau perintah. (Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad, 1988) Bacaan ini tidak memberi tegahan semata-mata tetapi memberikan makna yang tersirat iaitu tidak wajar bagi isteri yang dicerai dalam meninggikan kadar bayaran sehingga memudaratkan suami bagi membayar kos penyusuan yang dikenakan kepadanya. Hal ini akan menyebabkan isteri terhalang daripada menerima mut’ah penyusuan sekaligus memberi kesan kepada anaknya. (Siti Fatimah Salleh, 2011)

Qiraat yang lain pula ialah bacaan dengan baris atas pada huruf ra’ **تُضَارَّرَ** yang menunjukkan kata *nahi* (larangan), dan perkataan asal bagi kalimah tersebut ialah **لَا تُضَارَّرَ** yang menunjukkan tegahan semata-mata, (Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad, 1988) di mana dua huruf ra’ berhimpun, kemudian diidghamkan huruf ra’ yang pertama kepada huruf ra’ yang kedua dan dibariskan dengan baris atas. Berdasarkan bacaan ini, ayat tersebut membawa kepada hukum taklifi. (Muhammad Habsy, 1999)

Berdasarkan perbezaan dua bacaan tersebut, makna *nahi* (larangan) wujud dalam maksud kedua-duanya. Namun, bacaan pertama sebagai penerangan kepada kehendak hukum *syara*’ dalam ayat tersebut. (Siti Fatimah Salleh, 2011) Imam al-Syafi’iyy mengambil bacaan *jumhur Qurra*’ sebagai hukum bagi penyusuan bagi ibu yang dicerai. (Doktor Mustafa Al-Khin, 2009)

Imam Qurra’	Wajah Qiraat	Kalimah
Nafi’, Ibnu ‘Amir, ‘Asim, Hamzah, al-Kisaie, Ya’qub dan Khalaf ‘Asyir	Tasydid pada huruf ra’.	تُضَارُّ

1.4 Hukum pemberian Mut’ah (Al-Baqarah (2) : 236)

Mut’ah ialah harta yang suami wajib serahkan kepada isteri yang telah berpisah dengannya sama ada dengan talak (cerai) atau perpisahan. (Ridzuan bin Hashim, 2016)

وَمَتِّعُوهُنَّ عَلَى الْمَوْسِعِ قَدْرَهُ وَعَلَى الْمَقْتِرِ قَدْرَهُ مَتَّعًا بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya :

“...Dan hendaklah kamu berikan suatu mut’ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), iaitu pemberian menurut yang patut...” (Al-Baqarah (2): 236)

Imam Hafs, Ibnu Zakuan, Hamzah, al-Kisaie, Abu Ja'far dan Khalaf al-'Asyir membaca huruf dal berbaris atas (Jamaluddin Muhammad Syaraf, 2010), قَدْرُهُ berikutan dengan asal daripada perkataan (القَدْرُ) yang bermaksud keupayaan seperti perkataan (المُوسِع), (Muhammad Amin bin Umar Abidin, 1994) bermaksud kekuatan atau kemampuan. Imam al-Syafi'iy mengambil bacaan ini membawa maksud suami yang mempunyai kelapangan dan kemampuan, maka kadar mut'ah yang perlu diberi berdasarkan kemampuan suami tersebut. (Muhammad Habsy, 1999)

Manakala bacaan yang lain dengan berbaris sukun قَدْرُهُ iaitu asas daripada (القَدْرُ) yang bermaksud mengukur. Qiraat ini dikuatkan lagi dengan firman Allah:

فَسَأَلَتْ أَوْدِيَةَ بِقَدْرِهَا

Maksudnya:

“...maka mengalirlah ia (air) di lembah-lembah menurut ukurannya...” (Al-Ra'd (13): 17)

Berdasarkan ayat ini tuntutan pemberian mut'ah perlu bersesuaian dengan kemampuan suami dan kedudukan akhlak isteri agar pemberian tersebut munasabah atas kepatuhan isteri terhadap *syara'*. Dalam menguatkan hujah bacaan ini, berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud, Sayyidatina 'Aisyah R.A semasa memperingati perempuan-perempuan yang bersua ria dalam majlis perkahwinan dengan berkata:

فَأَقْدَرُوا قَدْرَ الْجَارِيَةِ الْحَدِيثَةِ السِّنِّ ، تَسْمَعُ اللَّهُوَ

[Riwayat al-Bukhari]

Maksudnya:

“Nilailah pemberian kepada perempuan hamba pada masa sekarang yang mendengar perkara kealpaan.”

Kesimpulannya, kedua-dua bacaan tersebut menuntut suami agar membayar sugu hati mengikut kemampuannya. Namun, bacaan kedua menilai kadar pemberian berpandukan kedudukan akhlak isteri.

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Ibnu Zakuan, Hafs, Hamzah, al-Kisaie dan Abu Ja'far	Huruf dal dibaca dengan fathah	قَدْرُهُ

1.5 Larangan menyakiti isteri (Al-Nisa'(4) : 19)

Islam melarang suami mengambil semula pemberian sama ada mahar atau harta-harta lain yang diberikan kepada isteri. Sepertimana dalam firman Allah:

وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفُجْشَةٍ مُّبِينَةٍ

Maksudnya:

“...Dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata...” (Al-Nisa' (4): 19)

Mengikut Qiraat Ibnu Kathir dan Syu'bah, mereka membaca dengan baris atas pada huruf ya' ^ا مُّبِينَةٍ (Jamaluddin Muhammad Syaraf, 2010) yang menunjukkan *isim maf'ul* yang bererti terang-terangan iaitu sudah jelas akan perbuatannya. (Muhammad Habsy, 1999) Bacaan ini membawa maksud bahawa perbuatan keji yang nyata sudah diketahui umum atau memadai dengan orang lain yang yang mendedahkan perbuatan keji tersebut.

Manakala bagi Imam al-Syafi'iy, beliau mengambil bacaan jumbuh Qurra' iaitu membaca dengan baris bawah pada huruf ya' ^ا مُّبِينَةٍ yang menunjukkan *isim fa'il* iaitu menzahirkan dan mendedahkan. Bacaan ini bermaksud bahawa menzahirkan perbuatan keji atau isteri itu sendiri yang mendedahkan perbuatan kejinya. (Doktor Mustafa Al-Khin, 2009)

Berdasarkan ayat tersebut, seorang suami yang tidak ingin bersama dengan isterinya lagi tidak boleh menimbulkan kesempitan dan kemudaratannya bagi isteri dengan sengaja yang bertujuan agar isteri tidak tahan dan meminta khulu'. Dalam ayat yang lain Allah S.W.T telah berfirman:

وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا

Maksudnya:

“...Janganlah kamu rujuk mereka untuk memberi kemudaratannya, kerana dengan demikian kamu menganiaya mereka...” (Al-Baqarah (2): 231)

Jika seorang suami mengetahui secara pasti dan yakin bahawa dia telah melakukan kemudaratannya terhadap isterinya sehingga jatuh hukum khulu', maka suami tersebut tidak berhak mendapatkan tebusan. Kecuali sekiranya isteri melakukan perbuatan keji seperti zina, maka suami boleh menimbulkan kemudaratannya terhadap isteri dengan tujuan isteri meminta khulu' dan menyerahkan tebusan. (Abu Utsman Kharisman, 2018)

Berdasarkan perbezaan Qiraat tersebut menunjukkan suami harus mengambil semula sebarang bentuk pemberian harta kepada isterinya apabila wujud situasi dalam dua bacaan tersebut iaitu dengan perbuatan keji yang sudah diketahui umum ataupun isteri yang mendedahkan sendiri perbuatan kejinya. Tiada sebarang perbezaan hukum tetapi menjelaskan dua situasi yang berbeza dan kedua-dua bacaan tersebut diguna pakai dalam memutuskan hukum. (Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad, 1988)

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Nafi', Abu 'Amru, Ibnu 'Amir, Hafs, Hamzah, al-Kisaie, Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf 'Asyir	Dibaca dengan kasrah pada huruf ya'	مُبِينَةٍ

1.6 Larangan isteri mempamerkan perhiasan (Al-Nur (24) : 31)

Dalam firman Allah S.W.T yang menyentuh tentang aurat wanita serta larangan mempamerkan perhiasan kecuali ke atas mereka yang telah Allah jelaskan dalam al-Quran iaitu:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ

Maksudnya :

“...Dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya), kecuali yang (biasa) terlihat. Dan hendaklah mereka melabuhkan kain tudung hingga ke paras dadanya dan janganlah menampakkan perhiasannya, kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka atau putera-putera mereka atau putera-putera suami mereka atau saudara-saudara lelaki mereka atau putera-putera saudara-saudara perempuan mereka atau para perempuan (sesame Islam) mereka atau hamba sahaya yang mereka miliki atau para pelayan lelaki (tua) yang tidak mempunyai keinginan (terhadap perempuan)...” (Al-Nur (24): 31)

Bacaan Imam Ibnu ‘Amir, Syu’bah dan Abu Ja’far membaca dengan ra’ berbaris atas غَيْرِ. (Jamaluddin Muhammad Syaraf, 2010) Bacaan ini membawa kepada dua maksud. Pertama, dii’rabkan sebagai *al-istisna’* (kecuali):

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِلتَّابِعِينَ إِلَّا أُولَى الْإِرْبَةِ فَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ لَهُمْ

Maksudnya:

“...Dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali para pelayan lelaki (orang-orang suruhan lelaki) kecuali mereka yang tidak berkeinginan terhadap perempuan maka janganlah menampakkan perhiasan kepada mereka...”

Kedua, dii’rabkan dengan *hal* (keadaan) iaitu:

أَوْ التَّابِعِينَ لَا مُرِيدِينَ النِّسَاءَ

Maksudnya:

“...atau para pelayan lelaki (orang suruhan lelaki) yang keadaan mereka itu tidak berkeinginan kepada perempuan...” (Muhammad Amin bin Umar Abidin, 1994)

Bacaan jumbuh dengan baris bawah pada huruf ra’ غَيْرِ menjadikan ia dii’rab sebagai *sifat* iaitu:

لَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِلتَّابِعِينَ الَّذِينَ لَا إِرْبَ لَهُمْ فِي النِّسَاءِ

Maksudnya:

“Janganlah menampakkan perhiasan kecuali kepada para pelayan lelaki (orang suruhan lelaki) yang tiada kemahuan atau hajat terhadap perempuan...” (Muhammad Habsy, 1999)

Allah S.W.T telah menyatakan dengan jelas orang-orang yang diberi keizinan untuk melihat perhiasan wanita dalam kalangan lelaki dan wanita kecuali satu keadaan iaitu kepada orang suruhan lelaki (pelayan lelaki). Selain daripada yang disebutkan adalah diharamkan

melihat atau diperlihatkan perhiasan wanita. (Abi Bakr Muhammad bin Abdullah al-Ma'ruf, 2003)

Bacaan pertama menerangkan satu keadaan sahaja iaitu hal keadaan apabila timbul keinginan terhadap perempuan. Manakala bacaan kedua iaitu bacaan jumbuh memberi maksud yang lebih jelas kerana ia membawa makna kepada semua keadaan selagi mana mereka disifatkan sebagai lelaki yang mempunyai keinginan dan kemahuan terhadap perempuan. Maka jelaslah bahawa diharamkan wanita-wanita mempamerkan perhiasan diri kepada selain yang dinyatakan di dalam al-Quran termasuk orang-orang suruhan lelaki yang mempunyai keinginan atau timbul syahwatnya terhadap wanita.

Imam al-Syafi'iy mengambil bacaan jumbuh Qurra' iaitu huruf ra' dengan baris bawah kerana disitu jelas membawa makna bahawa isteri tidak dibenarkan mempamerkan *syara'* walaupun terhadap seorang hamba lelaki yang boleh menimbulkan syahwatnya terhadap seorang wanita. (Doktor Mustafa Al-Khin, 2009)

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Nafi', Ibnu Kathir, Abu 'Amru, Hafs, Hamzah, al-Kisaie, Ya'qub dan Khalaf 'Asyir	Dibaca dengan kasrah pada huruf ra'	غَيْرٌ

1.7 Tuntutan isteri berada di rumah (Al-Ahzab (33) : 33)

Firman Allah S.W.T yang menyentuh mengenai tuntutan isteri untuk berada dalam rumah:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ

Maksudnya:

"...Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu..." (Al-Ahzab (33): 33)

Pada kalimah وَقَرْنَ, Imam Nafi', 'Asim dan Abu Ja'far membaca dengan baris atas pada huruf qaf. (Imam Syamsuddin, 2002) Manakala bacaan para imam lain membaca dengan baris bawah وَقَرْنَ. Bacaan pertama dengan huruf qaf berbaris atas berasal daripada perkataan *istiqrar* (Muhammad Habsy, 1999) yang bermaksud menetap. Manakala bacaan kedua huruf qaf berbaris bawah membawa maksud sebagai *al-wiqar* iaitu yang sama maksud dengan bacaan pertama tetapi lebih kepada beradab.

Kesan perbezaan bacaan tersebut ialah bacaan pertama iaitu menetap di dalam rumah dan tidak boleh keluar darinya kecuali darurat atau ada keuzuran. Bagi bacaan kedua pula, menetap di dalam rumah iaitu dalam keadaan tenang dan beradab. Imam al-Syafi'iy mengambil bacaan Imam Nafi', 'Asim dan Abu Ja'far iaitu dengan baris atas pada huruf qaf, kerana seorang isteri tidak harus keluar dari rumah tanpa izin suami sekiranya berlaku kecemasan seperti darurat dan sebagainya *syara'* membenarkan dengan alasan untuk selamat diri. (Doktor Mustafa Al-Khin, 2009)

Kesimpulannya dua bacaan ini tuntutan supaya isteri berada di dalam rumah. Bacaan pertama menekankan larangan isteri keluar dari rumah kecuali dalam situasi yang penting atau darurat. Manakala bacaan kedua lebih menyuruh terhadap isteri untuk berkelakuan baik ketika berada di rumah tanpa menyatakan larangan keluar dari rumah seperti bacaan pertama tadi. Tuntutan bacaan pertama menjadi wajib bagi isteri-isteri Nabi Muhammad S.A.W dan bacaan kedua menjadi sunat bagi isteri-isteri umat Nabi Muhammad S.A.W.

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Nafi', 'Asim dan Abu Ja'far	Dibaca dengan baris atas pada huruf qaf	وَقَرْنَ

2. Bab Wudu'

2.1 Tartib pengambilan wudu' (Al-Maidah (5) : 6)

Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Maksudnya:

“Wahai orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuh muka dan tangan kamu hingga ke siku dan sapulah kepala kamu (basuhlah) dan kaki kamu hingga kedua buku lali...” (Al-Maidah, (5): 6)

Wajah Qiraat dalam ayat ini adalah pada kalimah وَأَرْجُلَكُمْ : (Muhammad Kurayyim, 1994) Ibnu Kathir, Abu 'Amru, Abu Ja'far, Khalaf al-'Ashir dan Shu'bah mengkasrahkan (baris bawah) pada huruf Lam iaitu وَأَرْجُلَكُمْ. Nafi', Ibnu 'Amir, al-Kisaie, Ya'qub dan Hafs memfathahkannya (baris atas).

Menurut Qiraat pertama, kalimah ini dibaca dengan kasrah pada huruf Lam iaitu وَأَرْجُلَكُمْ, mengambil kira bahawa kalimah ini adalah sambungan (masih berkait) dengan kalimah sebelumnya iaitu وَامْسَحُوا. Berdasarkan baris bawah pada kalimah yang digariskan dalam ayat berkenaan iaitu وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ (Abdul Rahman bin Muhammad Zanjalah, 2001), kalangan mereka yang membaca secara kasrah menjadikan *harf jar* iaitu huruf Ba sebagai 'amil (pelaku ataupun penyebab baris kasrah). (Al-Qurtubi, 1996)

Ternyata maksud ayat berkenaan membawa maksud seperti berikut, iaitu; “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadap kecil), maka berwuduklah iaitu basuhlah muka kamu, kedua belah tangan kamu hingga ke siku dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan sapulah kedua belah kaki kamu sehingga ke buku lali”. (Al-Qurtubi, 1996)

Manakala Qiraat kedua pula, kalimah tersebut dibaca dengan fathah (baris atas) pada huruf lam iaitu وَأَرْجُلَكُمْ kerana mengambil kira ia adalah sambungan (masih berkait) dengan kalimah sebelumnya iaitu (فَاغْسِلُوا). Berdasarkan baris atas pada kalimah yang digariskan dalam ayat berkenaan iaitu فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ, (Zanjalah) kalangan mereka yang membaca secara baris atas menjadikan kalimah فَاغْسِلُوا sebagai 'amil nasab (pelaku ataupun penyebab baris atas). (Al-Qurtubi, 1996)

Ternyata maksud ayat berkenaan membawa maksud seperti berikut; “Wahai orang-orang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadap kecil),

maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu sehingga ke siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu sehingga ke buku lali". (Al-Qurtubi, 1996)

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa Qiraat ini telah memperlihatkan bahawa pandangan Imam al-Syafi'iy mewajibkan bahagian anggota kaki wajib dibasuh dan bukanlah di sapu. Ini berdasarkan sandaran bacaan baris atas yang terzahir kerana ia merupakan sambungan pada kata kerja (فَأَغْسِلُوا). (Jalaluddin al-Suyuti, 2003)

Selain itu, ini juga dikuatkan lagi dengan beberapa dalil yang lain seperti hadith:

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ (ص) إِذَا تَوَضَّأْنَا لِلصَّلَاةِ أَنْ نَغْسِلُ أَرْجُلَنَا
[Sunan al-Daruqutni: 377]

Maksudnya:

daripada Jabir, Rasulullah S.A.W menyuruh kami apabila kami berwuduk untuk menunaikan solat maka kami akan membasuh kaki-kaki kami.

Dalam hadith ini jelas menyatakan bahawa terdapat suruhan nabi S.A.W yang menyuruh para sahabat baginda agar membasuh bahagian kaki mereka ketika berwuduk. Bahkan baginda memberi amaran kepada mereka dengan ancaman api neraka bagi sesiapa yang hanya menyapu pada kaki ketika berwuduk. Ini kerana segala kekotoran yang terdapat pada kaki sama sekali tidak dapat dihilangkan seadanya dengan hanya menyapukan air pada kaki. Jelas di sini ancaman baginda terhadap perbuatan para sahabat baginda menunjukkan perbuatan membasuh kaki adalah suatu tuntutan wajib. (Muhammad bin Ahmad Rusd, 1415)

Kesimpulannya, penulis melihat pemahaman membasuh kaki dengan air itu sewajarnya sebagai cara hakiki pengambilan wuduk manakala pemahaman menyapu kaki dengan air sahaja pula diaplikasikan bagi seorang yang berwuduk dengan menggunakan khuf (kasut kulit) kerana faktor cuaca yang amat sejuk dan seumpamanya. Bacaan baris atas bagi maksud basuh adalah lebih diutamakan ketika berwuduk manakala bacaan baris bawah yang bermaksud menyapu pula adalah sesuai digunakan bagi khuf (sejenis sarung kulit yang dipakai pada kaki) ketika berwuduk. Demikianlah suasana harmoni dan sudut keserasian dapat dipamerkan sesuai dengan kedua-dua disiplin ilmu ini tanpa melangkau batasanya. Oleh itu, penulis mendapati bahawa Imam al-Syafi'iy mengambil bacaan Nafi', Ibnu 'Amir, al-Kisaie, Ya'qub dan Hafs iaitu bacaan baris fathah (atas) dari perkataan وَأَرْجُلَكُمْ.

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Nafi', Ibnu 'Amir, al-Kisaie, Ya'qub dan Hafs	Bacaan baris atas pada huruf lam	وَأَرْجُلَكُمْ

2.2 Terbatalnya wuduk disebabkan bukan mahram (Al-Nisa' (4) : 43)

Firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا غَفُورًا ٤٣

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadapan kecil), maka (berwuduklah) iaitu basublah muka kamu, dan kedua belah tangan sehingga ke siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basublah kedua belah kaki kamu sehingga ke buku lali; dan jika kamu junub (berhadapan besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu menyentuh wanita, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah (debu yang bersih) itu, Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendaklah menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur”.

Terdapat dua wajah Qiraat pada kalimah **لَا مَسْتُمْ**. Imam Hamzah, al-Kisaie, Khalaf al-‘Asyir membaca dengan *hazaf* (tanpa alif) pada huruf Lam iaitu **لَمَسْتُمْ**. Manakala bagi Imam Nafi’, Ibnu Kathir, Abu ‘Amru, Ibnu ‘Amir, ‘Asim, Abu Ja’far dan Ya’qub membaca dengan *ithbat* (dengan alif) pada huruf Lam iaitu **لَامَسْتُمْ**. (Muhammad Kurayyim, 1994)

Menurut Qiraat pertama, kalimah tersebut dibaca dengan *Hazaf alif* membawa maksud sentuh tanpa melakukan jima’ (bersetubuh) seperti cium, isyarat mata dan bersentuhan tangan. (Zanjalah, 2001) Ini merupakan pandangan yang dibawakan oleh Ibnu Umar, Ibnu Ma’ud, Said bin Jabir, Ibrahim bin Nakhai’i dan Ibnu Shihab al-Zuhri. Mereka menjadikan perbuatan di sini bagi lelaki bukanlah bagi wanita. (Zanjalah, Ibid)

Manakala Qiraat kedua pula, kalimah ini dibaca dengan *ithbat* (alif) yang membawa maksud bersetubuh antara lelaki dan wanita. Huruf pada kalimah ini bagi menunjukkan atas wazan *mufa’alah*. *Mufa’alah* mestilah melibatkan dua pihak (lelaki dan wanita). Ini dikuatkan berdasarkan apa yang diriwayatkan dalam tafsir bahawa Sayyidina Ali berkata: (لَا مَسْتُمْ الْتِسَاءً) bermaksud kamu bersetubuh, tetapi Allah telah memberi kinayah (kiasan), (al-Habashi, 1999) di sebalik penggunaan kalimah tersebut ialah menyetubuhi wanita. (al-Suyuti, 1997)

Daripada Said bin Jabir berkata: “Kami berada di bilik Ibnu Abbas, bersama kami juga Atta’ bin Rabah, sekumpulan daripada kalangan golongan al-Muwali (pengikut yang setia), Ubaid bin Umair dan sekumpulan daripada kalangan Arab Badwi. Lalu kami berbincang mengenai kalimah (اللماس), Aku (Said bin Jabir) berkata, (اللماس) bermaksud sentuh dengan tangan. Manakala Ubaid bin Umair dan kalangan Arab Badwi pula mengatakan ia bermaksud jima’ (bersetubuh). Maka aku pun berjumpa dengan Ibnu Abbas maka aku memberitahunya perihal ini. Ibnu Abbas mengatakan al-Muwali adalah tepat dan al-Arab Badwi pun betul. Kemudian beliau berkata, “sesungguhnya kalimah (اللماس) permulaannya kepada bersetubuh tetapi Allah memberi kinayah (kiasan ibarat sesuatu) yang ingin dinyatakan dengan apa saja”. (Al-Habashi, 1999)

Dari aspek lughah tiada perbezaan antara kalimah (اللماس) dan (الملامسة) kecuali terdapat *alif al-Muafa’alah* padanya. Kalimah (اللماس) perbuatan sentuh terjadi daripada orang yang menyentuh. Kalimah (الملامسة) pula bersentuhan yang memerlukan dua pihak. (Al-Habashi, Ibid) Kalangan Nuha’ (ulama lughah) tidak membezakan antara (اللماس) dan (الملامسة) dari aspek dalil yang asal. Lantaran perbincangan dalil lughah dalam ayat berkenaan tidak terzahir disebabkan daripada Qiraat tetapi disebabkan banyak pentakwilan,

berdasarkan hakikat dan majaz pada lafaz dan dilihat aspek karenah-karenah yang wujud. (Al-Habashi, Ibid)

Para fuqaha terutama mazhab empat berbeza pendapat dalam menyatakan hukum sama ada batal wuduk ataupun sebaliknya. Sekiranya menyentuh wanita yang bukan mahram. Perbezaan pandangan ini berpunca daripada perbezaan cara istinbat mereka terhadap nas-nas berkaitan permasalahan ini. Perbezaan pengeluaran hukum ini juga adalah berdasarkan perbezaan dua Qiraat yang terdapat dalam ayat al-Quran. (Al-Qawi, 1997)

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai hukum yang berkaitan dalam permasalahan ini. Menurut Mazhab Syafi'iy, bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram adalah terbatal wuduk termasuk suami isteri. Mazhab ini memilih lafaz tanpa ithbat (لَمَسْتُمْ) dengan maksud sentuhan tetapi bukan jima'. Manakala lafaz (لَا مَسْتُمْ) hanya membawa sentuhan yang lebih mendalam (apa jua bentuk sentuk) tidak menjangkau makna yang lain. (Al-Habashi, 1999) Mazhab ini juga menguatkan makna kalimah berkenaan dengan maksud demikian berdasarkan pandangan Ibnu Mas'ud. (Al-Qurtubi, 1996)

Imam al-Syafi'iy meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud dengan katanya: "Sekiranya seorang lelaki menyentuh isteri dengan tangannya atau dengan sebahagian tubuhnya terhadap tubuh isterinya tanpa beralas antara kedua-duanya sama ada dengan syahwat atau tanpa syahwat maka wajiblah bagi suami dan isteri berkenaan berwuduk".

Ternyata pandangan Imam al-Syafi'iy menjadikan sentuhan membatalkan wuduk tanpa syarat sama ada bersyahwat ataupun tanpa syahwat. Pandangan mazhab lain, masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza mengikut Qiraat pada kalimah tersebut. Mazhab Imam al-Syafi'iy telah menghimpunkan antara kedua-dua Qiraat ini dengan membawa maksud sentuhan semata-mata. Justeru pandangan Imam al-Syafi'iy lebih terarah kepada bacaan Imam Hamzah, al-Kisaie dan Khalaf al-'Asyir iaitu penggunaan tanpa alif pada lafaz Qiraat لَمَسْتُمْ tanpa mengeneipkan lafaz Qiraat yang lain iaitu لَا مَسْتُمْ.

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Hamzah, al-Kisaie dan Khalaf al-'Asyir	Membaca tanpa alif di antara huruf lam dan mim	لَمَسْتُمْ

Kesimpulan

Hasil penulisan ini, dapat dilihat apakah wajah qiraat yang dipilih oleh Imam al-Syafi'iy dalam mengistinbat hukum daripada ayat-ayat al-Quran, khususnya dalam bab *fiqh ibadah*. Dan ternyata wajah-wajah qiraat sangat memberi implikasi dalam hukum-hakam sehingga para ulama berbeza pandangan dalam mengistinbat hukum yang tidak lari dari hukum syarak

Rujukan

- Pustaka Darul Iman, 2007, *al-Qur'an dan terjemahan*; Majma' al-Malik Fahd Wataniah.
 Hussain Unang, *Kamus al-Tullab*. 1994. DarulFikir. K.Lumpur.
 Dr. Muhammad Salim Muhaysin, 1997, *al-Hadi, Syarh Taiyyibah al-Nasyr Fi al-Qiraat al-'Asyr Wa al-Kasyf 'An 'Ilal al-Qiraat Wa Tayyibaha*, Kaherah.
 Sayyid Lasyin Abu al-Farh 1413H, *Taqrib al-Ma'ani Fi Syarh Hirz al-Amani Fi al-Qiraat al-Sab'*, Dar al-Zaman.
 Syahab al-Din Abi Bakr, 1997, *Syarh Tayyibah al-Nasyr Fi al-Qiraat al-'Asyr*, Dar al-Kutub, Lubnan.

- Al-Imam al-Jalil Abi Zur'ah `Abd Rahman, 2001, *Hujjah al-Qiraat*, Mu'assah al-Risalah, Lubnan.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 1996. *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah/ Cet. 5.
- Doktor Mustafa al-Khin, Doktor Mustafa al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji. 1992. *Fiqh man hajj a'la al-Imam al-Syafi'i*. Damsyik: Darul Qalam. Jilid 1 dan 4.
- Mahmood Zuddi Haji Abdul Majid. 2014. *Biografi Agung Imam Syafi'i*. Selangor: Group Buku Karangraf.
- Zanjalah, Abdul Rahman bin Muhammad. 2001. *Hujjah al-Qiraat*. Beirut: Muassah al-Risalah. Cet. 5.
- Doktor Wahbah al-Zuhaili. 2001. *Fiqh & Perundangan Islam* Jilid VII. Dewan Bahasa dan Pustaka. Cet. 1.

BAB 16

HUKUMAN MENCURI MENURUT PERSPEKTIF MAZHAB-MAZHAB YANG MASHYUR

Nor Hasanah Mohd Yusoff, Nurul Fathiyah Azman, Muhammad Fairuz A. Adi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s dalam bahasa arab, diriwayatkan secara mutawatir dan bermula dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah al-Nas. Al-Quran juga diyakini sebagai petunjuk bagi sekalian umat manusia. Keyakinan tersebut menempatkan kitab suci ini sebagai sumber pertama dalam ajaran Islam yang mampu menjawab pelbagai persoalan dalam kehidupan manusia mengikut peredaran semasa.

Salah satu ilmu yang terdapat di dalam al-Quran ialah Ilmu Qiraat. Ilmu ini merupakan satu cabang ilmu pengajian islam yang penting dan berkait rapat dengan pelbagai disiplin ilmu, terutamanya dalam Ilmu Fiqh. Ilmu Qiraat berkembang dengan meluasnya pada zaman Rasulullah SAW dan selepas kewafatan baginda. Namun ianya dianggap asing pada awal kemunculannya oleh lapisan masyarakat Islam di Malaysia. Hakikatnya, ilmu ini bukanlah suatu ilmu yang asing kerana al-Quran yang dibaca sekarang merupakan sebahagian daripada ilmu qiraat itu sendiri.

Dalam disiplin Ilmu Fiqh pula, golongan yang membahaskan permasalahan hukum-hukum dalam ayat al-quran pula dikenali sebagai fuqaha'. Golongan ini merupakan golongan yang alim mengenai penginstiban hukum-hukum tasri' yang terdapat dalam ayat-ayat fiqh dalam al-Quran. Antara tokoh-tokoh Fuqaha yang masyhur dalam lipatan sejarah Islam iaitu Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Shafie dan Imam Ahmad. Keempat-empat tokoh ini telah memelopori mazhab masing-masing dalam mengistinbat ayat-ayat hukum fiqh berdasarkan pengamatan mereka terhadap Qiraat sehingga menghasilkan tujahan hukumnya yang tersendiri.

Secara faktanya, ilmu qiraat dan fiqh merupakan dua cabang ilmu dari pengajian Ulum al-Quran yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Hal ini kerana qiraat itu sendiri memainkan peranan yang penting dalam menentukan cara pengistinbatan hukum al-Quran dalam kalangan fuqaha' itu sendiri. Kepelbagaian wajah qiraat secara tidak langsung memperluaskan pemahaman maksud ayat al-Quran dan memberi kesan cara bagaimana pengistinbatan hukum dilakukan berdasarkan ijtihad dalam kalangan fuqaha' yang mutqin. Dan hasil dari kedua-dua ilmu ini telah menjadi satu rahmat dan kemudahan kepada ummat islam untuk beramal dengannya.

Pengenalan Ilmu Qiraat

Pentakrifan Ilmu Qira'at telah dikemukakan oleh banyak para sarjana Islam melalui pelbagai gaya takrifan dan pengenalan yang semuanya dikemukakan mengikut acuan masing-masing. Dr Muhammad Salim Bazamul dalam tesis peringkat doktor falsafahnya telah menyenaraikan sebanyak sepuluh takrif ilmi qira'at yang dikemukakan oleh para sarjana islam yang kemudiannya beliau melakukan sedikit kupasan dan komentar. Antara takrifan perkataan qira'ah dari sudut bahasa dan istilah:

- a) Dari segi bahasa: Perkataan (القرءات) jama' (جمع) bagi perkataan (قراءة). Ianya merupakan kata nama terbitan kepada perkataan qara'a yang ertinya baca, membaca.
- b) Menurut istilah yang telah dikemukakan oleh para pakar al-Quran antaranya ialah:
 - i) Imam Ibn Al-Jazari : Qiraat ialah suatu ilmu tatacara mempraktikkan kalimah-kalimah al-Quran dan perbezaannya yang disandarkan kepada pembawa-pembawanya(imam-imam).
 - ii) Menurut Al- Zarkashi pula: Qira'at adalah perbezaan pada lafaz-lafaz wahyu pada penulisan huruf-huruf atau cara menyebutnya seperti nipis, tebal dan selainnya.
 - iii) Sheikh ' Abd al-Fattah al-Qadi : Suatu Ilmu yang diketahui dengannya tatacara pembacaan kalimah-kalimah al-Quran dan cara mempraktikkannya sama ada yang disepakati atau diperselisihkan yang setiap wajah bacaannya disandarkan kepada pembawanya.
 - iv) Menurut Imam Syihabuddin al-Qatalani dalam kitabnya Lataif al-Isyarat fi Funun al-Qiraat, sebagaimana yang dinukilkan oleh Nur Faizah, menjelaskan bahawa Qiraat adalah suatu ilmu untuk mengetahui kesepakatan serta perbezaan para Ulaa Qiraat (tatacara pengucapan lafaz al-Quran) yang berkaitan dengan aspek lughah, 'Arab, hazf, ithbat, fashl, washl yang diperoleh dengan cara periwayatannya.
 - v) Menurut Ali al-Sabuni dalam kitabnya al-Tibyan fi 'Ulum al-Quran, Qiraat ialah salah satu aliran dalam mengucapkan al-Quran yang dipakai oleh salah satu imam qurra' yang berbeza dengan lainnya dalam hal ucapan berdasarkan sanad-sanad sehinggalah sampai kepada Rasulullah SAW.

Penulis menyimpulkan dari beberapa pendapat diatas bahawa Qiraat adalah suatu ilmu yang membahaskan tentang perbezaan tatacara pengucapan lafaz-lafaz, metode, dan riwayat al-Quran yang disandarkan kepada tujuh imam qurra' sebagai suatu mazhab yang berbeza-beza dengan yang lainnya.

Semua takrif yang dikemukakan di atas, adalah melalui kajian dan pengetahuan mendalam mereka terhadap ilmu qira'at. Idea-idea yang dikemukakan adalah untuk memudahkan para pembaca memahami maksud qira'at melalui perspektif mereka.

Definisi Hukum Mencuri

Mencuri mengikut pengertian umum ialah mengambil barang atau benda tanpa kebenaran pemilik barang tersebut. Mencuri dalam erti kata lain juga bermaksud mengambil barang orang lain dengan sembunyi atau helah yang dilakukan oleh orang yang cukup umur dan pilihan sendiri daripada tempat simpanan yang sesuai dan termaklum tidak dengan cara yang diberikan oleh syarak atau tidak juga dengan cara syubhat.

Dalam bahasa Arab, pencuri itu disebut al-sariq. Kata ini berasal dari kata kerja (سرق), terdiri dari tiga huruf, yang bermakna mencuri. Adapun secara istilahnya iaitu mengambil harta orang lain dengan sengaja di tempat penyimpanan.

Menurut Al-Shabuni bahawa pencurian itu bererti mengambil barang orang lain yang memang dijaga dan bukan kerana terpaksa atau didorong kebutuhan yang mendesak. manakala menurut Sulaiman Rasyid, seorang ulama Fiqh yang sangat terkenal

dengan karangan fiqh Islamnya, menjelaskan bahawa definisi bagi perkataan mencuri ialah mengambil barang orang lain dengan jalan diam-diam dan diambil dari tempat penyimpanannya.

Penetapan Syarat Kepada Hukuman Mencuri

Terdapat syarat-syarat yang harus dipenuhi untuk mempraktikkan hukum potong tangan kepada pencuri. Antaranya ialah,

- a. Pencuri cukup umur (baligh)
Syarat pertama seseorang dikatakan mencuri dan wajib dikenakan hukum potong tangan adalah usianya harus sudah baligh.
- b. Tidak dipaksa atau terpaksa
Hukum potong tangan berlaku apabila seseorang mencuri atas kesedarannya sendiri. Tidak ada paksaan dari pihak lain dan tidak sedang berada dalam kondisi terpaksa.
- c. Sihat dan berakal.
Syarat ketiga adalah si pencuri berakal sihat. Seseorang yang kehilangan akal tidak berhak dijatuhkan hukuman.
- d. Pencuri memahami hukum Islam
- e. Barang yang dicuri berada dalam penyimpanan
- f. Barang yang dicuri berada dalam penjagaan
- g. Nilai barang yang dicuri mencapai jumlah nisab.
- h. Barang curian mutlak bukan miliknya
- i. Barang curian adalah barang yang berharga.

Pengaruh Ilmu Qiraat Terhadap Hukuman Mencuri Menurut Empat Mazhab Mashyur

Mencuri adalah sebahagian dari dosa besar. Orang yang mencuri wajib dihukum, iaitu dipotong tangannya. Jenayah mencuri dijatuhkan hukuman potong tangan berdasarkan firman Allah dalam Surah Al-Maidah:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٣٨

Maksudnya:

“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka hukumannya potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, juga sebagai suatu hukuman pencegah dari Allah.”

Pakar-pakar perundangan Islam telah bersepakat bahawa pencuri yang sabit kesalahannya dikenakan hukuman potong tangan kanan bagi kesalahan pertama dan

dikenakan hukuman potong kaki kiri bagi kesalahan kedua. Tetapi mereka tidak bersepakat tentang hukuman bagi kesalahan ketiga.

Mazhab Hanafi dan Hanbali berpendapat, pencuri yang melakukan kesalahan kali ketiga tidak dikenakan hukuman potong tangan lagi, tetapi diringankan kepada hukuman membayar kerugian disamping hukuman ta'zir sehingga dia bertaubat.

Manakala Mazhab Maliki dan Shafi'i pula menegaskan bahawa jika pencuri yang sama mencuri buat kali ketiga, dia dikenakan hukuman potong tangan kirinya dan jika mencuri kali keempat dia dihukum potong kaki kanannya dan sekiranya mencuri lagi dikenakan ta'zir.

Rujukan

- Dato' Prof. Dr. Mohd Yakub@Zulkifli bin Mohd Yusoff Mohd A'Tarahim bin Mohd Razali.2012. Kajian Komperatif Antara Qiraat Asim dan Nafi', Implikasi pada Hukum Fiqh.
- Ibn al-Jazari, Al-Hafiz Abu al-Khayr Muhammad b Muhammad al-Dimashqi. Al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr. Jil.1.Dar Al- Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah. Al-Burhan fi 'Ulum al-Quran. Dar al-Ma'ruf.
- 'Abd al-Fattah al-Qadi. 2004. Al-Budur al-Zahirah. Maktabahal-Kuliyyat al-Azhariyyah.
- Faizah, N. (2008). Sejarah Al-Quran. Bandung, Indonesia. Pustaka Salam.
- Al-Sabuni, M.A.(1991). Studi Ilmu Al-Quran. Pustaka Setia.
- Kirar, 'Izzat Shahatah. 2003. Athar al-Qira'at fi Istinbat al-Ahkam al-Fiqhiyyah. Mu'assasat al-Mukhtar li al- Nashr wal al-Tawzi.
- Al-'Adawi, Hamdi Sultan Hasan Ahmad. 2006. Al-Qira'at al-Shadhhdhah. Dar al-Sahabah li al-Turath bi Tanta.
- Muhaysin. Muhammad Salim. 1984. Al-Qira'at wa Atharuha fi 'Ulum al-'Arabiyyah.
- Al-Qudah, Muhammad Ahmad Muflih. 2001. Muqaddimah fi 'Ulum al-Qira'at. Dar 'Ammar.
- Ibn 'Atiyyah Abu Muhammad 'Abd al-Haq ibn Ghalib al-Andalusi. 1993. Al-Muharrir al-Wajiz fi Tafsir al-'Aziz. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ustaz Abdul Latif Muda, Ustazah Rosmawati Ali. Pengantar Fiqh. Cetakan Pertama Mac 1997. Halaman 290.
- Bukhori Abdul Somad. 2015. Nilai-Nilai Maslahah Dalam Hukum Potong Tangan. Majlis Agama Islam Selangor. Hudud Satu Penjelasan. 2015. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ahmad Sharifuddin Mustapha. Faktor-Faktor Peringatan Hukuman Dalam Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil. Universiti Kebangsaan Malaysia.

BAB 17

METODE MA FIHI QIRA'ATAN DAN KEBERADAANNYA DALAM AL-MASAHIF AL-UTHMANIYYAH

Muhammad Fairuz A. Adi, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Nor Hasanah Mohd Yusoff

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Salah satu metode penjagaan al-Quran adalah dengan penulisan. Iaitu setiap lafaz al-Quran direkodkan dalam bentuk tulisan dan ianya bermula zaman Rasulullah SAW. Malah Baginda SAW sendiri telah melantik penulis-penulis wahyu untuk menulis ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepadanya. Sunnah ini diteruskan oleh para sahabat RA sehingga menulis ayat-ayat yang telah dihafaz untuk rujukan mereka. Zaman pemerintahan Saidina Uthman, penulisan al-Quran telah mengalami satu bentuk penstrukturan semula sebagai satu respon kepada bibit-bibit perpecahan umat Islam ketika itu. Langkah penyalinan al-Quran pada zaman saidina Uthman RA bertujuan untuk menyatukan umat Islam dengan satu sistem penulisan mashaf yang dikenali sebagai *al-Rasm al-Uthmani*.

Ketika pemerintahan saidina Uthman RA, al-Quran telah ditulis semula ke dalam enam buah mashaf, dan telah dihantar ke Madinah, Mekah, Sham, Kufah, Basrah dan satu salinan disimpan oleh Khalifah. Sebahagian ayat telah ditulis dengan *rasm al-qiyasi* dan sebahagian lainnya telah ditulis dengan metode yang dinamakan oleh para ilmuwan Islam sebagai *al-Rasm al-Uthmani*. Terdapat enam metode penulisan yang telah disimpulkan oleh para ulama terhadap *al-Rasm al-Uthmani* ini. Kertas kerja ini membincangkan metode ke enam yang dinamakan *ma fihi qira'atan* iaitu lafaz-lafaz yang mengandungi *wajub al-qira'at* yang telah ditulis ke dalam enam *al-masahif al-uthmaniyyah* yang disebutkan di atas.

Definisi *al-Rasm* dan *al-Rasm al-Uthmani*

Istilah *al-Rasm* pada kurun awal tidak digunakan oleh para ulama yang membicarakan ilmu penulisan al-Quran sebagai satu istilah yang merujuk kepada ejaan kepada lafaz atau sebutan tertentu. Sebaliknya, *al-kitab* merupakan istilah yang paling banyak digunakan dalam karya mereka. Kemudian, muncul istilah *al-hija'* dan *al-kebat*. Bahkan istilah *al-Hija'* dijadikan tajuk karya para ulama *rasm* seperti kitab *Hija' al-Masahif* karangan Yahya bin al-Harith al-Dhamari (w 145). Begitu juga Muhammad bin Isa bin Razin al-Asbahani (w 242) dan Abu Hatim al-Sajistani (w 255) menggunakan tajuk yang sama untuk karya ilmu *rasm* mereka iaitu *Hija' al-Masahif* (Al-Hayani, 2015:83). Menurut al-Sa'idi (2015) pula, istilah *al-kebat* merupakan istilah yang dicipta seterusnya dipopularkan oleh ulama Kufah dan Basrah sehingga tersebar luas ke tempat-tempat lain.

Istilah *al-Rasm* muncul agak lewat. Penggunaan istilah ini dikesan pada awal kurun ke 4 hijrah. Antara yang terawal menggunakan istilah ini dalam karya mereka adalah Ibn al-Anbari (w 327) dalam karya beliau dengan nama *marshum al-kebat*. Ghanim al-Qaduri (1982; 175) mendapati Ibn Malik (w 673) menyebutnya sebagai *al-Rasm al-salafi* begitu juga Ibn Khaldun (w 808) menyebut sebagai *fan al-rasm*.

Dari segi istilah, Abd Karim (2006:6) memberi takrifan *al-Rasm al-Uthmani* sebagai satu ilmu merujuk kepada tulisan yang ditulis oleh para sahabat RA dalam *al-Masahif al-Uthmaniyyah* dimana tulisan tersebut kebanyakannya selaras dengan *rasm al-qiyasi* kecuali beberapa sebutan yang ditulis menurut bentuk yang tersendiri.

Pelbagai istilah yang digunakan untuk menggambarkan disiplin ilmu ini antaranya,

rasm al-mushaf, rasm al-uthmani, marsum al-kebat dan sebagainya dimana kesemua istilah tersebut membawa kepada perbincangan mengenai perkara yang berkaitan pengumpulan al-Quran dan metode penulisannya pada zaman Rasulullah SAW hingga ke metode penulisan al-Quran pada saidina Uthman RA.

Al-Masabif al-Uthmaniyah atau mashaf *al-Uthmani* adalah merujuk kepada dua perkara iaitu yang pertama enam mshaf yang asal ketika penyalinan semula al-Quran ketika pemerintahan saidina Uthman RA ia juga disebut sebagai *al-masabif al-ummahat* (al-Sa'idi, 2015:774). Kedua, mashaf-mashaf yang disalin oleh ummat islam dari *masabif al-ummahat* dan mashaf-mashaf yang ditulis atau dicetak mengikut kaedah-kaedah *al-Rasm al-Uthmani*. Istilah *al-Masabif al-Uthmaniyyah* pula bukanlah bermaksud saidina Uthman RA mencipta mashaf ini atau penulisan di dalam masahif ini menyalahi atau berlainan dengan apa yang diajar oleh Nabi SAW, tetapi penisbahan kepada nama saidina Uthman atas dasar beliau yang menyebarkannya secara rasmi, mempopularkannya dan membuat ketetapan kepada umat Islam ketika itu supaya berpegang kepada *masabif* yang telah disalin dan diselaraskan ketika pemerintahan beliau. (Abd Karim, 2006, 9)(Yasir al-Sayyid, 2016, 57)

Konsep *Ma Fih* Qira'atan Dan Perbahasannya Dalam Karya Al-Dani (W. 444H) Dan Abu Daud Sulayman Al-Najah (W.496H)

Istilah *ma fih qira'atan* atau diterjemah sebagai “*tulisan yang mengandungi dua qiraat*” adalah satu tema perbincangan dalam disiplin ilmu *al-Rasm* berkaitan *wujud al-qira'at* yang tidak dapat diselaraskan dalam ke enam-enam mashaf *al-Uthmani* disebabkan ada penambahan dan pengurangan huruf pada kalimah. Kaedah ini merupakan kaedah ke enam dalam ilmu *al-Rasm* dimana istilah ini dipopularkan oleh al-Suyuti (w.911H) dalam karyanya *al-Itqan*. Zainal Arifin (2012,11) dalam penulisannya menyatakan:

“*Upaya rumusan belakangan yang rupanya lebih banyak diterima dan diikuti oleh para pemerhati ilmu Rasm Usmani adalah formulasi yang disusun oleh al-Suyuti (w. 911 H/1505 M) yang membakukan kaidah Rasm Usmani menjadi enam pokok, yaitu membuang huruf (al-hazf), menambah huruf (al-ziyadah), penulisan hamzah (al-hamz), penggantian huruf (al-badl), menyambung dan memisah tulisan (al-fasl wal-wasl), serta kalimat yang bacaannya lebih dari satu (ma fih qira'atan wakutiba 'ala ihdabuma).*”

Kenyataan dari Zainal Arifin secara umumnya menunjukkan, tiada istilah yang disepakati oleh para ilmuwan *rasm* untuk untuk merumuskan kaedah-kaedah *rasm al-Quran* termasuk kaedah *ma fih qira'atan*. Begitu juga yang diungkapkan secara khusus oleh al-Hayani bahawa penulis-penulis wahyu ketika proses penyalinan semula mashaf zaman saidina Uthman tidak menggunakan kaedah dan manhaj yang mereka lazimi secara khusus, tetapi tema-tema bagi kaedah penulisan *al-Rasm al-Uthmani* adalah satu rumusan hasil dari kajian dan penelitian para ulama. Lima kaedah yang nampak menonjol iaitu *al-badhf, al-ziyadah, al-Ibdal, al-fasl wa al-wasl*, dan imam al-Suyuti menambah kaedah yang ke enam iaitu *ma fih qira'atan wa kutiba ala ihdabuma* (al-Hayani, 2015:82)

Abu Amru Uthman bin Sa'id al-Dani (w444 H) dan Abu Daud Sulaiman bin Najah (w496 H) merupakan antara ulama yang menulis tentang ilmu *rasm al-Quran*. Walaupun karya mereka dalam ilmu ini telah didahului sekurang-kurangnya oleh tujuh belas (17) ulama lain yang dimulakan oleh Yahya bin Ya'mur (w90 H), penulisan Abu Amru dan Abu Daud muncul sebagai karya yang menjadi panduan dan rujukan disebabkan kedua-dua karya ini telah memudahkan perkara-perkara rumit yang terdapat dalam karya-karya terdahulu dari mereka dan mereka banyak membantu memudahkan para pembaca memahami ilmu *al-Rasm al-Uthmani* melalui hasil penulisan mereka. (al-Sa'idi, 2015:790)

Selain dari perbahasan yang mudah difahami, karya mereka kaya dengan maklumat

mengenai ilmu *rasm*, ilmu qiraat, ilmu *al-fawasil* dan riwayat-riwayat mengenai *surah* (bentuk) *rasm* yang dibawa oleh mereka dari ulama terdahulu tiada pada orang lain. Kitab *al-Muqni* dan *al-Mukhtasar* sarat dengan riwayat-riwayat lama dari ulama generasi lama dimana kebanyakan riwayat tersebut telah hilang bersama kitab mereka. Selain itu, al-Dani dan Abu Daud sendiri menyaksikan sendiri dan meneliti mashaf-mashaf lama yang disebut sebagai *masahif al-atiqah* dimana penulisannya disalin dari *Masahif al-Ummahat* (Sharsal, 2002:12), (Nawrah al-Humaid, 2010:83).

Kitab *al-Muqni fi Rasm Masahif al-Amsar* atau lebih dikenali sebagai *al-Muqni* merupakan kitab yang dikarang oleh al-Dani. Perbahasan beliau mengenai penulisan *al-Rasm al-Uthmani* dibahagikan kepada dua puluh dua bab (22) dan setiap bab dibahagikan kepada fasal-fasal tertentu. Perbahasan yang melibatkan kalimah yang mengandungi *wujub al-qira'at* pula dibahas dalam empat bab khusus yang beliau namakan sebagai:

i. باب ذكر ما اتفق على رسمه مصاحف أهل الأمصار من أول القرآن إلى آخره

Bab ini mengandungi senarai kalimah al-Quran yang ditulis dengan satu bentuk penulisan sahaja di dalam mashaf Madinah, Kufah, Basrah, Sham dan Madinah al-Salam. Sebagai contoh kalimah (مالك) dalam surah al-Fatihah ditulis tanpa huruf alf dalam semua mashaf *al-Uthmani*. Al-Dani mengumpul semua kalimah-kalimah tersebut dalam bab ini dan bab seterusnya berdasarkan riwayat yang diambil dari guru-guru beliau kemudian disusun mengikut turutan surah di dalam mashaf. (al-Dani, 1978, 87-96).

ii. باب ذكر ما اختلفت فيه مصاحف أهل الأمصار بالإثبات والحذف

Bab ini pula mengandungi senarai kalimah al-Quran yang ditulis dengan bentuk yang berbeza di dalam mashaf Kufah, Basrah, Madinah, Madinah al-Salam dan Sham. Perbezaan yang dimaksudkan adalah antara *ithbat* dan *hadhf*. kalimah-kalimah yang tersenarai dalam bab ini juga bercampur antara kalimah yang mempunyai bacaan qiraat dengan yang tidak mengandungi bacaan qiraat. Dalam bab ini al-Dani tidak menisbahkan setiap *rasm* kepada mashaf tertentu, Beliau hanya menyatakan “ في بعض المصاحف”. Ini disebabkan kekurangan maklumat dari segi riwayat dan sebagainya untuk menentukan secara tepat keberadaan *rasm* tertentu dalam mashaf-mashaf *al-Uthmani* ketika itu. Sebagai contoh (al-Dani, 1978, 97):

وفي بعضها "لئن انجيتنا" بالياء والتاء والنون وفي بعضها "انجينا" بالياء والنون

Maksudnya:

“Dan pada sebahagiannya (لئن انجيتنا) ditulis dengan huruf ya dan ta dan nun, dan pada setengahnya (انجينا) dengan huruf ya dan huruf nun.”

iii. باب ذكر ما اتفقت على رسمه مصاحف أهل العراق

Bab ini mengandungi senarai kalimah al-Quran yang ditulis dengan *rasm* yang sama diantara mashaf-mashaf penduduk Iraq yang disebut oleh al-Dani sebagai *masahif ahl al-Iraq*. Sebagai contoh kalimah (نقة) pada ayat 28 surah Ali-Imran ini ditulis

dengan tanpa huruf *alif* yang sepatutnya terletak selepas huruf *qaf* tetapi ianya ditulis dengan huruf *ya* yang tidak bertitik. Rasm ini ditulis dengan sedemikian dalam semua mashaf penduduk Iraq. Kalimah-kalimah dalam bab ini disusun mengikut turutan mashaf (al-Dani 1978, 103-105).

.iv باب ذكر ما اختلفت فيه مصاحف أهل الحجاز والعراق والشام المنتسخة من الإمام
بالزيادة والنقصان

Bab terakhir ini merupakan bab yang menyenaraikan kalimah-kalimah yang mempunyai perselisihan qiraat yang tidak dapat diselaraskan tulisannya dalam semua mashaf *al-Uthmani*. Sebagai contoh dua qiraat pada (فتوكل) dan (وتوكل) yang terdapat pada ayat 217 surah al-Syu'ara tidak boleh tulis dalam satu mashaf dengan kedua-dua *rasm* disebabkan huruf *waw* dan *fa* mempunyai bentuk yang berbeza. Oleh sebab itu, kedua-dua *rasm* ini ditulis dalam mashaf yang berlainan (al-Dani, 1978: 110). Dalam bab ini, al-Dani melalui sumber riwayat dari para guru, beliau menisbahkan setiap kalimah kepada mashaf yang tertentu secara jelas.

Karya kedua yang menjadi rujukan utama para ulama adalah kitab yang dihasilkan oleh Abu Daud Sulaiman bin Najah (w 496). Beliau merupakan murid kepada al-Dani pengarang kitab *al-Muqni'*. Karya Abu Daud yang dikenali sebagai "*Mukhtasar al-Tabyin li Hija' al-Tanzil*" merupakan satu kitab yang menerangkan bagaimana kalimah-kalimah al-Quran yang tertentu ditulis mengikut kaedah *al-Rasm al-Uthmani*. karya ini masyhur dengan nama "*al-Tanzil*" dan ianya ditulis berpandukan qiraat imam Nafi^c dalam masa yang sama Abu Daud juga memberi panduan kepada pembaca bagaimana kalimah itu dilafazkan mengikut qiraat tertentu. (Abu Daud, 2002:1)

Dalam mukadimah kitab ini, Abu Daud memberikan penjelasan ringkas metode susunan dan perbincangan beliau. Niat beliau dalam menyusun perbincangan adalah dengan tujuan mempermudah pembaca. Kata beliau dalam mukadimah kitab *al-Tanzik*:

... وأسرد لهم القرآن فيه آية آية، وحرفا حرفا، من أوله إلى آخره، فيستغني به من لا يحفظ القرآن من الناسخين للمصاحف، والدارسين له من المريدين والمتعلمين عن مصحف ينظر فيه، ونجعله إماما يقتدي به الجاهل، ويستعين به الحافظ الماهر، ويزيل عنهم الالتباس في الحروف، والكلم، والآي لكثرة تشابه الآي، والكلم...

Maksudnya:

"Aku susun untuk mereka al-Quran di dalamnya mengikut ayat demi ayat, huruf demi huruf bermula dari awal surah hingga akhirnya. Maka cara ini mencukupi dengannya untuk orang yang menulis mashaf tetapi tidak menghafal al-Quran dan orang yang belajar dan mengajar ilmu berkaitan mashaf untuk melihat kepadanya. Dan kami jadikan kitab ini sebagai imam (petunjuk) kepada orang-orang jahil dan membantu orang-orang hafiz yang mahir. Dan dihilangkan dari mereka segala kekeliruan pada segala huruf, kalimah dan ayat kerana wujud banyak kesamaran pada ayat-ayat dan kalimah-kalimah"

Penjelasan dari Abu Daud sendiri secara tidak langsung memberi gambaran bahawa *rasm al-Quran* yang ditulis dengan kaedah *al-Rasm al-Uthmani* dalam kitab ini tidak mempunyai topik khas seperti nama *hadhf*, *ithbat*, *al-mawsul*, *al-maqtu'* termasuk *ma fih qira'atan*. Semua *al-Rasm al-Uthmani* dibahas mengikut keberadaan sesuatu kalimah dalam

surah-surah tertentu mengikut susunan mashaf bermula surah al-Fatihah hingga surah al-Nas seperti yang dinyatakan dalam mukadimah beliau.

Kalimah-kalimah yang ditulis dengan metode *ma fihi qira'atan* di dalam kitab ni tidak dikumpulkan dalam topik khusus dan tiada istilah khas dinamakan untuknya. Kalimah *ma fihi qiraatan* terletak dalam surah dimana dia berada dan dibahaskan mengikut susunan ayat dalam surah-surah tertentu.

Ma Fihi Qira'atan Dalam Samir Al-Talibin Karya Al-Dabba^c(W.1381H)

Ali Muhammad al-Dabba^c merupakan ulama tersohor dari negara Mesir yang menjadi rujukan dalam ilmu qiraat, tajwid dan *al-Rasm al-Uthmani*. Beliau telah menyusun satu kitab dinamakan *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kitab ini membicarakan kaedah penulisan *al-Rasm al-Uthmani* dengan membahagikan kaedah-kaedah rasm kepada enam bab utama iaitu *al-Hadhaf, al-Ziyadah, al-Hamz, al-Badal, al-Qat'u wa al-Wasl* dan bab *ma fihi qira'atan*. Setiap bab akan dibahagikan kepada topik-topik tertentu. Selain ilmu *al-Rasm*, kitab ini juga membahas tentang perletakan titik dan baris huruf-huruf di dalam al-Quran.

Kitab ini jika dibandingkan dengan karya al-Dani dan Abu Daud serta lain-lain, ia jauh lebih ringkas dari kitab-kitab tersebut. Tujuan al-Dabba' adalah menunaikan hajat rakan-rakan supaya menghasilkan satu kitab yang menghimpunkan ilmu al-Rasm dan *al-dabt* untuk dijadikan rujukan pada zaman beliau. Maka terhasil satu penulisan yang merumuskan kaedah-kaedah *al-Rasm al-Uthmani* berdasarkan kitab *al-Muqna', al-Tanzil, 'Aqilah Atrab al-Qasaid fi Asna al-Maqasid* karangan al-Shatibi(w590), *Mawrid al-Zam'an* susun imam al-Kharraz (w718) dan kitab syarah kepada *Mawrid al-Zam'an* berjudul *al-Flan bi Takmil Mawrid al-Zam'an* karya Ibn 'Asyir (w1040). Di bahagian kedua kitab ini pula membicarakan tentang ilmu Dabt al-Quran.(al-Dabba,'2000:4)

Kaedah *ma fihi qira'atan* dalam penulisan beliau dibahagikan kepada tiga topik (al-Dabba', 2000: 70-79):

(a) ورسم على إحداهما اقتصارا

Apabila terdapat dua atau lebih bacaan qiraat pada sesuatu kalimah maka ianya ditulis dengan salah satu qiraat lebih masyhur. Contohnya, pada kalimah (بصطة), (صراط) dan seumpunya ditulis dengan huruf *sad*, walaupun terdapat terdapat bacaan qiraat lain dengan huruf *sin* dan *isymam*. Oleh kerana bacaan dengan huruf *sad* lebih masyhur, maka kalimah ini ditulis dalam semua mashaf *al-Uthmani* dengan huruf *sad*.

(b) رسم واحد صالح لهما

Bab yang kedua ini bermaksud satu *rasm* yang boleh dibaca dengan dua wajah qiraat. kalimah seperti ini banyak di dalam al-Quran. Antara contohnya adalah kalimah (ملك) ditulis tanpa huruf *alif* yang menunjukkan qiraat *hadhf* huruf *alif* dan *rasm* ini juga membawa qiraat mutawatirah yang kedua iaitu qiraat dengan huruf *alif*. Contoh lain adalah pada kalimah (لمستم) dimana kalimah ini menunjukkan qiraat tanpa huruf *alif* dan ia juga menunjukkan qiraat yang kedua iaitu dengan huruf *alif*. Oleh yang demikian kesemua mashaf *al-Uthmani* ditulis tanpa huruf *alif*.

(c) ورد برسمين على حسب كل منهما

Bab ini bermaksud setiap qiraat pada kalimah tertentu dtulis dengan rasm yang berbeza diantara mashaf *al-Uthmani*. Al-Dabba' membahagikan bab ni kepada dua

topik iaitu:

(i) ما ورد برسمين على وجه التعيين

Topik ini bermaksud kalimah-kalimah al-Quran yang ditulis dengan dua *rasm* berbeza dalam mashaf *al-Uthmani* yang dapat ditentukan tempat *rasm* itu berada.

Sebagai contoh qiraat (وأوصى) ditulis dengan huruf *waw* dan hamzah dalam mashaf

Imam, Madani dan Shami. Manakala qiraat (ووصى) tanpa huruf hamzah ditulis dalam mashaf Makki, Kufi, Basri.

Jadual 1 di bawah ini merupakan senarai kalimah *ma fih qira'atan al wajh al ta'ayin* yang disusun oleh Dabba' dalam *Samir al-Talibin*. Jadual ini disertakan dengan bentuk *rasm* setiap *wujub al-qira'at* mengikut mashaf *al-Uthmani* yang telah dikenal pasti, penisbahan bacaan disisi imam-imam qiraat berpandukan *ikhtiyar* imam Ibn Jazari dan kedudukan qiraat tersebut dalam ayat dan surah-surah tertentu.

Jadual 1

Bil.	Senarai kalimah <i>ma fih qira'atan</i>	Bentuk Rasm dan kedudukan dalam <i>Masabif Uthmaniyyah</i>		Penisbahan Riwayat Qiraat	Kedudukan kalimah dalam al-Quran
1	مصر	مصر	Makki, Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Qiraat sepuluh <i>mutawatirah</i>	Al-Baqarah 61
		مصر	Mashaf Saidina Ubay dan Ibn Mas'ud		
2	وقالوا اتخذ الله ولدا	قالوا اتخذ الله ولدا	Mashaf Syami	Ibn 'Amir	Al-Baqarah 116
		وقالوا اتخذ الله ولدا	Makiyy, Madani, Kufi, Basrah dan Mushaf al-Imam	Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, 'Asim, Hamzah, Kisaie, Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf al-'Asyir	
3	وأوصى	وأوصى	Madani, Syami, al-Imam	Nafi', Ibn 'Amir dan Abu Ja'far	Al-Baqarah 132
		ووصى	Makki, Kufi, Basri	Ibn Kathir, Abu 'Amru, 'Asim, Hamzah, Kisaie, Ya'qub dan Khalaf al-'Asyir	

4	وسارعوا	وسارعوا	Makki, Kufi, Basri	Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaie, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir	Ali Imran 133
		سارعوا	Madani, Shami, al-Imam	Nafi°, Ibn °Amir dan Abu Ja°far	
5	وبالزير	وبالزير	Shami	Ibn °Amir	Ali Imran 184
		والزير	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam.	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaie, Abu Ja°far Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir	
6	والكتاب	وبالكتاب	Shami	Ibn °Amir melalui riwayat Hisham dengan dua wajah bacaan	Ali Imran 184
		والكتاب	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, Ibn Zakwan dan Hisham, °Asim, Hamzah, Kisaie, Abu Ja°far Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir	
7	إلا قليل	إلا قليلا	Syami	Ibn °Amir	Al-Nisa' 66
		إلا قليل	Makki, Madani, Kufi, Basri, al-Imam.	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaie, Abu Ja°far Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir	
8	يرتد	يرتد	Madani, Syami, al-Imam	Nafi°, Ibn °Amir, Abu Ja°far	Al Maidah 54
		يرتد	Makki, Kufi, Basri	Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, hamzah,	

				Kisaei, Ya ^q ub dan Khalaf al- ^{Asyir}	
9	ويقول الذين	ويقول الذين	Kufi dan Basri	Abu ^{Amru} , Ya ^q ub, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al- ^{Asyir} .	Al-Maidah 53
		يقول الذين	Makki, Madani, Shami dan al-Imam	Nafi ^c , Ibn Kathir, Ibn ^{Amir} , ^{Asim} , Abu Ja ^{far} ,	
10	وللدار الآخرة	ولدار الآخرة	Shami	Ibn ^{Amir}	Al An'am 32
		وللدار الآخرة	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^{Amru} , ^{Asim} , Hamzah, Kisaei, Abu Ja ^{far} , Ya ^q ub dan Khalaf al- ^{Asyir}	
11	لئن أنجيتنا	لئن أنجنا	Kufi	^{Asim} , Hamzah, Kisaie dan Khalaf al- ^{Asyir} .	Al-An'am 63
		لئن أنجيتنا	Makki, Madani, Bastri, Shami dan al-Imam.	Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^{Amru} , Ibn ^{Amir} , Ja ^{far} , Ya ^q ub	
12	شركاؤكم	شركائكم	Syami	Ibn ^{Amir}	Al-An'am 137
		شركاؤكم	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^{Amru} , ^{Asim} , Hamzah, Kisaei, Abu Ja ^{far} , Ya ^q ub dan Khalaf al- ^{Asyir} .	
13	ما يتذكرون	ما يتذكرون	Shami	Ibn ^{Amir}	Al-A'raf 3
		ما تذكرون	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Hafs, Hamzah, Kisae dan Khalaf al- ^{Asyir} membaca dengan tanpa	

				<i>tasydid</i> pada huruf <i>dhāl</i> تذكرون	
				Nafic, Ibn Kathir, Abu °Amru, Syu°bah, Abu Ja°far, Ya°qub	
14	وما كنا	ما كنا	Shami	Ibn °Amir	Al-A'raf 43
		وما كنا	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja°far, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	
15	وقال الماء	وقال الماء	Shami	Ibn °Amir	Al-A'raf 75
		قال الماء	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja°far, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	
16	وإذ أنجينكم	وإذ أنجينكم	Shami	Ibn °Amir	Al-A'raf 141
		وإذ أنجينكم	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja°far, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	
17	تجري تحتها	تجري تحتها	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, Abu °Amru, Ibn °Amir, °Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja°far, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	Taubah 100
		تجري من تحتها	Makki	Ibn Kathir	
18	والذين اتخذوا	الذين اتخذوا	Madani dan Shami	Nafi°, Ibn °Amir dan Abu Ja°far	Taubah 107

		والذين اتخذوا	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir	
19	يسيركم	ينشركم	Shami	Ibn °Amir dan Abu Ja°far	Yunus 22
		يسيركم	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	
20	قل سبحان	قال سبحان	Makki dan Shami	Ibn Kathir dan Ibn °Amir	Isra' 93
		قل سبحان	Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja°far, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	
21	خير منها	خير منها	Kufi dan Basri	Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir	Al-Kahfi 36
		خير منهما	Makki, Madani, Shami dan al-Imam	Nafi°, Ibn Kathir, Ibn °Amir dan Abu Ja°far	
22	مكني	مكني	Makki	Ibn Kathir	Al-Kahfi 95
		مكني	Madani, Kufi, Basri, Shami dan al-Imam	Nafi°, Abu °Amru, Ibn °Amir, °Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja°far, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	
23	قال ربي يعلم	قل ربي يعلم	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, Ibn °Amir, Syu°bah, Abu Ja°far dan Ya°qub	Al-Anbiya 4

		قال ربي يعلم	kufi	Hafs, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al- [°] Asyir	
24	أولم يرى الذين	ألم يرى الذين	Makki	Ibn Kathir	Al-Anbiya 30
		أولم يرى الذين	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi [°] , Abu [°] Amru, Ibn [°] Amir, [°] Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja [°] far, Ya [°] qub dan Khalaf al- [°] Asyir.	
25	سيقولون لله	سيقولون الله	Basri dan al-Imam	Abu [°] Amru dan Ya [°] qub	Al-Mu'minun 87 & 89
		سيقولون لله	Makki, Madani, Shami dan Kufi	Nafi [°] , Ibn Kathir, Ibn [°] Amir, [°] Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja [°] far dan Khalaf al- [°] Asyir.	
26	قال كم	قل كم	Kufi dan Makki (menurut al-Muqni [°])	Ibn Kathir, Hamzah dan Kisaei	Al-Mu'minun 112
		قال كم	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	Nafi [°] , Abu [°] Amru, Ibn [°] Amir, [°] Asim, Abu Ja [°] far, Ya [°] qub dan Khalaf al- [°] Asyir.	
27	قَالَ إِنَّ	قَالَ إِنَّ	Kufi	Hamzah dan Kisaei	Al-Mu'minun 114
		قَالَ إِنَّ	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	Nafi [°] , Ibn Kathir, Abu [°] Amru, Ibn [°] Amir, [°] Asim, Abu Ja [°] far, Ya [°] qub dan Khalaf al- [°] Asyir.	
28	نزل الملائكة	نزل الملائكة	Makki	Ibn Kathir	Al-Furqan 25
		نزل الملائكة	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi [°] , Abu [°] Amru, Ibn [°] Amir, [°] Asim, Hamzah, Kisaei, Abu	

				Ja ^c far, Ya ^c qub dan Khalaf al- ^c Asyir.	
29	وتوكل	فتوكل	Madani dan Shami	Nafi ^c , Ibn ^c Amir dan Abu Ja ^c far	Syu'ara 217
		وتوكل	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	Ibn Kathir, Abu ^c Amru, ^c Asim, Hamzah, Kisaei, Ya ^c qub dan Khalaf al- ^c Asyir.	
30	أو ليأتيني	أو ليأتيني	Makki	Ibn Kathir	Al-Naml 21
		أو ليأتيني	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi ^c , Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, ^c Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja ^c far, Ya ^c qub dan Khalaf al- ^c Asyir.	
31	وقال موسى	قال موسى	Makki	Ibn Kathir	Al-Qasas 37
		وقال موسى	Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi ^c , Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, ^c Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja ^c far, Ya ^c qub dan Khalaf al- ^c Asyir.	
32	وما عملته	وما عملت	Kufi	Syu ^c bah, Hazmah, Kisaei dan Khalaf al- ^c Asyir	Yasin 35
		وما عملته	Makki, Madani, Shami, Basri, al-Imam	Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, Hafs, Abu Ja ^c far dan Ya ^c qub.	
33	تأمروني	تأمروني	Shami	Hisham dari <i>tariq al-Ramli</i>	Al-Zumar 64
		تأمروني	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi ^c , Abu Ja ^c far dan Hisham dari <i>tariq al-Ramli</i> (bacaan ke dua) iaitu bacaan	

				huruf Nun tanpa <i>tasydid</i> : تأمرؤني	
				Ibn Kathir, Abu °Amru, Ibn Zakwan, °Asim, Hamzah. Kisaei, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir iaitu bacaan dengan satu huruf nun dengan <i>tasydid</i> dan <i>mad</i> : تأمرؤي	
34	أشد منهم	أشد منكم	shami	Ibn °Amir	Ghafir 21
		أشد منهم	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, Ibn kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja°far, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	
35	أو أن يظهر	أو أن يظهر	Kufi	°Asim, Hamzah, Kisaei, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir	Ghaffir 26
		وأن يظهر	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	Nafi°, Ibn kathir, Abu °Amru, Ibn °Amir dan Abu Ja°far,	
36	فيما كسبت	بما كسبت	Madani dan Shami	Nafi°, Ibn °Amir dan Abu Ja°far	Al-Syura 30
		فيما كسبت	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, Ibn kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	
37	ما تشتهي	ما تشتهي	Madani dan Shami	Nafi°, Ibn °Amir, Hafs dan Abu Ja°far	Al-Zhukruf 71
		ما تشتهي	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	Ibn Kathir, Abu °Amru, Syu°bah,	

				Hamzah, Kisaei Ya ^q ub dan Khalaf al- ^q Asyir.	
38	إحسانا	إحسانا	Kufi	^q Asim, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al- ^q Asyir	Al-Ahqaf 15
		حسنا	Makki, Madani, Shami, Basri dan al-Imam	Nafi ^q , Ibn kathir, Abu ^q Amru, Ibn ^q Amir, Abu Ja ^q far dan Ya ^q ub	
39	ذو العصف	ذا العصف	Shami	Ibn ^q Amir	Al-Rahman 12
		ذو العصف	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi ^q , Ibn kathir, Abu ^q Amru, ^q Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja ^q far, Ya ^q ub dan Khalaf al- ^q Asyir.	
40	ذو الجلال	ذو الجلال	Shami	Nafi ^q , Ibn kathir, Abu ^q Amru, ^q Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja ^q far, Ya ^q ub dan Khalaf al- ^q Asyir.	Al-Rahman 78
		ذو الجلال	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Ibn ^q Amir	
41	وكلا وعد الله	وكل وعد الله	shami	Ibn ^q Amir dengan <i>dammah</i> huruf <i>lam</i>	Al -Hadid 10
		وكلا وعد الله	Makki, Madani, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi ^q , Ibn kathir, Abu ^q Amru, ^q Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja ^q far, Ya ^q ub dan Khalaf al- ^q Asyir.	
42	فإن الله هو الغني	فإن الله الغني	Madani dan Shami	Nafi ^q , Ibn ^q Amir, Abu Ja ^q far	Al-Hadid 24

		فإن الله هو الغني	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir	
43	وأكن	وأكن / وأكون	Al-Imam (khilaf antara Abu Ubayd dan Hilwani)	Ibn °Amir dengan huruf <i>waw</i> dan <i>fathah</i> huruf <i>nun</i>	Al-Munafiqun 10
		وأكن	Makki, Madani, Shami, Kufi, Basri.	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja°far, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	
44	المنشأة	المنشئت	Sebahagian Iraqiah (Kufi dan Basri)	Hamzah dan Syu°bah (huruf Syin berbaris bawah)	Al-Rahman 24
		المنشئات	Makki, Madani, Shami dan al-Imam	Nafic, Ibn Kathir, Abu °Amru, Ibn °Amir, Hafis, Kisaei, Abu Ja°far, Yacqub dan Khalaf al-°Asyir.	
45	بضنين	بضنين	Makki, Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Nafi°, °Asim, Ibn °Amir, Hamzah, Abu Ja°far, Rawh dan Khalaf al-°Asyir.	Al-Takwir 24
		بظنين	Mashaf Ubay dan Ibn Mas°ud	Ibn Kathir, Abu °Amru, Kisaei dan Ruways	
46	فلا يخاف	فلا يخاف	Madani dan Shami	Nafi°, Ibn °Amir dan Abu Ja°far.	Al-Shams: 15
		ولا يخاف	Makki, Kufi, Basri dan al-Imam	Ibn Kathir, Abu °Amru, °Asim, Hamzah, Kisaei, Ya°qub dan Khalaf al-°Asyir.	

47	والجار ذي القربى	والجار ذا القربى	Sebahagian Iraqiah (Kufi dan Basri)	Qiraat <i>shadbadh</i>	Al-Nisa' 36
		والجار ذي القربى	Makki, Madani, Shami, Kufi, Basri dan al-Imam	Qiraat sepuluh <i>mutawatirah</i>	

Berdasarkan kepada jadual 1 di atas, jumlah keseluruhan kalimah *ma fih qira'atan* dalam bab ini adalah sebanyak 48 kalimah. Kalimah-kalimah ini didapati dalam 27 surah. Taburan kalimah *ma fih qira'atan* mengikut surah di dalam al-Quran adalah seperti jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Bil.	Nama Surah	Bilangan Kalimah
1	Al-Baqarah	3
2	Ali Imran	3
3	Al-Nisa'	2
4	Al-Maidah	2
5	Al-An'am	3
6	Al-A'raf	4
7	Al-Taubah	2
8	Yunus	1
9	Al-Isra'	1
10	Al-Kahfi	2
11	Al-Anbiya'	2
12	Al-Mu'minun	4
13	Al-Furqan	1
14	Al-Syu'ara'	1
15	Al-Naml	1
16	Al-Qasas	1
17	Yasin	1
18	Al-Zumar	1
19	Ghafir	2
20	Al-Syura	1
21	Al-Zukhruf	1
22	Al-Ahqaf	1
23	Al-Rahman	3
24	Al-Hadid	2
25	Al-Munafiqun	1
26	Al-Takwir	1
27	Al-Syams	1
	Jumlah	48

Berpandukan pada jadual 2 diatas jumlah kalimah *ma fih qira'atan* dalam bab ini ialah 48 kalimah bersamaan dengan 0.062% dari jumlah keseluruhan kalimah yang terdapat di dalam al-Quran. Peratusan ini dikira berdasarkan tiga pendapat mengenai jumlah keseluruhan kalimah yang disebut oleh al-Suyuti(w 911) dalam

karya beliau *al-Itqan fi ulum al-Quran* iaitu 77934 atau 77437 atau 77277 kalimah (al-Suyuti,1974,1:242).

(ii) ما ورد برسمين على وجه الإبهام

Topik ini mengandungi senarai kalimah yang membawa *wujub al-qira'at* tetapi tidak dapat ditentukan secara pasti kedudukan sebenar *rasm* tersebut dalam mashaf-mashaf *al-Uthmani*. Terdapat 74 kalimah termasuk perkataan yang sama yang terdapat pada beberapa tempat di dalam al-Quran yang disenaraikan oleh al-Dabba^c dalam bab ini dan taburan kalimah-kalimah tersebut terdapat dalam 39 surah al-Quran.

Jadual 3 di bawah ini merupakan senarai kalimah *ma fibi qira'atan al wajh al-Ibham* yang disusun oleh Dabba' dalam *Samir al-Talibin*. Jadual ini disertakan dengan bentuk *rasm* setiap *wujub al-qira'at* tanpa penisbahan pada mana-mana mashaf *al-Uthmani* secara pasti, penisbahan qiraat disisi imam-imam qiraat berpandukan *ikhtiyar* imam Ibn Jazari dan kedudukan kalimah tersebut dalam ayat dan surah-surah tertentu:

Jadual 3

Bil	Kalimah	Bentuk-Bentuk Rasm Dalam Masabif Uthmaniyyah	Riwayat Qiraat	Tempat
1.1	الرياح	الرياح	Nafi ^c , Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, ^c Asim, Abu Ja ^c far dan Yacqub.	Al-A ^c raf: 57
		الريح	Hamzah kisa'ei, Khalaf dan Ibn Kathir	
1.2	الرياح	الرياح	Nafi ^c dan Abu Ja ^c far	Ibrahim: 18
			Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, ^c Asim, Hamzah, Kisa'ei, Ya ^c qub dan Khalaf al- ^c Asyir	
1.3	الرياح	الرياح	Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, ^c Asim, Abu Ja ^c far dan Ya ^c qub.	Hijr 22
		الريح	Hamzah dan Khalaf al- ^c Asyir	
1.4	الرياح	الرياح	Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn	Al-Kahfi: 45

			Amir, Asim, Abu Ja'far dan Ya'qub.	
		الرياح	Hamzah, Kisaei dan Khalaf al-Asyir	
1.5	الرياح	الرياح	Nafi, Abu Amru, Ibn Amir, Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf al-Asyir	Al-Furqan: 48
		الرياح	Ibn Kathir	
1.6	الرياح	الرياح	Nafic, Abu Amru, Ibn Amir, Asim, Abu Ja'far dan Ya'qub.	Al-Naml: 63
		الرياح	Ibn Kathir, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al-Asyir	
1.7	الرياح	الرياح	Nafic, Abu Amru, Ibn Amir, Asim, Abu Jacfar dan Yacqub.	Rum 48
		الرياح	Ibn Kathir, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al-Asyir	
1.8	الرياح	الرياح	Nafi, Abu Amru, Ibn Amir, Asim, Abu Ja'far dan Ya'qub.	Fatir: 9
		الرياح	Ibn Kathir, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al-Asyir	
1.9	الرياح	الرياح	Nafi, Abu Amru, Ibn Amir, Asim, Abu Ja'far dan Ya'qub.	Jathiyah: 5
		الرياح	Hamzah, Kisaei dan Khalaf al-Asyir	

		الريح	Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, ^c Asim, Abu Ja ^c far dan Ya ^c qub.	
1.10	الرياح	الرياح	Nafi ^c dan Abu Ja ^c far	Syura: 33
		الريح	Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, ^c Asim, Hamzah, Kisae, Ya ^c qub dan Khalaf al- ^c Asyir	
2	وكتبه	وكتبه	Nafic, Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, ^c Asim, Abu Ja ^c far dan Ya ^c qub.	Al-Baqarah 284
		وكتابه	Hamzah, Kisae dan Khalaf al- ^c Asyir	
3	للكتاب	للكتب	Hafs, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al- ^c Asyir	Al-Anbiya 104
		للكتاب	Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, Syu ^c bah, Abu Ja ^c far dan Ya ^c qub.	
4	مضعفة	مضعفة	Ibn Kathir, Ibni ^c Amir, Abu Ja ^c far dan Ya ^c qub	Ali Imran 130
		مضاعفة	Nafi ^c , Abu ^c Amru, ^c Asim, Hamzah, Kisaei, Khalaf al- ^c Asyir	
5	ساحر مبین	ساحر مبین	Hamzah, Kisaei dan Khalaf al- ^c Asyir	Al-Maidah(110) & Hud(7)& Saf(6)
		سحر مبین	Nafic, Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, ^c Asim, Abu Ja ^c far dan Ya ^c qub.	

6	لسحر مبین	لساحر مبین	Qiraat shadhhdhah disandarkan kepada Mujahid, Ibn Jubayr, al-A'mays, Ibn Mas'ud RA dan Yahya bin Waththab	Yunus 76
		لسحر مبین	Imam sepuluh <i>mutawatirah</i>	
7	سحران	سحران	Hafs, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al- ^o Asyir	Al-Qasas 48
		ساحر	Nafi ^o , Ibn Kathir, Abu ^o Amru, Ibn ^o Amir, Syu ^o bah, Abu Ja ^o far dan Ya ^o qub.	
8	بكل سحران علیم	بكل سحران علیم	Hamzah, Kisaei dan Khalaf al- ^o Asyir	Al-A'raf 112 & Yunus 79
		بكل سحر علیم	Nafi ^o , Ibn Kathir, Abu ^o Amru, Ibn ^o Amir, ^o Asim, Abu Ja ^o far dan Ya ^o qub.	
9	فالق الحب	فالق الحب	Imam 10 <i>Mutawatirah</i>	Al-An'am 96
		فلق الحب	<i>Qiraat shadhhdhab</i> yang dinisbah kepada Ibn Mas'ud RA, Ibrahim, al-A'mays dan al-Matu'i	
10	فالق الإصباح	فالق الإصباح	Imam 10 <i>Mutawatirah</i>	Al-An'am 96
		فلق الإصباح	<i>Qiraat shadhhdhab</i> yang dinisbah kepada al-Nakhaie, Ibn Wathab, Matu'i dan Abu Haywah	
11		وجاعل الليل سكنا	Nafic, Ibn Kathir, Abu ^o Amru, Ibn	Al-An'am 96

	وجعل الليل سكنا		cAmir, Abu Jacfar dan Yacqub.	
		وجعل الليل سكنا	°Asim, Hamzah, Kisaie dan Khalaf al- °Asyir	
12	أرأيتم أرايت	أرأيتم أرايت		Terletak Pada 22 Tempat Dalam Pelbagai Surah Al- Quran
		أرءيت أراءيت		
13	وريشا	وريشا	<i>Qiraat shadbdhab</i> yang dinisbah kepada Saidina Uthman, Ibn °Abbas, al- Hasan, Mujahid, Qatadah, Zir bin al-Hubaysh dan lain-lain	Al-A'raf 26
		وريشا	Imam 10 <i>Mutawatirah</i>	
14	طائف	طائف	Nafic, Ibn °Amir, °Asim, Hamzah, Abu Ja°far dan Khalaf al- °Asyir.	Al-A'raf 201
		طيف (huruf ya tanpa titik)	Ibn Kathir, Abu °Amru, Ya°qub dan Kisaei	
15	ييشري	ييشري	°Asim, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al- °ASyir	Yusuf 19
		ييشري	Nafi°, Ibn Kathir, Abu °Amru, Ibn °Amir, Abu Ja°far dan Ya°qub.	
16	حاذرون	حاذرون	°Asim, Hamzah, Kisaei, Khalaf al-°Asyir dan al- Dajuni dari Hisham	Syua'ra 56
		حذرون	Nafi°, Ibn Kathir, Abu	

			Amru, Ibn Zakwan, Abu Jacfar dan Ya'qub.	
17	وفارهين	وفارهين	Asim, Hamzah, Kisaei, Khalaf al-Asyir dan Ibn Amir	Syua'ra 149
		وفرهين	Nafi, Ibn Kathir, Abu Amru, Abu Ja'far dan Ya'qub.	
18	زكية	زاكية	Nafi, Ibn Kathir, Abu Amru, Abu Ja'far, Ruways dan Khalaf al-Asyir.	Kahfi 74
		زكية	Ibn Amir, Asim, Hamzah, Kisaei dan Rawh	
19	يدفع	يدافع	Nafi, Abu Amru, Ibn Amir, Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja'far dan Khalaf al-Asyir	Al-Haj 38
		يدفع	Ibn Kathir, Abu Amru dan Ya'qub	
20	سرجا	سراجا	Nafi, Ibn Kathir, Abu Amru, Ibn Amir, Asim, Abu Ja'far dan Ya'qub.	Furqan 61
		سرجا	Hamzah, Kisaei dan Khalaf al-Asyir	
21	فكهين, فكهون	فكهين, فكهون	Abu Ja'far	-Al-Dukhan 279 (فكهين).
		فاكهين, فاكهون	Nafi, Ibn Kathir, Abu Amru, Ibn Amir, Asim,	-Tur 18 (فكهين) -Yasin 55(فكهون)

			Hamzah, Kisaei, Ya'qub dan Khalaf al-Asyir.	
22	بهادي	بهادي	Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir, 'Asim, Kisei, Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf al-Asyir	Al-Naml 81
		تهدي	Hamzah	
23	بهاد	بهاد	Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir, 'Asim, Kisei, Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf al-Asyir	Al-Rum 53
		تهدي	Hamzah	
24	ورجلا سلما	ورجلا سلما	Ibnu Kathir, Abu 'Amru dan Ya'qub	Zumar 29
		ورجلا سلما	Nafi', Ibn 'Amir, 'Asim, Hamzah, Kisaei, Abu Ja'far dan Khalaf al-Asyir	
25	بكاف عبده	بكاف عباده	Hamzah, Kisaei, Khalaf al-Asyir dan Abu Ja'far	Zumar 36
		بكاف عبده	Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir, 'Asim dan Ya'qub	
26	خاشعا	خاشعا	Abu 'Amru, Ya'qub, Hamzah, Kisaei dan Khalaf al-Asyir	Al-Qamr 7
		خشعا	Nafi', Ibn Kathir, Ibn 'Amir, 'Asim dan Abu Ja'far	

27	قال إنما	قال إنما	Nafi ^c , Ibn Kathir, Abu ^c Amru, Ibn ^c Amir, Kisei, Abu Ja ^c far, Ya ^c qub dan Khalaf al- ^c Asyir	Al-Jin 20
		قل إنما	Hamzah, ^c Asim dan Abu Ja ^c far	

Taburan kalimah *ma fih qira'atan* bagi topik mengikut surah di dalam al-Quran adalah seperti jadual 4 di bawah:

Jadual 4

Bil.	Nama Surah	Bilangan Kalimah
1	Al-Baqarah	1
2	Ali Imran	1
3	Al-Maidah	1
4	Al-An ^c am	6
4	Al-A ^c raf	4
6	Yunus	4
7	Hud	4
8	Yusuf	1
9	Ibrahim	1
10	Al-Hijr	1
11	Al-Isra'	1
12	Al-Kahfi	3
13	Maryam	1
14	Al-Anbiya'	1
15	Al-Haj	1
16	Al-Furqan	3
17	Al-Syu ^c ara'	5
18	Al-Naml	2
19	Al-Qasas	3
20	Al-Rum	2
21	Fathir	2
22	Yasin	1
23	Al-Zumar	3
24	Fussilat	1
25	Al-Syura	1
26	Al-Dukhan	1
27	Al-Jathiyah	2
28	Al-Ahqaf	2
29	Al-Tur	1
30	Al-Najm	2
31	Al-Qamar	1
32	Al-Waqi ^c ah	4
33	Al-Saf	1
34	Al-Mulk	2

35	Al-Jin	1
36	Al- ^c Alaq	2
37	Al-Ma ^c un	1
	Jumlah	74

Berpandukan pada jadual 4 diatas, jumlah kalimah *ma fih qira'atan* dalam bab ini ialah 74 termasuk kalimah yang berulang iaitu bersamaan dengan 0.95% dari jumlah keseluruhan kalimah yang terdapat di dalam al-Quran. Peratusan ini dikira berdasarkan pendapat tiga mengenai jumlah keseluruhan kalimah yang disebut oleh al-Suyuti dalam karya beliau al-Itqan fi ulum al-Quran iaitu 77934 atau 77437 atau 77277 kalimah (al-Suyuti,1974,1:242).

Penutup

Metode penulisan *al-Rasm al-Uthmani* khususnya metode *ma fih qira'atan* merupakan kaedah yang unik untuk menjaga *qiraat al-nabiy*. Kebijaksanaan saidina Uthman RA dalam hal ini terserlah dimana beliau berjaya menangani dua cabaran yang dihadapi ketika pemerintahan beliau dengan satu penyelesaian. Pertikaian bacaan antara sesama umat Islam dan penjagaan riwayat *qiraat* diselesaikan dengan metode penulisan *al-Rasm al-Uthmani*. Walaupun *ma fih qira'atan* ini ditulis dalam mashaf yang berbeza, ia masih dapat dijaga serta dibaca oleh umat Islam.

Jumlah kalimah *ma fih qira'atan* yang dapat dikenal pasti kedudukan dalam setiap mashaf *al-Uthmani* berjumlah 48 kalimah ia bersamaan 0.062% dari jumlah keseluruhan kalimah al-Quran. Manakala jumlah *ma fih qira'atan* yang tidak dapat dipastikan kedudukan sebenarnya dalam mashaf *al-Uthmani* berjumlah 74 kalimah ia bersamaan 0.095% dari jumlah keseluruhan kalimah dalam al-Quran. Jumlah terkumpul bagi kedua-dua kategori tersebut adalah 122 kalimah iaitu bersamaan 0.14-0.15% dari jumlah keseluruhan kalimah al-Quran.

Kajian ini merupakan kajian awal yang mengesan keberadaan kalimah-kalimah ini dalam surah-surah tertentu, dan mashaf-mashaf tertentu. Kajian lanjutan perlu dijalankan untuk mengenal pasti kesan penulisan ini terhadap pentafsiran. Ini berdasarkan salah satu kaedah para ulama yang menyatakan setiap perbezaan *wujub al-qira'at* memberi kesan kepada pentafsiran. Kajian ini penting sebagai satu percambahan dalam disiplin ilmu *qiraat* dalam masa yang ia memastikan kajian berasaskan turath islam sentiasa relevan sepanjang zaman.

Rujukan

- Abu Daud, S. b. (2002). *Mukhtasar al-Tabyin li Hija' al-Tanzil, Tabkik Ahmad Mu'ammarr Sharsbal*. Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik al-Fahd.
- al-Dabba', A. M. (1999). *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- al-Dani, A. A. (2010). *al-Muqni' fi Ma'rifati Marsum Masabif abl al-Amsar. Tabkik Nawrah binti Hasan al-Humaid*. Makkah: Dar al-Tadmuriyyah.
- al-Hayani, U. A. (2015). Ittijahat al-Ulama fi Tawjih Zawahir al-Rasm al-Uthmani. *Majallah al-Jami'ah al-Iraqiah*, 82-108.
- al-Mas'ul, A. a.-'. (2007). *Mu'jam Mustalah Ilm al-Qiraat al-Qur'aniyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Sa'idi, A. H. (2015). *al-Ta'lif fi Hija' al-Masabif "al-Rasm al-Uthmani" Mawariduha, Manabijuha, Ayyharuha*. Madinah al-Munawwarah: Qassim University.
- al-Suyuti, J. a.-D. (1974). *Al-Itqan fi Ulum al-Quran*. Kaherah: al-Hai'aal-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab.
- Arifin, Z. (2012). Legalisasi Rasm Uthmani Dalam Penulisan al-Quran. *Jurnal of Quran and*

Hadith Studies. Vol 1, No. 2, 215-236.

Ibn al-Jazari, M. b. (t.th). *al-Nasb fi al-Qira'at al-'Asbr*. Kaherah: Matba'ah al-Tijariyah al-Kubra.

Karim, A. (2006). *al-Muthaf fi Rasm al-Mushaf*. Tanta: Dar al-Sahabah li al-Turath.

Nuwayr, Y. a.-S. (2016). Qawaid al-Rasm al-Uthmaniyy Wa Hikamihi. *Majallah al-Mizan al-Qanuniyyah*, 55-77.

Qadduri, G. (2012). *al-Muyassar fi Ilm al-Rasm wa Dabtibi*. Jedah: Markaz al-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah bi Ma'had al-Imam al-Shatibiy.

BAB 18

METODOLOGI PROF. DR. WAHBAH AL-ZUHAILI TERHADAP QIRAAT DALAM KITAB AL-TAFSIR AL-MUNIR : ANALISIS SURAH AL-KAHFI

Ahmad Syahir Bin Ahamad Nzly^{1,2}, Muhammad Aizat Syimir Bin Rozani²,
Mohd Mahfuz Bin Jaafar²

¹Calon Ma Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Tekonologi Mara

²Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Metodologi merupakan perkataan yang berasal daripada Bahasa Yunani atau Latin. Ia terdiri daripada tiga perkataan dasar iaitu *meta* yang bermaksud dengan dan *ados* yang membawa makna jalan serta *logos* yang bermakna ilmu, aliran atau mazhab. Jika digabungkan, maknanya akan diterjemahkan sebagai ilmu dengan jalan (Nazaruddin, 1974). Metodologi dapat difahami dengan makna suatu ilmu atau kaedah untuk mengkaji sesuatu kajian di samping usaha dan objektif yang sistematik bagi mendapatkan data yang tepat lagi berkesan (Winardi, 1976 & Morries 1981).

Biodata Prof Dr Wahbah Al-Zuhaili

Nama beliau adalah Wahbah bin Muṣṭafa bin Wahbah al-Zuhaili, seorang pakar *fiqh* dan usulnya, pentafsir Al-Quran dan juga pendakwah. Beliau dilahirkan pada tahun 1932 Masihi di Damsyik, Syria. Kehebatan beliau di dalam aspek akademik dapat dilihat daripada keupayaan beliau melanjutkan pengajian ijazah sarjana muda di beberapa buah universiti secara serentak di Fakulti Syariah dan Fakulti Bahasa Arab di Universiti Al-Azhar Al-Syarif Kaherah Mesir serta Fakulti Undang-Undang di Universiti Ain Shams Kaherah Mesir. Kemudian beliau melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana dalam bidang Syariah Islamiah di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kaherah Mesir. Beliau seterusnya berhasil mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah di fakulti yang sama dan menghasilkan disertasi yang cemerlang bertajuk “*Athār al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranaḥ*” pada tahun 1963 Masihi (‘Arafāt ‘Abd al-Hamīd: 2017).

Menurut ‘Arafāt (2017) juga, kerjaya Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili bermula di dalam bidang akademik sebagai pensyarah di Fakulti Syariah, Universiti Damsyik pada tahun 1963 Masihi. Seterusnya, mendapat gelaran Profesor Madya pada tahun 1969 Masihi dan Profesor pada tahun 1975 Masihi. Kemudian beliau menjadi pensyarah jempunan di pelbagai universiti seperti Fakulti Syariah dan Kanun di Universiti Benghazi (Libya) selama 2 tahun, Jabatan Syariah di Universiti Khartoum (Sudan), *al-Markaẓ al-‘Arabī li al-Dirāsāt al-Amniyyah* (Riyadh), Fakulti Syariah dan Undang-undang di Universiti al-Imārāt (Emiriah Arab Bersatu) selama 5 tahun dan di sini beliau menghasilkan tafsir tersebut serta lain-lain lagi (Ismā‘il ‘Alī Maḥmūd: 2019).

Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili menulis sebilangan besar karya-karya yang dikenali di dalam dunia pengajian Islam seperti *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj*, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, *Fiqh al-Sunnah al-Nabawiyyah*, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*,

al-Qiṣṣah al-Qurāniyyah, al-Muwāzanah Bayna Al-Quran wa al-Sunnah fī al-Abkām dan lain-lain lagi ('Arafāt 'Abd al-Hamīd: 2017).

Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili meninggal pada hari Sabtu bersamaan 8 Ogos 2015 di Syria pada umur 83 tahun ('Arafāt 'Abd al-Hamīd: 2017).

Pengenalan Kitab Al-Tafsir Al-Munir

Al-Tafsir al-Munir fī al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj merupakan di antara karya agung Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili. Ia pertama kalinya diterbitkan pada tahun 1991 Masihi di *Maṭba'ah Dār al-Fikr*, Beirut, Lubnan. Karya ini kemudiannya selesai dihasilkan pada tahun 1988 Masihi dengan mengambil masa selama 5 tahun untuk disiapkan ('Īsā Sālim & Waṣfī Hasān: 2013).

Menurut Munadi Latip (2016), *Al-Tafsir al-Munir* konsisten dalam metodologi tafsirnya pada setiap surah seperti berikut:

1. Pecahan ayat Al-Quran menurut topik serta diberikan tajuk yang khusus.
2. Penerangan kandungan surah secara umum (*Mushtamalātubā*).
3. Penjelasan pada sudut bahasa (*al-Mufradāt al-Lughawīyyah*).
4. Penjelasan berkaitan sebab penurunan ayat atau surah dengan berpandukan kepada riwayat yang sahih dan menolak riwayat yang daif (*Sabab al-Nuzūl*).
5. Tafsir ayat secara terperinci (*al-Tafsir wa al-Bayān*).
6. Hukum-hakam yang dikeluarkan daripada ayat (*Fiqh al-Ḥayāt aw al-Abkām*).
7. Persoalan *balāghah* dan *I'rab* (*al-Qirā'at, al-I'rab & al-Balāghah*).

Menurut 'Īsā Sālim & Waṣfī Hasān (2013) juga, Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili menyentuh perbincangan berkaitan Ulum Al-Quran di dalam tafsirnya seperti definisi Al-Quran, proses penurunannya, proses pengumpulannya, cara penulisannya termasuk hal yang berkaitan *al-Rasm al-'Uthmānī* dan *al-Aḥruf al-Sab'ah*. Beliau juga tidak ketinggalan dalam membincangkan hal berkaitan Qiraat yang tujuh berdasarkan matan *Hirz Al-Amani Wa Wajb Al-Tabani* karya Imam Asy-Syatibi, *I'jāz Al-Quran*, hukum menterjemah Al-Quran serta perbincangan ulama berkaitan *al-Hurūf al-Muqatta'ah* di awal surah. Tafsir ini juga kaya dengan pengisian-pengisian seperti kelebihan surah-surah di dalam Al-Quran, *al-Munāsabāt* di antara ayat Al-Quran dengan ayat Al-Quran yang lain dan surah dengan surah yang lain, pengajaran ayat, peristiwa-peristiwa bersejarah, hukum syariah, pedoman kehidupan yang wujud di dalam sesuatu ayat dan surah dan lain-lain topik yang berkaitan dengan Al-Quran.

Kehebatan *Al-Tafsir al-Munir* malah diakui di seantero dunia apabila ia telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa lain seperti Bahasa Turki, Bahasa Parsi, Bahasa Urdu, Bahasa Inggeris, Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu.

Pengenalan Surah Al-Kahfi

Surah al-Kahfi merupakan surah makiyyah iaitu diturunkan sebelum hijrah Nabi Muhammad SAW ke bumi Madinah al-Munawwarah. Ia diturunkan di Makkah al-Mukarramah dan merupakan surah ke 18 di dalam al-Quran al-Karim. Ia membawa maksud gua di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia. Surah ini mengandungi 110 ayat. Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili menulis di dalam kitab beliau, *Al-Tafsir Al-Munir Fī Al-'Aqīdah Wa Al-Syarī'ah Wa Al-Manhaj*, berkenaan perincian qiraat tujuh *al-mutawatirah al-sugbra* dengan berpandukan matan Qiraat *al-Syatibiyah* dan beliau juga menulis kaedah bacaan imam qiraat kesepuluh iaitu Imam Kholaf al-Asyir dan dua rawinya, Ishak dan Idris berpandukan matan syair tentang ilmu qiraat yang berjudul *al-Durrah al-Mudhi'ah* karya Imam Ibnu al-Jazari di dalam permulaan setiap 13 *fasi* iaitu bab kecil di dalam Surah al-Kahfi. Ia melibatkan 71

tempat atau contoh perkataan di dalam al-Quran yang terdapat padanya khilaf iaitu perbezaan kaedah bacaan dalam kalangan imam qiraat tujuh mengikut toriq (aliran) Imam Syatibi serta termasuk imam qiraat kesepuluh iaitu Imam Kholaf al-Asyir dan dua rawinya, Ishak dan Idris daripada matan syair tentang ilmu qiraat yang berjudul al-Durrah al-Mudhi'ah karya Imam Ibnu al-Jazari. Selain itu, perbahasan ini melibatkan sebanyak 22 muka surat secara keseluruhannya di dalam karya agung beliau mengenai ilmu tafsir al-Quran ini (Wahbah, 2018).

Pengenalan Qiraat

Ilmu Qiraat merupakan suatu ilmu yang diketahui daripada kesepakatan para periwayat bagi kitab Allah iaitu Al-Quran dalam kalangan Imam Qiraat yang sepuluh dan perbezaan pendapat mereka di dalam Bahasa Arab, *i'rab*, *hazaf*, *ithbat*, *tabrik*, *iskan*, *fasl*, *ittisol*, dan seumpamanya daripada segi bunyi dan pertukaran yang disebabkan oleh pendengaran (Ahmad Muhammad, 2012).

Ilmu Qiraat merupakan salah satu cabang ilmu Al-Quran yang amat penting. Hal ini kerana, melalui disiplin ilmu ini, para ilmuan Islam dalam bidang ini telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan pembahagian jenis qiraat, tokoh-tokoh utama sama ada dari Qiraat tujuh, lapan, sepuluh dan sebagainya serta kaedah sebutan dan bacaan Al-Quran. Namun, pengajian dan pembelajaran Ilmu Qiraat tidak hanya terberhenti pada cara pembacaan Al-Quran sahaja bahkan perlu dipandang secara kolektif bersama cabang-cabang ilmu yang lain khususnya Ilmu Tafsir.

Ilmu Qiraat mempunyai kaitan yang signifikan terhadap tafsiran ayat-ayat Al-Quran. Bahkan para ulama meletakkan qiraat sebagai salah satu cabang metodologi penafsiran Al-Quran dengan Al-Quran. Melalui perbezaan qiraat tersebut, ayat-ayat Al-Quran dapat difahami dengan lebih baik kerana setiap cara bacaan tersebut melengkapi di antara satu sama lain.

Kesan Qiraat Terhadap Tafsir

Ilmu Qiraat tidak hanya terhad kepada perbahasan cara membaca Al-Quran sahaja. Bahkan ilmu tersebut sangat penting dalam memahami intipati ayat suci yang terkandung di dalamnya. Hal ini kerana memahami Al-Quran melalui perbezaan qiraat merupakan di antara cabang kaedah *tafsir Al-Quran Bi Al-Quran* (Qajwi, Muhammad: 2015). Setiap bacaan yang berbeza terhadap sebuah ayat sebenarnya saling melengkapi di antara satu sama lain sehingga menatijahkan satu makna yang lengkap dan sempurna. Sekiranya setiap cabang qiraat perlu dipamerkan dalam bentuk ayat yang berlainan maka ia akan mengakibatkan Al-Quran menjadi teks yang sangat panjang (Al-Suyuti: 1987). Oleh itu, jelaslah bahawa Al-Quran itu menafsirkan dirinya sendiri di antara satu sama lain melalui ayat-ayat di dalamnya.

Perbezaan qiraat Al-Quran sama ada *mutawatir* atau *shadz* menghasilkan kepelbagaian dan keluasan makna dalam penafsirannya. Bahkan ia mampu untuk menghilangkan kesamaran pada makna ayat-ayat tersebut dengan mengkhhususkan atau memperincikan makna ayat yang umum (Al-Zubaidi, Muneer: 2019). Justeru, perbezaan bacaan pada ayat-ayat suci Al-Quran bukan bersifat sia-sia bahkan menghasilkan penerangan yang lebih sempurna terhadap kehendak Allah S.W.T melalui kalamNya.

Kajian menunjukkan bahawa perbezaan qiraat boleh berlaku dalam bentuk menambah atau mengurangkan huruf sekaligus mengubah struktur perkataan tersebut lantas memberikan kesan pada sudut makna. Oleh itu, Al-Rasyidi (2009) di dalam kajiannya merumuskan bahawa:

" الزيادة في المبني تدل على الزيادة في المعنى "

Maksudnya:

Penambahan pada struktur (perkataan) membawa kepada penambahan pada makna.

Misalnya dapat dilihat apabila para Qurra' berbeza pendapat dalam membaca kalimah "مالك" pada ayat 4 dalam Surah al-Fatihah:

مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ٤

Maksudnya:

Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat)

Imam 'Asim dan al-Kisaie membacanya dengan menambah huruf alif di antara huruf mim dan lam. Bacaan ini merupakan bacaan para sahabat dan tabien antaranya Ibn Mas'ud, Muadz bin Jabal, Ibn 'Abbas, Qatadah dan al-A'masy (Ibn Hayyan: 2000). Imam al-Tabari (2000) berpendapat bahawa "مالك" berasal daripada perkataan "مَلِكٌ - يَمَلِكُ - مَلَكًا" yang membawa maksud memiliki seperti memiliki duit atau pakaian (Ibn Manzhur: 1994). Justeru di dalam konteks ia membawa makna bahawa tiada siapa yang menjadi pemilik pada hari itu melainkan Allah S.W.T (Al-Tabari: 2000). Situasi ini menjelaskan bahawa hanya Allah S.W.T sahaja yang berhak ke atas hari tersebut selaku pemilik tunggal seperti yang digambarkan oleh Allah S.W.T di dalam Surah al-Naba', ayat ke 38 yang berbunyi:

يَوْمَ يَقُومُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفًّا لَا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا ٣٨

Maksudnya:

Tidak ada yang berani berkata-kata (memohon pertimbangan) melainkan yang telah diizinkan baginya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, serta ia berkata benar.

Manakala bacaan lain bagi kalimah tersebut adalah dengan membuang alif di antara huruf mim dan lam "ملك" seperti yang dibaca oleh Imam Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir dan Hamzah. Qiraat ini juga dibaca oleh Abi Darda', Ibn 'Umar dan ramai para sahabat dan tabien. Kalimah "ملك" berasal daripada "مَلِكٌ - يَمَلِكُ - مَلَكًا" yang membawa maksud raja. Maka bacaan ini membawa maksud bahawa pada Hari Kiamat nanti Allah S.W.T merupakan raja yang sebenar dan yang menguasai makhluknya pada hari tersebut. Hal ini sebahagian makhlukNya pernah menjadi "raja di dunia" malah berperang dan bergaduh deminya serta mempertahankan jawatan tersebut dengan penuh kebanggaan dan perasaan takabbur. Namun pada Hari Kiamat nanti, semua akan akur dan tunduk pada Raja sekalian raja, iaitu Allah 'Azza Wa Jalla.

Kajian juga menunjukkan bahawa perbezaan qiraat juga boleh berlaku dalam bentuk perubahan pada struktur perkataan sama ada melalui pertukaran huruf atas baris tanpa sebarang penambahan atau pengurangan pada struktur perkataan. Misalnya perbezaan qiraat pada kalimah "يَبْدَأُ" dalam Surah al-Rum, ayat 27:

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ

Maksudnya:

Dan Dia lah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Ia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedang perlaksanaan yang demikian amatlah mudah bagiNya.

Ibn Mas'ud dan Ibn 'Umar membaca perkataan tersebut dengan meletakkan baris *dhommah* pada huruf ya dan baris *kasrah* pada huruf dal "يَبْدَأُ" berpandukan kepada perkataan "أَبْدَأُ -

"يُذِي" (Al-Qurtubi: 2003). Contoh seterusnya juga dapat dilihat pada firman Allah S.W.T dalam Surah al-Baqarah, ayat ke 140 yang berbunyi:

أَمْ تَقُولُونَ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ كَانُوا هُودًا أَوْ نَصَارَىٰ

Maksudnya:

"Atau patutkah kamu mengatakan, bahawa Nabi Ibrahim, dan Nabi Ismail, dan Nabi Isbak, dan Nabi Yaakub beserta anak-anaknya, mereka semua adalah orang-orang Yahudi atau Nasrani, (padahal ugama mereka telahpun ada sebelum adanya ugama Yahudi atau ugama Kristian itu)?"

Imam Ibn 'Amir, Hafis, Hamzah dan al-Kisaie membaca perkataan "تَقُولُونَ" dengan huruf ta *al-Mukhotobah*. Bacaan ini dipilih oleh para Qurra' tersebut ikutan kesinambungan ayat ini dengan ayat sebelum dan selepasnya. Kaedah ini dinamakan sebagai Ilmu *al-Munasabat* di dalam Ulum Al-Quran. Jika diteliti ayat sebelum dan selepasnya, Allah S.W.T menggunakan lafaz *Al-Mukhotob* seperti yang disebut pada ayat 139 dan 140, maka dikekalkan cara bacaan tersebut mengikut konteks ayat:

فَلْ أَتَحَابُّوْنَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلِنَا أَعْمَلْنَا وَلَكُمْ أَعْمَلُكُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُخْلِصُونَ ١٣٩

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Patutkah kamu (hai kaum Yahudi dan Nasrani) membuat bantahan terhadap kami mengenai pilihan Allah dan pengurniaannya? Padahal Dia lah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami (faedah) amal kami dan bagi kamu pula (faedah) amal kamu (kalau diikhlasikan), dan kami adalah (mengerjakan amal dengan) ikhlas kepadanya;

فَلْ ءَأَنْتُمْ أَعْلَمُ أَمْ اللَّهُ

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah?"

Walaubagaimanapun, Imam Nafi', Ibnu Kathir dan Abu 'Amru membacanya dengan huruf ya *al-Ghaib* "يَقُولُونَ". Mereka juga berhujah dengan menggunakan munasabat ayat sebelumnya yang digunakan dalam konteks *al-Ghaib* seperti yang dinyatakan pada ayat 137 yang berbunyi:

فَإِنْ ءَامَنُوا بِمِثْلِ مَا ءَامَنْتُمْ بِهِ- فَقَدْ ءَاهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا هُمْ فِي شِقَاقٍ فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ١٣٧

Maksudnya:

Maka kalau mereka beriman sebagaimana kamu beriman (dengan Kitab-kitab Allah dan Rasul-rasulnya), maka sesungguhnya mereka telah beroleh petunjuk; dan jika mereka berpaling (serta tidak mahu beriman dengan sebenar-benar iman) maka sesungguhnya mereka akan tinggal berkekalan dalam perbalahan dan permusuhan (dengan kamu); oleh itu (janganlah engkau khawatir wahai Muhammad) kerana Allah akan memelibaramu (dan umatmu) dari kejahatan mereka; dan Dia lah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Bacaan Qiraat yang pelbagai ini tidak menghasilkan makna yang kontradik di antara satu sama lain. Akan tetapi kepelbagaian ini sekiranya difahami secara bersama membuahkan gambaran yang lebih lengkap dan sempurna tentang kehendak Allah S.W.T melalui kalamNya. Bahkan cara ini merupakan cara terbaik untuk memahaminya (Al-Qisi, Makki: 1984). Misalnya bacaan sama ada secara al-Takhfif atau al-Tasydid pada kalimah "يَكْذِبُونَ" dalam Surah al-baqarah, ayat ke 10:

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan basad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).

Kesemua cara bacaan ini sebenarnya kembali kepada makna yang sama. Sesiapa yang mendustakan risalah yang dibawa oleh nabi dan kenabiannya maka dia adalah penipu "كاذِبٌ". Manakala sesiapa yang mendustakan Allah S.W.T dan wahyunya maka dia juga merupakan penipu "مُكَذِّبٌ" terhadap apa yang diturunkan oleh Allah S.W.T (Al-Qisi, Makki: 1984).

Metodologi Qiraat

Kertas kerja ini membincangkan tentang metodologi Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili di dalam Surah Al-Kahfi terhadap qiraat tujuh *al-mutawatirah al-sughra* dengan berpandukan matan qiraat *al-Syatibiyah* atau nama lainnya *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tabani* karangan Imam Al-Syatibi. Ianya merangkumi tujuh Imam Qiraat iaitu Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir, 'Asim, Hamzah, Kisaie. Selain itu, beliau juga datangkan perbincangan mengenai imam qiraat kesepuluh daripada qiraat tiga *al-mutawatirah al-sughra* dengan berpandukan matan qiraat al-Durrah al-Mudhi'ah karya Imam Ibnu al-Jazari. Beliau hanya datangkan perbincangan tentang kaedah bacaan imam qiraat kesepuluh iaitu Imam Kholaf al-Asyir dan dua rawinya, Ishak dan Idris serta tidak mendatangkan perincian tentang dua lagi baki qiraat daripada matan syair tentang ilmu qiraat yang berjudul al-Durrah al-Mudhi'ah karya Imam Ibnu al-Jazari. Dua baki imam qiraat tersebut ialah imam kelapan, Abu Jaafar beserta anak muridnya, Ibn Wardan dan Ibn Jammaz selain kesembilan iaitu Yaakub dan dua rawinya, Ruwais dan Ruh.

Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili menulis di dalam kitab beliau, *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-'Aqidah Wa Al-Syari'ah Wa Al-Manhaj*, berkenaan perincian qiraat tujuh *al-mutawatirah al-sughra* dengan berpandukan matan Qiraat *al-Syatibiyah* dan kaedah bacaan imam qiraat kesepuluh iaitu Imam Kholaf al-Asyir dan dua rawinya, Ishak dan Idris berpandukan matan syair tentang ilmu qiraat yang berjudul al-Durrah al-Mudhi'ah karya Imam Ibnu al-Jazari di dalam permulaan setiap 13 *fasl* iaitu bab kecil di dalam Surah al-Kahfi. Ia melibatkan 71 tempat atau contoh perkataan di dalam al-Quran yang terdapat padanya khilaf iaitu perbezaan kaedah bacaan dalam kalangan imam qiraat tujuh mengikut toriq (aliran) Imam Syatibi serta termasuk imam qiraat kesepuluh iaitu Imam Kholaf al-Asyir dan dua rawinya, Ishak dan Idris. Selain itu, perbincangan ini melibatkan sebanyak 22 muka surat secara keseluruhannya di dalam karya agung beliau mengenai ilmu tafsir al-Quran ini (Wahbah, 2018).

Di dalam bab kecil pertama pada Surah Al-Kahfi di dalam kitab *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-'Aqidah Wa Al-Syari'ah Wa Al-Manhaj*, terdapat tiga contoh perkataan yang didatangkan oleh beliau. Perkataan pertama adalah di hujung ayat pertama iaitu perbincangan tentang saktah, manakala perkataan kedua dan ketiga pula pada ayat kedua Surah Al-Kahfi (Jamaluddin, 2006 & Wahbah, 2018).

Berdasarkan penelitian dan pemerhatian yang mendalam, pengkaji mendapati, metodologi dan kaedah berinteraksi beliau dengan perbincangan qiraat di dalam kitab *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-'Aqidah Wa Al-Syari'ah Wa Al-Manhaj*, adalah mengutamakan dan menyatakan terlebih dahulu bacaan Imam Hafs sebagai bacaan majoriti di dunia dan imam yang sepakat dengannya kemudian bacaan imam lain yang berbeza. Menurut Abdul Rahman (1998) dan Shahrudin (2015) 95 peratus jumlah masyarakat Islam di dunia menggunakan riwayat Imam Hafs 'An 'Asim toriq Syatibi di dalam bacaan al-Quran harian mereka. Seperti

contoh pada ayat pertama Surah Al-Kahfi beliau perincikan kaedah bacaan riwayat Hafs toriq Syatibi dengan saktah iaitu berhentikan bacaan seketika sekadar dua harakat tanpa mengambil nafas baharu ketika wasal yakni sambung bacaan akhir ayat pertama dengan awal ayat kedua. Beliau juga perincikan yang para rawi dan imam qiraat selain Hafs membaca dengan tanpa saktah (Wahbah, 2018).

Selain itu, beliau mengutamakan kaedah bacaan riwayat riwayat Hafs toriq Syatibi dengan menuliskannya di dalam tulisan berwarna merah sebagai qiraat yang digunapakai dan diketahui umum. Kemudian, beliau mendatangkan riwayat yang dibaca oleh para rawi atau qiraat yang dibaca oleh para imam qiraat yang lain iaitu berbeza dengan kaedah bacaan riwayat riwayat Hafs toriq Syatibi. Contohnya, perkataan ketiga dalam ayat kedua Surah Al-Kahfi, rawi al-Susi membaca ketika sambung dan berhenti manakala Imam Hamzah ketika waqaf sahaja dengan kaedah *ibdal* iaitu menukarkan huruf hamzah yang berbaris mati atau sukun kepada huruf alif mad. Contoh yang lain adalah pada perkataan ketujuh pada ayat kedua Surah Al-Kahfi, Imam Hamzah dan Kisaie membaca dengan kaedah berbeza dengan riwayat Hafs 'An 'Asim toriq Syatibi. Imam Hamzah dan Kisaie membaca dengan baris atas atau *fathah* pada huruf ya, baris mati atau *sukun* pada huruf ba, huruf syin dibaca dengan baris hadapan atau *dhommah* dengan tanpa sabdu. Beliau turut jelaskan kaedah bacaan riwayat Hafs toriq Syatibi adalah dengan baris hadapan atau *dhommah* pada huruf ya, baris atas pada huruf ba, huruf syin bersabdu dan berbaris bawah atau *kasrah* (Jamaluddin, 2006 & Wahbah, 2018).

Tambahan pula, perkataan atau frasa yang padanya terdapat tiga dan ke atas kaedah bacaan berbeza, beliau menyenaraikan kesemua qiraat beserta siapa rawi atau imam qiraat yang membacanya. Contohnya perkataan kelima ayat 17 Surah Al-Kahfi, beliau datangkan kaedah bacaan riwayat Hafs toriq Syatibi dengan menuliskannya di dalam tulisan berwarna merah sebagai qiraat yang digunapakai dan diketahui umum. Beliau menulis kaedah bacaan riwayat Hafs toriq Syatibi dengan huruf zai berbaris atas, terdapat alif mad selepas huruf zai, huruf wau berbaris atas dan huruf ra berbaris hadapan tanpa sabdu. Kemudian, beliau mendatangkan qiraat yang dibaca oleh para imam qiraat yang lain iaitu berbeza dengan kaedah bacaan riwayat Hafs toriq Syatibi. Bacaan kedua adalah qiraat Imam Ibn Amir dengan huruf zai berbaris sukun, tidak terdapat alif mad selepas huruf zai, huruf wau berbaris atas dan huruf ra berbaris hadapan serta bersabdu. Berikutnya adalah qiraat yang dibaca oleh empat imam qiraat iaitu Asim, Hamzah, Kisaie dan Kholaf al-Asyir, kaedahnya sama dengan riwayat Hafs toriq Syatibi. Hal ini adalah kerana, Hafs adalah rawi atau anak murid kedua Imam Asim. Manakala bacaan ketiga adalah bacaan baki imam qiraat iaitu imam pertama, Nafi', kedua, Ibn Kathir dan ketiga iaitu Abu Amru dengan huruf zai berbaris atas dan bersabdu, terdapat alif mad selepas huruf zai, huruf wau berbaris atas dan huruf ra berbaris hadapan tanpa sabdu (Jamaluddin, 2006 & Wahbah, 2018).

Disamping itu, beliau menulis hanya sekali perkataan atau frasa yang berulang di dalam satu ayat atau himpunan ayat dalam satu bab kecil pada kitab *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-'aqidah Wa Al-Syari'ah Wa Al-Manhaj*. Contohnya, perkataan ketiga pada ayat 34 dan perkataan kedua ayat 42 Surah al-Kahfi yang mana terdapat tiga kaedah bacaan. Kaedah bacaan pertama dengan baris *dhommah* atau hadapan huruf tha dan baris sukun huruf mim yang merupakan qiraat Imam Abu Amru. Kaedah bacaan kedua, bagi Imam Asim adalah secara baris atas atau *fathah* bagi huruf tha dan mim. Qiraat ketiga adalah selain mereka berdua iaitu Nafi', Ibn Kathir, Ibn Amir, Hamzah, Kisaie dan Kholaf al-Asyir. Kaedah bacaan bagi mereka adalah dengan baris *dhommah* atau hadapan huruf tha dan mim (Jamaluddin, 2006 & Wahbah, 2018).

Sementelahan pula, jika kaedah qiraat sama tetapi perkataan atau frasanya berbeza, Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili tetap menulis dalam perenggan yang berlainan. Beliau tidak hanya memadai dengan penulisan pada satu perenggan sahaja sebaliknya dipisahkan dalam dua perbahasan berbeza. Contohnya, perkataan ketiga ayat kedua Surah al-Kahfi dan perkataan ketujuh dalam ayat 16 Surah al-Kahfi. Kaedah bacaan tersebut adalah sama iaitu

ibdal, menukarkan huruf hamzah berbaris mati kepada huruf mad yakni huruf alif mad. Rawi al-Susi membaca ketika sambung dan berhenti manakala Imam Hamzah ketika waqaf sahaja dengan kaedah *ibdal* iaitu menukarkan huruf hamzah yang berbaris mati atau sukun kepada huruf alif mad. Selain rawi al-Susi membaca ketika sambung dan berhenti manakala Imam Hamzah ketika waqaf sahaja, baki para rawi dan imam qiraat lain membaca seperti bacaan riwayat Hafs toriq Syatibi. Kaedahnya adalah dengan mengekalkan huruf hamzah yang berbaris mati pada bacaan dan penulisan (Jamaluddin, 2006 & Wahbah, 2018).

Selain itu, beliau menukarkan secara majoritinya mengenai perbincangan qiraat tujuh *al-mutawatirah al-sughra* dengan berpandukan matan Qiraat *al-Syatibiyah* atau nama lainnya *Hirz al-Amami wa Wajb al-Tabani* karangan Imam Al-Syatibi. Hal yang demikian bermaksud, beliau datangkan secara majoritinya perbincangan tentang qiraat tujuh yang mana imam pertamanya adalah Imam Nafi' serta dua orang rawinya iaitu Qolun dan Warsy. Selain itu, Imam kedua, Ibn Kathir dan dua orang rawinya al-Bazzi dan Qunbul serta imam ketiga Abu Amru dan dua orang rawinya iaitu al-Duri Abu Amru di samping al-Susi. Perbincangan tentang imam keempat iaitu Ibn Amir serta dua orang rawinya yang bernama Hisyam dan Ibn Zakwan turut dimuatkan. Seterusnya, kaedah bacaan imam kelima yang bernama Asim dan dua orang rawinya iaitu Hafs dan Syukbah juga beliau nukilkan. Bacaan imam keenam, Hamzah dan dua orang anak muridnya, Kholaf dan Kholad juga dibahaskan selain imam ketujuh, Kisaie beserta dua rawinya, Abu al-Harith dan al-Duri Kisaie. Jika beliau hanya menyebut tentang bacaan seorang imam qiraat, ia membawa maksud, dua anak muridnya mengikuti kaedah tersebut. Tetapi sebaliknya jika hanya disebut nama anak murid, kaedah bacaan tersebut hanya merujuk kepada anak murid atau rawi tersebut sahaja. Beliau mendatangkan juga kaedah bacaan qiraat Imam Qiraat kesepuluh, Kholaf al-Asyir dan dua rawinya, Ishak dan Idris serta tidak mendatangkan perincian tentang dua lagi baki qiraat daripada matan syair tentang ilmu qiraat yang berjudul *al-Durrah al-Mudhi'ah* karya Imam Ibnu al-Jazari. Dua baki imam qiraat tersebut ialah imam kelapan, Abu Jaafar beserta anak muridnya, Ibn Wardan dan Ibn Jammaz selain kesembilan iaitu Yaakub dan dua rawinya, Ruwais dan Ruh (Jamaluddin, 2006 & Wahbah, 2018).

Kesimpulan

Usaha mengkaji metodologi para ahli tafsir al-Quran terhadap qiraat dalam kitab tafsir mereka perlu digiatkan dalam kalangan pengkaji ilmu pengajian Islam secara umumnya dan khususnya mereka yang menceburkan diri dalam dua disiplin ilmu tersebut iaitu tafsir dan qiraat. Hal ini adalah kerana masih sedikit kajian yang dilakukan tentang perkara ini. Kajian secara kualitatif yang telah dijalankan oleh pengkaji mendapati, metodologi dan kaedah berinteraksi beliau dengan perbincangan qiraat adalah mengutamakan dan menyatakan terlebih dahulu bacaan riwayat Imam Hafs 'An 'Asim toriq Syatibi sebagai bacaan majoriti di dunia iaitu 95% menurut Abdul Rahman (1998) dan Shaharuddin (2015) dan rawi serta imam lain di dalam ilmu qiraat yang sepakat dengannya kemudian bacaan rawi atau imam lain yang berbeza. Selain itu, beliau mengutamakan kaedah bacaan riwayat Imam Hafs toriq Syatibi dengan menulisnya di dalam tulisan berwarna merah sebagai qiraat yang digunakan dan diketahui umum. Kemudian, beliau mendatangkan riwayat yang dibaca oleh para rawi atau qiraat yang dibaca oleh para Imam Qiraat yang lain iaitu berbeza dengan kaedah bacaan riwayat Imam Hafs toriq Syatibi. Tambahan pula, perkataan atau frasa yang padanya terdapat tiga dan ke atas kaedah bacaan berbeza, beliau menyenaraikan kesemua qiraat beserta siapa rawi dan imam yang membacanya. Disamping itu, beliau menulis hanya sekali perkataan atau frasa yang berulang di dalam satu ayat atau himpunan ayat dalam satu bab kecil pada kitab *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-'aqidah Wa Al-Syari'ah Wa Al-Manhaj*. Sementelahan pula, jika kaedah qiraat sama tetapi perkataan atau frasanya berbeza, Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili tetap menulis dalam perenggan yang berlainan. Beliau tidak hanya memadai dengan penulisan pada satu perenggan sahaja sebaliknya dipisahkan dalam dua

perbahasan berbeza. Selain itu, beliau menukulkan secara majoritinya perbahasan qiraat tujuh berdasarkan *al-mutawatirah al-sugbra* dengan berpandukan matan Qiraat *al-Syatibiyah* atau nama lainnya *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tabani* karangan Imam Al-Syatibi. Beliau mendatangkan juga kaedah bacaan qiraat Imam Qiraat kesepuluh, Kholaf al-Asyir dan dua rawinya, Ishak dan Idris serta tidak mendatangkan perincian tentang dua lagi baki qiraat daripada matan syair tentang ilmu qiraat yang berjudul *al-Durrah al-Mudhi'ah* karya Imam Ibnu al-Jazari. Dua baki imam qiraat tersebut ialah imam kelapan, Abu Jaafar beserta anak muridnya, Ibn Wardan dan Ibn Jammaz selain kesembilan iaitu Yaakub dan dua rawinya, Ruwais dan Ruh. Pengkaji berharap agar lebih banyak kajian dilakukan tentang metodologi mufassir terhadap qiraat dalam kitab tafsir mereka sekaligus membuka ruang perbahasan yang lebih luas dan mendalam mengenai dua ilmu ini.

Rujukan

- Nazaruddin S.H (1974), *Publisiti Dakwah*, Jakarta : Penerbitan Erlangga, h33.
- Winardi (1976), *Pengantar Metodologi Research* Bandung, Penerbit Ammi h55.
- Morries (1981), *The American Heritage Dictionary Of The English Language* (ed.) Hoston: Houghton Mifflin Company h2.
- ‘Isā Šālih Khalf, W. M. M. Wašfi Hasān. (2013). *Al-Tarjihāt al-Fiqhiyyah li al-Duktūr Wahbah al-Zuhaylī min khilāl Kitābih al-Tafsīr al-Munīr fī al-Hudūd. Majallab Jami‘ab Tikrit li al-‘Ulūm al-Islamiyyah*, (19), 295 – 392.
- ‘Arafāt ‘Abd al-Ḥamīd Muḥammad Ibrāhīm. (2017). *Wahbah al-Zuhaylī wa Ikhtiyārātuh al-Fiqhiyyah fī al-Mu‘āmalāt al-Māliyah al-Mu‘āšarah – Dirāsab Muqāranab*, Disertasi Ph.D Universiti Al-Quds.
- ‘Ismā‘il ‘Alī Maḥmūd ‘Iyād. (2019). *al-Duktūr Wahbah al-Zuhaylī wa Ikhtiyārātuh al-Fiqhiyyah al-Mu‘āšarah fī al-Tbādāt*, Disertasi Ph.D Universiti Al-Quds.
- Munadi. L. (2016). *Sharḥ Ustādh Mawlānā Šālihīn min Tafsīr al-Munīr fī Ma‘had al-Iḥsān Banjarmasin*.
- Ahmad Muhammad Abu Bakr al-Qostolani, *Lathoif Al-isyarat Li Funun al-Qiraat*, Majma’ Al-malik Fahd, 2012.
- Muhammad Qajwi. *Tafsīr Al-Quran Bi Al-Quran (Dirosatan Tarikhiyyatan Wa Nazḥariyyatan)*, Markaz al-Dirasat al-Quraaniyyah & al-Rabithah al-Muhammadiyah Li al-‘ulama’. 2015.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. *Al-Itqan Fi Ulum Al-Quran*. Al-Maktabah al-‘Asriyyah Shida Beirut. 1987.
- Jalaluddin al-Suyuti. Jalauddin al-Mahali. *Tafsīr al-Jalalain*. Dar al-Mustofa. 2013.
- Muneer Ahmad Al-Zubaidi. Athar al-qiraat al-Quraaniyah Fi Bayan al-Ma’ani Wa al-Dalaalat al-Tafsiriyyah Fi Qishah Maryam ‘Alaiha al-Salam. *Journal of Al-Quds Open University for Humanities and Social Studies*, 1:48, 92-102. 2019.
- Muhammad Zhanun Yunus Fathi al-Rasyidi. Isyaliyat Ziyadat al-Mabna Wa Dalalatuha ‘ala Ziyadat al-Ma’na (Dirasatan Tathbiqiyyatan ‘ala al-Sin Wa Saufa Fi Al-Quran Al-Karim. *Majallat Abbat Kulliyah al-Tarbiyyah al-Asasiyyah*. Jilid 8, Bil.4, 178-207
- Abu Hayyan Muhammad Bin Yusuf. *Al-Babru al-Mubith Fi Al-Tafsīr*. Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Tabari Muhammad Bin Jarir. *Jami’ al-Bayan Fi Ta’wil Al-Quran*. Muassasah al-Risalah.
- Ibn Manzbur. *Lisan al-‘Arab*. Dar Shodir Beirut.
- Al-Qurtubi. *Al-Jami’ Li Ahkam Al-Quran*. Dar ‘Alam al-Kutub, al-Riyadh
- Al-Qisi Muhammad Makki. *Al-Kasyfu ‘An Wujub al-Qiraat al-Sab’ Wa ‘Ialiba Wa Hijajiba*. Muassasah al-Risalah.

- Abi Muhammad Makki Bin Abi Talib al-Qaisi, *Al-kasyf 'An Wujub Al-Qiraat al-Sab'a Wa Tlaha Wahjajiba*, 1974.
- Jamaluddin Muhammad Syaraf. *Al-Qiraat al-'Asyr al-Mutawatirah min Thoriq al-Syatibiyah wa al-Durrah*. Dar al-Sahabah li al-Turath bi Tanta. 2006.
- Abd al-Rahman Aitani (1998), *al-Mufid fi 'Ilm al-Tajwid*, cet.2, Beirut, Muassasah al-Rayyan, h.147.
- Shaharuddin Saad (2015). Sejarah Bacaan Riwayat Hafz Melalui Aliran Al-Syatibi Dan Ibn Al-Jazari. *Jurnal Prngajian Islam, Akademi Pengajian Islam Kuis*. ISSN, November, 23-35.

BAB 19

METODOLOGI PENULISAN KITAB AL-USUL AL-NAYYIRAT FI AL-QIRA'AT: SATU KAJIAN

Ahmad Shahir Masdan, Mahmud Lutfi Abd. Hadi, Fatin Nazmin Mansor

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Ilmu qiraat merupakan satu ilmu yang tidak dapat dipisahkan daripada ilmu al-Quran. Kesedaran masyarakat Islam di Malaysia terhadap ilmu qiraat juga semakin hari semakin meningkat. Ini dapat dibuktikan dengan bermulanya penubuhan Darul Quran (DQ) pada tahun 1966 dan Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Negeri, JAKIM (MTQN) pada tahun 1980an di Malaysia dalam bidang pengajian tahfiz al-Quran dan qiraat (Zainora, 2015). Tidak cukup dengan itu, sokongan yang kuat daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan mewujudkan dasar yang menjaga kepentingan matapelajaran al-Quran dan qiraat melalui pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) juga telah membantu mengembangkan lagi ilmu qiraat ini di Malaysia.

Hasilnya dapat dilihat perkembangan positif terhadap perkembangannya dengan pertumbuhan maahad tahfiz di setiap negeri yang menjadikan ilmu qiraat sebagai subjek wajib bagi pelajar yang menghafaz al-Quran (Muhammad Hafiz *et. al.*, 2011). Selain itu, tidak kurang juga dengan penawaran subjek pengajian ilmu qiraat hampir di setiap institusi awam atau swasta di peringkat ijazah sarjana muda terhadap mahasiswa mereka (Muhammad Hafiz *et. al.*, 2011).

Menurut Sumayyah Ali dan Abdul Hafiz (2016), mereka mendapati bahawa kajian ilmiah dan pembukuan ilmu qiraat ke dalam bahasa Melayu agak sedikit dan kurang membantu dalam perkembangan ilmu qiraat. Dapatan kajian mereka ini disokong dengan hasil kajian Zainora dan Mustafa (2014) iaitu kajian keberkesanan kurikulum qiraat dalam kalangan pelajar Darul Quran (JAKIM) dari sudut tahap penguasaan ilmu qiraat mendapati (3.3%) berada di tahap yang sangat baik, (10%) baik, (50%) sederhana, (26.7%) lemah, dan (6.7%) sangat lemah.

Diantara faktor penting yang menyebabkan penguasaan ilmu ini berada di tahap sederhana adalah disebabkan kekurangan bahan-bahan rujukan dalam bahasa Melayu (Sumayyah Ali & Dr. Abdul Hafiz, 2016). Perkara ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Muhammad Hafiz *et. al.* (2011) menyatakan bahawa jumlah rujukan dalam bahasa Melayu yang amat terhad menjadi cabaran yang dihadapi pelajar untuk menguasai ilmu qiraat. Menariknya, pada akhir kajiannya, beliau memberi cadangan bahawa perlu difokuskan kajian yang berupa terjemahan ilmu qiraat ke dalam bahasa Melayu oleh para penulis agar dapat melengkapkan lagi rujukan bagi pelajar jurusan ilmu ini khususnya dan masyarakat amnya.

Asas kepada silibus pengajian ilmu qiraat di Malaysia adalah menggunakan Qiraat 7 terutamanya di sekolah-sekolah menengah, berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Eadil Mat (2010). Adapun untuk Qiraat 10, kebanyakannya diajarkan semasa di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kitab *Taqrib al-Ma'ani fi Sharh Hirz al-Amani fi al-Qira'at al-Sab'* pula merupakan salah satu kitab rujukan kontemporari yang popular untuk pembelajaran Qiraat tujuh. Walaubagaimanapun, masih terdapat banyak lagi lambakan rujukan dalam bidang Qiraat.

Bagi menonjolkan kelainan dalam penulisan ini, penulis ingin mengupas metodologi penulisan satu kitab rujukan lain dalam bidang qiraat iaitu kitab *al-Usul al-Nayyirat fi al-Qira'at*. Pemilihan kitab ini dipilih berdasarkan faktor penulisannya yang mudah difahami dan menarik untuk dikaji. Fokus kajian adalah dalam bab Usul Al- Qira'at sahaja. Selain daripada kitab dan bab tersebut, tidak termasuk dalam kajian penulis.

Pengenalan Kitab Al-Usul Al-Nayyirat Fi Al-Qira'at

Kitab *al-Usul al-Nayyirat fi al-Qira'at* merupakan kitab karangan Shaykhah Amani Binti Muhammad °Ashur. Kitab ini merupakan cetakan kelima daripada syarikat penerbitan Madar al-Watan, di mana syarikat ini terletak di Riyadh, Arab Saudi. Kitab ini mengandungi 483 halaman bercetak dan telah diterbitkan pada tahun 2017, bersamaan 1439H. Cetakan kitab ini menggunakan kertas yang berwarna sedikit kekuningan dan ianya merupakan edisi kulit keras. Menariknya, kitab ini menggunakan warna coklat di muka hadapan dan dalam penulisannya, banyak menggunakan warna hitam , biru dan merah.

Latar Belakang Penulis

Nama yang diberikan kepada penulis kitab ini adalah Amani Binti Muhammad °Ashur dan beliau dilahirkan di Iskandariah, Mesir. Beliau berpengalaman dalam bidang al-Quran selama 27 tahun. Diantara pengalaman beliau dalam bidang al-Quran adalah :-

- i) Menjadi tenaga pengajar di Madaris Atyab Al-Ahliyyah di Riyadh dalam bidang Alquran, Al-Qiraat dan Iqra'. Selain itu, di sekolah ini juga beliau juga menjadi Penyelia Pendidikan serta jurulatih di bahagian pembangunan Alquran.
- ii) Beliau juga berjasa terhadap penstrukturan lajnah dan silibus peperiksaan di Universiti Bir Al-Khairiyyah, Riyadh, Arab Saudi.
- iii) Beliau juga 2 tahun berkhidmat di Maahad al-Bayaan di Riyadh sebagai pemantau di sana.

Beliau telah mendapat pendidikan dalam bidang al-Quran dan qiraat ini daripada guru – guru yang pakar dalam bidang ini. Antara guru yang pernah mendidik beliau adalah:-

- i) Almarhumah Al-Shaykhah Ummu Al-Sa°ad Najm.
Beliau merupakan antara guru wanita paling masyhur dalam bidang al-Quran dan qiraat di Mesir pada zaman ini. Diantara anak murid beliau yang sangat masyhur adalah Dr. Ahmad Nuaina', salah seorang qari terkenal di dunia. Beliau meninggal dunia pada subuh 9 Oktober 2006 di Iskandariah, Mesir, bersamaan 16 Ramadhan 1427.
- ii) Al-Shaykh Muhammad °Abd al-Hamid.
Nama sebenar beliau adalah Muhammad bin Abdul Hamid bin Abdullah bin Khalil Al Muqri' Al-Mujawwad Sheikh Al-Iskandariyyah. Beliau dilahirkan pada 5 Mei 1926 di Al-Buhayrah, Mesir. Beliau merupakan pemegang sanad tertinggi bagi qiraat °Asharah kubra dan juga salah seorang pemegang sanad tertinggi al-Quran di dunia sekarang.
- iii) Al-Shaykh Misbah Wadn.

Nama sebenar beliau adalah Misbah Ibrahim Muhammad Al-Shaykh Ali Wadn. Dilahirkan di Desouk, Mesir pada 23 April 1943. Beliau telah menghafaz keseluruhan al-Quran pada umur 12 tahun. Beliau telah mendapat Shahadah [‘]Aliyah untuk qiraat pada tahun 1986 daripada Al-Shaykh Abdul Fattah al-Qadhi. Salah seorang muridnya yang terkenal adalah Al-Shaykh al-Muqri’ Ridha Ali Darwish.

- iv) Al-Shaykh Amin Najm Al-Sakandari.
Beliau merupakan seorang guru dalam bidang Bahasa Arab dan juga jurutera elektrik. Beliau merupakan anak murid kepada Al-Shaykh Muhammad Farid Nu[‘]man.
- v) Al-Shaykh Nadir Al-[‘]Anbatawi.
Nama sebenar beliau adalah Nadir bin Muhammad Ghazi bin Abdul Rahim Al-[‘]Anbatawi. Beliau mendapat sanad qiraat [‘]asharah kubra daripada Al-Shaykh Muhammad Abdul Hamid.
- vi) Al-Shaykh Aiman Shababik.

Justeru, Al-Shaykhah Amani merupakan anak murid kepada guru-guru yang pakar dalam bidang al-Quran dan qiraat. Secara tidak langsung mempengaruhi penulisan beliau yang banyak tertumpu kepada bidang al-Quran, Tajwid dan qiraat. Diantara karya penulisan beliau adalah:-

- i) Kitab Al-Bayan Al-Mufid Fi [‘]Ilmi Al-Tajwid
- ii) Kitab Al-Usul Al-Nayyirat Fi Al-Qira’at.
- iii) Malzamatun Fi [‘]Ilmi Al-Tajwid Baina Al-Nazari Wa Al-Tatbiq
- iv) Kitab Fi Al-Rasm Wa Al-Dabt (masih dalam proses percetakan)

Konklusinya, al-Shaykhah Amani banyak memfokuskan penulisan beliau dalam bidang kepakarannya, iaitu al-Quran, tajwid dan qiraat. Penulisan yang dihasilkan adalah hasil daripada pengalaman dan ilmu yang telah dipelajari beliau daripada guru-guru yang pakar dalam bidang ini, disamping penglibatan beliau dalam bidang pendidikan sepanjang 27 tahun berkecimpung dalam bidang ini.

Metodologi Penulisan Kitab Al-Usul Al-Nayyirat Fi Al-Qira’at

Kitab ini merupakan sebuah kitaran rujukan qiraat yang memfokuskan perbincangan al-Qira’at al-[‘]Ashar al-Sughra melalui cara penerangan mengikut turutan imam qiraat. al-Shaykhah Amani telah menulis kitab ini berdasarkan beberapa metodologi yang menjadikan kitab ini unik berbanding kitab lain. Penerangan metodologi yang digunakan, telah disebut pada muqaddimah cetakan yang pertama dan kedua diantaranya disebutkan dalil daripada matan dengan cara yang paling mudah dan ringkas, perbincangan usul dilakukan satu persatu bagi setiap imam tanpa bercampur dengan imam lain, disertakan jadual dan peta minda, Farsh Al-Huruf hanya ditulis jika ianya banyak terdapat dalam al-Quran dan rujukan daripada kitab lain hanya akan ditulis jika ianya bukan daripada apa yang dipelajari beliau secara bertalaqqi.

Penyusunan Bab

Di awal penulisan, beliau telah membahagikan kitab ini kepada lima bahagian. Bahagian pertama mengandungi pendahuluan penulis, kata-kata aluan daripada tiga individu yang pakar dalam ilmu qiraat, iaitu al-Shaykh Ahmad Bin Khalil Shahin (pakar qiraat dan ‘Ulum Al-Qur’an), al-Shaykh Mahmud bin Umar Sakr (pensyarah al-Quran di Universiti Al-Khairiyah, Riyadh) dan akhir sekali adalah al-Shaykh al-Salim Muhammad Mahmud Al-Jakni Al-Shanqiti (Penolong Profesor kolej di Madinah Al-Munawwarah), muqaddimah bagi cetakan pertama dan cetakan kedua, dan akhir sekali adalah ijazah yang beliau perolehi dalam bidang qiraat.

Selain itu, semasa dijelaskan mengenai muqaddimah bagi cetakan pertama, telah disebutkan mengenai manhaj penulisan kitab ini, yang mempunyai lapan cara dan gaya penulisan. Manakala muqaddimah bagi cetakan yang kedua, telah disebutkan tambahan dan penambahbaikan dalam manhaj penulisan bagi cetakan yang pertama sebanyak 4 penambahan diantaranya disebutkan pengenalan bagi setiap imam sebelum dijelaskan usul bagi setiap daripada mereka, penambahan matan yang dirasakan penting seperti bab Idgham Kabir oleh imam al-Susi dan juga penambahan kaedah al-Tahrirat [menghimpun ayat-ayat al-Quran kemudian menerangkan pelbagai gaya bacaan yang dilarang dan yang diterima berpaksi kepada tariq al-Shātibiyah, al-Durrah dan al-Tayyibah (Dr Sabri & Nurudin, 2018)] bagi sesetengah ayat selain disebut kesimpulan pada sebahagian bab dengan kaedah yang paling mudah untuk memudahkan rujukan pelajar.

Bahagian kedua pula beliau banyak menceritakan mengenai asas ilmu qiraat itu sendiri dengan menjelaskan ilmu ini dari sudut takrif dan istilah. Seterusnya, terdapat juga mengenai sejarah kewujudan ilmu qiraat ini bermula daripada zaman kemunculan ilmu qiraat pada zaman Rasulullah s.a.w. Kemudian, dalam bab ini juga ada dibahaskan mengenai kaitan qiraat dengan Ahruf Sab‘ah, perbezaan antara al-Quran dan al-Qiraat, penjelasan al-Qiraat adalah sunnah, jenis-jenis qiraat yang ada, sebab dan faedah terhadap perbezaan qiraat, istilah-istilah penting dalam ilmu qiraat dan penjelasan ringkas mengenai Usul al-Qira’at. Di hujung bab ini, disenaraikan nama-nama imam Qiraat 10 berserta rumuz serta gelaran khusus bagi mereka dalam penulisan ilmu qiraat.

Bahagian ketiga pula membincangkan mengenai usul bagi imam-imam Qiraat 7 dari tariq al-Shatibi mengikut turutan imam dalam matan Al-Shatibi, bermula daripada Imam Nafi^c sehingga imam Kisa’i. Untuk Imam Nafi^c dan Imam ‘Asim, konsep penerangannya agak menarik kerana dipecahkan perbahasan yang khusus untuk setiap seorang daripada perawinya. Bagi imam Nafi^c, perawinya adalah imam Qalun dan Warsh, telah dibuat satu bahagian khusus untuk penerangan usul imam Qalun dan satu bahagian lagi untuk usul bagi imam Warsh, begitu juga yang terjadi pada imam ‘Asim untuk dua rawinya, iaitu imam Shu‘bah dan imam Hafs. Manakala bagi Imam Ibn Kathir, Imam Abu ‘Amru, Imam Ibn ‘Amir, Imam Hamzah dan Imam Al-Kisa’i, kesemua imam ini tidak dipecahkan perbahasan qiraat mengikut perawi-perawi mereka.

Bahagian keempat pula menceritakan mengenai tambahan lagi tiga imam yang mencukupkannya menjadi sepuluh bermula dengan Imam Abu Ja‘far bersama perawinya Ibn Wardan dan Ibn Jammaz, Imam Ya‘qub berserta perawinya Ruways dan Rawh, dan akhir sekali Imam Khalaf berserta perawinya Ishak dan Idris. Bahagian tiga dan bahagian empat ini, secara keseluruhannya banyak menceritakan mengenai imam-imam qiraat beserta usul mereka. Penyusunan topik-topik perbahasan bagi setiap imam adalah mengikut turutan penyusunan tajuk dalam matan al-Shatibi. Tambahan pula, perbahasan setiap imam hanya akan dijelaskan dan disebut didalam kitab jika terdapat perbezaan terhadap usul imam Hafs sahaja. Jika tiada perbezaan terhadap usul imam Hafs, maka ianya tidak disebut dalam kitab.

Bahagian akhir sekali kitab ini, adalah bahagian lima. Bahagian ini adalah bahagian yang menjelaskan konklusi keseluruhan kitab, dimana secara spesifiknya adalah bahagian yang menjelaskan mengenai usul qiraat. Tidak seperti kitab biasa, pada bahagian konklusi

ini, penerangan yang dilakukan adalah dalam bentuk peta minda dan jadual, dimana kaedah yang dilakukan ini telah memudahkan pembaca untuk memahami usul qiraat dengan lebih mudah dan pantas dengan cara yang menarik. Selain daripada itu, bagi menambahkan lagi kefahaman pembaca, pada setiap isi perbincangan diletakkan contoh yang ringkas dan mudah difahami serta penjelasan yang ringkas dan padat di mana ianya akan membantu pembaca untuk mendapatkan rujukan dengan lebih pantas.

Penggunaan Peta Minda dan Jadual

Di dalam karya ini, beliau menggunakan kaedah yang unik iaitu dengan membuat carta, jadual dan peta minda disertakan bersama kombinasi warna yang menarik dalam menerangkan sesuatu bab. Secara tidak langsung ianya boleh membantu dalam mempercepatkan proses untuk mengingat sesuatu fakta berbanding jika diterangkan dalam bentuk teks. Perkara ini jelas kelihatan ketika pengarang kitab menulis pada bahagian kesimpulan kitab ini, bermula pada m/s 427 sehingga 466.

Penggunaan peta minda dan jadual dalam kitab ini sebenarnya dilihat dapat membantu pembaca untuk memahami dan mengingat fakta-fakta ilmu qiraat yang banyak dan rumit dengan lebih sistematik dan tersusun. Selain itu, penggunaan peta minda juga menjadikan proses ulangkaji dapat dilakukan dengan pantas dan berkesan (Tee Tze Kiong *et.al*, 2010). Perkara ini dikuatkan lagi dengan dapatan kajian lepas bahawa peta minda dapat memudahkan pemikiran pelajar, membantu mengukuhkan daya ingatan dan pelajar dapat mengingat fakta-fakta penting di samping dapat menghurainya dengan lebih baik (Haslina Ismail, 2012).

Kaedah Penjelasan Bab

Penulisan kitab ini secara asasnya, pada setiap bab dibuat ringkasan dan isi penting berkenaan topik yang akan dibincangkan. Topiknya pula berpandukan khilaf pada Usul al-Qira'at yang wujud antara setiap imam dengan usul imam Hafsh. Penjelasan bab farsh al-huruf pula, diringkaskan dan diletakkan diakhir bab bagi setiap imam. Akan tetapi, pengarang kitab tidak menyatakan semua farsh al-huruf yang ada dalam al-Quran, tetapi hanya diterangkan beberapa kalimah yang majoritinya banyak disebut bagi setiap imam.

Selain itu, dalam kitab ini juga, tidak disertakan dalil sama ada daripada Matan al-Shatibi atau daripada Matan al-Durrah, kecuali pada beberapa tempat yang dirasakan perlu sahaja. Keadaan ini dapat dilihat jika pengarang kitab menulis nama Imam al-Shatibi, maka ianya merupakan dalil daripada Matan al-Shatibi. Pada beberapa keadaan, turut disertakan juga matan daripada Tayyibah al-Nashr, iaitu matan bagi Qira'at 'Asharah Kubra. Selain daripada dalil-dalil daripada Matan Al-Shatibi atau daripada Matan Al-Durrah, pengarang kitab meletakkan juga contoh - contoh daripada ayat al-Quran dan diletakkan tanda () bagi membezakannya dengan ayat selain ayat al-Quran.

Kaedah Penulisan Mukasurat dan Rujukan

Mukasurat diletakkan di bahagian atas sudut kanan jika helaian mukasurat di sebelah kanan, dan di bahagian atas sudut kiri jika helaian mukasurat nya di sebelah kiri. Di setiap helaian di sebelah kanan, bersebelahan dengan nombor mukasurat, diletakkan simbol buku dan nama kitab. Manakala di setiap helaian di sebelah kiri, bersebelahan nombor mukasurat, terdapat simbol buku, bab dan topik utama. Nombor mukasurat yang digunakan adalah dalam bentuk romawi, walaupun penulisan kitab ini menggunakan Bahasa Arab.

Kaedah rujukan yang digunakan dalam kitab ini menggunakan nota kaki ataupun disebut sebagai *Chicago Style*. Ini akan memudahkan pembaca untuk membezakan diantara

isi penting dan sumber rujukan kerana ianya dipisahkan oleh nota kaki semasa pengarang membahaskan setiap bab qiraat tersebut. Jelas terbukti di sini, dalam pemilihan penulisan mukasurat telah diberi perhatian oleh pengarang kitab untuk memudahkan pembaca mengetahui setiap bab yang dibaca, disamping kaedah penulisan sumber rujukan menggunakan nota kaki yang membantu pembaca untuk membezakan diantara isi penting dan sumber rujukan tersebut.

Contoh-Contoh Olahan Kitab Al-Usul Al-Nayyirat Fi Al-Qira'at

a. Menyenaikan imam-imam yang terlibat

Imam ^oAsharah Sughra :-

- i) Nafi^o (Qalun & Warsh)
- ii) Ibn Kathir (Al-Bazzi & Qunbul)
- iii) Abu ^oAmru (Al-Duri & Al-Susi)
- iv) Ibn ^oAmir (Hisham & Ibn Dhakwan),
- v) ^oAsim (Shu^obah & Hafs)
- vi) Hamzah (Khalaf & Khallad)
- vii) Al-Kisa'i (Abu Al-Harith & Al-Duri)
- viii) Abu Ja^ofar (Ibn Wardan & Ibn Jammaz)
- viiii) Ya^oqub (Ruways & Rawh)
- x) Khalaf (Ishaq dan Idris.)

b. Kaedah Meletakkan Matan

Tidak meletakkan matan kecuali jika perlu sahaja. Ini dapat dilihat contohnya pada m/s 354 untuk matan Al-Shatibi, dan m/s 378 bagi Matan Al-Durrah. Berikut adalah contoh matan yang ada dalam kitab:-

Matan Al-Shatibi :


وَأَيُّ بَأْيًا مَا شَفَا وَسَوَاهِمَا
بِمَا وَبَوَادِ النَّمْلِ بَالِيَا سَنَا تَلَا

Matan Al-Durrah :-

وَعْنَةُ يَا وَ الْوَاوِ فِزْ وَبِحَا وَغَيْنِ
الْاِخْفَا سَوَى يَنْغَضُ يَكُنْ مَنْخَتَقُ أَلَا


f. Penggunaan Warna Dalam Penulisan

Menggunakan kombinasi warna biru, merah dan hitam. Contohnya seperti di Lampiran



g. Perbahasan Al-Tahrirat

Mempunyai bahagian yang khusus mengenai tahrirat. Contohnya di pada bab Usul Qira'at Qalun, disebut pada m/s 85, 92, 98, 103. Contoh:



Penutup

Secara keseluruhannya, metodologi penulisan kitab ini dilihat mempunyai kelebihan yang tersendiri bagi memudahkan pembaca memahami ilmu qiraat. Perkara ini dapat membantu meningkatkan prestasi dan kefahaman pelajar yang mengambil jurusan qiraat khususnya. Ini kerana, dalam kalangan pelajar yang mengambil subjek qiraat di Malaysia masih sukar untuk menguasai ilmu qiraat. Perkara ini disokong oleh statistik yang menunjukkan hampir 51% daripada 201 orang responden yang terlibat dengan subjek Pengantar Qiraat dan Hafazan, Qiraat Amali 1 dan Qiraat Amali 2, mengakui kesukaran untuk menguasai qiraat, walaupun hanya 17.9% sahaja yang malu untuk membaca dan 23.9% lagi rasa rendah diri ketika membaca qiraat (Zainora & Noorhasnira, 2018).

Penulis berharap, agar dengan penulisan ini dapat membuka lagi jalan untuk memperbanyakkan lagi kajian mengenai kitab-kitab rujukan dalam bidang qiraat. Usaha yang kecil ini, penulis harapkan ianya akan merencanakan lagi kelas-kelas pengajian dalam bidang qiraat dengan kehadiran penulisan-penulisan yang segar dan terkini serta memberi kemudahan kepada semua dalam memilih kitab yang sesuai dijadikan dalam memahami ilmu qiraat.

Rujukan

- Abdul Muhaimin, M. (2019). *Sedekad JAKIM Di Mesir: Memacu Hubungan Strategik Antara Mesir dan Malaysia Dalam Bidang Hal Ehwal Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Malaysia (JAKIM) & Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK).
- Abdullah, H. M. (2010). *Manhaj Qiraat 10*. Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn Bhd.
- Abu Al-Farah, S. L., & Muhammad Al-Ilmiyy, D. K. (2011). *Taqrib Al-Ma'ani Fi Sharh Hirz Al-Amani Fi Al-Qira'at Al-Sab'*. Madinah Al-Munawwarah: Dar Al-Zaman Bookshop Publishing and Distribution.
- Al-Nuwairi, A.-Q. M. (2003). *Sharh Tayyibat Al-Nasr Fi Al-Qira'at Al'Asbr*. Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmiah.
- Amani, M. (2017). *Al-Usul Al-Nayyirat Fi Al-Qira'at*. Riyadh: Madar Al-Watan.
- Daud, Z. B. (2015). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat Di Darul Quran Dan Ma'abad Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia*. Disertasi Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Daud, Z., & A.Adi, F. (2015). *Pendidikan Qira'at : Satu Sorotan Sejarah*. E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi, 76-90.
- Fariz Sakina Abdullah. (2018, Julai 2). *Warna Dan Psikologi*. Diperolehi daripada MyHealth: <http://www.myhealth.gov.my/warna-dan-psikologi/>
- Kiong, T. T., Md Yunos, J., Mohamad, B., Othman, W., & Heong, Y. M. (2010). *Kepentingan Peta Minda Sebagai Alat Berfikir Dalam Mengambil Nota Kuliah*. International Conference On Education, (pp. 1-15). Brunei Darusalam.
- Kurikulum Pengajian Qiraat Di Sekolah Menengah Dan Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia: Suatu Sorotan Awal*. 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018). Putrajaya.
- Muhammad Hafiz Saleh, Abd Muhaimin Ahmad, & Norazman Alias. (2011). *Keberkesanan Mempelajari Ilmu Qiraat: Antara Harapan, Cabaran dan Penyelesaian Masalah*. Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM): Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Science.
- Sabri Mohammad, & Mohd Nurudin Puteh. (2018, Mei). *Ilmu Tabrirat: Satu Pengenalan Awal*. Diperolehi daripada Journal Kuis: <http://journal.kuis.edu.my/qiraat/wp-content/uploads/2018/05/jurnal-162-177.pdf>

- Saleh, M. H., Ahmad, A. M., & Alias, N. (19-20 November 2011). *Keberkesanan Mempelajari Ilmu Qiraat: Antara Harapan, Cabaran, dan Penyelesaian Masalah*. Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM): Kuliyyah Of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences.
- Zainora Daud, & Mustafa Abdullah. (2014). *Keberkesanan Kurikulum Qiraat di Kalangan Pelajar Darul Quran: Satu Tinjauan Awal*. *E-Journal Of Arabic Studies And Islamic Civilization*, 169-180.
- Zainora Daud, & Noorhasnira Ibrahim. (2018). Penilaian Kendiri Para Pelajar Terhadap Pengajian Qiraat: Satu Kajian Deskriptif. *e-Prosiding Persidangan Antrabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* (pp. 271-282). Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

BAB 20

PEMBELAJARAN QIRAAT SECARA DALAM TALIAN: SATU SOROTAN

Fatin Nazmin Mansor, Mahmud Lutfi Abd. Hadi, Ahmad Shahir Masdan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Qiraat merupakan satu ilmu yang membahaskan tentang khilaf bacaan imam imam dimana ianya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu qiraat tujuh dan qiraat sepuluh. Secara umumnya di Malaysia, pengajian qiraat berjalan secara bersemuka, di institus-institusi al-Quran yang terdiri daripada Darul Quran, dan maahad –maahad tahfiz di setiap negeri di Malaysia, dan juga kolej swasta yang menawarkan diploma dan ijazah tahfiz al-Quran dan Qiraat .

Qiraat dari sudut bahasa ialah kata jamak daripada qiraah yang merupakan kata terbitan (masdar) yang mempunyai pelbagai maksud. Namun, maksud yang dikehendaki dalam kajian ini ialah membaca (Ibn Manzūr). Ilmu qiraat dari sudut istilah pula ilmu yang membahaskan mengenai cara-cara sebutan kalimah dan perselisihan bacaan al-Quran dengan menyandarkan kepada imam yang memindahkannya (Syabān Muhammad Ismail.1999)

Dalam Talian: Mengikut Kamus Inggeris-Melayu Dewan (1992), atas talian bermakna dalam talian. Akan tetapi, dalam talian yang dimaksudkan oleh penulis adalah lebih menjurus kepada pembelajaran secara dalam talian. Pembelajaran secara dalam talian lebih menggalakkan kepada pelajar-pelajar yang mengalami kesuntukkan masa, pelajar yang bekerja yang mempunyai keinginan untuk melanjutkan pengajian mereka tanpa menghadiri kelas dan hanya dengan mengakses internet sahaja (Reader's Digest: Jun 2010)

Sejak mutakhir, sains dan teknologi menuju puncak kecemerlangan pada sesebuah negara. Internet pula merupakan satu alat teknologi yang mampu memberikan kemudahan dan penggunaan secara positif terhadap pencarian ilmu. Dari itu, pembelajaran secara dalam talian digunapakai pada masa kini dan sudah diaplikasikan penggunaannya di Malaysia. Sistem pembelajaran secara dalam talian mampu memberi peluang kepada semua lapisan umur dan kepada mereka yang ingin meneruskan hasrat mereka dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi samada di peringkat sijil mahupun Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana ataupun Doktor Falsafah (PhD).

Permasalahan Kajian

Hampir setiap institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan Pengajian Islam di Malaysia menawarkan ilmu Qiraat kepada mahasiswa dan mahasiswi mereka. Ini disebabkan ilmu Qiraat berkait rapat dengan pelbagai disiplin ilmu terutamanya dalam pengajian Tafsir Al-Quran (Muhammad Hafiz bin Salleh, 2011).

Ilmu Qiraat sudah sinonim di mata masyarakat Islam di Malaysia lebih-lebih lagi di kalangan mahasiswa, mahasiswi dan juga di kalangan warga dewasa yang melibatkan diri dalam kursus pengajian ilmu Qiraat di masjid-masjid, surau-sarau dan sebagainya. Tambahan pula, dewasa ini penubuhan institusi pengajian Qiraat menjadi permintaan yang berterusan oleh masyarakat kita dan ia merupakan salah satu usaha yang amat dihargai. Manakala dari sudut lain pula, pengajian ini masih dianggap bidang yang eksklusif dan

ditawarkan kepada mereka yang memiliki kecenderungan untuk mempelajari bidang Qiraat (Siti Intan Dahlia binti Mohammad Harun.2012)

Kajian ini membincangkan isu dan cabaran pembelajaran atas talian, khususnya dalam subjek Qiraat. Pembelajaran atas talian berlaku apabila guru dan pelajar berada di tempat yang berbeza, dimana pengajian harus diteruskan mengikuti masa atau jadual yang ditetapkan oleh institusi pengajian. Pembelajaran secara atas talian dengan bantuan internet dan computer merentas sempadan. Terdapat pelbagai Isu-isu dan cabaran dalam pembelajaran atas talian atau atas talian akan dikupas dalam artikel ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini secara teorinya merupakan kajian yang bersifat kualitatif, iaitu kajian yang cenderung kepada metode pengumpulan data melalui pemerhatian ataupun penganalisan kandungan dokumen. Pengumpulan data kajian melalui kajian kepustakaan di mana rujukan dibuat kepada sumber primer dan sekunder melibatkan kitab-kitab turath sebagai rujukan utama berkaitan qiraat, dan juga sumber lain seperti buku, jurnal, artikel, kertas persidangan /seminar, kertas penyelidikan, tesis, keratan akhbar, carian di internet dan seumpamanya sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris

Pembelajaran Qiraat Secara Atas Talian

Pembelajaran atas talian atau pembelajaran pembelajaran atas talian merupakan hasil dari suatu pembelajaran yang disampaikan secara elektronik. PdP qiraat secara atas talian sangat diperlukan pada masa ini, kerana ia memiliki pemilihan waktu dan tempat yang fleksibel. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian tidak wajar dipandang negatif, malahan guru dan pelajar boleh menyusun dan merancang masa mereka bersama di dalam mengikuti PdP secara terancang di alam maya. Begitu juga dunia akademik tempatan menyaksikan usaha yang dilakukan oleh pihak JAKIM bagi memastikan kewujudan kemudahan semakan kedudukan sesuatu hadis. Maka sewajarnya kedudukan sesuatu bentuk bacaan al-Quran juga di permudahkan semakannya.

Ilmu qiraat merupakan ilmu agama yang amat penting untuk dipelajari. Ia diturunkan oleh Allah s.w.t sejajar dengan penurunan kitab suci al-Quran (Abd al-Halim Muhammad al-Hadi.1999). Ilmu qiraat telah dibahaskan ketika hayat Rasulullah s.a.w. lagi. Walaubagaimanapun, perbezaan tersebut timbul kerana terdapat di kalangan para sahabat yang mengambil dengan satu wajah qiraat sahaja (Ahmad Khalid Shukriy.2012). Ada pula yang mengambil bacaan daripada Rasulullah s.a.w. dengan dua wajah qiraat. Ada pula yang mengambil dengan menambah lebih dari dua wajah qiraat (Sya'ban Muhammad Ismail.1999).

Termologi bagi ilmu ini dirujuk dari sudut bahasa dan istilah. Tiga rukun telah ditetapkan bersama Syarat-syarat tertentu oleh para ulama yang muktabar di dalam ilmu ini bagi tujuan penerimaannya.. Rukun-rukun tersebut ialah ketepatannya dengan kaedah bahasa arab, dengan rasm uthmaniy dan sah sanad (Abd al-Halim Muhammad al-Hadi Qabah.1999).

Teknologi bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah Islam, tetapi ia suatu yang berterusan, berkembang bersama kretiviti manusia bagi memudahkan kehidupan. Menurutnya lagi, sebelum abad ke-16 masihi, telah lama berkembang maju teknologi-teknologi yang membantu kecemerlangan umat Islam. Sebenarnya, ajaran dalam agama Islam itu sendirilah yang menjadi pencetus dan penggerak utama kepada kejayaan Teknologi Sains dan teknologi lain pada masa itu (Abu Bakar Abdul Majeed. 1999).

Konsep Pengajaran dan Pembelajaran. Menurut Burns and Anderson (1987), pengajaran adalah satu latihan penyelesaian masalah, iaitu guru perlu menitikberatkan

proses-proses komunikasi, motivasi, pengurusan bilik darjah, pentadbiran dan penilaian. Guru melaksanakan strategi untuk menggalakkan pelajar mencapai matlamat. Ia melibatkan komunikasi, kepimpinan, motivasi dan kawalan.

Dalam sistem teknologi maklumat terkini, maklumat dan akhirnya pengetahuan merupakan milik bersama. Guru perlu bersedia untuk berinteraksi dengan orang lain yang berbeza disiplin ilmu dengan dirinya. Akibat daripada tidak mampu menyerasi diri dengan rentak terkini, lahirlah budaya kongkongan akal (*captive mind*) yang melihat keluar sebagai lebih baik, rasa rendah diri dan sebagainya.

Terdapat banyak juga artikel-artikel berkaitan ilmu qiraat yang boleh dilayari di atas talian. Ia dinukilkan dengan menggunakan dengan pelbagai medium bahasa di antaranya ialah bahasa melayu. Sebagai contoh laman web <http://repository.um.edu.my>, yang menampilkan artikel berjudul Sejarah Perkembangan Ilmu Qiraat Di Malaysia pada 2015. Ia ditulis oleh Thabet Ahmad Abdallah. Begitu juga dengan laman web <http://www.pustakatahidz.net> yang memaparkan artikel bertajuk Pembahasan Ilmu Qira'at Al-Qur'an Terlengkap pada 2015. Ianya membahaskan pengenalan ilmu qiraat, sejarah dan tujuh huruf secara ringkas walaupun ia mendakwa sebaliknya. Terdapat juga laman web <https://berandamadina.wordpress.com> yang menulis artikel bertajuk Ringkasan Ilmu Qiraat pada tahun 2012. Asas-asas pengetahuan ilmu qiraat dimuatkan di dalamnya.

Cabaran Pembelajaran Secara Atas Talian

Seperti mana yang diketahui pembelajaran yang berasaskan dalam talian adalah kaedah yang masih baru di Malaysia ini berbanding dengan negara-negara maju yang lain di mana e-pembelajaran dijadikan satu kaedah asas pembelajaran untuk melicinkan proses pembelajaran terdahulu yang lebih bersifat tradisional. (Ahmad Johari Sihes, 2009.) Pembelajaran atas talian atau *electronic learning* kini semakin merupakan salah satu cara untuk mengatasi masalah pendidikan, baik di negara-negara maju maupun di negara yang sedang berkembang. Banyak orang menggunakan istilah yang berbeza beda dengan *e-learning*, namun pada prinsipnya pembelajaran atas talian adalah pembelajaran yang menggunakan jasa elektronika sebagai alat bantunya. E-pembelajaran bermula dengan kebolehan mengakses laman-laman sesawang di internet yang menjadi akses kepada pelbagai sumber e-pembelajaran, termasuklah laman-laman capaian maklumat, program dan pelbagai pilihan pembelajaran berasaskan hipermedia yang menggunakan atribut dan sumber dari laman web WWW supaya berlaku suasana pembelajaran yang sebenar (Rozinah 2007; Rosenberg 2001; Talesra et al 2003, Smith dan Ragan 1993)

1. Capaian kepada kemudahan internet

Program perisian dan sambungan ke internet adalah aspek yang paling penting dalam kelas dalam talian ini. Pelajar perlu membeli perisian terkini untuk mengakses program dalam talian mereka, atau membayar tambahan untuk menaik taraf ke internet berkelajuan tinggi. Ini mungkin menyukarkan pelajar yang kurang berkemampuan untuk belajar secara berkesan kerana kekurangan kemudahan akses internet berbanding dengan mereka yang mampu membeli segala perisian serta internet berkelajuan tinggi.

2. Tiada kemudahan komputer/telefon bimbit

Bagi pelajar yang kurang berkemampuan, yang tiada kemudahan gajet ini pasti menyukarkan mereka untuk mengikuti segala pembelajaran dalam talian yang diusahakan oleh para pengajar dan seterusnya akan menyebabkannya ketinggalan berbanding rakan-rakan yang lain.

3. Suasana pembelajaran yang tidak kondusif untuk belajar.

Bagi pelajar yang kurang berkemampuan pasti menghadapi masalah ini apabila melaksanakan tugas dari rumah. Masalah ini meliputi suasana persekitaran yang bising, tempat yang sempit serta tiada meja dan kerusi yang sesuai.

4. Keberkesanan pembelajaran

Pembelajaran atas talian juga tidak mendisiplin pelajar dan bersikap sambil lewa kerana pembelajaran adalah mengikut kesesuaian masa mereka. Seterusnya, tenaga pengajar tidak akan tahu akan kemampuan para pelajarnya kerana tidak bersemuka dan berbincang secara perseorangan.

Komunikasi juga tidak berkesan semasa pembentangan atas talian kerana mungkin kelajuan internet tidak begitu memuaskan.

Penyalahgunaan Internet

Oleh kerana pembelajaran maya adalah berasaskan penggunaan internet, maka para pelajar akan terdedah dengan berbagai-bagai maklumat yang benar dan tidak benar, yang baik dan tidak baik yang disampaikan melalui internet. Tidak dinafikan terdapat begitu banyak maklumat yang baik dan positif yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar dalam meningkatkan ilmu dan pengetahuan mereka. Namun demikian terdapat banyak perkara yang boleh melalaikan dan menyeronokkan terutamanya kepada golongan muda. Diantaranya ialah bermain games yang berbagai bentuk dan boleh dimuat turun secara percuma, juga atas talian chatting yang membincangkan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti gossip, hiburan dan sebagainya. Sekiranya para pelajar terlalu asyik dengan internet atau ketagihan internet, ia akan memberi kesan yang tidak baik terhadap hubungan sosial di dalam masyarakat.

Cabaran Pengajaran Atas Talian – Pengajar

1. Kepakaran tenaga pengajar menggunakan peralatan teknologi dan inovasi.

Dalam dunia yang serba moden ini, perkembangan teknologi sememangnya berkembang dengan pesatnya. Justeru itu, pengajar perlu menguasai kaedah terbaik bagi penggunaan teknologi agar sesi pengajaran dan pembelajaran dapat sampai dengan berkesan kepada para pelajar.

2. Capaian kepada kemudahan internet

Program perisian dan sambungan ke internet adalah aspek yang paling penting dalam kelas dalam talian ini. Pengajar perlu membeli perisian terkini untuk mengakses program dalam talian mereka, atau membayar tambahan untuk menaik taraf ke internet berkelajuan tinggi. Mungkin, terdapat gangguan talian internet semasa pengajaran sedang dilakukan seterusnya mengganggu proses penyampaian maklumat kepada para pelajar.

3. Pengajar terpaksa mengurus anak-anak di rumah

Bagi pengajar yang telah berkeluarga pula, terutama yang mempunyai anak kecil, pasti sedikit kesukaran apabila terpaksa mengurus anak-anak sambil mengajar. Mereka perlu membuat jadual pengurusan yang betul agar sesi pengajaran berjalan lancar tanpa gangguan.

Cabaran ini juga rata-ratanya sudah dapat diatasi mulai 1hb Julai 2020, kecuali masih ada lagi yang bimbang untuk hantar anaknya ke prasekolah & tadika dan ibu bapa terpaksa bergilir-gilir jaga anak di rumah.

4. Keberkesanan penyampaian dan pengajaran

Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian juga tidak mendisiplin pelajar dan bersikap sambil lewa kerana pembelajaran adalah mengikut kesesuaian masa mereka. Seterusnya, tenaga pengajar tidak akan tahu akan kemampuan para pelajarnya kerana tidak bersemuka dan berbincang secara perseorangan. Juga, pengajaran program Qiraat adalah terhad kerana sebahagian adalah teori sementara selebihnya memerlukan amali).

Rumusan Dan Kesimpulan

Era globalisasi telah membawa arus perubahan kepada corak hidup dan sistem sosial masyarakat dunia, termasuk di Malaysia. Oleh kerana kesan globalisasi tidak dapat dielakkan maka, masyarakat perlu bergerak seiring dengan kepantasan perubahan yang dibawa oleh globalisasi itu sendiri. (Zahiah Binti Kassim) Sebagai usaha untuk penyesuaian dalam era globalisasi maka penguasaan ilmu dan pengetahuan baru dapat dilakukan melalui pembelajaran sepanjang hayat. Apa yang penting, komputer dan teknologi internet membantu meningkatkan keupayaan pembelajaran dan perkembangan profesionalisme individu. Internet memberi peluang kepada setiap orang meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai cara. Malah ia membantu sistem masyarakat ke arah perkongsian maklumat. Maka pembuat dasar hendaklah mengambil kira kesan teknologi terhadap latihan teknikal, pedagogi dan infrastruktur baru yang diperlukan untuk melakukan transformasi terhadap sistem pendidikan terutamanya sekolah

Penutup

Kesimpulan daripada kajian ini diharapkan dapat berpotensi sebagai satu panduan dalam pembelajaran atas talian khususnya bagi subjek Qiraat dalam usaha mengukuhkan kualiti pembelajaran mereka. Penambahbaikan juga diperlukan bagi memantapkan pembelajaran al-Quran khususnya bidang Qiraat. Pelajar perlu seimbangkan dan menyesuaikan diri dengan cara pembelajaran norma baru ini. Pembelajaran campuran (blended learning) patut diberi perhatian kerana ia membawa kelebihan pembelajaran atas talian khususnya subjek Qiraat.

Rujukan

- Abu Bakar Abdul Majeed. (1999). *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Johari Sihes, Norbaizura Sani, "Perlaksanaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai", (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Teknologi dan Inovasi Pengajaran-Pembelajaran 2009), h.19.
- Dato Sheikh Sallehuddin Omar, Khairul ANuar Mohamad al-Bakri, Mohd Rahim Jusoh dan Abdilllah Hisham Abd. Wahab, *Tajwid Al-Quran Qiraat* „Asim Riwayat Hafis Tariq Syatiby, Jilid kedua, Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise, 2012, h.649. 14

- Drs. Mudzakir AS, Qiraat Quran dan Para Ahlinya, Studi Ilmu-ilmu Al-Quran (Manna^{''} Khalil alQattan), cet. ke-9, Litera Antranusa, h.247. 15
- Hayat Zahiah Binti Kassim & Abdul Razaq Bin Ahmad E-Pembelajaran: Evolusi Internet Dalam Pembelajaran Sepanjang Universiti Kebangsaan Malaysia Proceeding Of Regional Conference On Knowledge Integration Inict 2010
- Muhammad Hafiz Saleh, Abd Muhaimin Ahmad, & Norazman Alias. (2011). Keberkesanan Mempelajari Ilmu Qiraat: Antara Harapan, Cabaran dan Penyelesaian Masalah. Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM): Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Science.
- Sabri Mohamad, Ashraf Ismail, Latifah Abdul Majid, Mohd. Akil Muhamed Ali, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Mohd. Nazri Ahmad, Muhammad Hafiz Jamil & Rokiah Ahmad Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan di UKM Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012
- Siti Intan Dahlia binti Mohammad Harun, "Perkembangan ilmu Qiraat di Malaysia dan keperluannya di Institusi Pengajian Tinggi", Jabatan Tahfiz Wal Qiraat, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), dicapai pada 20 September 2012,
- Sya'ban Muhammad Isma'il. 1420H/1999M. Al-Qiraat Ahkamuha wa Masdaruha. Kaherah: Dar al-Salam
- Artikel
- "Atas talian Degree Gain Popularity", Special Advertising Section, Reader's Digest: Jun 2010, h.18
- Atas talian
- <http://jpkmalaysia.com/cabaran-pembelajaran-atas-talian-cadangan-mengatasinya/>

BAB 21

KEFAHAMAN *USUL QIRAAAT* 'ASYARA AL-SUGHRA DALAM KALANGAN PELAJAR SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM TAHFIZ)

Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Ammar Farhan Ramlan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Kemunculan ilmu al-Qiraat ini telah timbul semenjak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Proses penerimaan wahyu daripada Jibril ini merangkumi kesemua tujuh huruf. Ini bertujuan memberi keringanan kepada golongan lemah yang tidak mampu membaca dengan satu huruf sahaja. Sejarah mencatatkan bahawa Saidina Umar ibn al-Khattab r.a. telah menegur bacaan Hisyam ibn Hakim r.a. ketika beliau membaca Surah al-Furqan dengan membaca bacaan yang berbeza sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. kepada Saidina Umar r.a. Kemudian Saidina Umar r.a. telah membawa Hisyam berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. bagi mendapat kepastian tentang bacaan tersebut. Setelah Rasulullah s.a.w. mendengar bacaan Hisyam maka baginda bersabda, "Begitulah ia diturunkan". Kemudian Rasulullah s.a.w. mendengar pula bacaan dari Saidina Umar, lalu baginda bersabda, "Begitulah juga ia diturunkan". Lantas Rasulullah s.a.w. menerangkan bahawa sesungguhnya al-Quran itu diturunkan dengan tujuh huruf (bacaan), maka bacalah apa yang mudah daripadanya. Ini menunjukkan bahawa ilmu al-Qiraat ini adalah bermula setelah keizinan wahyu dari Allah s.w.t. kepada Rasulullah s.a.w. dengan penurunan al-Quran dengan tujuh huruf (bentuk bacaan). Kemudian ianya diikat dengan tawatur (sampai sanadnya kepada Rasulullah s.a.w.) dan sahih melalui penulisan kaedah Rasm Uthmani.

Walaupun wujudnya perbezaan bacaan al-Quran di kalangan para Sahabat, Tabi'in dan Imam-imam Qiraat, namun perbezaan tersebut masih lagi berada dalam lingkungan tujuh huruf (bacaan) sebagaimana diturunkan oleh Allah s.w.t. Saidina Uthman ibn Affan r.a. ketika mengutus mushaf ke kota-kota Islam, beliau telah menghantar bersama-sama mushaf tersebut seorang guru yang bacaan dan keakarannya selari dengan kandungan mushaf yang ditulis. Bacaan tersebut, boleh jadi berlainan dengan bacaan dalam mushaf yang diutuskan ke tempat lain. Keadaan ini berterusan sehingga ke generasi kedua iaitu Tabi'in r.a. di mana mereka mengambil bacaan dan mempelajari al-Quran dari para Sahabat r.a. dan keadaan ini silih berganti dari generasi ke generasi sehinggalah sampai pada zaman imam-imam Qiraat yang masyhur.

Usul Qiraat

Ali Muhammad al-Dabba (2015) menjelaskan *usul al-Qiraat* bermaksud setiap hukum yang berbentuk menyeluruh digunapakai dalam seluruh al-Quran. Ia mencukupi syarat-syarat hukum tersebut seperti *al-madd*, *al-Qasr*, *al-Izhar*, *al-Idgham*, *al-Fath*, *al-Imalah* dan seumpamanya. Manakala *farsy al-buruf* pula kaedah-kaedah khusus yang digunapakai dalam surah tertentu untuk perkataan-perkataan tertentu sahaja. Sayyid Lasyin (2009) dalam kitabnya *Taqrib al-Maani fi syarh hirz al-Amani fi al-Qiraat al-Sab'a* telah membahaskan sebanyak 28 bab pada bahagian *usul qiraat* sebelum menjelaskan bahagian *farsy al-buruf* bermula surah al-Baqarah sehingga surah al-Masad. Jadual 1 berikut adalah sebahagian tajuk yang dibincangkan dalam bahagian Usul Qiraat.

Nom	Senarai Tajuk
1	<i>Muqaddimah al-Syatibiab</i>
2	<i>Al-Isti'azab</i>
3	<i>Al-Basmalah</i>
4	<i>Surah Umm al-Quran</i>
5	<i>Idgham kabir</i>
6	<i>Idgham al-Harfain al-Mutaqaribain wa al-Mutajanisain fi kalimah wa fi kalimatain</i>
7	<i>Ha kinayah</i>
8	<i>Mad dan qasar</i>
9	<i>Dua hamzah dalam satu kalimah</i>
10	<i>Dua hamzah dalam dua kalimah</i>
11	<i>Hamzah mufrad</i>
12	<i>Naql hamzah pada huruf sebelumnya</i>
13	<i>Waqf Hamzah wa Hisyam 'ala al-Hamz</i>
14	<i>Fath wa al-Imalah wa al-Taqlil</i>
15	<i>Al-Laamat</i>
16	<i>Al-Raat</i>

Sumber : *Taqrib al-Maani fi syarb hirz al-Amani fi al-Qiraat al-Sab'a*

Jadual 1 diatas adalah berkaitan sebahagian tajuk *usul qiraat* yang dibincangkan dalam kitab al-Qiraat. Sukatan tajuk ini telah digunapakai oleh kesemua pelajar yang mempelajari ilmu qiraat ilmi samada di peringkat menengah atau IPT.

Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM Tahfiz)

Pengajian ilmu qiraat pada masa kini mendapat liputan meluas dari pelbagai peringkat pengajian samada di sekolah, kolej mahupun universiti. Perkembangan baik ini menjadikan pengajian ilmu qiraat sebahagian daripada kurikulum dalam sistem pendidikan arus perdana yang meliputi pengajian di peringkat sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Mutakhir ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab bermula pada tahun 2014 yang turut memuatkan ilmu Qiraat sebagai salah satu subjek yang wajib diajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (KPM 2015). Kini Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) telah menawarkan mata pelajaran baharu iaitu Tahfiz al-Quran dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang bermula tahun 2020.

Pelaksanaan tingkatan 6 (tahfiz) ini menggabungkan antara hafazan al-Quran, bahan ilmiah secara tutorial dan amali qiraat dalam tempoh masa selama tiga semester. Kandungan mata pelajaran Tahfiz Al-Quran yang diperkenalkan di tingkatan 6 tahfiz adalah untuk memantapkan hafazan 30 juzuk al-Quran, Maharat Ulum al-Quran, asas Maharat Qiraat Ilmi dan Amali bacaan Imam Qiraat 'Asyarah, dan mengaplikasi Maharat al-Rasm, Dhabt al-Quran dan Fawasil (KPM 2019)

KPM (2019) telah menetapkan syarat-syarat kepada calon yang ingin menduduki ujian ini seperti berikut:

1. Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 17 tahun dan tidak melebihi 20 tahun pada tahun permohonan semasa;
2. Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
3. memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Hifz Al-Quran dan Maharat al-Quran sekurang-kurangnya gred C; atau
4. murid Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan

- Pendidikan al-Quran dan Sunnah sekurang-kurangnya gred C dan telah menghafaz sekurang-kurangnya 7 juzuk; atau
5. murid sekolah tahfiz swasta memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan al-Quran dan Sunnah sekurang-kurangnya gred C serta telah menghafaz sekurang-kurangnya 7 juzuk
 6. bersetuju mengikuti program ini sehingga tamat Semester 3.

Pengajian Tahfiz ini bertujuan melahirkan murid yang mantap hafazan, mahir dalam ilmu yang berkaitan dengan al-Quran, dan cemerlang akhlak serta menyediakan murid ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

Analisis Kefahaman Usul Qiraat 'Asyara Al-Sughra Dalam Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM Tahfiz)

Perkembangan pesat pengajian ini di peringkat sekolah mahupun IPT membuktikan pengajian ini bukan lagi satu ilmu yang asing di Malaysia. Meskipun demikian, sejauhmanakah tahap keberkesanan pembelajaran dan pengajian ilmu qiraat terhadap pelajar yang mengikuti subjek ini di sekolah atau institusi tahfiz qiraat di Malaysia. Jesteru kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui tahap kefahaman para pelajar yang mengambil subjek qiraat di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia Tahfiz. Rekabentuk kajian ialah kajian tinjauan melalui pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada 11 orang pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia Tahfiz.

Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik untuk mengetahui tahap kefahaman Usul Qiraat dalam kalangan pelajar yang menduduki STPM Tahfiz yang terdiri daripada 15 soalan dengan menggunakan item pilihan tunggal, iaitu YA apabila responden bersetuju dengan kenyataan yang diberi atau TIDAK iaitu sekiranya responden tidak bersetuju dengan kenyataan yang diberikan. Berikut adalah jadual keputusan daripada jawapan pelajar berkaitan masalah kefahaman *Usul Qiraat 'Asyara Al-Sughra*.

Jadual 2 Tahap kefahaman *Usul Qiraat 'Asyara Al-Sughra*

No	Item	Ya K (%)	Tidak K(%)	Jawapan tepat
1	Setiap Imam mempunyai 2 orang perawi yang masyhur.	11(100%)	-	Ya
2	Abu Harith merupakan perawi Imam Yaakub.	-	11(100%)	Tidak
3	Rumuz ص mewakili Imam Kholaf Hamzah.	1 (9.09%)	10 (90.9%)	Tidak
4	Asim, Hamzah dan Kisai'e berasal dari Kuffah.	9 (81.8%)	2 (18.1%)	Ya
5	<i>Qasr</i> bermaksud 2 harakat.	11(100%)	-	Ya
6	Lawan kalimah " <i>Ithbat</i> " adalah <i>hazf</i> .	9 (81.8%)	2 (18.1%)	Ya
7	<i>Tasydid</i> bermaksud " <i>tasqil</i> ".	8 (72.7 %)	3 (27.2 %)	Ya
8	Qalun mengekalkan alif pada kalimah "مالك".	2 (18.1%)	9 (81.8%)	Tidak
9	Khollad membaca <i>isymam</i> kalimah "صراط" pada semua tempat dalam al-Quran.	6 (54.5%)	5 (45.4%)	Tidak

10	Qalun membaca dengan 3 wajah bacaan sekiranya <i>mim jama'</i> bertemu dengan <i>hamzah Qato'</i> .	8 (72.7%)	3 (27.2%)	Ya
11	<i>Ashab al-Isyba'</i> adalah Warsy dan Hamzah	11(100%)	-	Ya
12	Imam membaca 2 wajah pada <i>mad munfasil</i> (2 & 4 harakat) adalah Qalun dan Duri Abu Amru	1 (9.09%)	10 (90.9%)	Ya
13	Susi membaca <i>idgham</i> pada kalimah " <i>فيه هدى</i> "	8 (72.7%)	3 (27.2%)	Ya
14	Imam membaca <i>isqat</i> pada <i>hamzatain min kalimatain</i> (<i>maftubatain</i>) Qalun dan Bazzi	1 (9.09%)	10 (90.9%)	Ya
15	Imam membaca <i>ibdal</i> pada kalimah " <i>يؤمنون</i> " ketika <i>waqf</i> adalah Warsy, Hamzah, Susi, Abu Jaafar	1 (9.09%)	10 (90.9%)	Ya

Sumber : Soal Selidik, 2020

Berdasarkan jadual 2, hasil kajian menunjukkan bahawa item 1 iaitu setiap Imam mempunyai 2 orang perawi yang masyhur, item 2 Abu Harith merupakan perawi Imam Yaakub, item 5 Qasr bermaksud 2 harakat dan item 11 *Ashab al-Isyba'* adalah Warsy dan Hamzah kesemua responden memberi jawapan yang betul iaitu sebanyak 11(100%) orang pelajar menyatakan Ya. Ini menunjukkan bahawa keseluruhan pelajar mengetahui berkaitan imam qiraat dan setiap perawinya serta berkaitan perbezaan mad dalam kalangan imam dengan sangat baik.

Manakala bagi item ke 3 iaitu Rumuz *ص* mewakili Imam Kholaf Hamzah, majoriti responden iaitu seramai 10 (90.9%) orang pelajar memilih jawapan yang tepat, manakalah seramai 1 (9.09%) memilih jawapan yang salah. Ini bermakna majoriti daripada kesemua pelajar menghafaz dan mengingati rumuz setiap imam dengan baik.

Seterusnya bagi item ke 4 iaitu Asim, Hamzah dan Kisai'e berasal dari Kuffah, item 6 Lawan kalimah "*Itbbat*" adalah *bazf*, dan item ke 8 Qalun mengekalkan alif pada kalimah "*مالك*", majoriti responden iaitu seramai 9 (81.8%) orang pelajar memilih jawapan yang tepat, manakalah seramai 2 (18.1%) memilih jawapan yang salah. . Ini bermakna majoriti daripada kesemua pelajar mengetahui dengan baik berkaitan tempat kelahiran imam qiraat dan perbezaan qiraat dalam surah al-Fatihah.

Berikutnya bagi item ke 7 iaitu *Tasydid* bermaksud "*tasqil*", item 10 iaitu Qalun membaca dengan 3 wajah bacaan sekiranya *mim jama'* bertemu dengan *hamzah Qato'* dan item 13 Susi membaca *idgham* pada kalimah " *فيه هدى* ", Majoriti imam menjawab jawapan yang betul iaitu sebanyak 8 (72.7 %) orang imam memberi jawapan betul, manakala seramai 2 (18.1%) orang imam mendapat jawapan yang salah iaitu memilih jawapan tidak. Ini membuktikan bahawa majoriti pelajar memahami berkaitan *bab silah mim jama'* dan hukum *idgham kabir* dengan baik.

Bagi item yang ke 12 iaitu Imam membaca 2 wajah pada *mad munfasil* (2 & 4 harakat) adalah Qalun dan Duri Abu Amru, item 14 iaitu Imam membaca *isqat* pada *hamzatain min kalimatain* (*maftubatain*) Qalun dan Bazzi, dan item 15 iaitu Imam membaca *ibdal* pada kalimah " *يؤمنون* " ketika *waqf* adalah Warsy, Hamzah, Susi, Abu Jaafar, keputusan menunjukkan majoriti pelajar memilih jawapan yang salah iaitu seramai 10 (90.9%) menjawab jawapan Tidak, manakala seramai 1 (9.09%) pelajar menjawab jawapan yang betul iaitu Ya. Ini bermaksud sebahagian besar pelajar kurang mahir dan tidak jelas berkaitan dengan pecahan perbezaan pada hukum *mad munfasil*, hukum pada bab *hamzatain* dan kaedah bacaan ketika *waqf*.

Berikutnya item terakhir adalah item ke 9 Kholad membaca *isymam* kalimah " *صراط* " pada semua tempat dalam al-Quran, majoriti imam menjawab jawapan yang tidak tepat iaitu sebanyak 6 (54.5%) yang menjawab jawapan Ya, manakala sebanyak 5

(45.4%) menjawab jawapan yang tepat iaitu Tidak. Ini menjelaskan majoriti pelajar masih berkaitan hukum isyamm bagi Imam Khollad.

Berikut adalah jadual keputusan keseluruhan jawapan responden pada permasalahan kefahaman *usul qiraat 'asyara al-Sugbra* dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (Stpm Tahfiz)

Jadual 3 Analisis Jawapan Responden

Bil	Jumlah Jawapan	Peratusan %
1	Tepat	113
2	Salah	52

Sumber : Soal selidik, 2020


Melalui analisa data peratusan yang diperolehi, pengkaji telah meletakkan kayu ukur peratusan yang digunakan oleh sistem peratusan markah peperiksaan IPTA Malaysia untuk menentukan tahap kefahaman *usul qiraat 'asyara al-Sugbra* dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (Stpm Tahfiz). Jadual 4 berikut adalah jadual parameter sistem purata nilai gred di Universiti Malaysia Sabah :

Jadual 4 Parameter Sistem Purata Nilai Gred

Bil	Gred	Maksimum	Minimum	Mata	Interpertasi
1	A	100	80	4.00	Sangat Tinggi
2	A	79	75	3.67	Tinggi
3	B+	74	70	3.33	Sederhana Tinggi
4	B	69	65	3.00	Sederhana
5	B-	64	60	2.67	Sederhana Rendah
6	C	59	45	1.67 – 2.33	Lulus Tinggi
7	D	35	44	1.00 – 1.33	Lulus Rendah
8	E	34	0	0.00	Gagal

Sumber : Diubahsuai daripada : <http://bpa.ums.edu.my/index.php/en/pelajar-semasa/sistem-purata-nilai-gred>, tarikh akses 1 Oktober 2020.

Rumusan kajian terhadap kefahaman *usul qiraat 'asyara al-Sugbra* dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (Stpm Tahfiz) adalah memuaskan. Kebanyakan pelajar dapat menjawab soalan soal selidik dengan betul. Walaubagaimanapun, tidak menafikan bahawa sebahagian besar daripada para pelajar tidak memahami dan mengetahui beberapa perkara yang berkaitan dengan hukum mad munfasil, hukum pada bab hamzatain dan kaedah bacaan ketika *waqf*. Rajah 5 berikut berkaitan kefahaman *usul qiraat 'asyara al-Sugbra* dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.



Rajah 5 Tahap kefahaman *usul qiraat 'asyara al-Sughra* dalam kalangan pelajar STPM
 'Sumber : Soal Selidik, 2014

Bersumberkan rajah 5 di atas, dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman *usul qiraat 'asyara al-Sughra* dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia adalah pada tahap sederhana mengikut kayu ukur melalui pencapaian peratusan yang dinilai berdasarkan peratusan IPTA Malaysia. Secara keseluruhannya purata jawapan yang betul dan tepat responden kajian ialah sebanyak 113 (68.4%) daripada keseluruhan jawapan iaitu sebanyak 165 jawapan. Manakala jawapan yang salah dipilih oleh responden pula adalah sebanyak 52 (31.5%).

Berpandukan rajah 5 juga, menunjukkan ramai pelajar tidak memahami dan mengetahui pada item 12, 14 dan 15. Item ke 4 adalah berkaitan perbezaan hukum *mad munfasil* dalam kalangan Imam 10, item ke 14 adalah berkaitan hukum *hamzatain min kalimatain* dalam kalangan Imam 10 dan item ke 15 berkaitan hukum *ibdal* pada kalimah ketika *waqf*. Hasil kajian pada ketiga-tiga item menunjukkan seramai 10 (90.9%) imam telah memilih jawapan yang salah, manakala seramai 1 (9.09%) imam memberi jawapan yang tepat.

Penguasaan ilmu qiraat tidak cukup hanya dengan belajar teori semata-mata bahkan perlu kepada proses secara praktikal. Berkemungkinan besar para pelajar yang mengikuti subjek qiraat untuk peperiksaan peringkat STPM ini, kurang mempraktik bacaan qiraat secara amali yang menyebabkan mereka keliru dan kurang menguasai pada bab yang ditanya dalam soalan soal selidik. Dapatan kajian ini telah disokong oleh kajian yang dibuat oleh Zainora bt Daud (2016) bahawa para pelajar kurang mahir membezakan bacaan *usul qiraat* dengan *farsy al-Huruf*, kurang menguasai istilah-istilah penting dalam pengajian qiraat, kurang memahami Qiraat Sepuluh. Pelajar juga kurang berusaha menghafaz matan-matan *Qiraat Syatibiyyah* dengan baik, kurang mahir membaca ayat-ayat al-Quran mengikut Qiraat Tujuh kurang mahir menyebut bacaan qiraat dari segi *hadhaf alif* dan *hamzah*, kurang menguasai bacaan *isymam al-Shad*, kurang mahir kadar *harakat mad munfashil* dan *mad al-muttashil*, kurang mahir bacaan *saktab* pada *alif lam ta'rif*, kurang mahir bacaan *saktab* pada *syayy*, kurang mahir bacaan *saktab* pada *al-Mafsul*, kurang menguasai bacaan *naqal* ketika *waqaf*, kurang menguasai bacaan *shilah mim jama'*, kurang mahir bacaan *ibdal*, bacaan *tashil* dan bacaan *raum*. Malahan pelajar juga merasakan kurang mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan qiraat tujuh kepada masyarakat dan juga merasakan kaedah-kaedah yang diajar oleh guru di dalam

kurikulum qiraat masih tidak mencukupi. Pelajar juga kurang mampu membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan qiraat dan kurang yakin dengan kemampuan dalam pengajian qiraat.

Kesimpulan

Kajian kefahaman *usul qiraat 'asyara al-Sughra* dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) merupakan kajian rintis serta masih di peringkat awal serta perlu kepada penambahbaikan dalam usaha mengatasi kelemahan dan kekurangan dalam pembelajaran kurikulum qiraat. Antara cadangan penambahbaikan adalah seperti berikut:

1. Kurikulum qiraat terdiri daripada *usul qiraat* dan *farsy al-Huruf* merupakan asas di dalam pengajian ilmu qiraat. Pelaksanaan kurikulum qiraat dari aspek masa pengajaran dan pembelajaran, Alat bantu mengajar (ABM) di dalam kelas perlu dipertingkatkan kerana kandungan kurikulumnya yang banyak menjadi faktor kelemahan dan ketidakmampuan pelajar dalam pengajian qiraat.
2. Guru hendaklah memperbanyakkan pengajaran secara praktikal atau amali pada semua bab dalam kurikulum pengajian ilmu qiraat, tidak cukup dengan pembelajaran secara teori sahaja.

Rujukan

- al-Dabbagh, ' Ali Muhammad. (1938). *al-' Ida' ah fi Bayan Usul al-Qira'at. al-Qabirah*: Matba' at al-Mashsad al-Husayni.
- al-Dani, Abu Amr Uthman. (1996). *Al-taysir fi al-Qiraat al-Sab'i*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Qādī, Abd al-Fattāh. (1955). *al-Budūr al-Zābirah fi al-Qirā'at al'Ashr al-Mutawātirah min tariqay al-Shātibīyyah wa al-Durrah*. Qāherah:Maktabah Īsā al-Bāb al-Halabī.
- al-Jazarī, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Alī bin Yūsuf. (1992). *Sharah Tayyibah al-Nashr*. Misr: Dār al-Ammah lil Maāhid al-Azhariyyah.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Ibn al-Jazarī, A. K. (1995). *Munjid al-Muqri'in wa Murshid al-Ṭālibin*. Kaherah: Maktabah al-Quds.
- <http://bpa.ums.edu.my/index.php/en>.
- <https://bernama.com/bm/am/news.php?id=1703566>
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/432406/tahfiz-al-quran-untuk-stpm-diperkenal-tahun-depan>
- <https://www.moe.gov.my/pendidikan/pendidikan-menengah>.
- <https://www.mpm.edu.my/index.php>.
- Sayyid Lasyin. (2009). *Taqrib al-Maani fi syarh hirz al-Amani fi al-Qiraat al-Sab'a*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Zainora bt Daud (2016). Kertas kerja bertajuk *Keberkesanan Kurikulum Qiraat Di Kalangan Pelajar Darul Quran: Satu Tinjauan Awal*.

BAB 22

KAJIAN PERBANDINGAN PENGURUSAN KORBAN DI EZ QURBAN SDN BHD DAN AQIQAH NASIONAL ENTERPRISE

Uqbah Amer, Muhammad Ammar Farhan Ramlan,
Mohd Ikram Mohd Nawi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Korban dan akikah merupakan isu yang penting dalam masyarakat Islam. Sebagai sebuah masyarakat Islam yang majoriti, pengurusan hal-hal berkaitan Islam penting bagi melancarkan kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Antara contoh institusi penting dalam Islam ialah Tabung Haji yang menguruskan hal-hal berkaitan haji dan Umrah. Manakala zakat pula diuruskan oleh Baitulmal negeri masing-masing. Oleh itu, sebagai satu inisiatif kepada masyarakat, ditubuhkan syarikat-syarikat perkhidmatan ibadah korban dan akikah dengan sistem yang terkini dan lebih sistematik.

Di Malaysia, inisiatif untuk menubuhkan syarikat perkhidmatan korban dan akikah ini semakin mendapat sambutan walaupun terdapat segelintir kecil masyarakat yang masih belum menerima sistem ini. Antara syarikat yang menguruskan ibadah korban dan akikah ialah Ez Qurban Sdn Bhd, Akikah Nasional Enterprise, Community We Love Korban, Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd dan banyak lagi syarikat yang lain.

Realitinya, masyarakat Islam di Malaysia mempunyai banyak potensi yang masih belum digali dan dimanfaatkan secara maksimum. Antara potensi tersebut ialah kemampuan dari sudut kewangan. Jika diatur dengan baik dan sistematik, ibadah korban dan akikah yang dilaksanakan oleh masyarakat Malaysia boleh dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk Islam yang lebih memerlukan di negara-negara lain.

Syarikat perkhidmatan korban dan akikah yang diuruskan dengan sistematik dapat membantu memudahkan urusan masyarakat dalam menjalani ibadah korban dan akikah. Disamping dapat membangunkan ekonomi masyarakat Islam itu sendiri. Daging korban dan akikah yang diagihkan dapat membantu golongan umat Islam yang miskin di negara-negara yang berhampiran. Umat Islam yang berkemampuan dapat menjalani ibadah korban dan akikah, manakala yang kurang berkemampuan pula sama-sama dapat merasai nikmat daging segar melalui ibadah korban dan akikah yang dijalankan.

Permasalahan Kajian

Dewasa ini, masyarakat dilihat agak sibuk dan sukar untuk meluangkan masa serta tenaga yang lebih untuk ibadah korban dan akikah. Akibatnya, ramai yang tidak mengambil berat terhadap amalan korban dan akikah ini walaupun mereka berkemampuan. Kekangan masa terhadap kerja dan sebagainya menjadi alasan utama mereka.

Selain itu, ibadah korban dan akikah juga merupakan satu syiar yang utama dalam Islam. Syiar yang menunjukkan sifat keperihatinan dalam agama kita terhadap orang-orang susah dan tidak berkemampuan. Mereka golongan yang dipandang tinggi di sisi Allah s.w.t. kerana mereka diuji dan mereka bersabar dengannya. Oleh itu, memang selayaknya daging-daging korban dan akikah yang mulia ini diurus dengan cara yang betul dan teratur supaya dapat diagih kepada mereka dengan adil.

Antara kelemahan masyarakat kita ialah kurang bijak dalam menguruskan harta itu sendiri. Pendapatan bulanan yang diberi jika disimpan sebahagian kecil daripadanya dengan azam untuk melakukan ibadah korban atau akikah, pasti tidak menjadi halangan. Namun, kerana kurang kesedaran akan kepentingan ibadah korban dan akikah serta kekurangan ilmu dalam menguruskan harta menjadikan korban dan akikah itu satu amalan ini dianggap mahal. Pada pandangan mereka, orang yang benar-benar kaya sahaja perlu melakukan ibadah korban dan akikah.

Islam itu mudah tetapi tidak bermakna boleh dipermudahkan. Allah s.w.t. sendiri telah berfirman didalam al-Quran didalam surah al-Baqarah ayat 286 yang berbunyi :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ

Maksudnya :

“Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya”.

Dan hadis Nabi s.a.w. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا ، وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدَّلْجَةِ .

[Riwayat Bukhari]

Maksudnya :

Dari Abu Hurairah, bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya agama itu mudah. Tidaklah seseorang mempersulit (berlebih-lebihan) dalam agama melainkan ia akan dikalahkan. Oleh kerana itu kerjakanlah dengan semestinya, atau mendekati semestinya dan bergembiralah (dengan pahala Allah) dan mohonlah pertolongan di waktu pagi, petang dan sebahagian malam"

Daripada dalil-dalil ini, dapat diketahui bahawa Allah telah menjadikan agama Islam itu sebagai rahmat buat seluruh manusia. Setiap aturan yang disusun ialah sebagai jalan kehidupan yang baik buat umat manusia seluruhnya.

Objektif Kajian

Beberapa objektif telah disusun dalam kajian ini iaitu :

- Menerangkan tentang ibadah korban dan akikah beserta hukum-hakam yang berkaitan dengannya.
- Menerangkan tentang sistem pengurusan dan pentadbiran yang diterapkan dalam syarikat perkhidmatan korban dan akikah.
- Membuat perbandingan sistem pengurusan korban dan akikah antara dua syarikat.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan atas beberapa persoalan yang sering timbul dalam kalangan masyarakat iaitu :

- Apakah yang dimaksudkan dengan ibadah korban dan akikah dan apakah hukum hakam yang berkaitan dengannya?

- b. Apakah sistem yang diterapkan dalam syarikat-syarikat perkhidmatan korban dan akikah?
- c. Apakah perbezaan yang terdapat dalam sistem pengurusan korban dan akikah antara dua syarikat yang dikaji.

Sorotan Literatur

- a. Reni Noviati (2017) dalam Jurnal Ekonomi Islam yang bertajuk ialah Praktik Kurban Online Dalam Perspektif Islam Tebar Hewan Kurban (THK) Di Dompot Dhuafa.

Jurnal ini menghuraikan tentang hukum akad yang diterapkan oleh syarikat kajiannya di Indonesia iaitu Tebar Hewan Korban (THK) serta penjelasannya dari kitab-kitab yang masyhur bermula dari awal prosedur sehinggalah kepada prosedur yang terakhir. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesesuaian sistem korban online dengan perspektif Islam jika dilihat dari mekanisma, serta pihak-pihak yang terlibat dalam sistem tersebut menyebabkan adanya akad-akad muamalat dan akad-akad tersebut adalah akad wakalah dan bai` salam. Sistem THK yang ada di Dompot Dhuafa Republika telah sesuai dengan akad wakalah dan bai` salam, kerana dalam sistemnya THK sudah memenuhi rukun dan syarat akad wakalah dan bai` salam.

- b. Uqbah Bin Amer (2016) yang bertajuk Hukum-Hakam Dan Isu-Isu Dalam Ibadah Korban yang dibentangkan ketika Muzakarah Fiqh Kebangsaan 2016 di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, Shah Alam

Prosiding ini menerangkan secara umum perihal ibadah korban dan isu yang berkaitan dengannya. Antara isu utama yang dibincangkan ialah pemindahan ibadah ketempat-tempat yang dikira sebagai lebih memerlukan dan lebih layak untuk menerima bantuan terutamanya negara-negara Islam yang tertindas dan miskin seperti Palestin, Kemboja dan Myanmar

- c. Perbandingan Pelaksanaan Pembahagian Daging Korban di Pondok Gelang Mas, Tumpat Dan Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan oleh Norshidah Binti Yaacob (2011).

Jurnal ini menghuraikan tentang pola pembahagian daging yang telah disembelih, alasan pembahagian tersebut dan hukumnya disisi syara`. Jurnal ini menjadikan Pondok Gelang Mas, Tumpat dan Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan sebagai subjek kajian dan perbandingan. Kedua-dua subjek merupakan pusat ilmu yang terbesar di negeri Pantai Timur di Malaysia ini. Ibadah korban biasanya menjadi acara utama yang dianjurkan secara besar-besaran dan melibatkan penduduk tempatan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pondok menggunakan sistem pengagihan daging yang sama iaitu sebahagian untuk orang yang berkorban manakala sebahagian lagi untuk orang-orang yang berhak.

Pengertian Korban

Dari sudut bahasa, sebahagian ulama` mengatakan asal perkataan itu ialah daripada waktu dhuha kerana bermulanya penyembelihan ialah pada waktu dhuha. Manakala Ibrahim al-Baijuri (2010) berpendapat dengan pendapat yang lebih masyhur jika di letakkan baris depan pada huruf hamzah pada perkataan `udhiyyah maka ia membawa maksud binatang

sembelihan dari jenis ternakan (al-'An'am) yang bermaksud binatang ternakan yang disembelih pada Hari Raya Aidil Adha.

Kamus Dewan (2007) menyebutkan bahawa perkataan korban itu sendiri membawa maksud pendekatan dan korban juga bermaksud amalan menghampirkan diri kepada Allah s.w.t. dengan menyembelih binatang ternakan seperti lembu, kambing, kerbau dan lain-lain pada 10 Zulhijjah atau tiga hari selepasnya iaitu hari tasyrik dengan mengagihkan sebahagian daripada daging itu kepada fakir miskin. Dalam bahasa Arab, ibadah korban itu lebih masyhur dengan perkataan 'udhiyyah yang membawa maksud pengorbanan.

Dari sudut istilah pula, Syeikh Mustafa Dip al-Bugha (2009) dalam kitabnya Fiqh al-Manhājī menyebutkan bahawa korban ialah sembelihan binatang iaitu unta, lembu, kambing, dan biri-biri dengan tujuan untuk mendampirkan diri kepada Allah s.w.t. dan dilakukan pada Hari Raya Aidil Adha. Begitu juga bagi Syeikh al-Khatib al-Sharbini (2012) dalam kitab al-Iqna' mengatakan bahawa dinamakan 'udhiyyah bersempena dengan waktu dhuha. Diletakkan baris depan pada hamzah, baris bawah pada huruf ha' dan baris atas bersabdu pada huruf ya' ('udhiyyah) yang membawa maksud haiwan ternakan (al-an'am) yang disembelih kerana mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. bermula dari 10 Zulhijjah hingga akhir hari tasyrik.

Dalil Pensyariatan

Dalil pensyariatan ibadah korban adalah berasaskan kepada al-Quran merujuk kepada surah al-Kauthār (108) 2 :

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ

Maksudnya :

"Oleh itu kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai syukur)".

Manakala diterangkan juga dalam Surah Al-Hajj ayat 36 bahawa Allah s.w.t. berfirman :

وَالْبُدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ فَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافَّ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya :

"Dan telah kami jadikan unta-unta itu (sebagai salah satu syi'ar) daripada syi'ar Allah. kamu peroleh kebikan yang banyak daripadanya, maka sebutlah olehmu nama Allah ketika kamu menyembelihnya dalam keadaan berdiri(dan telah terikat), kemudian apabila telah roboh (mati), maka makanlah padanya dan beri makanlah pada orang yang rela dengan apa yang ada padanya (yang tidak meminta) dan orang yang meminta, demikianlah kami telah menundukkan unta-unta itu kepada kamu, mudah-mudahan kamu bersyukur".

Manakala dalil pensyariatan berasaskan hadith antaranya ialah daripada Aisyah r.a. katanya, sabda Rasulullah S.A.W :

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِغُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَطْلَافِهَا وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا " . قَالَ وَفِي الْبَابِ عَنْ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ وَرَزِيدِ بْنِ أَرْقَمَ . قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ لَا نَعْرِفُهُ مِنْ حَدِيثِ هِشَامِ بْنِ غُرْوَةَ إِلَّا مِنْ هَذَا الْوَجْهِ . وَأَبُو الْمُثَنَّى اسْمُهُ سُلَيْمَانُ بْنُ يَزِيدَ . رَوَى عَنْهُ ابْنُ أَبِي فُدَيْكٍ . - قَالَ أَبُو عِيسَى وَيُرْوَى عَنْ رَسُولِ

اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ " فِي الْأَضْحِيَّةِ لِصَاحِبِهَا بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةٌ " . وَيُرْوَى " بِفُرُونِهَا "

[Hadith riwayat at-Tirmīzī]

Maksudnya :

Daripada Aisyah r.anba, bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda bahawa "tidak ada satu amalan anak Adam di hari-hari Nabar (Hari-hari Aidil Adha) yang paling Allah sukai selain daripada menumpahkan darah (sebelib binatang korban), kerana ia (binatang korban) itu akan datang di hari kiamat nanti dengan tanduk manakala kukunya dan bulu-bulunya (sebagai saksi ke atas ibadah korban tuannya), dan sesungguhnya darah (binatang korban itu) akan tumpah di sisi Allah s.w.t. di suatu tempat sebelum tumpah ke bumi, oleh itu pilihlah olehmu binatang terbaik (paling menarik) untuk dikorbankan."

Melalui dalil-dalil yang disebutkan, ini menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan umat yang mampu untuk berkorban. Sesuai dengan konsep yang diterapkan di dalam Islam iaitu segala harta yang kita dapat hanyalah pinjaman dari Allah s.w.t.. Harta yang kekal hanyalah harta yang kita korbakan di jalan Allah s.w.t. dan antaranya ialah melalui ibadah korban.

Hukum Penyembelihan Korban

Menurut pandangan jumhur ulama, hukum melaksanakan ibadah korban adalah sunat muakkad bagi individu yang berkemampuan. (Ibrahim al-Baijuri,2010). Ibrahim (2010) juga berpandangan bahawa adalah sunat muakkad bagi setiap orang sekali dalam seumur hidup . Menurut pandangan yang masyhur dalam kalangan ulama Mazhab Maliki adalah makruh meninggalkannya bagi mereka yang mampu. Manakala bagi mereka yang berniat untuk melakukan korban nazar, maka hukum melaksanakannya adalah wajib.

Antara ulama yang berpendapat bahawa ibadah ini wajib ialah Imam Abu Hanifah dan beberapa pengikutnya. Beliau berpendapat bahawa ibadah korban ini wajib sekali setiap tahun ke atas orang yang bermukim (Prof Madya Dr. Azman bin Mohd Noor, Mohamad Fadzli bin Shamsuddin, 2012). Pendapat mereka adalah bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ " مَنْ كَانَ لَهُ سَعَةٌ وَلَمْ يُضَحِّ فَلَا يَفْرَبَنَّ مُصَلًّا نَا "

[Hadis riwayat Ibnu Majah]

Maksudnya :

"Barangsiapa yang diberikan kemudahan, sehingga memampukan dia untuk berkorban, akan tetapi dia tidak mahu berkorban, maka janganlah dia mendekati tempat solat kami (masjid)".

Namun, Abu Yusuf dan Muhammad dari Mazhab Hanafi mengatakan ibadah korban tidak wajib tetapi sunat muakkad (Wahbah al-Zūhailī, 1989).

Konsep Pengurusan Dalam Islam

Kamus Dewan (Kamus Dewan Edisi Keempat) mendefinisikan organisasi ialah susunan yang terdiri daripada bahagian-bahagian orang dalam sesuatu pertubuhan untuk tujuan-tujuan tertentu demi kepentingan bersama.

Dalam al-Quran, Allah s.w.t. berfirman bahawa terdapat beberapa ayat suci Al-Quran yang mengutarakan tentang istilah pengurusan atau pentadbiran ini secara umum melalui lafaz “yudabbiru”. Antaranya ialah di dalam Surah ar-Ra'd, ayat ke-2 :

اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ وَسَحَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلًّا يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى يُدَبِّرُ الْأَمْرَ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ بِلِقَاءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ

Maksudnya :

“Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tiada bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian Ia bersemayam di atas Arasy; dan Ia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya) tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Allah jualah yang mentadbirkan segala urusan; Ia menerangkan tanda-tanda kekuasaanNya satu-persatu, supaya kamu yakin kepada pertemuan Tuhan kamu (untuk menerima balasan).”

Kesemua istilah tersebut menunjukkan betapa agama Islam amat menitikberatkan amalan yang bersistem dengan syarat diurus sebaik mungkin demi sebuah kesempurnaan. Dalam sejarah Nabi Muhammad s.a.w. sendiri terdapat banyak peristiwa dan kisah yang membuktikan bahawa Islam itu amat mementingkan aspek pengurusan dalam kehidupan. Sememangnya setiap nabi itu dianugerahkan dengan sifat fathanah yang bermaksud bijaksana. Bijaksananya Nabi s.a.w. itu dapat ditelusuri dalam pelbagai peristiwa yang penting seperti hijrah, ghazwah (peperangan yang Nabi s.a.w. sertai), strategi dakwah, perjanjian hudaibiyah dan banyak lagi.

Ez Korban Sdn Bhd

EZQ telah bertapak dalam industri ini sejak awal tahun 2007. EZQ diasaskan oleh Ustaz Azhar Bin Dato` Syukur yang kini merupakan penaung utama dalam syarikat ini. EZQ didaftarkan dibawah SSM dibawah nama EZ Qurban Sdn Bhd (768010-D) pada 3 April 2007 dan kini beroperasi di alamat No. 79 & 80, Jalan 3, Pusat Niaga Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor. Pada awal penubuhan syarikat ini, hanya bermula dengan beberapa ekor kambing sahaja sebagai permulaan dan beberapa orang ahli yang membantu. Hingga kini staff yang ada di EZQ sudah seramai 18 orang yang tetap dan akan ditambah dengan staff part time secara berkala terutamanya apabila tiba bulan Zulhijjah. Pusat operasinya masih kekal di Batu Caves, Selangor.

Dengan sokongan dan kekuatan kewangan yang ada, syarikat in terus berkembang ke seraata negara-negaara jiran yang majoriti penduduknya Islam. EZQ juga menyediakan perkhidmatan sampingan yang lain seperti Fidyah, Derma dan Wakaf. EZQ berperanan menawarkan kemudahan kepada umat Islam di Malaysia khususnya dan seluruh dunia amnya dalam pelaksanaan ibadah akikah dan korban agar lebih mudah dan cepat.

Antara negara pelaksanaan korban dan akikah adalah Kemboja, Vietnam, Laos, Myanmar, Bangladesh, Thailand, Filipina, India, Indonesia, Sri Lanka, Mali, Chad, Kenya, Malawi dan termasuk juga di Kem Pelarian Rohingya serta Palestin (harga berbeza). Manakala, bagi ibadah lain seperti fidyah, wakaf dan derma diagihkan sama ada dalam Malaysia atau ke negara-negara pelaksanaan korban dan akikah EZQ bergantung kepada keperluan semasa. Kini, EZQ sudah beroperasi hampir 11 tahun dalam industri ini dan

menjadi antara syarikat yang utama dimedia-media sosial dalam mempromosikan perkhidmatan ini.

Kaedah perniagaan Ez Qurban Sdn Bhd

- a. Tempahan : EZQ secara umumnya tidak menghadkan cara untuk untuk membuat tempahan untuk berkorban. Ini kerana pelanggan EZQ mencakupi pelbagai jenis umur dan usia. Oleh itu, EZQ akan membuka segala ruang atau jalan yang ada kepada pelanggan yang berhasrat untuk menunaikan ibadah korban. Kakitangan EZQ akan usaha untuk menyempurnakan hasrat tersebut sehinggalah ianya tercapai walau dengan apa cara sekali pun. Beberapa kaedah dan cara yang disediakan oleh EZQ kepada para pelanggan untuk membuat tempahan ialah melalui kaunter hadapan di pejabat EZQ (walk-in), secara dalam talian, telefon/whatsapp atau faks.
- b. Kaedah Pembayaran : EZQ telah bekerjasama dengan 3 jenis bank iaitu Maybank, Bank Islam dan Cimb Bank bagi memudahkan proses pembayaran. Selain online, EZQ juga menerima bayaran tunai yang dilakukan sama ada di kaunter EZQ ataupun dihantar secara pos.
- c. Bukti Penerimaan Tempahan : Sebagai sebuah syarikat yang berintegriti, segala pembayaran oleh pelanggan mestilah disertakan dengan bukti pembayaran. Setelah pembayaran daripada pelanggan itu disahkan, maka EZQ akan hantar kepada setiap pelanggan nombor tempahan masing-masing. Nombor ini berfungsi untuk melihat status korban dan akikah yang telah ditempah melalui laman web EZQ . Nombor ini juga menjadi rujukan pelanggan dan kakitangan EZQ jika ada apa-apa perkara yang berbangkit yang timbul sepanjang proses korban dan akikah dijalankan.
- d. Keputusan dan Pembuktian Korban : Setelah selesai segala proses. Maka proses yang terakhir ialah proses keputusan dan pembuktian korban pelanggan tersebut. Keputusan atau status korban pelanggan tersebut boleh disemak dilaman sesawang EZQ atau dengan menghubungi ahli EZQ sendiri. Status yang diberitahu sama ada masih menanti atau sudah selesai. Apabila status itu sudah selesai, maka sijil penyertaan akan dihantar kepada pelanggan bersama dengan no penyertaan.

Aqiqah Nasional Enterprise

Syarikat Kijang Kota Trading di tubuhkan dengan rasminya pada tahun 1991 oleh Sdr Mohd Salomon Bin Mansot. Pejabat urusan pada ketika itu adalah di No 66, Kg Berembang, Batu 3.5, Jalan Ampang 45000 Kuala Lumpur (kini Berembang Indah) dengan modal permulaan sebanyak RM30,000.00.

Perniagaan asas yang diceburi ketika itu adalah Perkhidmatan Mencuci Bangunan dan lain-lain perniagaan sampingan seperti perkhidmatan pengangkutan dan percetakan. Hari ini kesemua perniagaan tersebut telah di serahkan kepada usahawan lain dan Kijang Kota Trading menumpukan sepenuhnya dalam bidang pertanian dan ternakan.

Manakala Aqiqah Nasional Enterprise ini bermula pada tahun 2006 dengan berkonsepkan belaa kambing dan jual. Penbahagian perniagaan dibahagi kepada tiga iaitu produksi (production), perdagangan (trading) dan perkhidmatan. Setelah beberapa bulan berlalu, bahagian produksi tidak memberikan impak yang positif kepada syarikat kerana masalah yang rumit dalam pembelan binatang baik dari segi kewangan mahupun peruntukan masa yang terlalu lama.

Oleh itu pada awal Januari 2007, Aqiqah Nasional Enterprise tidak membela kambing dari kecil. Tetapi hanya membawa masuk kambing dan lembu yang sudah matang dan sedia untuk dikorbankan secara berkala. Sejak dari itu, perniagaan Aqiqah Nasional Enterprise lebih tertumpu kepada perkhidmatan akikah dan korban sahaja. Bermula dari 4 ke 5 ekor sebulan, purata akikah pada hari ini telah naik sehingga 4-5 ekor setiap hari.

Selain itu, saingan yang kuat daripada syarikat-syarikat lain di dalam industri yang sama memaksa syarikat untuk turut sama maju dalam menggunakan teknologi masa kini iaitu internet sebagai salah satu medium pemasaran dan jual beli. Dengan itu, terhasil sistem tempahan laman web yang ada sekarnag. Sistem telah berjaya meluaskan lagi pasaran Aqiqah Nasional Enterprise ke pasaran dunia. Negara luar yang turut membuat tempahan korban dan akikah Aqiqah Nasional Enterprise ialah Jepun, Jerman, Brunei, Singapura, Sri Langka, Brazil, Great Britain, Sepanyol, Filipina, Mexico, Indonesia, Denmark, India, Canada, Australia, Korea, United States of Amerika, China, Rusia, Italy dan Portugal.

Kaedah Perniagaan ANE

ANE merupakan syarikat yang mengaplikasikan kaedah yang lebih traditional berbanding EZQ. Ini memberi kelebihan kepada ANE untuk menguruskan ibadah korban dan akikah bagi pelanggan yang ingin menyembelih sendiri binatang korbannya. Bersesuaian dengan tuntutan sunnah Nabi SAW dalam ibadah korban dan akikah. Kaedah dan proses tempahan yang mudah dan mesra pelanggan menarik minat ramai orang tanpa dari dalam dan luar negara. Dalam bab ini akan membincangkan dengan lebih mendalam tentang hal-hal tersebut.

- a. Tempahan : ANE secara umumnya tidak mengehadkan cara untuk untuk membuat tempahan untuk berkorban. Ini kerana pelanggan ANE mencakupi pelbagai jenis umur dan usia. Oleh itu, ANE akan membuka segala ruang atau jalan yang ada kepada pelanggan yang berhasrat untuk menunaikan ibadah korban. Kakitangan ANE akan usaha untuk menyempurnakan hasrat tersebut sehinggalah ianya tercapai walau dengan apa cara sekali pun. Beberapa kaedah dan cara yang disediakan oleh ANE kepada para pelanggan untuk membuat tempahan ialah melalui kaunter hadapan di pejabat ANE (walk-in), secara dalam talian, telefon/whatsapp atau faks.
- b. Kaedah Pembayaran : Syarikat menyediakan beberapa mekanisma untuk membuat pembayaran. Pertama sekali ialah perpindahan wang secara online ke dalam dua akaun bank syarikat melalui dua jenis bank iaitu Agro bank dan Cimb Bank. Pelanggan hanya perlu cetak bukti pembayaran dan hantarkannya ke alamat email syarikat iaitu akikahnasional@gmail.com. Selain itu, pelanggan boleh menghantar bukti pembayaran melalui sms seperti yang ditunjukkan didalam laman web syarikat. Pelanggan juga boleh mengisi data di dalam ruang pembayaran yang disediakan di laman web syarikat. Akhir sekali ialah dengan menghantar bukti pembayaran menerusi aplikasi whats app kepada pengurus atau ahli syarikat sendiri.
- c. Bukti Penerimaan Tempahan : Sebagai sebuah syarikat yang berintegriti, segala pembayaran oleh pelanggan mestilah disertakan dengan bukti pembayaran. Setelah pembayaran daripada pelanggan itu disahkan, maka Akikah Nasional Ent. akan hantar kepada setiap pelanggan nombor tempahan masing-masing. Nombor ini berfungsi untuk melihat status korban dan akikah yang telah ditempah melalui dilaman web ANE. Nombor ini juga menjadi rujukan pelanggan dan kakitangan ANE jika ada apa-apa perkara yang berbangkit yang timbul sepanjang proses korban dan akikah dijalankan.

- d. Keputusan dan Pembuktian Korban : Setelah selesai segala proses. Maka proses yang terakhir ialah proses keputusan dan pembuktian korban pelanggan tersebut. Keputusan atau status korban pelanggan tersebut boleh disemak dilaman web Akikah Nasional Ent. atau dengan menghubungi ahli Akikah Nasional Ent. sendiri. Status yang diberitahu sama ada masih menanti atau sudah selesai. Apabila status itu sudah selesai, maka sijil penyertaan akan dihantar kepada pelanggan bersama dengan no penyertaan.
- e. Penyembelihan dan Pemantauan : Pemantauan akan dilakukan oleh pengurus ANE, Haji Salomon sendiri setiap kali program korban dan akikah dilaksanakan dikandang. Namun, penyembelihan yang dilakukan diluar kandang adalah bebas mengikut kehendak pelanggan tersebut. Syarikat hanya akan menghantar lembu yang telah tempah ke tempat-tempat tersebut dan menyerahkannya kepada pelanggan. Sistem ini dinamakan oleh ANE sebagai kaedah penghantaran secara hidup bagi mereka yang ingin melakukan gotong-royong penyembelihan sesama sendiri. Pemhantaran dilakukan sama ada ke masjid, surau, madrasah atau kerumah pelanggan itu sendiri. Manakala, korban yang dilakukan dikandang pula kaedah sembelih dikandang. Setiap pekerja ANE akan melakukan penyembelihan mengikut kumpulan yang telah ditetapkan bagi menudahkan urusan peneymbelihan terutamanya penyembelihan daging korban kerana jumlah yang banyak yang perlu diuruskan dalam masa yang singkat iaitu hanya 4 hari. Kebiasaanya, para pekerja akan berkampung 4 hari dikandang pada setiap kali Hari Raya Aidil Adha kerana menguruskan tempahan pelanggan yang begitu banyak.
- f. Pengagihan Daging : Pengagihan daging dilakukan dengan cara yang cukup mudah dan ringkas. ANE sudah menyenaraikan terlebih dahulu nama institusi, madrasah, masjid atau surau yang sesuai untuk dihantar daging kesana. Setelah senarai tersebut ditulis, setiap kali penyembelihan, daging itu akan dihantar ke tempat-tempat tersebut mengikut pusingan giliran masing-masing. Sistem tersebut akan diulang setiap kali penyembelihan korban mahupun akikah

Kaedah Muamalat Dalam ANE dan EZQ Dari Sudut Fiqh Muamalat

Setelah diteliti melalui temubual dan sedikit pembacaan, terdapat beberapa bahagian dalam fiqh muamalat yang terdapat dalam urusan jual beli di EZQ yang dijadikan sandaran dalam melaksanakan jual beli agar proses yang berlaku bertepatan dengan kaedah Islam yang sah dan terkini.

a. Jual Beli Bertanggung (Bai` al-Salam)

Jenis jual beli yang digunakan dalam EZQ ini ialah berupa jual beli bertanggung (bai salam). Menurut Dr. Mustafa al- Bugha dan 'Ali al-Syarbaji (2009), bai al-Salam ialah menjual sesuatu yang dinyatakan sifat-sifatnya dalam tanggungan dengan lafaz al-Salam atau al-Salaf. Di dalam al-Fiqh 'ala Mazahib al-'Arba'ah menyatakan al-Salam ialah bahasa penduduk di tanah Hijjaz, manakala al-Salaf ialah bahasa penduduk Iraq. Sayyid Sabilq (2002) di dalam bukunya Fiqh al-Sunnah menyebut al-Salam dinamakan juga sebagai al-Salaf. Ianya penjualan sesuatu dengan dinyatakan sifat-sifatnya dalam tanggungan dengan bayaran segera.

Maka Bai' al-Salam adalah jual beli secara tempahan, dimana pembeli menempah barang dan melunaskan harganya. Manakala penjual menerima bayaran dan barangan yang

ditempah akan diserahkan kepada pembeli dalam suatu tempoh tertentu (Mohamad Abdul Kadir Bin Sahak, 2009). Di dalam al-Quran terkandung ayat berhubung dengan penghutang, iaitulah di dalam surah al-Baqarah ayat 282, Allah SWT berfirman :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ .

Maksudnya :

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu”

Al-Imam Ibn Kathir (1419) di dalam Tafsir al-Quran al-‘Azim menyebut satu riwayat dari Ibn ‘Abbas r.a. dimana ketika beliau menafsirkan ayat ini, Ibn ‘Abbas r.a. berkata : “Aku bersaksi bahawa al-Salam yang terjamin untuk suatu tempoh yang tertentu telah dihalalkan oleh Allah SWT dan telah diizinkan padanya, kemudian beliau membaca (ayat di atas).”

Ayat ini dijadikan dalil bolehnya jual beli salam menurut syara’ kerana ia termasuk dari jenis hutang. Ayat tersebut menerima dan membenarkan hutang, dengan itu jual beli salam juga dibenarkan (Syeikh Mustāfā Dīb al-Būghā, 2009). Ibn ‘Abbas r.a. meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad saw setelah tiba di Madinah, dalam keadaan penduduk Madinah mengamalkan tempahan terhadap buah untuk tempoh setahun, dua tahun atau tiga tahun. Lalu Baginda saw bersabda :

مَنْ أَسْلَفَ فِي شَيْءٍ فَلْيُؤَسِّفْ فِي كَيْلٍ مَّعْلُومٍ, وَوَزَنٍ مَّعْلُومٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مَّعْلُومٍ.

[Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Maksudnya :

“Sesiapa yang menjual beli sesuatu (secara) salaf (salam), hendaklah dia lakukan jual beli salaf (salam) dengan sukatan yang termaklum dan timbangan yang termaklum bagi tempoh yang juga termaklum.”

Dalam kaedah al-Salam dikenakan beberapa syarat. Antaranya berkaitan dengan harga tempahan atau bayaran (رأس المال), yang lainnya berkaitan dengan barang yang dijual dengan al-Salam (المسلم فيه). Ulama empat Mazhab telah sepakat bahawa Bai’ al-Salam ini sah dengan enam syarat (Mohamad Abdul Kadir Bin Sahak, 2009), iaitu :

- i. Hendaklah ia diketahui jenisnya.
- ii. Hendaklah diketahui sifatnya.
- iii. Hendaklah diketahui jumlahnya.
- iv. Tempoh penyerahan ditentukan.
- v. Mengetahui kadar nilai harganya.
- vi. Hendaklah tempat penyerahannya dimaklumi jika membawa barang tempahan ke sana memerlukan perbelanjaan.

b. Akad Wakalah

Wakalah atau Wikalah adalah perwakilan. Menurut bahasa, ertinya at-Tafwidh yang bermaksud penyerahan, pendelegasian dan pemberian mandat, manakala al-Hifzhu bermaksud pemeliharaan (Wahbah al-Zūhaylī, 1989).

Erti wakalah menurut istilah syari'ah berbeza dalam kalangan ulama'. Ringkasnya, wakalah adalah pemberian kekuasaan oleh seseorang kepada orang lain untuk mengerjakan hal-hal yang diwakilkan, dan perwakilan berlaku selama yang mewakilkan masih hidup (Helmi Karim, 2002). Menurut Sayyid Sabiq (2002), wakalah adalah pemberian kekuasaan oleh seseorang kepada orang lain dalam hal-hal yang boleh diwakilkan.

Wakalah hukumnya harus. Namun hukum itu berubah mengikut perkara yang diwakilkan. Jika yang diwakilkan adalah perkara yang haram, maka wakalah dalam hal ini juga menjadi haram. Begitu juga dalam permasalahan sunnah, makruh, atau wajib (Syeikh Mustāfā Dīb al-Bughā, 2009).

Keharusan akad wakalah ini berdasarkan al-Quran, as-Sunnah, dan Ijma' Ulama. Dalam al-Quran, isyarat yang menunjukkan kebolehan melakukan akad wakalah, termaktub dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Kahfi ayat 19 yang berbunyi :

فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا

Maksudnya :

"Maka suruhlah salah seorang di antara kamu untuk pergi ke kota dengan membawa uang perakmu ini".

Imam Al-Qurtubi (1964) berkata ; "Pengutusan salah seorang dari mereka dengan membawa wang menunjukkan sahnya akad wakalah. Ali bin Abi Thalib pernah mewakilkan kepada saudaranya Aqil akan sebuah urusan dengan Utsman bin Affan." Dalam hadits disebutkan riwayat Jabir bin Abdillah tentang wakalah :

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى حَيْبَرَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِذَا أَتَيْتَ وَكَيْلِي فَخُذْ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ وَسُقًا، فَإِنْ ابْتَعَى مِنْكَ آيَةً، فَضَعْ يَدَكَ عَلَى تَرَفُوتِهِ))

[Hadith Riwayat Abu Daud]

Maksudnya :

"Dari Jabir bin Abdillah ia berkata, "Aku hendak pergi menuju Khaibar, kemudian Rasulullah SAW berkata, 'Apabila engkau menemui wakilkau, maka ambillah darinya 15 wasaq, apabila ia meminta bukti darimu, letakkanlah tanganmu di tulang selangkanya."

Imam Asy-Syaukani(1993) menyebutkan bahawa hadis ini menjadi dalil sahnya wakalah dan seorang ketua boleh mewakilkan urusan zakat baik memungut mahupun menyerahkan kepada yang berhak. Transaksi wakalah terdiri dari empat rukun iaitu muwakkil, wakil, muwakkal fih, dan shighah.

Pertama, muwakkil ia adalah pihak yang melimpahkan urusan kepada orang lain untuk melakukannya sebagai pengganti dirinya (Syeikh Mustāfā Dīb al-Bughā, 2009). Secara umum disyaratkan bagi muwakkil adalah orang yang memiliki kerelaan terhadap urusan yang diwakilkan karena sebagai pemilik ataupun ataupun faktor kuasa (wilayah)(Yusuf Asy-Syubaily, 1424).

Kedua ialah wakil. Dia adalah pihak yang mengambil alih urusan orang lain. Secara umum syarat wakil adalah orang yang sah melakukan urusan yang diamanahkan, atas nama dirinya sendiri. Kemudian syarat objek (muwakkal fih) ialah (Wahbah Az-Zuhaili, 1989) :

- i. Bukan perkara yang mubah, seperti mencari kayu bakar.
- ii. Berada di bawah kuasa muwakkil, baik itu berupa barang maupun hak.

- iii. Perkara yang diwakilkan sah untuk dilimpahkan kepada orang lain secara syar'i.
- iv. Bukan perwakilan untuk berhutang, jika terjadi maka wakil yang akan bertindak sebagai orang yang berhutang.

Selanjutnya ialah sighthah. Sighthah meliputi ijab dan qabul yang menunjukkan kepada tanda keredaan. Berlakunya persetujuan dari pihak wakil dan muwakkil dari segi kata, tandatangan atau apa-apa perbuatan yang sesuai dengannya.

Perbandingan Antara EZQ dan ANE

EZQ dan ANE tidak jauh berbeza dari segi kaedah tempahan, pembayaran, bukti penerimaan dan bukti penyembelihan. Kedua-dua syarikat akan mengeluarkan sijil penyertaan korban atau akikah dan diposkan kepada setiap peserta korban dan akikah. Sistem yang sama juga digunakan dalam laman web syarikat iaitu pendaftaran ahli dan tempahan. Kedua-dua syarikat juga mengaplikasikan jenis muamalat yang sama iaitu Jual Beli Bertanggung (Bai` as-Salam) dan menggunakan akad Wakalah .

Jika dilihat pada statistik kedua-dua syarikat ini, bilangan penyertaan agak jauh berbeza. Hal ini kerana pendekatan dan konsep yang digunakan agak berbeza oleh kedua-dua syarikat dalam menjalani proses korban dan akikah. EZQ lebih ke arah berkonsep pengurusan semata-mata manakala ANE berkonsep penternakan dan perkhidmatan sembelih sendiri di kandang. EZQ tidak mempunyai kandang atau tempat penyembelihan sendiri seperti ANE., namun EZQ hanya melakukan aktiviti penyembelihannya di luar negara.

EZQ mengambil lembu dari negara yang terlibat itu. Disembelih disana dengan khidmat tenaga juga dari penduduk atau NGO disana. Justeru, kelebihan EZQ ialah boleh melakukan korban dan akikah dimana-mana sahaja tanpa ada batasan jarak dan tenaga. Perbezaan yang ketara ialah EZQ membawa keluar tempahan masyarakat Malaysia manakala ANE menguruskan tempahn dari masyarakat luar ke dalam Malaysia. Keduanya mempunyai kelebihan tersendiri.

Konsep yang diamalkan EZQ dilihat lebih meluas pasarannya jika dibanding dengan ANE yang terhad kepada tenaga kerja syarikat, kemampuan kandang untuk penempatan lembu dan kambing, dan tempoh masa yang terhad untuk menyempurnakan sembelihan. Namun begitu, ANE dilihat berpotensi untuk meneraju industri penternakan dan perkhidmatan kordan dan akikah di Malaysia apabila pasaran dan tempahan dari luar negara mula berkembang dan tersebar. Maka ketika itu ANE harus mula membuka cawangan dan tempat yang baru demi memenuhi permintaan global.

Selain itu, EZQ dan ANE juga berbeza pada konsep pengagihan daging. EZQ lebih kepada konsep memindahkan daging ke luar negara demi memberi makan kepada masyarakat yang benar-benar miskin dan susah di negara tersebut. Sedang ANE lebih kepada konsep sembelihan dan agihan di daerah sendiri ialah yang paling afdhal sebagaimana hadith yang telah disebutkan sebelum ini. ANE akan mengagihkan daging ke madrasah-madrasah, surau-surau di kampung, masjid-masjid dan penduduk-penduduk perumahan yang berhampiran. Disisi syara`, kedua-duanya dibenarkan dan membawa kebaikan pada umat Islam.

Penutup

EZQ dan ANE merupakan dua buah syarikat besar yang berpengaruh dalam industri korban dan akikah ini. Masing-masing mempunyai konsep dan pendekatan yang tersendiri dalam menguruskan perkhidmatan korban dan akikah ini. Jika setiap daripada syarikat ini berjaya menguruskan organisasi dengan baik dan telus, maka syarikat ini pasti akan dapat dikembangkan dan akan menjadi tunggak dalam industri perternakan dan penyediaan perkhidmatan korban dan akikah ini.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. (1995). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Cetakan 6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Baijūrī, Burhanuddin Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad. (2010). *Hasyiah al-Syeikh Ibrahim Al-Baijuri*. Jilid ke-4. Kaherah: Maktabah al-Syurq al-Dawliyyah.
- Al-Bughā, Syeikh Mustāfā Dīb. (2009). *Terjemahan Al-Fiqh Al-Manhaji `Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*. (cetakan ke-5). Negeri Sembilan, Malaysia.
- Al-Khātīb, Muhammad ibn Muhammad al-Sharbīnī. (1995). *al-`Iqna' fī Halli `Alfaz `Abi Shuja'*. Damasyik: Dar al-Fikr.
- Al-Khātīb, Muhammad ibn Muhammad al-Sharbīnī. (1995). *Mughni Muhtaj*. Beirut: Darul Kutub al-`Alamiyyah.
- Al-Zūhaylī, Wahbah Bin Musthafa. (1989). *al-Fiqh al-Islāmi wā Adillatub*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan*. Edisi Ke-4. Hulu Kelang: DBP Publications.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah. (1993). *Nail al-Authar*. Mesir: Dar al-Hadits.
- Al-Qurthubi, Abu 'Abdullah Muhammad ibn Ahmad. (1964). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Mishriyah.
- Helmi Karim. (2002). *Fiqh Muamalah*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Al-Tihami, Sayyid Sabiq. (2002). *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Al-Maktabah al-`Asyriah.
- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar. (1419). *Tafsir al-Quran al-`Azim*. Beirut: Daril Kutub al-`Alamiyyah.

BAB 23

METODOLOGI PERLETAKKAN TITIK DAN BARIS DALAM MASHAF AL-QURAN

Wan Hakimin Wan Mohd Nor

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Mushaf uthmani merupakan satu-satunya versi mushaf yang diperakui kesahihannya. Ia mempunyai kaedah penulisan rasm dan *dhabt* tersendiri berlainan dengan kaedah *qiasi* yang digunakan dalam penulisan Bahasa Arab biasa. Begitulah keadaan mushaf-mushaf uthmani yang mengalami berbagai-bagai perubahan titik dan baris bermula zaman Rasulullah SAW sehinggalah zaman sekarang. Jumhur ulama' juga berpendapat bahawa kesemua pembaharuan tersebut harus dilakukan, malah dalam suasana ketika ini, ada di antara tanda tersebut dikira wajib untuk diletakkan kerana tanpanya kebanyakan umat Islam akan menghadapi kesukaran untuk membaca al-Quran. Walaupun *dhabt* merupakan suatu yang bersifat ijtihadi, namun penggunaannya telah dititik beratkan oleh masyarakat Islam selepas era sahabat r.a untuk kemudahan pembacaan al-Quran.

Kertas kerja ini bertajuk Metodologi Perletakkan Titik Dan Baris Dalam Mashaf Al-Quran di mana terdiri daripada lima tahap perubahan tanda titik dan baris dalam mashaf *rasm uthmani* yang memberi kesan yang sangat positif kepada kita umat Islam pada hari ini. Kajian ini termasuk dalam kategori perbincangan ilmu *dhabt al-Quran* dan *rasm al-Quran* dan dikenali sebagai *nuqt al-'Arab* dan *nuqt Ijam*. Perkembangan titik dan baris mengalami beberapa fasa perkembangan sebelum ia diberi tanda secara rasmi dalam mashaf-mashaf al-Quran.

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji metodologi perletakkan titik dan baris dalam al-Quran yang digunapakai dalam mushaf al-Quran. Kajian ini turut menjelaskan kronologi perkembangan mashaf al-Quran, revolusi, sebab dan faktor perletakkan titik dan baris dalam penulisan mashaf al-Quran yang akan dibahaskan semenjak bermulanya penurunan al-Quran sehingga pada zaman kini.

Perkembangan Al-Quran Pada Zaman Rasulullah ﷺ Dan Sahabat

Pengumpulan al-Quran pada zaman Rasulullah ﷺ merujuk kepada penulisan dan hafalan al-Quran yang berlaku pada zaman tersebut. Ini kerana, sejarah pengumpulan al-Quran pada zaman tersebut berlaku dalam dua bentuk tersebut dan terus berkembang sehingga ke hari ini dalam bentuk mashaf al-Quran.

Lantaran Rasulullah seorang yang *ummi* iaitu tidak tahu menulis dan membaca, maka baginda sentiasa menghafal dan bergantung kepada kekuatan ingatan untuk menjaga setiap wahyu yang diturunkan kepada baginda. Baginda menghafal keseluruhan wahyu yang diturunkan dan membaca serta menyampaikan kepada para sahabat dengan cara bacaan yang tartil. Selain itu juga, baginda menafsirkan dan menjelaskan rahsia ayat yang diterima itu supaya dapat difahami dengan jelas maksud yang dikehendaki (Rosmawati Ali, 2010).

Sebelum kewafatan baginda, keseluruhan al-Quran telah ditulis, tetapi tidak dihimpun dalam satu mashaf. Ini kerana baginda tidak pernah memerintahkan supaya al-Quran ditulis dalam satu mashaf di atas dua sebab iaitu:

- i. Para sahabat lebih cenderung untuk menghafaz dan membacanya berbanding terus menulis atau mencatat disebabkan kesukaran untuk mendapatkan peralatan menulis dan sebagainya.
- ii. Baginda menjangkakan turunnya ayat yang memansuhkan setengah hukum atau memansuhkan bacaan setengah ayat.

Tambahan itu, Rasulullah tidak hanya menumpukan kepada usaha pemeliharaan al-Quran melalui hafalan semata-mata, bahkan baginda telah mengarahkan beberapa orang sahabat yang dilantik sebagai penulis wahyu iaitu *kbulafa' al-rasyidin*, Zaid Bin Thabit, Muawiyah Bin Abi Sufian, Aban Bin Said, Khalid al-Walid, Ubai Bin Kaab dan Thabit Bin Qais untuk menulis wahyu pada pelepah kurma, kepingan batu, kulit binatang, perca kain dan sebagainya (Manna' al-Qattan, 2015).

Selepas kewafatan baginda, Saidina Abu Bakar telah dilantik sebagai khalifah untuk meneruskan tugas-tugas baginda. Pada masa itu, telah berlaku peperangan yang menyebabkan seramai 70 orang penghafal al-Quran telah syahid. Peperangan itu dikenali sebagai peperangan al-Yamamah. Saidina Umar Al-Khatab telah bercadang untuk mengumpulkan al-Quran dalam satu mashaf kerana bimbang al-Quran turut hilang bersama-sama para huffaz yang syahid tetapi Saidina Abu Bakar tidak mempersetujuinya. Setelah diupujuk akhirnya Saidina Abu Bakar menerima cadangan ini dan menyuruh Zaid Bin Thabit untuk mengumpulkan al-Quran dalam satu mashaf dan ianya digunakan sehinggalah ke zaman Saidina Uthman bin Al-Affan.

Pada zaman pemerintahan Saidina Uthman, negara Islam semakin meluas dan banyak wilayah lain telah ditakluki. Para sahabat telah dihantar ke kota-kota takluk untuk berdakwah mengajar membaca al-Quran. Hal ini menyebabkan wujudnya ketidakseragaman bacaan di antara penduduk sebuah kota dengan kota yang lain. Huzaifah telah memberikan cadangan kepada Saidina Uthman untuk menyatupadukan kaum muslimin dengan cara menyelaraskan mashaf agar tidak berlaku perselisihan. Saidina Uthman telah membentuk satu organisasi yang diketuai oleh Zaid bin Thabit dan dibantu oleh beberapa anggota yang lain iaitu Abdullah bin Zubair, Said Bin al-'As dan Abd al-Rahman bin Al-Harith untuk melakukan penulisan dan penyalinan semula al-Quran.

Lembaran al-Quran diambil daripada anak Saidina Abu Bakar iaitu Saiditina Hafsa sebagai sumber utama. Saidina Uthman telah meletakkan panduan bahawa rujukan didalam penulisan ini hendaklah berdasarkan bacaan para Qurra' yang mutawatir. Penulisan dan penyalinan ini sebanyak enam mashaf termasuk satu mashaf yang dinamakan "mashaf al-Imam" untuk kegunaan Saidina Uthman sendiri. Dan selebihnya di hantar ke kota Mekah, Sham, Kufah, Basrah dan Madinah.

Kesimpulannya pada tahap pertama ini masih belum wujud sebarang tanda iaitu titik dan baris di dalam mashaf al-Quran. Ini tidak menjadi masalah kepada para sahabat kerana mereka sememangnya telah menerima dan bertalaqqi al-Quran secara langsung daripada Rasulullah ﷺ. Para sahabat mampu membaca tanpa sebarang titik dan baris kerana sekiranya wujud permasalahan mereka boleh terus berjumpa dengan Rasulullah.

Kemunculan *Nuqt Al-I'rab* Pada Zaman Umayyah

Pada zaman pemerintahan Muawiyah bin Abi Sufian, semakin ramai orang yang bukan berbangsa Arab memeluk agama Islam. Dengan sebab itu, antara masalah yang mula-mula sekali berlaku dalam kalangan mereka ialah apabila mereka membaca al-Quran yang tidak mempunyai titik dan baris. Keadaan ini akan menjejaskan sebutan-sebutan ayat al-Quran dan mengubah maksudnya yang asal. *Nuqt al-I'rab* bermaksud suatu tanda yang menunjukkan harakah (baris), *sukun* (mati), *syadd* (sabdu), *mad* (panjang) atau sebagainya.

Satu riwayat menceritakan bahawa pada zaman ini, Muawiyah bin Abi Sufian telah mengarahkan Ziyad bin Abi Sufyan yang menjadi gabenor Basrah pada ketika itu supaya beliau menghantar anaknya Ubaidillah bin Ziyad untuk menghadapnya. Dalam pertemuan itu, Muawiyah mendapati terlalu banyak kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh Ubaidillah dalam pertuturannya. Oleh itu, sewaktu Ubaidillah dihantar pulang, Muawiyah telah mengutus sepucuk surat kepada Ziyad dengan mengecam beliau kerana membiarkan anaknya bertutur tanpa mengikut tatabahasa yang betul.

Setelah membaca surat itu, Ziyad terus memikirkan cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kemudian beliau memanggil Abu al-Aswad al-Du'ali iaitu seorang ulama al-Quran yang terkemuka pada ketika itu, lantas bertanya kepada beliau "Sesungguhnya Bahasa Arab telah dicemari dan dimasuki unsur-unsur yang merosakkan. Bolehkah anda menciptakan sesuatu yang dapat dijadikan panduan bagi orang ramai mengawal bahasa mereka dari tersalah sehingga mereka boleh membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul?". Akan tetapi pada permulaanya Abu al-Aswad al-Du'ali enggan menerima cadangan tersebut, tanpa sebab tertentu.

Keputusan Abu Aswad itu tidak mengecewakan Ziyad, beliau terus memikirkan cara untuk lebih meyakinkan Abu al-Aswad agar beliau mencipta sesuatu yang boleh menyelesaikan permasalahan tersebut. Akhirnya beliau menyuruh seorang lelaki duduk di tepi jalanyang biasa dilalui oleh Abu al-Aswad dan berkata kepadanya " Bila Abu al-Aswad lalu dihadapanmu, kamu bacalaha sepotong ayat al-Quran dan lakuakn sedikit kesilapan" Kemudian lelaki itu duduk di tepi jalan dan apabila Abu al-Aswad melintas dihadapannya, beliau membaca firman Allah dari surah at-Taubah pada ayat 187: iaitu dengan baris *kasrah* pada huruf lam. Apabila Abu al-Aswad mendengar bacaan lelaki tersebut, beliau sangat terperanjat lalu berkata "Maha suci Allah memutuskan tanggungjawab terhadap Rasul-Nya". Kemudian beliau segera pergi bertemu Ziyad dan berkata kepadanya "baiklah, saya sanggup memenuhi permintaan tuan.

Untuk membantu beliau dalam melaksanakan tugas ini, beliau telah memilih seorang lelaki yang berilmu dari qabilah 'Abd al-Qays dan berkata kepadanya "Ambil sebuah mashaf dan sebuah bekas cat yang warnanya berlainan dari warna tulisan mashaf itu, apabila aku buka kedua bibirku letakkan satu titik di atas huruf itu, bila aku himpulkan (bulatkan) kedua-duanya kemudian letakkan satu titik dihadapannya, apabila aku pecahkan (buka) kedua-duanya, letakkan satu titik di bawahnya dan apabila aku sertakan dengan *ghunnah* letakkanlah dua titik". Abu al-Aswad bersama lelaki itu memulakan usaha itu dari awal mashaf sehingga ke akhirnya.

Riwayat ini memberi gambaran bahawa telah bermula metodologi perletakkan titik iaitu satu perubahan di dalam mashaf. Abu al-Aswad telah menggunakan dakwat yang berwarna merah untuk membezakan dengan tulisan mashaf yang berwarna hitam. Titik-titik (baris-baris) ini dinamakan *Nuqt al-I'rab*. Fungsi titik merah itu adalah sebagai baris (harakah) supaya para pembaca al-Quran tidak tersilap atau keliru ketika membaca al-Quran (Muhammad Salim Muhaisyn, 2002).

Kemunculan *Nuqt Al-I'jam* Pada Zaman Umayyah

Pada zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan, semakin banyak negara Islam yang baru didirikan. Agama Islam yang merupakan agama yang benar dan sesuai untuk semua bangsa manusia terus diterima dan dianuti. Dengan kemasukan ramai orang yang bukan bangsa Arab (*a'jam*) ke dalam agama Islam, maka timbullah beberapa masalah berkaitan dengan Bahasa Arab.

Oleh kerana orang-orang *a'jam* tidak dapat membezakan antara huruf-huruf yang *mu'jam* (huruf yang mempunyai titik) dengan yang *mubmal* (huruf yang tidak mempunyai titik), maka seringkali terjadi kesalahan apabila mereka bertutur dalam Bahasa Arab. Malahan hal ini lebih membimbangkan sekiranya kesalahan tersebut terjadi pada ayat-ayat

al-Quran yang mereka baca. Justeru itu, Khalifah Abdul Malik memerintahkan al-Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi, gabenor di Iraq pada ketika itu mencipta sesuatu yang boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi ini.

Untuk melaksanakan tugas ini, al-Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi telah melantik dua orang ulama yang pakar dalam Bahasa Arab dan ilmu Qiraat, iaitu Nasr bin 'Asim dan Yahya bin Ya'mar untuk mencipta sesuatu tanda dalam mashaf. Kedua-dua menerima tugas tersebut demi untuk kemaslahatan umum dan menjaga keutuhan kitab suci al-Quran itu sendiri. Mereka melaksanakannya dengan mencipta titik-titik yang boleh membezakan antara satu huruf dengan huruf yang lain. Titik-titik itu ditulis dengan menggunakan dakwat yang sama warna dengan tulisan mashaf, supaya ia dapat dibezakan dengan titik-titik (baris harakat) yang direka oleh Abu al-Aswad al-Du'ali.

Pada tahap ini, berlaku satu lagi pembaharuan perkembangan titik dan baris dalam mashaf. Nasr bin 'Asim dan Yahya bin Ya'mar telah mencipta satu titik yang berwarna hitam untuk bersamaan dengan warna tulisan mashaf supaya ia berbeza dengan titik *Nuqt al-I'rab*. Titik ini dinamakan sebagai *Nuqt I'jam* dan bertujuan untuk membezakan huruf dengan huruf yang lain (Abd Rahman & Mustafa Abdullah, 2002).

Namun begitu, bagi huruf "ya" terdapat lima keadaan yang tidak diletakkan titik (Muhammad Salim Muhaisyn, 2002) iaitu:

1. Apabila huruf "ya" berada diujung kalimah. (محيى)
2. Apabila kedudukan huruf "ya" diganti dengan huruf hamzah. (ئلا)
3. Apabila huruf "ya" diganti kedudukannya dengan huruf lain sama ada ditengah atau diakhir. (هدىهم)
4. Apabila huruf "ya" dihapuskan kerana terkumpul dua "ya". (النبين، يستحي)
5. Apabila huruf "ya" berfungsi sebagai silah atau huruf ilhaq. (فيه هدى)

Perkembangan Harakat Baris Pada Zaman Abbasiyah

Pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyyah perkembangan pendidikan lebih pesat dari kerajaan Umayyah. Ini kerana berlaku banyak pemberontakan khususnya dari golongan Syiah ketika zaman Umayyah. Maka pada zaman Umayyah, para khalifah menumpukan perhatian dalam penyebaran Islam dan membuka wilayah-wilayah baru. Sebaliknya, pada zaman Abbasiyah, kerajaan Islam telah kukuh 2/3 dunia dan usaha lebih tertumpu kepada penguatan sistem pendidikan dan ekonomi.

Pada zaman ini, telah lahir seorang imam yang sangat berilmu yang bernama al-Khalil bin Ahmad al-Basri. Beliau telah mengubah bentuk baris-baris yang dicipta oleh Abu al-Aswad kepada bentuk yang digunakan sekarang. Al-Khalil bin Ahmad merupakan orang yang pertama memulakan pembaharuan ini (Daud Ismail, 2005).

Sebagaimana yang diketahui bahawa pada peringkat permulaan, baris-baris al-Quran adalah berupa titik-titik yang diletakkan pada setiap huruf yang berbaris. Pada zaman Abbasiyah, keadaannya telah diubah menjadi lebih kemas dan elok serta mudah difahami.

Asal usul tanda bars dan titik yang dimaksudkan adalah:

- I. **Fathah** (baris atas): Bentuk asal yang diletakkan adalah berupa alif kecil yang melintang dari kanan ke kiri. Baris ini diletakkan di atas huruf-huruf yang berbaris. Bentuk ini mengalami sedikit perubahan pada zaman selepas beliau kepada keadaan melintang serta sedikit condong.
- II. **Kasrah** (baris bawah): Bentuk asalnya adalah berupa huruf ya' kecil yang tertolak ke belakang seperti yang diletakkan di bawah huruf yang berkenaan selepas kepala huruf ya' itu dibuang. Bentuk ini juga mengalami sedikit

perubahan seperti baris *fathab* selepas zaman beliau dimana keadaanya dicondongkan sedikit.

- III. **Dammah** (baris hadapan): Bentuk asalnya adalah berupa wau kecil yang diletakkan di atas huruf yang berbaris. Ada juga pendapat mengatakan diletakkan di hadapan atau di sebelah huruf yang berbaris, namun pendapat ini adalah pendapat yang lemah.
- IV. **Tanwin** (baris dua): Bentuk asalnya sama seperti *fathab*, *kasrah* dan *dhammah*. Cuma ditambah di bahagian atasnya dengan satu baris yang sepertinya. Para ulama' mberbeza pendapat tentang bentuk-bentuk *tanwin* iaitu *al-Tarqib* atau *al-Itba'*.
- V. **Sukun** (tanda mati): Para ulama berselisih pendapat mengenai huruf yang *sukun*, sama ada ia perlu diberikan tanda atau tidak. Ulama' Iraq berpendapat bahawa setiap huruf yang *sukun* tidak perlu diletakkan sebarang tanda. Tetapi kebanyakan ulama' pula berpendapat bahawa sesuatu tanda perlu diletakkan untuk menunjukkan bahawa huruf tersebut *sukun*.

Terdapat lima pendapat yang membahaskan asal tanda *sukun*:

1. Diambil daripada kepala huruf *ka*. Pendapat ini paling rajih.
2. Diambil daripada kepala huruf *Ha'*.
3. Diambil daripada huruf kepala *Jim*.
4. Bulatan kecil diambil daripada tanda kosong yang membawa maksud sunyi.
5. Berupa huruf *ha'* simpul.

- VI. **Syaddah**: Tanda *syaddah* diambil daripada kepala *ysin*.

Maka pada zaman ini berlaku perubahan besar terhadap rupa bentuk baris (*harakah*) al-Quran. Baris-baris ini telah diubah oleh al-Khalil Ibn Ahmad daripada bentuk titik *Nuqt 'Arab* kepada *harakah* (Muhammad Salim Muhaisyn, 2005).

Perkembangan Penulisan Khat Pada Zaman Abbasiyah

Menjelang pada akhir abad yang ke-3H, bentuknya sudah semakin bertambah indah dan cantik kerana pada ketika itu ramai orang yang mahir dalam penulisan khat telah dapat dilahirkan dan mereka dipilih untuk menulis mashaf-mashaf al-Quran.

Satu riwayat telah menyatakan bahawa Khalifah al-Walid telah memilih Khalid bin al-Hayyaj untuk menulis mashaf-mashaf pada zaman pemerintahannya kerana beliau sangat terkenal dengan keindahan khatnya. Beliau juga adalah merupakan penulis khat pada mihrab yang terdapat dalam masjid *al-Nabawi di Madinah al-Munawwarah*.

Penulis khat mashaf al-Quran yang mashur pada zaman sekarang adalah Syeikh Uthman Taha. Beliau adalah seorang pakar khat Arab yang telah menulis tulisan tangan Mashaf al-Madinah, iaitu al-Quran yang diterbitkan oleh Kompleks Percetakan al-Quran Raja Fahd. Beliau dilahirkan pada tahun 1934 di Aleppo, Syria. Beliau telah menyalin 6 variasi teks yang berbeza termasuk *Warsb* (Maghribi dan Algeria), *Hafs* (seluruh dunia), *al-Duri* (Afrika dan Sudan) dan *Qalun* (Libya) (Dr Bakri Syaykh Amin, 1979).

Berikut adalah tahap perkembangan perubahan bentuk tulisan mashaf al-Quran:

1. Khat *Anbari*
2. Khat *Hijazi*
3. Khat *Kufi*

4. Khat *Andalus*
5. Khat *Nasakh*

Pendapat Ulama' Berkenaan Baris Dan Titik

Berhubung dengan penambahan yang berlaku, para ilmuwan berselisih pendapat berkenaan hukum melakukan pembaharuan-pembaharuan itu:

1. Makruh yang tidak digalakkan
Pendapat yang dipegang oleh sebahagian daripada ilmuwan yang terdahulu. Terdapat juga di kalangan mereka yang mengatakannya haram dan ditegah sama sekali kerana ditakuti membawa perubahan di dalam al-Quran. Mereka berhujah berpandukan kata-kata Ibn Mas'ud, "tulishlah olehmu al-Quran dan jangan kamu campur adukkan dengan perkara-perkara yang bukan daripadanya".
2. Perlu dan dibolehkan
Pendapat ini dipegang oleh kebanyakan ulama'. Imam al-Nawawi yang merupakan seorang ulama besar dalam mazhab Syafie juga berkata "*Nuqt mashaf* dan *syakl* wajar dipraktikkan ke dalam mashaf kerana ia mampu menjaga pembacaan daripada kesalahan (*lahn*) dan perubahan, al-Hassan dan Ibn Sirin berpendapat tiada larangan untuk meletakkan tanda titik ke dalam mashaf. Imam Malik mengharuskan penambahan tanda-tanda ini didalam mashaf yang dikhususkan untuk kanak-kanak dan juga untuk orang yang baru mempelajari al-Quran, manakala ianya dilarang bagi mashaf yang asal. Pendapat kedua adalah lebih *rajih* dan terbaik kerana adanya penambahan tanda-tanda ini akan menimbulkan ketekunan dalam pembacaan al-Quran.
3. Perlu kepada orang yang baru mempelajari al-Quran sama ada kanak-kanak ataupun dewasa tetapi haram dilakukan pada mashaf-mashaf yang ditulis lengkap 30 juzuk (Ammar Fadzil, 2006).

Penulisan Kaedah *Rasm Uthmani* Dan Kaedah *Rasm Imla'i*

Kaedah penulisan al-Quran ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kaedah *istilabi/uthmani* dan kaedah *qiasi/imla'i*. Kaedah *uthmani* merupakan kaedah penulisan al-Quran mengikut gaya penulisan yang telah disepakati pada khalifah Islam yang ketiga iaitu Uthman ibn Affan. Kaedah *istilabi*, iaitu yang menyalahi penulisan biasa atau yang mengikut penulisan kaedah tertentu. Kaedah penulisan *istilabi* terbahagi kepada enam bahagian iaitu *Badl* (ganti), *Ziyadah* (tambah), *Hazf* (padam), *al-Wasl* dan *al-Fasl* (sambung dan bercerai), kalimah yang mempunyai qiraat berbeza dengan penulisan hamzah (Abu Mardhiyah, 2007).

Manakala kaedah *imla'i* pula, merupakan kaedah berasaskan kaedah penulisan bahasa Arab biasa. Kaedah ini berteraskan kaedah ejaan dan bunyian huruf (pertuturan). Dikenali juga dengan *rasm Qiasi* kerana penulisannya berdasarkan sebutan. Melihat kepada struktur kaedah *Imla'i* yang berteraskan keadaan ejaan maka kaedah sebegini didapati tidak sesuai untuk penulisan mashaf kerana sering berubah-ubah mengikut perkembangan semasa (Asyraf Hj Ab Rahman, 2017).

Hal yang demikian terdapat tiga khilaf ulama' dalam menentukan penggunaan kaedah *imla'* dan kaedah *uthmani* pada hari ini:

- a) Pendapat Pertama: Wajib dipakai kaedah uthmani. Antara mereka yang berpendapat ialah jumhur ulama salaf dan khalaf.

Dalil pendapat pertama:

- Rasulullah mempunyai beberapa orang penulis wahyu. Mereka telah menulis seluruh al-quran dengan menggunakan resam ini. Rasulullah telah merestui tulisan ini. Waktu Rasulullah wafat, seluruh isi al-quran telah tertulis mengikut kaedah yang tertentu tanpa sebarang perubahan dan pindaan. Walaupun al-quran telah disalin semula dan dikumpulkan dalam satu mashaf pada zaman Abu Bakar dan Uthman tetapi al-Quran disalin dengan menggunakan kaedah ini. Kaedah imla' tu rata-rata dipakai orang untuk menulis buku-buku yang selain dari al-Quran. Maka tidak harus dilakukan sebarang perubahan pada penulisan. Jumhur ulama, mewajibkan untuk kita menggunakan kaedah uthmani (Abdul Fattah al-Qadhi, 2003).

- b) Pendapat Kedua: Harus ditulis Mashaf mengikut kaedah *imla'i* yang terpakai pada zaman sekarang dan tidak semestinya mengikut kaedah-kaedah lama (*uthmani*). Antara mereka yang menyokong pendapat ini ialah Ibn Khaldun dan Qadhi al-Baqilani.

Dalil pendapat kedua:

- Kaedah-kaedah atau *rasm* adalah untuk membezakan tanda-tanda. Setiap *rasm* dan bentuk tulisan itu adalah menunjukkan satu kalimah atau perkataan.
- Penulisan *mashaf uthmani* mungkin mengelirukan orang ramai dan tidak dapat membacanya dengan betul dan tepat.
- Tidak ada satu hadis atau dalil yang mengatakan Rasulullah ﷺ, *ijma'* atau *qias* yang menghalang daripada menulis mengikut satu kaedah *rasm* tertentu.

- c) Pendapat ketiga: Untuk pembacaan ramai wajib ditulis dengan kaedah-kaedah *imla'i* dan boleh ditulis dengan kaedah lama (*uthmani*) untuk orang-orang yang tertentu sahaja. Antara mereka yang berpendapat sedemikian ialah Imam Badruddin al-Zarkasyi dan Sheikhul Islam al-Aziz bin Abdul Salam.

Dalil pendapat ketiga:

- Penulisan mashaf al-quran menurut resam Uthmani menyukarkan orang ramai dan menyebabkan mereka mengubah bacaan ayat-ayat al-Quran dengan menambah atau mengurangkan sesuatu darinya. Mereka berkata “Namun begitu, wajib juga dipelihara *rasm uthmani* ini kerana ia merupakan warisan datuk nenek kita. Bahkan hendaklah dipelihara dengan baik di tangan cendekiawan yang mana setiap zaman tidak sunyi daripada mereka.

Kesimpulan

Mashaf uthmani ini satu-satunya versi mashaf yang diperakui kesahihannya. Ia mempunyai kaedah *rasm* dan *dhabt* tersendiri berlainan dengan kaedah *qiasi* yang digunakan dalam penulisan Bahasa Arab biasa. Begitulah keadaan *mashaf-mashaf uthmani* yang mengalami berbagai-bagai perubahan titik dan baris bermula zaman Rasulullah ﷺ sehingga sekarang.

Majoriti ulama' juga berpendapat bahawa kesemua pembaharuan tersebut harus dilakukan, malah dalam suasana ketika ini, ada diantara tanda tersebut dikira wajib untuk diletakkan kerana tanpanya kebanyakan umat Islam akan merasai kesukaran untuk membaca

al-Quran. Walaupun ilmu *dhabt* merupakan suatu yang bersifat *ijtihadi*, namun penggunaannya telah dititik beratkan oleh masyarakat Islam selepas era Sahabat r.a untuk kemudahan pembacaan al-Quran. Lebih-lebih lagi masyarakat Islam pada hari ini, mereka kebanyakan tidak mampu menguasai Bahasa Arab dengan baik. *Dhabt* berperanan memudahkan pembacaan al-Quran dengan betul dan menepati hukum-hukum tajwid. Bagi mengelakkan daripada berlakunya salah bacaan, ilmu *dhabt* sangat diperlukan agar dapat membezakan antara huruf bersabdu (*musyaddad*) dengan huruf tidak bersabdu (*mukhaffaf*), huruf mati (*sakin*) dengan huruf berharis (*muharrik*), dan sebagainya.

Menurut Hassan al-Azhari, seseorang yang mengetahui istilah *dhabt*, dapat membaca al-Quran dengan betul walaupun kurang mendalami ilmu tajwid. Maka jelaslah bahawa pembaharuan yang dilakukan (*dhabt*) sangat memberi kesan yang baik kepada umat Islam pada masa kini.

Rujukan

Al-Quran Karim.

Dr. Rosmawati Ali @ Mat Zin. *Pengantar Ulum Al-Quran*. Cetakan: Pustaka Salam SDN. BHD.

Ismail, D., Hj. Ab Rahman, A., Wan Ahmad, W., & Adam, F. (2004). Dabt Mashaf Uthmani: Perkembangan, Permasalahan dan Kaitannya dengan Pembangunan Sosial di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 20, 125-144.

Muhammad Salim Muhaysin. (1959). *Irshad al-Talibin ila Dabt al-Kitab al-Mubin*. Penerbit: al-Maktabah al-Azhariyah lil-Turath.

Manna' al-Qattan. (2000). *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Cetakan: Maktabah Wahbah. Kaherah: Mesir.

Al-Sabuni, Muhammad Ali. (2012). *Al-Tibyan fi 'Ulum al-Quran*. Cetakan: al-Maktabah al-'Asriyyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

Hj Abd Ghani, A., & Abdullah, M. (2002). *Pembaharuan dalam Mashaf Rasm 'Uthmani: Suatu Sorotan Sejarah*. *Jurnal Usuluddin*, 16, 105-118.

Abu Mardhiyah. (2007). *Tajwid Al-Quran Qiraat 'Aashim - Riwayat Hafsh Toriq al-Syatibi*. Penerbit: al-Jenderaki Enterprise.

Ab Rahman, Asyraf & Ismail, Daud. (2016). *Mashaf Imla'i dan Implikasinya dalam Pembacaan Al-Quran = Imla'i Mashaf and It's Implication in Reading Al-Quran*. 'Ulum Islamiyyah Journal. 43-55. 10.12816/0029102 Tarikh Mashaf As-Syarif.

Ammar Fadzil. (2006). *Anatomi al-Quran Mengenai Ilmu, Sejarah dan Kandungan al-Quran*. Penerbit: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdul Fattah al-Qadhi. (2003). *Tarikh Mashaf Al-Syarif*. Penerbit: Jumhuriyah Mesir Arabiah al-Azhar

BAB 24

SIMPTOM STRES YANG DIALAMI KETIKA SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN ERA COVID 19: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA PELAJAR USIM DAN KUIS

Zainora Daud, Norazman Alias, Anuar Hasin,
Noorhasnira Ibrahim

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pendahuluan

Covid 19 ialah penyakit Korona Virus merupakan nama rasmi bagi novel Korona Virus 2019 menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia WHO. Covid 19 adalah Co singkatan bagi Corona, Vi pula perkataan virus dan D untuk penyakit iatu Disease. Penyakit ini merupakan keluarga besar virus yang boleh menjejaskan saluran pernafasan an menyebabkan gejala-gejala seperti selsema dan jangkitan saluran pernafasan secara akut. Tragedi yang berlaku di Wuhan, China pada hujung Disember 2019 merupakan kes pertama penyakit ini telah dikenalpasti berpunca daripada sebuah pasar makanan laut. (Covid 19, www.pnm.gov.my). Coronavirus adalah kumpulan virus yang menyebarkan penyakit kepada mamalia, termasuk manusia dan burung. Ia ditemui pertama kali pada tahun 1960, coronavirus mendapat Namanya daripada bentuknya yang seakan-akan mempunyai mahkota. Dengan sebab itu ia dinamakan corona yang membawa maksud mahkota atau crown. (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2020).

Manakala kes positif pertama yang telah dikesan di Malaysia berpunca daripada para pelancong China yang membawa virus ini dari negara mereka dengan memasuki pintu negara melalui Singapura pada 25 Januari 2020. (Corona Virus, www.reuters.com/article/china-health-malaysia). Gelombang pandemik Covid 19 di Malaysia mencatatkan kadar pergerakan turun naik kes positif dan peningkatan angka korban sejak mutaakhir ini dengan data statistik menunjukkan bahawa sehingga pertengahan November 2020, jumlah keseluruhan kes positif virus ini seramai 45,095 orang dengan kes kematian sebanyak 304 orang (Statistik Covid19, <http://covid-19.moh.gov.my/terkini>). Olehkerana wabak ini merebak amat pantas sehingga meragut ratusan nyawa manusia di Malaysia. Kerajaan Malaysia memperkenalkan pelbagai strategi antaranya mewajibkan pemakaian pelitup mata berkuatkuasa pada 1 Ogos 2020, penggunaan aplikasi MySejahtera Check-in, pemakaian gelang pengawasan dan lain-lain. (<http://covid-19.moh.gov.my/>).

Kerajaan juga mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan pada 16 Mac 2020 serta diteruskan dengan pelbagai fasa merangkumi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang bermula pada 4 Mei 2020 bagi mengekang penularan virus ini sehingga memberi implikasi yang besar kepada semua sektor termasuk sektor pendidikan seperti arahan mewajibkan penutupan institusi pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia bersama pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara serta Jabatan Perdana Menteri juga telah bersetuju mengambil satu langkah drastik dengan mengeluarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan Jangkitan COVID-19 bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas. (Garis Panduan Pengurusan dan Pembukaan Sekolah, <http://covid-19.moh.gov.my/>).

Penutupan institusi pendidikan tidak terhad kepada sekolah sahaja tetapi merangkumi semua peringkat iaitu bermula dari taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk

sekolah harian, berasrama penuh, antarabangsa dan pusat tahfiz, institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti serta penutupan semua universiti awam (UA) dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mencadangkan agar memanfaatkan penggunaan teknologi pendidikan secara sepenuhnya untuk memastikan sistem pendidikan dapat berjalan seperti biasa tetapi dalam platform pengajaran dan pembelajaran norma baharu iaitu dalam talian atau secara maya. (Abdul Halim Abdullah, COVID-19 Buka Mata Warga Pendidik, Pelajar dalam www.bharian.com.my).

Lantaran itu, perubahan dalam pelaksanaan metodologi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian atau secara maya dalam menghadapi ujian pandemik ini, secara tidak langsung telah mengubah tradisi keilmuan pengajian Islam terutama bidang al-Quran yang amat sinonim dengan metode talaqqi dan musyafahah menyebabkan wujudnya satu situasi yang agak baharu dalam suasana pengajaran dan pembelajaran kerana kurang penglibatan sentuhan kemanusiaan. Perubahan ini merupakan suatu cabaran terhadap para pelajar dalam bidang pengajian Islam dan akan memberi kesan samada positif atau negatif kepada mereka daripada segala aspek terutama aspek emosi ditambah dengan kekangan-kekangan lain seperti kemudahan infrastruktur serta akses kepada capaian internet. (Hari Kesihatan Mental Sedunia 2019: Promosi kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri, www.astroawani.com).

Walaupun Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa apabila seseorang merasa sedih, stress, takut, keliru serta marah ketika mendepani cabaran pandemic covid 19 adalah situasi normal (Coping with Stress, www.who.int/docs/default-source/coronaviruse).

Bahkan jika dilihat dalam Akta Pendidikan pada tahun 1996 telah mendefinisikan kurikulum sebagai suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid daripada segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan. (Ab Rahim Selamat, 2005). Justeru itu, artikel ini dikongsikan untuk mengkaji punca serta simptom stress dalam kalangan para pelajar institusi pengajian tinggi di USIM dan KUIS secara perbandingan ketika pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam era covid 19. Apakah pendidikan al-Quran berjaya melahirkan para pelajar yang kompeten dan seimbang dalam pembentukan rohani dan jasmani atau kerapuhan ini berpunca daripada faktor-faktor luaran.

Definisi Dan Simptom-Simptom Stres

Stres atau tekanan adalah tindak balas fizikal, emosi dan mental seseorang terhadap sebarang perubahan atau tuntutan. (Pengurusan Stres, www.myhealth.gov.my). Stres adalah suatu peristiwa atau pengalaman yang negatif sebagai sesuatu yang mengancam, ataupun membahayakan dan individu yang berasal dari situasi yang bersumber pada sistem biologis, psikologis dan sosial dari seseorang. Sehubungan dengan itu, definisi stres mempunyai pelbagai pengertian bergantung kepada individu atau sesuatu keadaan. (C Duri Kartika, 2015 eprints.ums.).

Setiap individu pasti akan mengalami stress, tidak kira peringkat umur, jantina dan sebagainya. Stres memberi impak yang positif dan negatif, yang menjadi masalah sekiranya mengalami tahap stress yang melampau.

Namun simptom-simptom stress suatu fitrah semula jadi kemanusiaan yang perlu ditangani dengan bijak dan bertimbang rasa. (Noor Farah Izziyanti Binti Abu, Rahim. www.academia.edu). Menurut Lin dan Huang (2014) sekiranya seseorang mengalami tahap stress yang tinggi akan membahayakan diri mereka sendiri termasuk pelajar. Malahan hasil

kajian menunjukkan bahawa mahasiswa yang mengalami stres akan menunjukkan penurunan dalam kualiti akademik mereka, tahap kualiti kesihatan menjadi buruk, depresi dan gangguan tidur (Nasib Tua Lumban Gaol, 2016).

Hasil kajian tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 mendapati 29.2 peratus rakyat Malaysia mengalami tekanan atau masalah kesihatan mental. Ini bermaksud, tiga daripada 10 individu berusia 16 tahun ke atas mempunyai masalah kesihatan mental di mana wanita menunjukkan kadar yang sedikit tinggi berbanding lelaki. Jika dilihat mengikut negeri, Sabah mencatatkan kadar tertinggi dengan 42.9 peratus penduduknya didapati mengalami tekanan atau masalah kesihatan mental berbanding 39.8 peratus di Kuala Lumpur dan 39.1 peratus di Kelantan. Di kalangan kanak-kanak juga menunjukkan kadar yang membimbangkan iaitu sebanyak 12.1 peratus. Ia menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tinjauan sebelumnya.

Menurut Kementerian Kesihatan definisi stress ialah tindak balas fizikal, emosi dan mental seseorang terhadap sebarang perubahan atau tuntutan. Simptom stres terbahagi kepada empat iaitu fizikal, psikologikal, gangguan fikiran dan tingkah laku. (Pengurusan Stres, www.myhealth.gov.my). Simptom-simptom stres daripada aspek fizikal ialah gementar, berpeluh, rasa seram sejuk, tangan dan kaki rasa sejuk, sakit kepala atau rasa mual, bernafas laju, kering mulut, kerap buang air kecil, kerap buang air besar, cirit birit, kurang selera makan, mudah dapat serangan penyakit seperti asma, sakit belakang badan, masalah penghadaman, sakit kepala, gatal-gatal, masalah hubungan kelamin contoh kurang minat melakukan hubungan seksual, sakit-sakit badan, cepat letih. Manakala daripada aspek psikologikal seperti kebimbangan, keliru dan kurang daya tumpuan, sukar kawalan diri, perubahan emosi seperti tekanan perasaan, kekecewaan, mewujudkan permusuhan, rasa tak berdaya, Kurang sabar dan cepat marah, lemah semangat, susah nak tidur, mudah terpengaruh mengambil bahan yang terlarang seperti dadah dan arak (ibid).

Daripada aspek gangguan fikiran seperti sukar membuat keputusan, kurang minat terhadap aktiviti harian, tidak merasa tercabar terhadap situasi yang sukar, pemikiran positif terganggu disebabkan sering berfikiran negatif, kurang memberi perhatian, hilang keyakinan diri, hilang tumpuan, penurunan kekuatan mental dalam menghadapi perasaan bingung, takut, kecewa dan cepat marah. Bahkan daripada aspek tingkah laku seperti bercakap dengan cepat dan kuat, menguap, suka gigit jari, mengetap bibir, kerap mengerakkan jari, letih, perasaan yang negatif seperti mudah tersinggung, terlalu bergantung kepada orang lain, suka memberi komen dan kritik orang lain, boleh bertindak ganas, bertindak secara tidak logik, bertindak keterlaluan dan terlalu beremosi kurang kecekapan diri seperti mudah lupa, selalu membuat kesilapan, sering terlibat kemalangan, kurang produktiviti kerja, menindakkan keupayaan diri sendiri (ibid).

Hasil kajian menunjukkan bahawa stres boleh menyebabkan penyebab penyakit seperti penyakit kardiovaskular, hipertensi, kanser, penyakit kulit, infeksi, penyakit metabolik dan hormon, serta lain sebagainya. Bahkan simptom-simptom stress yang melampau akan memberi implikasi kepada tubuh badan seperti tanda mudah lelah, sakit kepala, hilang nafsu, mudah lupa, bingung, gugup, kehilangan nafsu seksual, kelainan pencernaan dan tekanan darah tinggi. (Musradinur, 2016).

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Pharmjit Singh dan Chan Yuen Fook (2010) menyatakan bahawa penyelidikan ini adalah sejenis penyelidikan kuantitatif yang membuat deskriptif teliti tentang fenomena pendidikan. Bahkan menurut Mohd Majid (1990) penyelidikan deskriptif adalah satu bentuk penyelidikan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat dan menerangkan apa yang sedang berlaku. Penyelidik memilih reka bentuk kajian deskriptif kerana dapat memberikan perihal fenomena dan keadaan simptom stres yang dialami responden yang mempunyai

pelbagai aspek. Sidek Mohd Noah (2002) Tujuan kajian deskriptif dijalankan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat Metodologi yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada dua iaitu sample serta metod pengumpulan dan instrumen.

Sample Dan Metod Pengumpulan Data

Sample adalah sekumpulan kecil unsur yang telah diambil daripada satu rangka persampelan. Sample juga mewakili sesuatu populasi dalam sebarang tinjauan di mana tinjauan ini bertujuan untuk membuat kesimpulan mengenai populasi berdasarkan maklumat yang terkandung dalam sample. (Ahmad Mahdzan Ayob, 1983). Pengkaji memilih semua pelajar dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan Kepujian, USIM disebabkan jumlahnya sedikit, sebanyak 46 set soal selidik telah diedarkan semua pelajar tahun dua tetapi hanya 33 set soal selidik sahaja berjaya dikembalikan. Manakala bagi responden dalam kalangan Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat, KUIS hanya 27 set sahaja soal selidik yang berjaya dijawab iaitu 10% sahaja dengan menggunakan persampelan secara rawak mudah. Persampelan ini dipilih berdasarkan populasi yang mempunyai ciri-ciri serupa. (Lay Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon, 2013). Justifikasi pemilihan kerana mereka dalam bidang pengkhususan tahfiz al-Quran dan merupakan golongan yang selalu berdamping dengan kalam Allah.

Menurut teori L. Gay (1992) bahawa minimum sample bagi sesuatu kajian adalah berdasarkan kepada bentuk kajian yang dilakukan. Bagi kajian deskriptif, minimum sample adalah 10% daripada jumlah populasi, 20% bagi jumlah yang lebih kecil dan kajian kolerasi sekurang-kurangnya 30%. Pengkaji menggunakan metod pengkajian perpustakaan, metod dokumentasi serta metod tinjauan dalam pengumpulan data.

Instrumen

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik yang dibina dengan lima bahagian konstruk iaitu Bahagian A merangkumi soalan berkaitan data demografi responden. Bahagian B berkaitan simptom stress daripada aspek fizikal, bahagian C simptom stress daripada aspek psikologikal, bahagian D simptom stress daripada aspek gangguan fikiran dan bahagian E simptom stress daripada aspek tingkah laku. Pengkaji memilih penggunaan lima skor skala likert (Tidak Pernah=1), (Kadang-kadang=2), (Tidak Pasti=3), (Kerap=4) dan [Sangat Kerap=5] dalam kajian ini. (Mohd Majid Konting, 1990)

Manakala tahap stress yang dialami oleh pelajar dinilai berdasarkan skor min dengan tiga tahap interpretasi iaitu (3.80-5.00=Stres Tinggi), (2.40-3.79= Stres Sederhana) dan (1.00-2.39=Stres Rendah). (Wiersme, 1995 dalam Mohamad Zaid Mustafa et al.)

Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian ini merangkumi lima bahagian iaitu bahagian A berkaitan demografi pelajar dan bahagian B, C dan D berkaitan simptom-simptom stres yang dialami oleh responden daripada aspek fizikal, psikologikal, gangguan fikiran dan tingkah laku

Dapatan kajian A menjelaskan item-item berkaitan demografi pelajar yang meliputi maklumat jantina, umur, kawasan tempat tinggal, bilangan adik beradik, pekerjaan ibubapa dan kumpulan pengkelasan pendapatan.

Sebanyak 70% responden dalam bidang pengkhususan program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan Kepujian, USIM yang berjaya menjawab soal selidik kepada pengkaji berbanding dengan 10% sahaja dalam kalangan program Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat, KUIS.

Manakala aspek jantina, bilangan pelajar perempuan (63.6%) mengatasi bilangan pelajar lelaki (36.4%) di USIM berbanding bilangan pelajar perempuan (59.3%) juga melebihi pelajar lelaki (40.7%) di KUIS. Daripada aspek umur, di USIM majoriti berusia 22 tahun (82.0%), 23 tahun (9.0%), 21 tahun (6.0%) dan 25 tahun (3.0%). Data daripada responden KUIS mencatatkan majoriti kalangan mereka berusia 22 tahun (77.8%), 23 tahun (11.1%), 21 tahun (7.4%) dan 25 tahun (3.7%). Sebanyak (66.7%) responden mendiami kawasan luar bandar berbanding (33.3%) di kawasan bandar di USIM berbanding di KUIS pula sebanyak (66.7%) responden mendiami kawasan luar bandar dan (33.3%) di kawasan bandar.

Begitu juga daripada aspek bilangan adik beradik di USIM memaparkan (50.0%) mempunyai adik beradik seramai empat hingga enam orang, diikuti dengan peratusan yang sama iaitu (18.2%) bagi bilangan adik beradik satu hingga tiga dan seramai tujuh hingga sembilan orang, hanya (6.0%) sahaja yang mempunyai bilangan adik beradik antara sepuluh dan dua belas orang. KUIS mencatatkan (51.9%) mempunyai adik beradik seramai empat hingga enam orang, diikuti dengan (22.2%) yang mempunyai bilangan adik beradik seramai 7 hingga 9 orang, (18.5%) seramai 1 hingga 3 orang dan (7.4%) seramai 10 hingga 12 orang.

Daripada aspek pekerjaan kedua ibubapa (USIM) pula menunjukkan 57.6% ibubapa mempunyai kerjaya berbanding (42.4%) tidak bekerja. Manakala KUIS mencatatkan (51.9%) bagi ibubapa mempunyai kerjaya daripada (48.1%) bagi yang tiada. Sebanyak (51.5%) responden berada di tahap B40 dalam pengkelasan pendapatan seisi rumah, diikuti dengan (30.3%) di M40 dan 18.2% di T20 dalam kalangan responden USIM. (44.5%) di tahap B40. (33.3%) di tahap M40 dan T20 sebanyak (22.2%) di KUIS.

Analisis Simptom Stres Dalam Aspek Fizikal

Min keseluruhan daripada jumlah skor min, sisihan piawian dan interpretasi tahap stres dari aspek fizikal dalam kalangan responden pelajar USIM berada di tahap stres sederhana (min=2.81) berbanding dengan pelajar KUIS berada di tahap rendah (min=2.11).

Hasil dapatan responden USIM bagi item mengalami kulit gatal-gatal dilihat berada di tahap tinggi (min 3.90) berbanding lapan item simptom-simptom lain berada di tahap sederhana iaitu antara min 3.75 hingga 2.51 bagi item-item seperti kerap buang air besar/kecil (min=3.75), sakit belakang badan (min=3.69), sakit badan (min=3.66), cirit birit (min=3.00), cepat letih (min=3.18), sukar tidur (min=2.87), jantung berdebar-debar (min=2.60) dan bernafas laju (min=2.51). Manakala item-item lain berada dalam tahap stres rendah antara min 2.39 hingga min 1.90 iaitu gementar (min=2.39), sakit kepala (min=2.27), masalah penghadaman (min=2.21), (min=2.15) pada dua item iaitu muntah atau loya serta kurang selera makan dan kering mulut (min=1.90).

Manakala bagi responden kalangan KUIS, tiada item yang berada di tahap tinggi, cuma tiga item berada di tahap sederhana iaitu jantung berdebar-debar (min=2.74), dan (min=2.48) pada dua item iaitu bernafas laju dan kurang selera makan. Manakala item-item lain berada di tahap stress rendah iaitu antara min 2.33 hingga min 1.59 iaitu (min=2.33) pada item sakit kepala dan item sakit badan, gementar (min=2.29), sukar tidur (min=2.14), cepat letih (min=2.11), muntah atau loya (min=2.07), gatal-gatal (min=1.92), sakit belakang badan (min=1.88), cirit birit (min=1.85), kering mulut (min=1.81), kerap buang air besar/kecil (min=1.74) dan masalah penghadaman (min=1.59).

Analisis Simptom Stres Dalam Aspek Psikologikal

Keseluruhan dapatan kajian analisis tahap stres dari aspek psikologikal menunjukkan min keseluruhan tahap stres sederhana (min=3.48) berbanding dengan pelajar KUIS berada di tahap rendah (min=2.14).

Namun bagi item gelisah (min 3.87) dan cepat marah (min=3.81) berada di tahap tinggi berbanding dua belas simptom-simptom lain yang dialami mereka berada di tahap sederhana iaitu antara min 3.72 hingga 3.24 bagi item-item mudah lupa (min=3.72), kurang daya tumpuan (min=3.66), lemah semangat (min=3.57), mewujudkan permusuhan(min=3.48), bimbang (min=3.72), resah (min=3.42), mudah terpengaruh mengambil bahan yang terlarang seperti dadah dan arak (min=3.36), rendah diri (min=3.36), sukar kawal diri (min=3.33), takut gagal (min=3.30) serta (min=3.24) pada dua item bosan dan kecewa. Tiada item berada di tahap stres rendah.

Manakala bagi responden dalam kalangan KUIS, tiada item berada di tahap tinggi tetapi terdapat tujuh item berada di tahap sederhana iaitu antara min=2.81 hingga min=2.51 iaitu item resah (min=2.81), bosan (min=2.70), kecewa (min=2.66), takut gagal (min=2.66), (min=2.51) pada item mudah lupa serta lemah semangat dan rendah diri (min=2.40). Bahkan terdapat enam item berada di tahap rendah antara min=2.29 hingga min=1.92 iaitu item kurang daya tumpuan (min=2.29), (min=2.25) pada item bimbang dan mewujudkan permusuhan, cepat marah (min=2.22), mudah terpengaruh mengambil bahan yang terlarang seperti dadah dan arak (min=2.18), dan sukar kawal diri (min=1.92).

Analisis Simptom Stres Dalam Aspek Gangguan Fikiran

Keseluruhan jumlah skor min tahap stres daripada aspek gangguan fikiran responden USIM berada di tahap sederhana (min=3.23) berbanding dalam kalangan responden KUIS iaitu (min=2.20) berada di tahap stres rendah.

Data dalam kalangan pelajar USIM mencatatkan tiada item berada di tahap stres rendah. Namun bagi item hilang tumpuan berada di tahap tinggi (min 3.87) berbanding tujuh simptom-simptom lain yang dialami mereka berada di tahap sederhana iaitu antara (min 3.27 hingga 3.01) bagi item-item kekuatan mental menjadi lemah (min=3.27), kurang minat terhadap aktiviti harian (min=3.21), sering berfikiran negatif (min=3.18), tidak merasa tercabar terhadap situasi yang sukar, hilang keyakinan diri (min=3.15), sukar membuat keputusan dan kurang memberi (min=3.03) .

Manakala hasil dapatan pelajar KUIS menunjukkan tiada item di tahap tinggi, bahkan terdapat lima item berada di tahap sederhana antara min=2.55 hingga min=2.44. Terdapat dua item mempunyai min yang sama iaitu (min=2.55) pada item kekuatan mental menjadi lemah serta hilang tumpuan, hilang keyakinan diri (min=2.48), tidak merasa tercabar terhadap situasi yang sukar (min=3.15) dan sering berfikiran negatif (min=2.44). Tiga item berada di tahap rendah iaitu antara min=2.00 hingga min=1.25 pada item sukar membuat keputusan (min=2.00), kurang memberi perhatian(min=1.92) dan kurang minat terhadap aktiviti harian (min=1.25).

Analisis Simptom Stres Aspek Tingkah Laku

Keseluruhan jumlah skor min tahap stres dalam kalangan responden USIM daripada aspek gangguan fikiran berada di tahap stres sederhana (min=3.77) berbanding (min=2.09) di tahap rendah dalam kalangan reponden KUIS.

Hasil dapatan dalam kalangan responden USIM, tiada item berada di tahap stres rendah. Namun terdapat tujuh item berada di tahap stres yang tinggi iaitu antara min 4.00 hingga 3.81, item bertindak secara tidak logik (min=4.00) merupakan simptom stres yang

tertinggi diikuti dengan item bertindak keterlaluan dan terlalu beremosi (min=3.93), (min=3.90) pada item selalu membuat kesilapan, item terlalu bergantung kepada orang lain serta item menguap, menidakkan keupayaan diri sendiri (min=3.87) dan suka gigit jari, mengetap bibir, kerap mengerakkan jari, letih (min=3.81).

Manakala enam item lagi berada di tahap sederhana iaitu antara min 3.72 hingga 3.36. Manakala item sering terlibat kemalangan serta kurang produktiviti kerja (min=3.72), boleh bertindak ganas (min=3.69), suka memberi komen dan kritik orang lain (min=3.66), bercakap dengan cepat dan kuat (min=3.57) dan mudah tersinggung (3.36).

Daripada aspek responden KUIS, tiada item berada di tahap tinggi, hanya empat item mencatatkan tahap stres sederhana iaitu antara (min=2.77) hingga (min=2.40) iaitu suka memberi komen dan kritik orang lain (min=2.77), mudah tersinggung (min=2.51), bercakap dengan cepat dan kuat serta menguap (min=2.40). Baki kesemua item berada di tahap rendah iaitu antara (min=2.25) hingga (min=1.48) iaitu kurang produktiviti kerja (min=2.25), bertindak secara tidak logik (min=2.14), boleh bertindak ganas (min=2.03), suka gigit jarim mengetap bibir, kerap mengerakkan jari, letih (min=2.00), selalu membuat kesilapan (min=1.96), sering terlibat kemalangan (min=1.92), terlalu bergantung kepada orang lain (min=1.70), bertindak keterlaluan dan terlalu beremosi (min=1.66) serta menidakkan keupayaan diri sendiri (1.48).

Perbincangan

Dapatan kajian berkaitan latar belakang pelajar kedua-dua institusi mencatatkan jumlah pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki dan majoriti pelajar berusia 22 tahun. Usia ini disokong dengan antara syarat-syarat kemasukan pelajar bagi program ini adalah pelajar lepasan Diploma Tahfiz al-Quran atau mempunyai sijil hafazan 30 juzuk sebagai pengkhususan bidang qiraat. (Dokumen Fail Kemasukan Pelajar, Peng. Qiraat, Usim. 2019).

Bahkan, hampir sebahagian besar daripada mereka tinggal di kawasan luar bandar. Kebanyakan mereka mempunyai bilangan adik beradik antara empat hingga enam orang. Sebahagian besar ibu bapa responden bekerjaya. Malahan majoriti dalam kalangan mereka berada di tahap B40 dalam pendapatan seisi rumah. Ini boleh menyumbang faktor-faktor permasalahan stres. Sebagaimana hasil kajian (Keluarga B40 Tekanan dan Kekuatan B40, www.researchgate.net/publication) menunjukkan bahawa tiga tema tekanan telah dikenal pasti berlaku dalam kalangan keluarga B40 iaitu tekanan ekonomi, tekanan emosi dan tekanan keibubapaan.

Berdasarkan analisis keseluruhan yang telah dikemukakan oleh responden menunjukkan simptom-simptom stress yang dihadapi para pelajar dua institusi berada di tahap yang berbeza. Bagi responden USIM menunjukkan tahap simptom stress mereka berada di tahap sederhana (min=3.32) dengan mencatatkan ketiga-tiga konstruk iaitu aspek psikologikal min=3.48, aspek gangguan fikiran min=3.23 dan aspek fizikal min=2.81 berada di tahap sederhana tetapi konstruk simptom stress dalam aspek tingkah laku berada di tahap tinggi (min=dengan item-item bertindak secara tidak logik, bertindak keterlaluan dan terlalu beremosi, selalu membuat kesilapan, terlalu bergantung kepada orang lain, menguap, menidakkan keupayaan diri sendiri dan suka gigit jari, mengetap bibir, kerap mengerakkan jari, letih berada di tahap tinggi).

Manakala bagi responden KUIS mencatatkan analisis keseluruhannya (min=2.13) berada di tahap rendah dengan hasil semua konstruk berada di tahap rendah iaitu aspek gangguan fikiran min=2.20, aspek psikologikal min=2.14, aspek fizikal min=2.11 dan aspek tingkah min 2.09. Namun jika dilihat perbandingan kepada item-item yang berada di tahap tinggi dalam kalangan responden USIM, hasil dapatan para pelajar KUIS menunjukkan hanya satu item yang sama tetapi berada di tahap sederhana iaitu menguap ditambah dengan tiga item lain yang mempunyai tahap yang sama dalam kalangan pelajar USIM dan KUIS

iaitu suka memberi komen dan kritik orang lain, mudah tersinggung, bercakap dengan cepat dan kuat serta.

Justeru itu kestabilan emosi manusia adalah berbeza, oleh itu setiap individu perlu mengenali, memahami emosi mereka untuk menyeimbangkannya dan mengawal diri supaya mampu berfikir dan bertindak tanpa pengaruh emosi. (Mizan Adiliah etal, 2011).

Walaupun terdapat perbezaan yang agak ketara antara dua institusi, tetapi stres yang berada di tahap rendah juga perlu diberi perhatian kerana stres merupakan tindak balas atau tingkah laku terhadap sesuatu perkara yang akan mendatangkan impak dan kesan dalam pembelajaran serta tahap pencapaian pelajar. Bahkan stres yang sederhana memberi impak yang amat positif dalam kehidupan kerana ia berkait rapat dengan dorongan untuk peningkatan. Abd Rahman etal (2009) menyatakan bahawa stress telah dikenal pasti sebagai punca kepada hampir semua masalah yang wujud dan keclaruan psikologi. Stres sering dikaitkan dengan pembelajaran. Stress yang sederhana boleh menjadi suatu bentuk dorongan yang kuat.

Apabila mengalami stres rendah, hasil kerjanya juga rendah kerana kurangnya motivasi dan tumpuan kepada kerja. Dan begitu sebaliknya apabila stres berada di peringkat tinggi, seseorang itu akan mengalami tekanan dan menunjukkan tanda-tanda stress. Manakala stres di peringkat sederhana adalah yang paling baik kerana ia akan meningkatkan motivasi dan perkembangan hidup seseorang itu. (Pengurusan pelajar, www.kmj.matrik.edu.my). Namun stress merupakan fenomena yang kompleks mempengaruhi seseorang, bukan sahaja fizikal badannya tetapi melibatkan faktor yang segelintirnya mungkin belum dikenal pasti oleh para cendekiawan dan penyelidik. (Sapora Sipon etal, 2013)

Kesimpulan

Hasil analisis kajian deskriptif ini menunjukkan bahawa simptom-simptom stress kedua-dua institusi berada di tahap yang berbeza. Responden daripada Ijazah Sarjana Muda Pengajian Qiraat USIM mencatatkan tahap stress mereka berada di tahap sederhana iaitu tahap yang normal dan masih berada dalam kawalan. Namun perlu diberi perhatian terhadap item-item yang berada di tahap tinggi. Manakala bagi responden daripada Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat, KUIS mencatatkan tahap yang rendah iaitu simptom-simptom stress mereka berada di tahap yang sedikit membimbangkan kerana ia memberi kesan dengan hasil pembelajaran. Namun hasil kajian daripada kedua-dua institusi menunjukkan para responden memiliki pergantungan yang kuat dengan Allah dan imej mereka sebagai Hamalah al-Quran terlakar jelas dengan keperibadian yang tinggi kerana mereka berjaya mengawal diri serta perasaan mereka supaya tidak terjerumus dengan tahap stress yang melampau.

Rujukan

Al-Quran

Ab Rahim Selamat 2005 Pengurusan Sekolah Bestari (Johor: Penerbit Badan Cemerlang Sdn Bhd.

Abd. Rahman Yaacob, Ros Aini Ibrahim, Majdi @ Abd Hadi Ishak Rashdan Rashid. Punca Stress Di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. [www.academia.edu/7105868/Punca STRESS di kalangan_pelajar](http://www.academia.edu/7105868/Punca_STRESS_di_kalangan_pelajar) (diakses pada 16 September 2020).

Abdul Halim Abdullah, COVID-19 buka mata warga pendidik, pelajar dalam <https://www.bharian.com.my/> (diakses pada 16 September 2020).

Ahmad Mahdzan Ayob, Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), 45.

- C Duri Kartika 2015 dalam talian [http://eprints.ums.ac.id/37501/6/BAB % 20II.pdf](http://eprints.ums.ac.id/37501/6/BAB%20II.pdf)
Coping with Stress, <https://www.who.int/docs/default-source/coronaviruse/coping-with-stress.pdf>
- Corona Virus dalam (<https://www.reuters.com/article/china-health-malaysia/malaysia-confirms-first-cases-of-coronavirus-infection->)
- Ferlis B. Bullare @ Bahari & Rathakrishnan Rosnah Ismail. 2009. Sumber Stres, Strategi Daya Tindak dan Stres Yang Dialami Pelajar Universiti. *Jurnal Kemanusiaan* bil.13, Jun 2009, 46-62.
- Garis Panduan Pengurusan dan Pembukaan Sekolah, <http://covid-19.moh.gov.my/> (diakses pada 27 September 2020).
- Keluarga B40 Tekanan dan Kekuatan B40 https://www.researchgate.net/publication/Keluarga_B40_Tekanan_dan_Kekuatan_B40_Family_Stress_and_Strength (diakses pada 27 September 2020).
- Hari Kesihatan Mental Sedunia 2019: Promosi kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri dicapai dalam talian <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hari-kesihatan-mental-sedunia-2019> (diakses pada 27 September 2020).
- Lay Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon 2013 Pengenalan kepada Pendekatan Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- L.Gay, *Educational Research: Competencies for Analysis and Application* (New York: Macmillan Publishing Company, 1992), 138.
- Maklumat Covid 19 dalam https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf/Aktiviti_minipakejancovid.pdf
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Wan Razali dan Hanit Osman. 2011. Kaunseling dalam Islam. Nilai: USIM.
- Mohamad Zaid Mustafa, Ali Suradin, Siti Sarah Muhammad, Ahmad Rizal Madar dan Abdul Rashid Razza. *Kajian Stres Dalam Kalangan Pelajar Wanita Program Sarjana Muda Kejuruteraan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*. mohamad_zaid_mustafa.ICTLHE.pdf (diakses pada 17 September 2020).
- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Cet. ke-3*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musradinur.2016. Stres dan Cara Mengatasinya. *Jurnal Edukasi* Vol 2, Nombor 2, July 2016, 183-200.
- Nasib Tua Lumban Gaol. 2016. Teori Stres: Stimulus, Respons, dan Transaksional dalam *Buletin Psikologi* 1, Vol. 24, No. 1, 1 – 11 dalam talian <https://jurnal.ugm.ac.id/bulletinpsikologi.pdf>. (diakses pada 17 September 2020).
- Noor Farah Iziyanti Binti Abu Rahim. Isu-isu dalam Pengajaran dan Pengalaman Guru : Stres Dalam Kalangan Guru dicapai dalam talian https://www.academia.edu/Isu_isu_dalam_Pengajaran_dan_Pengalaman_Guru_Stres_Dalam_Kalangan_Guru (diakses pada 19 September 2020).
- Panduan Menangani Stres. https://www.moh.gov.my/moh/6_Panduan_Menangani_Stres.pdf (diakses pada 16 September 2020).
- Pengurusan Stres Pelajar. <http://www.kmj.matrik.edu.my/mengenai-kami/jabatan-pengurusan-pelajar/> (diakses pada 17 September 2020).
- Pengurusan Stres dicapai dalam talian <http://www.myhealth.gov.my/pengurusan-stres/> (diakses pada 18 September 2020).
- Pharmjit Singh dan Chan Yuen Fook. 2010. *Panduan Komprehensif Penulisan Cadangan Penyelidikan*. Shah Alam: UPENA, UTM.
- Sapora Sipon, Khatijah Othman & Athman Abdul Rahman. 2013. *Stres, Punca, teori dan Pengurusan Efektif*. Nilai: USIM
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis* Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Statistik Covid19 <http://covid-19.moh.gov.my/terkini>).

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2020. Soal Jawab Fiqh Covid 19 Edisi Kemas Kini. Putrajaya:
Pejabat Menteri Agama, Jabatan Pedana Menteri.

